

**PEMIKIRAN SHAYKH ‘ABDULLAH ‘ARIF TENTANG DOKTRIN
NUR MUHAMMAD DALAM KITAB BAHR AL-LAHUT**

AMIN CHE AHMAT

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITY OF MALAYA
KUALA LUMPUR**

2012

**PEMIKIRAN SHAYKH ‘ABDULLAH ‘ARIF TENTANG DOKTRIN
NUR MUHAMMAD DALAM KITAB BAHR AL-LAHUT**

AMIN CHE AHMAT

**DISSERTATION SUBMITTED IN FULFILMENT OF THE
REQUIREMENTS FOR THE DEGREE OF MASTER OF USULUDDIN**

**ACADEMY OF ISLAMIC STUDIES
UNIVERSITY OF MALAYA
KUALA LUMPUR**

2012

ABSTRAK

Disertasi ini dikemukakan untuk menganalisis pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif mengenai doktrin Nur Muhammad dalam karyanya *Baḥr al-Lāhūt*. Keseluruhannya kajian ini menggunakan metode kajian perpustakaan (*library research*). Terdapat enam bab yang dibincangkan, bermula dengan bab pertama menghuraikan mengenai pengenalan kepada keseluruhan kajian yang akan dijalankan serta objektif yang ingin dicapai. Bab kedua pula membincangkan mengenai ketokohan Shaykh `Abdullāh `Ārif dan manuskripnya *Baḥr al-Lāhūt*. Bab ketiga penyelidikan pula tertumpu kepada usaha melakukan suntingan ilmiah dan menterjemah teks baru suntingan *Baḥr al-Lāhūt*. Bab keempat merupakan bab yang menghuraikan mengenai landasan teori kajian merangkumi perbincangan tentang doktrin Nur Muhammad dalam Tasawuf, beserta dalil-dalil daripada al-Qur`ān dan al-Hadith, pandangan pro dan kontra mengenai Nur Muhammad, dan turut dibahaskan berkenaan doktrin Martabat Tujuh. Manakala, bab kelima mengandungi analisis keseluruhan pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif daripada karyanya *Baḥr al-Lāhūt* mengenai Nur Muhammad. Kemudian, kajian ini diakhiri dengan bab penutup yang mengandungi rumusan dapatan hasil kajian dan saranan. Kesimpulannya, hasil kajian mendapati pandangan beliau mengandungi perbincangan konsep kejadian alam yang menekankan makhluk terawal dijadikan oleh Allah S.W.T adalah Nur Muhammad dan daripadanya keseluruhan makhluk lain dijadikan.

ABSTRACT

This dissertation is put forth in order to analyze the thought of Shaykh `Abdullāh `Ārif on the doctrine of Nur Muhammad in his work *Baḥr al-Lāhūt*. Overall this study adopted the method of library research. Six chapters are being discussed in this research. The first chapter describes the introduction to the entire study performed and objectives intended to be achieved. The second chapter discusses the stature of Shaykh `Abdullāh `Ārif and *Baḥr al-Lāhūt* manuscript. The third chapter discusses on the effort on knowledge editing and translating new text edited on *Baḥr al-Lāhūt*. The fourth chapter elaborates on the theoretical framework of the study, which includes a discussion on the doctrine of Nur Muhammad in Tasawuf, in conjunction with the evidence from the al-Qur'an and the al-Hadith, pro and contra views on Nur Muhammad, and the doctrine of Martabat Tujuh. Meanwhile, the fifth chapter contains the analysis of the whole thought of Shaykh `Abdullāh `Ārif from his work *Baḥr al-Lāhūt* on Nur Muhammad. Finally, this research ended with a concluding chapter containing the summary of the research findings and suggestions. To conclude, the results showed that Shaykh `Abdullah `Arif's views contain a discussion on natural creation.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T, Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, dan selawat serta salam buat kekasih-Nya, Nabi Muhammad s.a.w. Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah Yang Maha Mengetahui kerana dengan ‘inayah serta petunjuk darinya, pengkaji akhirnya diberi keizinan untuk menyiapkan disertasi bertajuk **Pemikiran Shaykh `Abdullah `Arif Tentang Doktrin Nur Muhammad Dalam Kitab Bahr Al-Lahut.** Dalam kesempatan ini, pengkaji ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sepanjang pengajian penulis, antaranya ialah :

- a) Pertama, ribuan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia penulis iaitu Prof. Madya Dr. Che Zarrina bt. Sa`ari. Tanpa tunjuk ajar, nasihat, bimbingan, dan teguran yang membina dari beliau, nescaya disertasi ini tidak dapat disiapkan kerana kurangannya pengalaman dan pengetahuan penulis. Juga tidak dilupakan kepada Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam (JAPI), Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi Hamat. Begitu juga kepada semua pensyarah JAPI yang pernah mendidik penulis seperti Prof. Madya Dr. Mohd Kamil b. Abdul Majid, Dr. Faizuri b. Abdul Latif, Prof. Madya Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah, Prof. Madya Dr. Khadijah Mohd Hambali@Hambali, Prof Madya Dr. Mohd Fakhruddin Abdul Mukti, Prof. Madya Dr. Wan Zailan Kamarudin, Dr Ahmad Zuhdi Ismail, Dr. Wan Adli Wan Ramli. Tidak dilupakan juga kepada kakitangan JAPI, Puan Norhaslinda Md Arif.
- b) Kedua, jutaan terima kasih kepada ayah dan ibu tercinta, Hj Che Ahmat b. Awang Kechik dan Hjh Halimah bt. Abu, jasa yang dicurahkan dan dikorbankan kalian berdua kepada anakanda sama ada berbentuk spiritual dan material tidak mampu dibalas. Kata-kata

nasihat yang tidak lekang dibibir dari bonda berdua telah menyuntik hati anakanda menggagahi untuk menyempurkan pengajian ini. Tidak dilupakan juga kepada isteri Izatul Akmar bt Ismail yang banyak memahami dan membantu suamimu. Kelahiran Muhammad al Fateh b. Amin memberi semangat baru dalam keluarga. Tidak lupa juga buat kedua-dua mertua, Ismail b. Ahmad dan Normah bt. Abd. Ghani yang banyak memahami pengorbanan keperluan dan tuntutan masa anakanda sebagai seorang pelajar. Begitu juga buat abang dan kakakku sekalian, Yusri, Fisol, Zarifah, Salina dan seluruh ahli kelurga yang lain terima kasih atas semua pertolongan yang diberikan.

- c) Terima kasih juga diucapkan kepada pihak pentadbiran Uni. Malaya dan APIUM yang memberikan tajaan biasiswa SBUM dan geran penyelidikan IPPP sepanjang kajian dijalankan. Begitu juga kepada kakitangan Perpustakaan UM memberi kerjasama yang baik sepanjang pengkaji menggunakan kemudahan perpustakaan.
- d) Akhir sekali, juga diucapkan ribuan terima kasih kepada teman seperjuangan seperti Dr Anuar Mamat, Sobri, Basri, Hasrol, Syarifah Basirah, Sarah, Mohd Saiful Anuar, Ridhuan Hashim, Affifudin, Taqiuddin, al-Hafiz, Yusra, Tasyriq, Zulzaidi dan ramai lagi atas pertolongan, tunjuk ajar, dan kata-kata pembakar semangat dari kalian. Begitu juga diucapkan kepada Zahirudin, Fadhly al-Shazily, Ust Rosli al-Banjari, Ust Mansor Ibrahim, Chon dan lain-lain yang banyak membantu. Semoga Allah memudahkan urusan dan dimurahkan rezeki kesemua di atas serta mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat, hanya Allah saja yang layak membalaunya. Sekian, terima kasih.

AMIN BIN HAJI CHE AHMAT

Lot 1551, Kg. Kiew
06400, Pokok Sena
Kedah, Darul Aman.

E-mail: amin.che.ahmat10@gmail.com.

PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut¹ :

i. Huruf konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	alif	a / ’
ب	bā’	b
ت	tā’	t
ث	thā’	th
ج	jīm	j
ه	hā’	h
خ	khā’	kh
د	dāl	d
ذ	dhāl	dh
ر	rā’	r
ز	zay	z
س	sīn	s
ش	shīn	Sh
ص	ṣād	ṣ
ض	ḍād	D
ط	ṭā’	T
ظ	ẓā’	Z
ع	‘ayn	‘/c
غ	ghayn	Gh
ف	fā’	F
ق	qāf	Q
ك	kāf	K
ل	lām	L

¹ Lihat Jawatan kuasa Tetap Bahasa Melayu (1992), *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka ; Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam. (2001), Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

م	<i>mīm</i>	m
ن	<i>nūn</i>	n
و	<i>waw</i>	w
ه	<i>hā'</i>	h
ي	<i>yā'</i>	y
ة	<i>tā' marbūtah</i>	h

ii. Huruf vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(fathah) ֲ	a
	(dammah) ֳ	u
	(kasrah) ִ	i
Panjang	ְ	ā
	ֻ	ū
	ֵ	ī
Diftong	ֹ	aw
	ָ	ay
	ַ	iy/i
	ֿ	uww

SENARAI KEPENDEKAN

&	Dan
a.s	`Alayhi al-salām
c.	Cetakan
ed.	Editor (penyunting)
eds.	Editors (penyunting-penyunting)
et.all	(Latin: et alii/alia) dan lain-lain yang melebihi dua
H	Hijrah
h.	Halaman
Ibid.,	(Latin : Ibidem) pada tempat, buku atau halaman yang sama
j.	Jilid
juz.	Juzuk
M	Masihi
op.cit	(Latin: Opera citato) dalam karya yang sudah dipetik
r.a	RađiyalLāh `anhu
r.ah.	RađiyalLāh `anhum
s.a.w	ŞallalLāhu `alayhi wasallam
S.W.T	Subhānahu wa ta`ālā
t.p	Tanpa penerbit
t.t	Tanpa tarikh
t.t.p	Tanpa tempat penerbit
terj.	Terjemahan
v.	Volum
Co	Company
Ltd	Limited

SENARAI JADUAL

Jadual 2.0 : Maklumat umum mengenai manuskrip <i>Baḥr al-Lāhūt</i> berdasarkan analisis fizikal oleh pengkaji yang terdapat di Universiti Leiden, Netherland.....	55
Jadual 2.1: <i>Maudu`</i> dan halaman bagi setiap yang manuskrip yang dihimpunkan bersama-sama dengan <i>Baḥr al-Lāhūt</i> bermula dari fragmen “A” hingga “U.....	59
Jadual 3.0 : Dapatan kajian teks salinan manuskrip <i>Baḥr al-Lāhūt</i>	80
Jadual 3.1 : Analisis Diskripsi Naskhah (﴿) nombor Or. 7022 (3).....	85
Jadual 3.2 : Analisis Diskripsi Naskhah (ﴽ), nombor Or. 7059 (3).....	86
Jadual 3.3 : Analisis Diskripsi Naskhah (﴾), bernombor Or. 7051 (1).....	87
Jadual 3.4 : Analisis Diskripsi Naskhah (﴿), bernombor Or. 8540 (1).....	88
Jadual 3.5 : Analisis Diskripsi Naskhah (ﴽ), nombor Or. 8541 (1).....	89
Jadual 3.6 : Analisis Diskripsi Naskhah (﴿), bernombor Or. 7531 (2).....	90
Jadual 3.7 : Analisis Diskripsi Naskhah (﴿), bernombor MSS 1314 (U).....	91
Jadual 3.8 : Analisis Diskripsi Naskhah (﴿), <i>Baḥr al-Dāhūt / Baḥr al-Lāhūt</i> terjemahan Bahasa Melayu tulisan Jawi.....	92
Jadual 3.9 : Simbol-simbol kaedah suntingan teks dan terjemahan <i>Baḥr al-Lāhūt</i>	93

SENARAI RAJAH

Rajah 3.0 : Kaedah Suntingan Manuskrip.....	75
Rajah 4.0 : Rumusan kedudukan Nur Muhammad dalam Martabat Tujuh berdasarkan perbincangan menurut Fadl Allah Burhanpuri, `Abd Samad al-Palembangi dan Muhammad Nafis Ibn Idris al-Banjari.....	161
Rajah 5.0 : Rajah di atas merupakan sinopsis keseluruhan kejadian ‘Ālam Kabir adalah berasal daripada Nur Muhammad iaitu seawal-awal kejadian dijadikan oleh Allah S.W.T	184

BAB PERTAMA : PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Secara umumnya pada bahagian pendahuluan, penulis akan membincangkan beberapa perkara asas dan dasar kerangka utama kepada kajian ilmiah ini. Bab pendahuluan merangkumi latar belakang masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, pengertian tajuk, skop kajian, sorotan kajian-kajian lepas, metodologi penyelidikan, kepentingan kajian, rangka penulisan, dan penutup. Bab ini akan membantu penulis menjalankan kajian dengan lebih tersusun dan jelas mengikut objektif kajian.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Konsep Nur Muhammad atau *Haqīqah Muḥammadiyyah* merupakan suatu wacana dalam jaringan ilmu Islam. Doktrin ini telah dibincangkan oleh para ulama dari pelbagai sudut dan dimensi disiplin ilmu seperti tasawuf, akidah, tafsir, dan hadith yang tertumpu kepada keistimewaan dan kelebihan Baginda Rasulullah s.a.w sebagai *Habibullah* dan *Rasulullah*. Al-Ḥallāj, Ibn ‘Arabī, dan al-Junayd merupakan antara tokoh muktabar Islam yang mendokong konsep Nur Muhammad dalam tasawuf¹.

Maruan Mohd Yusof menyatakan terdapat ayat al-Qur'an yang dijadikan sandaran dan hujah pendokong doktrin Nur Muhammad yang merujuk bahawa Baginda Rasulullah s.a.w merupakan *Nūr* yang diciptakan oleh Allah S.W.T untuk menyatakan kebenaran yang disembunyikan oleh kaum terdahulu iaitu para ahli kitab yang kufur dengan risalah para

¹ Mahayudin Yahya (2000), *Karya Klasik Melayu-Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 337.
1

nabi sebelum Nabi Muhammad s.a.w². Antara dalil yang dijadikan hujah Nur Muhammad tersebut seperti firman Allah S.W.T daripada surah al-Mā`idah di bawah. Menurut beliau lagi, ayat al-Qur`ān ini bukanlah menyatakan tentang kejadian Nabi Muhammad dari *Nūr*, mahupun *Nūr* Allah.

يَأَهْلَ الْكِتَبِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا مِمَّا كُنْتُمْ
 تُخْفِونَ مِنَ الْكِتَبِ وَيَعْفُوا عَنِ الْكَثِيرِ قَدْ جَاءَكُمْ مِنْ أَنَّهُ
 نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ

Terjemahan : (Wahai Ahli Kitab!, sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul kami (Muhammad s.a.w) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari keterangan-keterangan yang telah disembunyikan dari kitab Suci, dan Ia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan banyak perkara yang kamu sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad s.a.w) dari Allah SWT, dan sebuah kitab al-Qur`ānyang jelas nyata keterangannya).

(Surah *al-Mā`idah* : 15)

Nūr dalam ayat di atas telah disepakati oleh beberapa Mufassir seperti al-Imam al-Suyūtī³, Ibn Jarīr al-Tabārī⁴, al-Baghawī⁵, dan al-Burūšawī⁶, adalah merujuk kepada Rasulullah s.a.w yang berperanan dalam menjelaskan agama Islam dan menerangkan kebenaran dari Allah S.W.T.

² Maruan Mohd (2003), “Nur Muhammad : Suatu Kajian Mengenai Kepercayaan Masyarakat Islam di Negeri Kelantan”. Tesis Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur : Universiti Malaya. h. 91.

³ Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn Abd al-Rahmān Abi Bakr, Jalāl al-Dīn Muḥammad Aḥmad al-Muḥāllī (1996), *Tafsīr al-Qur`anal-Karīm bi Rasm al-Uthmānī wa Bihāmish Tafsīr al-Imāmayn al-Jalālayn*. Kaherah : Dar al-Hadīth. h. 139.

⁴ Al-Tabārī, Abī Ja`far Muhammad Jarīr (1992), *Tafsīr al-Tabārī al-Musammā Jāmi` al-Bayān fī Takwīl al-Qur`ān*, J.4, Lubnan : Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah. h. 502.

⁵ Al-Baghawī, Abī Muḥammad al-Ḥusayn Mas`ūd (1993), *Tafsīr al-Baghawī al-Musamma Ma `ālim al-Tanzīl*. Lubnan : Dar al-Kitab al-`Ilmiyah. h. 17.

⁶ Al-Burušawī, Ismā`il Ḥaqqa (t.t), *Tafsīr Rūḥ al-Bayān*. (t.t.p): Dar al-Fikr. h. 329.

Doktrin Nur Muhammad telah dijadikan suatu landasan ilmu serta perbahasan yang mendalam oleh umat Islam khususnya dalam perbahasan disiplin ilmu tasawuf. Doktrin ini sering dikaitkan dengan makhluk pertama yang dijadikan oleh Allah S.W.T. Ini kerana terdapat hadith daripada karya Imam al-Suyūṭī⁷, Ibn Abī Ḥātim dan Abū Nu`aym⁸, meriwayatkan sebuah Hadith Baginda s.a.w adalah makhluk terawal yang dijadikan oleh Allah S.W.T. Hadith tersebut seperti mana di bawah:

كنت أول النبئين في الخلق و آخرهم في البعث

Terjemahan : Aku terawal diciptakan di kalangan para nabi dan yang terakhir daripada mereka yang diutuskan.

Walau bagaimanapun, Mohamad Khalil Haras menyebut kedudukan Hadith dalam *Khaṣā'iṣ al-Kubrā* pada bab *Khuṣūṣiyah al-Nabī* s.a.w adalah tidak sahih dan mungkar⁹.

Dalam hal yang lain, Nur Muhammad dapat ditemui dalam *Mawlid al-Dibā'ī* yang dikarang oleh Shaykh Wali al-Muḥaddith `Abd al-Rahmān al-Dibā'ī yang dijadikan alunan selawat untuk menyatakan kecintaan umat Islam kepada Baginda Rasulullah s.a.w. dalam majlis sambutan Maulid Rasulullah s.a.w. Matan dalam *Mawlid al-Dibā'ī* disebut seperti berikut¹⁰:

يا جبريل ناد في سائر المخلوقات . من أهل الأرض و السموات، بالتهاني والبشارات،
فإن النور المصون، والسر المكتون، الذي أوجده قبل وجود الأشياء، وإبداع الأرض و
السماء.

⁷ Al-Suyūṭī, al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn `Abd al-Rahmān Abī Bakr (1967), *Al-Khaṣā'iṣ al-Kubrā aw Kifāyah al-Tālib al-Labīb fi Khaṣā'iṣ al-Habib*. j.1, (t.t.p) : Dār al-Kutub al-Ḥadīth. h. 9.

⁸ Al-Isbahānī, Abī Nu`aym b. Ahmad `Abd Allāh (1950), *Dalā'il al-Nubuwah*. c.2, India : Majlis Dā'irah al-Ma'rif al-'Uthmāniyyah. h. 12.

⁹ Al-Suyūṭī (1967), *op.cit.*, h. 9.

¹⁰ Abdul Rahman ad-Daibā'ī (t.t), *Kisah Maulid Nabi Sollallah alaih wa Sallam*. (t.t.p) : Percetakan Jazamas Sdn Bhd. h. 33.

Terjemahan : Wahai Jibril, serukanlah kepada seluruh makhluk di kalangan ahli-ahli bumi dan langit, dengan ucapan-ucapan tahniah dan khabar gembira, kerana sesungguhnya *Nūr* yang terpelihara, rahsia yang tertutup sekian lama, yang telah Aku wujudkan sebelum terjadinya sesuatu, dan sebelum Ku (Allah) ciptakan bumi dan langit.

Oleh yang demikian, didapati bahawa isu berkenaan Nur Muhammad didapati mempunyai dua pandangan yang berbeza yang menatijahkan sebahagian menerima dan sebahagian lain pula sebaliknya¹¹. Isu berkenaan Nur Muhammad sehingga kini menjadi suatu perdebatan dan wacana di kalangan para ilmuan beraliran Tradisional seperti Institusi Pondok dan Institusi Moden malah turut melibatkan pihak berkuasa Islam.

Umat Islam yang berada di Nusantara turut tidak ketinggalan dalam menerima pengaruh doktrin ini berikutan terdapat dalam karya-karya tasawuf seperti *al-Durr al-Nafīs*, *Asrār al-Ārifīn*, *Kashf al-Ghaybbiyah* dan lain-lain yang membolehkan mereka mempelajarinya. Di samping itu, terdapat juga karya lain yang lebih awal dari karya-karya tersebut telah dikarang untuk membincangkan berkenaan doktrin Nur Muhammad dan karya ini dikenali dengan nama *Baḥr al-Lāhūt* yang dikarang oleh Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif¹². Karya ini merupakan salah sebuah karya yang menjadi perintis kepada perkembangan ilmu Tasawuf di Nusantara dan pelopor kepada perkembangan ajaran berunsurkan doktrin Nur Muhammad¹³.

Atas dasar ini, pengarang karya iaitu Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif dan *Baḥr al-Lāhūt* telah dikaji oleh Mahayudin Yahya dalam *Naskah Jawi Sejarah dan Teks*. Beliau menghuraikan dalam kajiannya berkenaan Islam, tokoh-tokoh ulama di Nusantara, dan menghuraikan teori baru kedatangan Islam di Nusantara pada peringkat awal sekitar kurun

¹¹ Marwan Mohd Yusoff (2003), *Op.cit.*, h. 193 & 195.

¹² Wan Mohd Saghir (1999), *Penutup Perdebatan Islam Alaf kedua di Dunia Melayu*. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyyah h. 66.

¹³ Mahayudin Yahya (1994), *Naskah Jawi dan Sejarah dan Teks*. j.1, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 36.

pertama hijrah yang berpunca daripada pengaruh aliran Syi`ah khususnya dalam pengajaran Nur Muhammad, Faham Wujudiah, dan juga pengajaran kitab-kitab agama kepada masyarakat Melayu seperti karya *Baḥr al-Lāhūt*, karya *Durr al-Manzūm* oleh Abū Ishāq, karya *Umm al-Barāhin* oleh al-Sanūsī. Mahayudin Yahya juga telah menyenaraikan 11 nama tokoh ulama di Nusantara dan hanya melakukan kajian terhadap 4 orang sahaja iaitu Shaykh `Abdullāh `Ārif, Shaykh Nur al-Din al-Raniri, Shaykh Muhammad Arsyad al-Banjari, dan Syed Husain al-Qadri kerana mempunyai keistimewaan tersendiri dan mereka hidup pada zaman yang berbeza¹⁴. Namun pengkaji merasakan kajian terhadap salah seorang dari tokoh tersebut iaitu Shaykh `Abdullāh `Ārif dan karya *Baḥr al-Lāhūt* masih perlu dilakukan kerana maklumat yang telah diperolehi masih belum mencukupi. Di samping itu, analisis maklumat secara menyeluruh mengenai Shaykh `Abdullāh `Ārif, karyanya, dan pemikirannya tentang Nur Muhammad memerlukan kepada penelitian yang lebih menjurus dalam aspek kajian maklumat mengenai sejarah dan tasawuf.

Shaykh `Abdullāh `Ārif merupakan pendakwah dari Tanah Arab dan beliau berhijrah ke Nusantara bertujuan untuk menyebarkan Islam. Shaykh `Abdullāh `Ārif juga merupakan salah seorang ulama terawal menyebarkan fahaman doktrin Nur Muhammad yang berada dalam lingkungan tasawuf falsafah di Samudera sewaktu pemerintahan Maharaja Nur al-Din (1155 M - 1210 M)¹⁵.

Selain kajian mengenai Nur Muhammad, persoalan lain seperti pegangan akidahnya juga boleh dikaji untuk menambahkan maklumat kajian. Ini kerana, Mahayudin Haji Yahya dalam tulisan beliau bertajuk *Islam di Alam Melayu* menyatakan Shaykh `Abdullāh `Ārif merupakan orang yang bertanggungjawab menyebarkan doktrin Nur Muhammad yang

¹⁴ *Ibid.*; Lihat perbincangan lanjut mengenai kajian ini dalam sub-tajuk sorotan kajian-kajian lepas.

¹⁵ Abdul Rahman Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara, Sejarah dan Perkembangannya hingga abad ke-19*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 147.

mempunyai kosmologi dari Syi'ah melalui karya *Baḥr al-Lāhūt*¹⁶. Beliau menyatakan lagi Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif adalah orang yang pertama bertanggungjawab menyebarkan doktrin ini di rantau Melayu¹⁷. Perkara dan kenyataan ini merupakan suatu isu yang menarik kerana kemunculan permulaan pengajaran doktrin Nur Muhammad di Nusantara sering dijadikan persoalan.

Di samping itu, wacana lain yang melatari di sisi para sarjana Islam ialah karya *Baḥr al-Lāhūt* merupakan salah sebuah karya yang mendokong bukti kedatangan Islam di Nusantara melalui tasawuf. Ini menunjukkan, perkembangan Islam juga turut melibatkan sumbangan para ulama sufi yang berjaya menarik hati para pemerintah dan rakyat untuk menerima Islam sebagai agama baru di Alam Melayu¹⁸. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa ulama tasawuf menyumbang usaha yang besar dalam mengembangkan Islam serta mampu menonjolkan Islam sebagai agama yang membawa rahmat serta bersifat ‘ālamiyah.

Tuntasnya, kajian ini sangat signifikan untuk dilaksanakan bagi menganalisis pemikiran Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif mengenai doktrin Nur Muhammad. Malah maklumat mengenai pengarang karya iaitu Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif perlu dikaji dengan lebih lanjut oleh para sarjana sama ada dari bidang pengajian Islam, sejarah dan sastera. Di samping itu, sumber kepada penulisan *Baḥr al-Lāhūt* juga perlu dikaji dengan lebih teliti bagi melihat pemikiran beliau dalam menghuraikan mengenai doktrin Nur Muhammad. Malah diharapkan daripada kajian ini juga pemahaman dan pengajaran berkenaan Nur Muhammad yang merujuk kepada *Baḥr al-Lāhūt* dapat dirungkai dan dianalisa sepertimana yang ditetap pada objektif kajian.

¹⁶ Mahayudin Yahaya (2001), *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 46 & 53.

¹⁷ Mahayudin Yahaya (1994), *Op.cit.*, h. 36.

¹⁸ Zulkefli Aini (2008), “Doktrin Nur Muhammad di Alam Melayu : Kajian terhadap pemikiran Hamzah Fansuri, Nur al-Din al-Rāniri dan ‘Abd Ra’uf al-Fansuri”. Tesis Doktor Falsafah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur : Universiti Malaya. h. 428.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Hasil dari perbincangan latarbelakang kajian yang dikemukakan, beberapa persoalan kajian boleh ditimbulkan, antaranya ialah :

1. Siapakah Shaykh `Abdullāh `Ārif yang dikatakan turut menyumbang kepada penyebaran Islam di Nusantara?
2. Apakah sumber pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif tentang doktrin Nur Muhammad merujuk kepada *Baḥr al-Lāhūt*?
3. Bagaimanakah aspek ajaran pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif tentang doktrin Nur Muhammad merujuk *Baḥr al-Lāhūt*?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Selain persoalan kajian, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif yang perlu dicapai dalam kajian ini agar kajian yang dijalankan lebih terarah serta tersusun. Objektif yang ingin dicapai dalam kajian seperti berikut :

1. Mengkaji kedudukan Shaykh `Abdullāh `Ārif sebagai salah seorang tokoh tasawuf yang menyebarkan Islam di Nusantara.
2. Mengkaji pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif tentang doktrin Nur Muhammad merujuk *Baḥr al-Lāhūt* dari aspek sumbernya.

3. Menganalisis pemikiran Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif tentang doktrin Nur Muhammad merujuk *Baḥr al-Lāhūt* dari aspek ajarannya.

1.4 PENGERTIAN TAJUK

Sebuah kajian yang baik akan turut menghuraikan maksud tajuk kajian bagi memudahkan pemahaman terhadap perkara yang akan dikaji nanti. Oleh itu, bahagian ini akan menguraikan pengertian istilah-istilah yang digunakan dalam tajuk kajian ini.

“Pemikiran” merujuk kepada suatu konsep berfikir (memikir) bagi menyelesaikan sesuatu masalah dengan menggunakan daya imaginasi yang menghasilkan pelbagai pendekatan yang kelihatan luar biasa tetapi berkesan¹⁹.

Manakala “Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif” pula merupakan seorang ulama yang menyebarkan *Dīn*²⁰ Islam di Aceh. Beliau meminati serta berpegang kepada aliran tasawuf. Ini dapat dibuktikan dengan penemuan sebuah karya tasawuf karangan beliau yang diberi nama *Baḥr al-Lāhūt*. Beliau berhijrah ke Aceh bersama seorang sahabat iaitu Shaykh

¹⁹ Kamus Dewan (2005), e.4, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 411 ; Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003), Brunei : Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian, Kebudayaan, Belia, dan Sukan. h. 718.

²⁰ Menurut Profesor Syed Naquib al-Attas, makna agama pada pandangan Islam terkandung dalam perkataan *Dīn*, dan bukanlah sekadar faham sahaja, tetapi sesuatu yang benar wujud hidup mesra dengan diri secara yang mendalam pada kehidupan yang ditempuh insan. Punca asas kepada makna *Dīn* adalah al-Qur'an yang merujuk kepada Perjanjian Asli (*al-miḥaq*) diri insan yang mengenali dan mengakui Allah S.W.T sebagai Rabbnya yang mutlak yang dimeterai anatara insan dengan Allah S.W.T, sebelum ia menjadi insan zahir di dunia ini. Matlamat akhir *Din* adalah untuk mengembalikan insan kepada suatu keadaan sebelum ia dijadikan zahir di dunia ini, dan ini melibatkan usaha mencari makna diri dan nasibnya dengan mengamalkan perilaku yang betul. “Pengembalian” ini melibatkan usaha mencari ilmu yang sebenar, memahami dalil-dalil dan ayat-ayat Allah S.W.T, penggunaan pancaindera yang hakikat dalam mengalami hakikat, dan penggunaan akal yang sihat dalam mencapai kebenaran. Al-Attas, Syed Naquib (1993), “Islam : The Concept of Religion and The Foundation of Ethic and Morality”, dalam *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur : Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC). h. 51, 54, 63, 64, 66, & 69.; Al-Attas, Syed Naquib (2001), “Islam : The Concep of Religion and The Foundation of Ethic and Morality”, dalam *Prolegomena to The Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur : Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC). h. 41.; Al-Attas (2002), *Ma’na Kebahagiaan dan Pengalamannya Dalam Islam*. Kuala Lumpur : Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC). h. 1-4.

Isma`il Zaffi dan kedua-dua tokoh ini dikatakan pernah bertemu serta menjadi anak murid kepada Shaykh `Abd al-Qādir al-Jīlānī (471 H / 1079 M – 561 H / 1166 M)²¹.

Doktrin pula membawa maksud yang merujuk kepada suatu ajaran yang merangkumi asas-asas suatu aliran politik, pendirian para ahli ilmuan, para ahli agama secara bersistem²², malah doktrin juga merupakan suatu prinsip atau kepercayaan yang dianggap benar dan satu-satunya yang dapat diterima²³.

Nūr (نور) adalah lafaz mufrad, dan jamak *anwār* (أنوار) (yang membawa maksud cahaya, yang menerangi, dan merujuk gelaran kepada Baginda Rasulullah s.a.w²⁴. Muhammad merujuk kepada Muḥammad bin `Abdullāh bin `Abd al-Muṭalib, utusan Allah yang dilahirkan pada hari Isnin, 12 Rabi` al-Awwāl, tahun Gajah²⁵. Baginda mempunyai nasab keturunan dan salasilah daripada keturunan para nabi²⁶.

Bahr al-Lāhīt merupakan nama sebuah karya yang ditulis oleh Shaykh `Abdullāh `Ārif, ditulis pada akhir-akhir pemerintahan Kerajaan Perlak (Aceh) pada abad ke-12 M, di mana Mahayudin Yahya menyatakan bahawa karya ini merupakan karya tertua di rantau Nusantara²⁷. Penemuan naskah ini membuktikan bahawa pengarang manuskrip iaitu Shaykh Abdullāh `Ārif tetap wujud sebagaimana yang dapat dilihat dalam tulisan

²¹ Wan Mohd Saghir (1999), *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Kuala Lumpur : Persatuan Pengkaji Khazanah Nusantara. h. 12.

²² Kamus Dewan (2005), *Op.cit.*, h. 360.

²³ Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003), *Op.cit.*, h. 627.

²⁴ Ibn Manzūr, Jamal al-Din Muhammad b. Mukarram (1994), *Lisān al-'Arab*, c.3. j.22 &23. Beirut : Dar Sadir li al-Tiba`ah Wa al-Nasyar. h. 240.; Jama`ah min Kibar al-Lughawiyin al-'Arab (1989), *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi Li al-Nātiq īn bi al-'Arabiyyah wa Mutā'allimihā*(t.t.p) : Larus. h. 1241.

²⁵ Ibn Hishām (2006), *al-Sīrah al-Nabawiyah li Abi Muhammad `Abd al-Malik Ibn Hisham al-Mu`afiri al-Ma'Ruf Bi Sirah Ibn Hisyam..* Kaherah : Dar al-Hadīth. h. 121.

²⁶ *Ibid.*, h. 21.

²⁷ Mahayudin Yahaya (2000), *Op.cit.*, h. 6.

manuskrip versi terjemahan dalam Bahasa Melayu kerana dicatat nama pengarang *Baḥr al-Lāhūt*²⁸.

Shaykh `Abdullāh `Ārif juga adalah sahabat kepada Shaykh `Abdullāh al-Qumayrī (Tuan Shaykh `Abdullah bin Tuan Shaykh bin Tuan Shaykh Ja`afar al-Qaumiri) dari Shahir, Yaman tahun 531 H / 1137 M yang memberi nama Negeri Kedah dan mengIslamkan Maharaja Derbar serta menukarkan nama Raja tersebut kepada Sultan Muzaffar Syah I²⁹. Kedatangan kedua-dua tokoh ini iaitu Shaykh `Abdullāh `Ārif dan Shaykh `Abd al-Qumayrī yang berasal dari Arab mempunyai fakta yang kuat berdasarkan kajian Islam bahawa Islam sampai ke Kepulauan Tanah Melayu adalah secara langsung daripada Arab. Pendakwah-pendakwah dari Tanah Arablah yang sebenarnya membawa dan menyebarkan Islam di Kepulauan Melayu sebagaimana yang turut ditegaskan oleh Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA)³⁰. Para pendakwah Arab ini mengembara menyebarkan Islam di Nusantara menggunakan jalan darat dan jalan laut yang datang secara langsung dari Tanah Arab melalui Laut India dan Laut China.

Oleh yang demikian, berdasarkan hasil dari huraiyan kepada pengertian tajuk kajian di atas, dapat disimpulkan kajian ini akan menghuraikan mengenai cara, kaedah, daya berfikir dalam menghuraikan mengenai prinsip ajaran Nur Muhammad yang difahami menurut penghuraian Shaykh `Abdullāh `Ārif dalam karyanya iaitu *Baḥr al-Lāhūt*. Kajian akan turut menganalisis aspek sumber-sumber dan ajaran Nur Muhammad menurut Shaykh `Abdullāh `Ārif dari manuskripnya iaitu *Baḥr al-Lāhūt*.

²⁸ Mahayudin Yahya (1994), *Op.cit.*, h. 36.

²⁹ Muhammad Hasan (1968), *al-Tarikh Salsilah Negeri Kedah* : Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 27.

³⁰ HAMKA (1980), *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara. h. 421.

1.5 SKOP KAJIAN

Pengkaji telah meletakkan batasan kajian agar kajian yang akan dilakukan menepati objektif serta mampu dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. Penumpuan kepada skop perbincangan, kajian penulis akan lebih terarah untuk mencapai kesimpulan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Skop kajian penulis akan difokus kepada 3 perkara berikut:

- a) Kajian akan diberi tumpuan kepada seorang tokoh tasawuf di Nusantara iaitu Shaykh `Abdullāh `Ārif. Maklumat dan catatan mengenai beliau akan dikaji oleh pengkaji menerusi kajian perpustakaan.
- b) Analisis pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif mengenai doktrin Nur Muhammad hanya akan difokuskan berdasarkan karya *Baḥr al-Lāhūt* sahaja. Pengkaji akan menganalisis sumber-sumber yang digunakan oleh Shaykh `Abdullāh `Ārif dalam menghuraikan pandangannya mengenai doktrin Nur Muhammad.
- c) Rujukan karya beliau adalah berdasarkan kepada penemuan manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* yang ditemui oleh pengkaji terdiri daripada enam set salinan dari Universiti Leiden, Netherland. Enam set ini berkemungkinan telah diulang salin oleh penulis yang berbeza dan juga pada zaman yang berlainan waktu. Namun, pengkaji akan memilih untuk menganalisa hanya kepada salinan manuskrip yang paling lengkap dan terbaik setelah dilakukan tinjauan kritikan zahir bagi menghasilkan suntingan teks *Baḥr al-Lāhūt* dan terjemahannya yang terkini dalam Bahasa Melayu.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini akan membantu memperkenalkan seorang lagi tokoh ulama tasawuf yang berada dalam rantaian jaringan tokoh ulama di Nusantara. Maklumat mengenai Shaykh `Abdullāh `Ārif akan dikaji dan dikumpul serta disusun berdasarkan penemuan-penemuan dari kajian yang akan dijalankan. Sumbangan yang telah dilakukan oleh Shaykh `Abdullāh `Ārif akan dapat diketahui lebih lanjut menerusi kajian yang dijalankan ini.

Selain itu, kajian juga akan dapat menjelaskan pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif mengenai doktrin Nur Muhammad menerusi penganalisaan terhadap manuskrip *Bahr al-Lāhūt*. Kajian ini akan membantu untuk mengharmonikan dapatan keputusan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan sebelum ini bahawa beliau adalah seorang ulama yang berfahaman Syi`ah³¹. Hasil yang diperolehi oleh para pengkaji terdahulu, telah membuka ruang untuk menyatakan bahawa Syi`ah terlebih dahulu menguasai Alam Nusantara.

Seterusnya, kajian yang dilakukan juga turut membantu kepada penambahan dan perkembangan khazanah ilmu umat Islam di Nusantara kerana kajian akan memfokuskan kepada manuskrip. Kajian terhadap khazanah intelektual dunia Islam Nusantara perlu diperkenalkan agar nilai-nilai keilmuan yang telah terbentuk tidak dinilai terlalu *pasif* oleh para sarjana zaman moden. Manuskrip yang dikarang oleh para ulama yang muncul pada era pengIslamamn Alam Nusantara seperti di Aceh, Tanah Melayu, dan lain-lain mempunyai nilai keilmuan serta ketinggian keintelektualan yang begitu berharga. Kajian Manuskrip dan Sejarah di Alam Nusantara mendapat perhatian oleh para pengkaji Barat seperti T.W Arnold, Brown, G.E. Garrison, R.O Winsted, Blagden, dan lain-lain. Ini kerana, terdapat

³¹ Mahayudin Yahya (1992), “*Bahr al-Lahut* : Naskah Melayu Mengenai Islam Abad 6 H/12 M.”. Kertas kerja dibentangkan pada Persidangan Penyelidikan Dua Dekad Universiti Kebangsaan Malaysia, 27-30 Ogos 1990. Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 10.

hampir 10 ribu naskah karya Melayu, malah lebih berdasarkan penemuan-penemuan di pelbagai lokasi penyimpanan termasuk di Tanah Abie Aceh, Patani, dan Sri Lanka³². Sebanyak 3500 buah manuskrip pula terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia.

Hasil kajian juga akan menambah manuskrip ilmu tasawuf yang membincangkan doktrin Nur Muhammad yang dianalisis dari *Baḥr al-Lāhūt*. Karya ini sering disebut dalam kertas kerja seminar, namun pengkajian khusus yang mendalam di peringkat sarjana belum didapati. Kajian ini juga mampu dijadikan suatu bukti bahawa tasawuf telah lama bertapak di Alam Nusantara serta turut berperanan memberi kefahaman tentang Islam kepada masyarakat dan seterusnya menarik mereka untuk memeluk agama Islam.

1.7 TINJAUAN KAJIAN TERDAHULU.

Penelitian terhadap kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana yang mengkaji manuskrip-manuskrip Melayu khususnya mengenai Nur Muhammad dan *Baḥr al-Lāhūt* diberikan perhatian utama dalam kajian penulis. Ini bertujuan mengelakkan pembaziran masa dan pertembungan dapatan kajian yang telah diperolehi dilakukan ulangkaji semula oleh penulis. Penulis mengklasifikasi sorotan kesusataan tersebut mengikut tema kajian yang telah dilakukan agar dapat difahami dengan jelas tajuk-tajuk yang telah dikaji para sarjana terdahulu yang mempunyai kaitan dengan kajian pengkaji.

a) Nur Muhammad

Zulkefli Aini (2008 M), dalam kajiannya bertajuk “**Doktrin Nur Muhammad di Alam Melayu : Kajian Terhadap Pemikiran Hamzah Fansuri, Nur al-Din al-Raniri dan**

³² Mahayudin Yahya (2000), *Op.cit.*, h. 24.

‘Abd Al-Rauf al-Fansuri’³³ mengkaji pemikiran 3 orang tokoh di alam Melayu mengenai Nur Muhammad. Beliau mengkaji permasalahan penolakan dan penerimaan Nūr Muhammad di Alam Melayu dan Nusantara. Kajian yang dijalankan menggunakan metode penyelidikan pensejarahan, kualitatif, dan kajian perbandingan. Zulkefli menjawab segala persoalan, kekeliruan, dan salah faham terhadap doktrin Nur Muhammad seperti berpuncak dari Syi`ah, keraguan asal usul doktrin Nur Muhammad, makhluk pertama diciptakan Allah SWT, pengkafiran golongan faham *Waḥdah al-Wujūd* dan *Martabat Tujuh*. Beliau menjelaskan serta mengharmonikan dengan mendalam perselisihan tiga orang tokoh dalam kajian beliau iaitu Hamzah Fansuri, Nur al-Din al-Raniri dan ‘Abd Al-Rauf al-Fansuri. Walaupun kajian yang akan dilakukan oleh penulis membincangkan mengenai doktrin Nur Muhammad, namun tokoh dan karya dalam adalah berbeza. Tokoh yang dikaji oleh pengkaji terdahulu adalah tokoh tasawuf terkemudian dari tokoh yang akan dikaji oleh pengkaji.

Maruan Mohd (2003 M)³⁴, “**Nur Muhammad : Suatu Kajian Mengenai Kepercayaan Masyarakat Islam di Negeri Kelantan**”. Beliau mengkaji sejarah kemunculan Islam di Kelantan dan menganalisis kefahaman doktrin Nur Muhammad menurut kefahaman penduduk Kelantan yang difokus di Jajahan Bachok, Kota Bharu, Pasir Puteh, dan Pasir Mas yang berbagai latar belakang pendidikan. Kajian yang dilakukan adalah dengan menggunakan kaedah borang soal selidik dan temubual. Kesimpulan yang diperolehi dalam kajian adalah doktrin Nur Muhammad merupakan ajaran terpesong yang dibawa masuk ke dalam ajaran Islam. Doktrin ini masih mendapat tempat dari golongan

³³ Zulkefli Aini (2008), “Doktrin Nur Muhammad Di Alam Melayu : Kajian terhadap Pemikiran Hamzah Fansuri, Nur al-Din al-Raniri dan ‘Abd al-Rauf Al-Fansuri”. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

³⁴ Maruan Mohd (2003), “Nur Muhammad: Suatu Kajian Mengenai Kepercayaan Masyarakat Islam di Negeri Kelantan”. Disertasi Sarjana Usuluddin. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

berpendidikan tradisional atau pondok sahaja, dan pandangan golongan sarjana Islam serta pihak berkuasa Islam yang secara mutlaknya berhak menentang fahaman yang mengelirukan umat Islam. Namun, kajian yang akan dilakukan oleh penulis adalah berbeza dengan kajian ini kerana penulis menumpukan kajian terhadap teks manuskrip iaitu *Baḥr al-Lāhūt* yang dikatakan turut membincangkan mengenai doktrin Nur Muhammad. Dari segi metode kajian pula, pengkaji akan melakukan kajian sorotan perpustakaan sahaja, manakala metode temubual dan kaedah borang soal selidik tidak dilakukan. Berbeza dengan kajian ini yang dijalankan oleh Maruan Mohd kerana beliau melakukan ketiga-tiga metode tersebut. Di samping itu, perbezaan lain dengan kajian penulis pula kerana menumpukan kepada kajian teks manuskrip iaitu *Baḥr al-Lāhūt* dan pengarang karya iaitu Shaykh ‘Ābdullāh ‘Ārif.

Mohd Adlin (1997)³⁵, “**Konsep Nur Muhammad Menurut Pandangan Ahli Tasawuf dan Hubungan dengan Akidah**”. Pengkaji mengkaji konsep Nur Muhammad, Martabat Tujuh, hubungan Nur Muhammad dengan *Insān Kāmil*, dan menurut Syi`ah, serta pengkaji turut membawa hujuh golongan yang menyokong dan menentang doktrin ini. Beliau menyatakan bahawa hadith-hadith Nur Muhammad diragui iaitu lemah dan palsu, riwayat berkenaan kejadian ruh Nabi Muhammad daripada *Nūr* dan makhluk pertama di dalam kejadian tidak didapati dalam *Tārikh Islāmī*, seterusnya terdapat percanggahan antara cerita kejadian antara ahli sufi seperti Syeikh Daud al-Fatani dan Syeikh Muhammad Nafis. Dalam kajian yang akan dilakukan, pengkaji akan turut membahaskan doktrin Nur Muhammad sebagai landasan teori dalam kajian dari sudut sumber, hujah-hujah penerimaan dan penolakan. Di samping itu, pengkaji juga akan mengkaji pandangan tokoh-

³⁵ Mohd Adlin (1997), “Konsep Nur Muhammad : Menurut Pandangan Ahli Tasawuf dan Hubungan dengan Akidah”. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial : Kuala Lumpur. Universiti Malaya.

tokoh yang mempunyai autoriti dan menerima doktrin Nur Muhammad dalam ajaran tasawuf dengan menggunakan metode kajian perpustakaan dan lapangan bagi menambah maklumat dalam kajian. Walau bagaimanapun, kajian ini lebih menumpukan perhatian terhadap menganalisis doktrin Nur Muhammad dalam karya *Baḥr al-Lāhūt* yang dikarang oleh Shaykh ‘Abdullah ‘Arif. Subjek inilah yang membezakan kajian penulis dengan kajian yang telah dibuat diatas.

b) Shaykh ‘Abdullah ‘Arif dan Manuskrip *Baḥr al-Lāhūt*

Kamis Ismail (2003)³⁶ dalam, “**Shi`ah dan Pengaruhnya Dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah di Alam Melayu Zaman Tradisional**” mendapati bahawa wujud pembuktian pengaruh Syi`ah dalam pemikiran Islam di Alam Melayu hingga zaman tradisional khususnya dalam bidang politik, tasawuf falsafi, sosial, dan kesenian. Ini berikutan kemunculan Syi`ah lebih awal dari Sunni sehingga membentuk kerajaan Islam yang pertama di Perlak, Sultan ‘Ala al-Din Sayyid Mawlana ‘Abd al-Aziz Shah sebagai pemerintah pertama. Menurut beliau, Alam Melayu juga terpengaruh dengan fahaman Syi`ah melalui kajian doktrin *waḥdah al-wujūd*, *Insān Kāmil*, Nur Muhammad, Martabat Tujuh dan *Bāṭiniyyah*. Shaykh ‘Abdullah ‘Arif dikatakan antara tokoh penting yang mendokong doktrin *Waḥdah al-Wujūd* dan Nur Muhammad. Hanya terdapat sedikit mengenai sejarah, ketokohan, dan penjelasan isi utama *Baḥr al-Lāhūt* dinukilkhan dalam kajian ini³⁷. Kajian yang telah dilakukan ini lebih menumpukan kepada aliran Syi`ah dalam pelbagai aspek kehidupan khususnya dalam tasawuf, sosial, kesenian dan politik. Namun, kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji pula akan menumpukan kepada tokoh yang telah disebut dalam kajian ini iaitu Shaykh ‘Abdullah ‘Arif sebagai pemuka kepada doktrin

³⁶ Kamis Ismail (2003), “Shi`ah dan Pengaruhnya Dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah di Alam Melayu Zaman Tradisional”. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Bangi : Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

³⁷ *Ibid.*, h. 254, 255 & 256.

Waḥdah al-Wujūd dan Nur Muhammad di Alam Melayu yang turut dikaitkan dengan aliran Syi’ah. Kenyataan umum dan minimum yang menyentuh mengenai tokoh tersebut dalam kajian yang telah dilakukan ini masih belum memadai serta mencukupi untuk mengenalinya. Oleh yang demikian, penulis mengambil ruang menumpukan kajian dengan menganalisis secara lebih induktif mengenai doktrin Nur Muhammad, *Baḥr al-Lāhūt*, dan Shaykh ‘Ābdullāh ‘Ārif dalam kajian ini bagi menyambung kenyataan yang telah disentuh oleh pengkaji di atas.

Azyumardi Azra (1995)³⁸, dalam bukunya yang telah diedit dari tesis Ijazah Doktor Falsafah beliau bertajuk ***Jaringan Ulama Timur Tengah Nusantara dan Kepulauan Nusantara Abad ke XVII dan XVIII : Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*** membincangkan berkenaan usaha awal untuk menyelidik sejarah sosial dan intelektual ulama dan pemikiran Islam di Indonesia. Kajian beliau lebih menumpukan kepada perkembangan pemikiran Islam di pusat-pusat keilmuan Islam di Timur Tengah. Dalam kajian ini beliau telah membahaskan kedatangan Islam dan hubungan Nusantara dengan Timur yang mengaitkan sumbangsih dunia Arab khususnya pemerintahan kesultanan Arab yang bertanggungjawab mengutuskan utusan untuk mengIslamkan Aceh. Beliau turut menemui maklumat dalam *Kesultanan Aceh* bahawa Islam diperkenalkan di Aceh pada tahun 560 H / 1111 M oleh Shaykh ‘Ābdullāh ‘Ārif yang juga berketurunan Arab. Azyumardi Azra menghuraikan berkenaan teori kemasukan Islam, perkembangan institusi di Timur Tengah khususnya di Mekah dan Madinah yang melahirkan para ulama seterusnya membina jaringan antarabangsa yang membawa kepada wacana ilmiah yang terbuka di kalangan mereka sekitar abad ke-17 dan 18 M. Beliau lebih memfokuskan

³⁸ Azyumardi Azra (1995), *Jaringan Ulama Timur Tengah Nusantara dan Kepulauan Nusantara Abad ke XVII dan XVIII : Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*. Bandung : Penerbitan Mizan Anggota IKAPI. h. 29.

kepada sejarah kemasukan Islam dan kemunculan jaringan para ulama yang membawa kepada perkembangan Islam bermula dari Timur Tengah hingga ke Nusantara. Namun, penulis pula akan melakukan kajian terhadap salah seorang tokoh yang membawa ajaran Islam di Aceh iaitu Shaykh `Abdullāh `Ārif dan *Baḥr al-Lāhūt*. Di samping itu, kajian yang akan dilakukan juga akan membahaskan mengenai doktrin Nur Muhammad dalam *Baḥr al-Lāhūt* disebabkan aspek perbincangan pemikiran tokoh tidak dibahas oleh pengkaji sebelum ini.

Berdasarkan pembacaan pengkaji, Mahayudin Yahya (2000 M)³⁹, dalam *Karya Klasik Melayu-Islam* merupakan sebuah tulisan yang telah menghimpunkan beberapa manuskrip yang disimpan di Eropah. Pengarang juga telah melakukan transliterasi karya Melayu Islam yang bertajuk *al-Muntahi* oleh Hamzah Fansuri, *Kaṣhf al-Muntaẓar* oleh Burhan al-Din Malik Ibrahim bin Hasan al-Kurani, *al-Risālah* oleh Syihab al-Din bin Abdullah Muhammad Jawi, *Aqidah al-`Awwām* oleh Abu al-Fauz al-Marzuki, dan *hadith-hadith* yang tidak mempunyai pengarang. Turut disebut oleh Mahayudin Yahya tentang karya *Baḥr al-Lāhūt* yang ditulis pada akhir-akhir pemerintahan Kerajaan Perlak (Aceh) pada abad ke-12 M, bahawa karya ini merupakan karya tertua di rantau Nusantara dan telah dilakukan terjemahan kepada bahasa Melayu dalam tempoh yang tidak jauh dari tarikh penulisan karya ini. Kandungan karya ini merupakan kitab tasawuf yang membahaskan tentang Nur Muhammad (*Haqīqah Muḥammadiyyah*) dan Martabat Tujuh⁴⁰. Menurut Mahayudin Yahya, terdapat dua buah karya *Baḥr al-Lāhūt* yang disimpan secara berasingan di Perpustakaan Kuno Zauyah Tgk. Cheik, Tanah Abe, Aceh Besar dan di Kampung Pernu Melaka. Namun tarikh karya ini tidak ditulis, akan tetapi telah dinyatakan bahawa pengarang karya ini iaitu Shaykh `Abdullāh `Ārif adalah seorang pendakwah yang masyhur

³⁹ Mahayudin Yahaya (2000), *Karya Klasik Melayu–Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁴⁰ *Ibid.*, h. 339.

di rantau Nusantara. Pengkaji melihat, kajian yang dilakukan ini lebih baik dari kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini kerana mempunyai maklumat yang lebih jelas mengenai Shaykh `Abdullāh `Ārif dan *Baḥr al-Lāhūt* sebagai tokoh dan karya tasawuf di Nusantara. Namun, penulis melihat kajian yang lebih lanjut perlu dilakukan bagi menyusun maklumat mengenai Shaykh `Abdullāh `Ārif dan *Baḥr al-Lāhūt* secara khusus bagi mengkaji nilai-nilai keilmuan khususnya mengenai Shaykh `Abdullāh `Ārif dan idea asas Nur Muhammad dalam *Baḥr al-Lāhūt*. Perkara ini akan ditumpu dalam kajian penulis kerana masih belum dibincangkan dengan terperinci.

Seterusnya Mahayudin Yahya (1998 M)⁴¹, dalam *Islam Di Alam Melayu*, memfokuskan kepada sejarah ketibaan Islam di Alam Melayu (Indonesia, Filipina, Brunei, Fatani dan Malaysia) yang dibahagikan kepada dua tahap iaitu tahap kedatangan atau ketibaan, dan tahap perkembangan. Beliau menyatakan Alam Melayu terkenal sebagai kawasan perdagangan, kawasan pertemuan kebudayaan dan kepercayaan kerana kedudukan geografi yang strategik. Lokasi yang bersesuaian ini telah menarik minat para pedagang dan pendakwah Islam dari Semenanjung Arab, India, China, dan Iraq berhijrah ke Alam Melayu untuk berdagang dan berdakwah. Keadaan ini menghasilkan suatu pandangan bahawa kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu adalah secara langsung lebih dari tiga kawasan iaitu Semenanjung Arab, India, China, dan Iraq⁴². Mahayudin menjelaskan bahawa tidak banyak catatan sejarah mengenai Shaykh `Abdullāh `Ārif, manakala karya *Baḥr al-Lāhūt* karangan `Abdullāh `Ārif didapati wujud di Perpustakaan Tanah Abee.

⁴¹ Mahayudin Yahya (1998), *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁴² Penghijrahan orang Arab telah menyebabkan Islam tersebar lebih meluas di Melaka, Aden dan Timur Jauh terutamanya ketika berlakunya kekacauan di Canton dan juga ketika awal kejatuhan Kota Baghdad pada 1258 M. Mahayudin menyatakan dalam buku ini, kedatangan orang Arab terutamanya dari golongan ahli Tasawuf yang bersikap sopan dan berbudi bahasa merupakan antara tarikan yang menyebabkan Islam tersebar dengan meluas di kalangan masyarakat Melayu. Islam telah diterima oleh masyarakat Tanah Melayu pada abad ke-9 M sama ada melalui Sumatera atau secara langsung dari Arab sebelum kemunculan kerajaan Melayu Melaka.;*Ibid.*, h. 3, 6 & 7.

Beliau turut menghuraikan sedikit mengenai isi kandungan *Baḥr al-Lāhūt* seperti doktrin Nur Muhammad, *Insān Kāmil* seterusnya menyatakan huraian doktrin dalam *Baḥr al-Lāhūt* yang mencerminkan ajaran Syi`ah⁴³. Akhirnya, beliau mengakui bahawa *Baḥr al-Lāhūt* bukan sahaja menjadi rujukan penting dalam tasawuf, malah dalam ilmu tauhid. Beliau menyarankan supaya kajian yang lebih teliti dan mendalam dilakukan agar dapat mengenal pasti punca pemikiran tauhid dan tasawuf ulama silam dalam memurnikan akidah Islamiyyah generasi kini dan masa hadapan. Kedua ialah bagi menentukan naskah Melayu yang tertua di rantau Alam Melayu selepas kajian tentang *Aqā'id Al-Nasāfi* oleh Syed Naquib al-Attas. Penulis melihat bahawa, saranan yang dikemukakan oleh Mahayudin Yahya perlu dilakukan dan disahut agar penulis dapat menambah, menyusun, dan menganalisis mengenai Shaykh `Abdullāh `Ārif dan juga *Baḥr al-Lāhūt* kerana karya ini merupakan karya tasawuf dan akidah. Namun, penulis akan menumpukan juga untuk mengkaji doktrin Nur Muhammad dalam dimensi dan perspektif *Baḥr al-Lāhūt* dengan lebih jelas agar perkara yang dinyatakan oleh pengkaji di atas dapat disempurnakan dengan sesuatu penemuan yang baru.

Di samping itu, Mahayudin Yahya (1992 M)⁴⁴ dalam “**Bahr al-Lahut : Naskah Melayu Mengenai Islam Abad 6 H/12 M**”, turut menulis berkenaan karya yang dikarang oleh Shaykh `Abdullāh `Ārif. Kajian yang ditulis oleh beliau ini adalah rentetan dari penyelidikannya yang bertajuk **Naskah-naskah Jawi Mengenai Agama Islam di Indonesia** pada Jun 1989 M. Dalam kertas kerja ini, dinyatakan berkenaan kemunculan karya *Baḥr al-Lāhūt* mewakili aliran Syi`ah adalah lebih terdahulu dari karya *Aqā'id al-Nasāfi* mewakili aliran sunni dari sudut tarikh awal kemunculan penulisan. Beliau juga

⁴³ *Ibid.*, h. 54.

⁴⁴ Mahayudin Yahya (1992), *Bahr al-Lahut : Naskah Melayu Mengenai Islam Abad 6 H/12 M.*”. Kertas kerja dibentangkan pada Persidangan Penyelidikan Dua Dekad Universiti Kebangsaan Malaysia, 27-30 Ogos 1990. Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia. ; Mahayudin Yahya (1994), *Naskah Jawi Sejarah dan Teks*, j.1, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

menyatakan Shaykh `Abdullāh `Ārif adalah pendakwah dan tokoh muslim pertama di Aceh malah mempunyai perwatakan seorang “Wali Allah” pada abad ke-12M. Pengkaji mendapati di rumusan kertas kerja beliau, disarankan agar kajian serta penelitian perlu dilakukan segera yang bertujuan untuk mengenal pasti punca pemikiran tauhid dan tasawuf ulama Melayu silam⁴⁵. Di samping itu, kajian terhadap karya *Baḥr al-Lāhūt* juga adalah bertujuan untuk memastikan karya yang terawal dan tertua dikarang di Alam Nusantara ini⁴⁶. Namun, dalam kajian yang akan dijalankan penulis menumpukan juga kepada perbahasan yang membincangkan dan menganalisis mengenai sumber-sumber teori doktrin Nur Muhammad merujuk kepada *Baḥr al-Lāhūt* kerana dalam kajian di atas tidak disentuh perkara ini.

HAMKA (1977 M)⁴⁷ dalam karyanya, *Sejarah Umat Islam*, telah menghuraikan dan mengupas asal usul kedatangan Islam di Asia Tenggara adalah melalui Tanah Arab dan menafikan sampainya Islam dari Benua India. Dalam buku ini, beliau turut menulis dan mengaitkan kenyataan mengenai Shaykh `Abdullāh `Ārif bahawa ulama ini merupakan salah seorang yang membawa Islam ke Aceh selain Shaykh Ismail yang diutuskan oleh Syarif Mekah ke Samudera Pasai dan singgah di Malabar untuk bertemu Sultan Muhammad (Fakir Muhammad). Shaykh `Abdullāh `Ārif berasal dari Tanah Arab dan mempunyai murid iaitu Shaykh Burhanudin yang turut menyebarkan Islam di Sumatera Barat dan Pariaman. Pengkaji melihat, maklumat yang dibincangkan oleh penulis mengenai Shaykh `Abdullāh `Ārif dan *Baḥr al-Lāhūt* adalah tidak menyeluruh dan amat terhad. Oleh yang demikian, pengkaji akan menumpukan dalam kajian penulis dengan lebih holistik seperti menganalisis mengenai teks manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* secara langsung yang

⁴⁵ Mahayudin Yahya (1994), *Ibid.*, h. 156.

⁴⁶ *Ibid.*,

⁴⁷ HAMKA (1977), *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur : Klang. Penerbitan Pustaka Antara. h. 422.

merangkumi ajaran teori Nur Muhammad. *Sejarah Umat Islam* hanya memperkenalkan Shaykh `Abdullāh `Ārif dan sumbangannya dengan maklumat yang ringkas sebagai salah seorang tokoh yang dikatakan turut menyebarkan ajaran Islam di Nusantara.

T.W Arnold (1970 M)⁴⁸, dalam *al-Da`wah ilā al-Islām* menyatakan dalam bab perkembangan Islam di Rantau Melayu, Islam bertapak di Sumatera adalah melalui aktiviti perdagangan antara penduduk Rantau Melayu dengan India, namun tiada bukti dan riwayat yang kukuh untuk menyokong. Walau bagaimanapun, teori yang kedua ialah Islam bertapak di Rantau Melayu adalah dari Tanah Arab serta mempunyai fakta seperti yang tertulis dalam riwayat sejarah Melayu. Tokoh dari Arab yang turut menyumbang seperti yang dinyatakan oleh T.W Arnold ialah Shaykh `Abdullāh `Ārif yang telah datang ke Kepulauan Melayu pada pertengahan kurun ke-12M. Beliau mempunyai seorang anak murid iaitu Burhanuddin yang telah menyebarkan Islam ke Sumatera Barat hingga ke Pariaman, namun tidak terdapat bukti riwayat berkenaan anak murid beliau ini. Menurut Sejarawan Melayu, terdapat beberapa aktiviti lain yang telah dilakukan dalam penyebaran Islam oleh tokoh luar yang bukan Arab ke Aceh seperti yang diusahakan oleh Chayhan Syah yang mewujudkan sistem kekeluargaan Islam (*al-Usrah al-Islāmiyyah*) pada tahun 1205 M⁴⁹. Walau bagaimanapun, dalam kajian yang akan dilakukan, pengkaji hanya akan menumpukan kajian kepada Shaykh `Abdullāh `Ārif dan manuskrip yang ditulis iaitu *Baḥr al-Lāhūt* sahaja sebagai fokus dalam kajian ini. Doktrin Nur Muhammad akan dianalisis berdasarkan manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* sahaja sebagai fokus kajian. Manakala, kemunculan Islam di Afrika, Eropah, China, India, Parsi, Moghul, dan Tatar tidak akan dibincangkan oleh

⁴⁸ Arnold, Thomas Wilson (1970), *al-Da`wah ilā al-Islām : Baḥth fi Ṭārīkh Nashr al-`Aqīdāh al-Islāmiyyah* (terj.) *The Preaching of Islam*. Kaherah : Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah li Aṣḥābi Ḥasan Muḥammad Wa Awlādih. h. 404.

⁴⁹ *Ibid.*,

pengkaji sebagaimana yang telah dilakukan oleh T.W. Arnold dalam karya *The Preaching of Islam*.

Oleh yang demikian, berdasarkan sorotan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa analisis kritis mengenai pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif tentang doktrin Nur Muhammad dalam karya *Baḥr al-Lāhūt* secara lebih autentik masih belum didapati. Malah kajian ini wajar dilakukan bagi mencapai objektif kajian yang telah disasarkan oleh pengkaji.

1.8 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam sesuatu penyelidikan ilmiah akan menentukan kualiti dan ketinggian sesuatu hasil kajian ilmiah. Metododogi kajian dalam penyelidikan ini adalah huraian tentang reka bentuk, metode, dan prosedur yang digunakan dalam melakukan kajian berkenaan doktrin Nur Muhammad menurut perspektif Shaykh `Abdullāh `Ārif dalam *Baḥr al-Lāhūt*. Kajian berbentuk perbandingan (persamaan dan perbezaan) dan kontransitif (implikasi dari persamaan dan perbezaan) akan dilakukan terhadap manuskrip yang akan dikumpulkan. Selain itu, perkara utama kajian juga adalah untuk mengumpul dan menyusun maklumat sejarah berkaitan Shaykh `Abdullah `Ārif dan juga mengenai *Baḥr al-Lāhūt* bentuk secara ilmiah.

Bagi menjamin serta memastikan kajian ini menepati objektif yang ditetapkan dan bersesuaian dengan fokus utama perbincangan, maka penulis telah menetapkan untuk menggunakan beberapa metode yang bersesuaian yang telah diguna umum dalam kajian ilmiah lain. Kajian akan dianggap bernilai apabila metode-metode yang digunakan menepati dengan objektif dan tujuan sesuatu penyelidikan tersebut.

A. Metode Pengumpulan Data

Oleh yang demikian, bagi tujuan pengumpulan data dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan metode-metode berikut:

i. Metode kajian perpustakaan

Pengkaji akan menggunakan metode sorotan perpustakaan (*library research*) untuk mengumpulkan data-data kajian di samping tidak mengabaikan metode-metode kajian yang lain. Pengkaji akan membuat rujukan di beberapa buah perpustakaan dalam memantapkan kajian dengan pencarian bahan yang pelbagai. Untuk tujuan tersebut, pengkaji akan menggunakan metode dokumentasi yang dapat memberikan pelbagai maklumat berkaitan kajian seperti tesis, disertasi, latihan ilmiah, kertas kerja persidangan, artikel, buku, majalah, jurnal, dan sebagainya yang boleh diperolehi dari mana-mana perpustakaan. Di samping itu, pengkaji juga akan mendapatkan manuskrip berkaitan iaitu *Bahr al-Lāhūt* dari perpustakaan yang menyimpan manuskrip ini. Pengkaji mendapatkan 6 set salinan manuskrip *Bahr al-Lāhūt* yang disimpan di perpustakaan Universiti Leiden melalui seorang pustakawan di sana iaitu Mr John Frankhuizen⁵⁰ dengan harga 68.20 Euro dengan proses penghantaran menggunakan pos.

B. Metode Penganalisaan Data

Proses analisa data merupakan peringkat penting untuk mencapai kesimpulan, jawapan, keputusan, serta rumusan dari data dan maklumat yang dikumpul. Dalam kajian ini, pengkaji melihat bahawa data yang akan diperolehi adalah dari data kualitatif sahaja. Proses penganalisaan maklumat bermula dengan memerhati, mengkaji, menilai dan menganalisis dalam mencapai keputusan. Ini seterusnya akan dikeluarkan menjadi sebuah

⁵⁰ Universiteitsbibliotheek, J.A.N. Frabkhuizen, Leeszaal Bijzondere Collecties, Postbus 9501 2300 RA Leiden, mail to: j.a.n.frankhuizen@library.leidununiv.nl, T: 00 31 (0) 71 5272857 F: 00 31 (0) 71 5272836.

hasil kajian yang bertepatan dengan objektif yang ditetapkan. Kajian ini akan menggunakan metode *induktif-generatif*, *deduktif-enumeratif*, dan komparatif sebagaimana yang dijelaskan di bawah :

i. **Metode induktif-generatif**

Dalam kajian ini, penyelidik memisahkan masalah kajian kepada masalah kecil dan diselesaikan satu-persatu mengikut susunan yang sewajarnya. Data yang dikumpul secara terus-menerus sehingga masalah kecil terjelas satu-persatu dan masalah kajian akan terjelas keseluruhannya⁵¹. Maklumat yang terkumpul akan terus dinilai untuk mengetahui kekuatannya dan proses pengumpulan serta penilaian data atau maklumat akan terus berlaku secara serentak iaitu secara generatif sepanjang kajian⁵². Dalam pendekatan ini, masalah yang dikaji pada peringkat awal kurang jelas dan kejelasan semakin bertambah sehingga terjelas pada akhir kajian yang mana kekuatan kajian ini terletak pada keautoritian sumber datanya⁵³. Oleh yang demikian, situasi yang terhasil dari kajian ini akan dibangunkan dengan bab-bab yang dijudulkan berdasarkan pecahan masalah kajian. Permasalahan dalam kajian penulis yang telah dinyatakan dan dibahagikan sebelum ini adalah mengikut keutamaan yang kemudiannya diuraikan pada akhir kajian ini.

ii) **Metode deduktif-enumeratif**

Metode ini memerlukan penyelidik untuk mengenal pasti teori yang telah dibentuk oleh mana-mana pihak dan akan digunakannya sebagai premis kajian. Teori ini akan dijadikan asas merangka kaedah pengumpulan data yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah yang dikaji. Hasil dari pelaksanaan kaedah itu, keseluruhan data akan terkumpul secara

⁵¹ Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*. Shah Alam : Kamil dan Shakir Sdn. Bhd. h. 23.

⁵² *Ibid.*,

⁵³ *Ibid.*,

serentak dan proses analisis akan berlaku selepas itu. Kekuatan kajian ini adalah terletak pada „kesahan dan kebolehpercayaan“ (*Validity and Reliability*) kaedah pengumpulan datanya. Pengkaji juga boleh menggagaskan satu teori khusus yang berasaskan pandangan, pengalaman, dan hasil dari kajian-kajian sebelum ini. Tesis yang terhasil dari kajian ini disusun mengikut langkah dalam proses kajian berkenaan. Bahagian pertama ditumpukan kepada teori yang digunakan, bahagian kedua ditumpukan kepada kaedah pengumpulan data, manakala bahagian yang akhir pula memuatkan data dan analisis serta rumusan kajian⁵⁴. Aplikasi metod ini dalam kajian juga penting untuk mencapai kesimpulan konkrit mengenai pemikiran Syeikh ‘Abdullāh ‘Ārif. Pernyataan yang umum teori pemikiran beliau memberi hipotesis awal terhadap tema-tema asas pemikirannya untuk dibandingkan dengan teori-teori pemikiran dari ulama-ulama lain yang membincangkan perkara yang sama.

iii. Metode komparatif

Kajian perbandingan adalah untuk mengenalpasti persamaan dan perbezaan antara dua entiti atau lebih. Asas penting dalam kajian ini ialah dua entiti atau lebih yang hendaklah dalam kategori yang sama⁵⁵. Pada aras yang sama, berasaskan pada ciri dan aspek yang sama. Pengkaji akan membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan segala data dan fakta yang diperoleh sama melalui buku, jurnal, dokumen, tesis, temubual, dan lain-lain. Dalam kajian yang akan dijalankan, metode ini akan membantu pengkaji menyimpulkan pemikiran Syeikh ‘Abdullāh ‘Ārif dalam karya *Baḥr al-Lāhūt* secara lebih konkrit mengikut skop kajian berdasarkan data-data yang diperolehi untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

⁵⁴ *Ibid.*,

⁵⁵ *Ibid.*, h. 63.

1.9 SUSUNAN PENULISAN

Secara umumnya keseluruhan kajian ini merangkumi enam bab, bermula bab pertama sebagai pendahuluan hingga bab enam sebagai penutup. Bab pertama merupakan bahagian **pendahuluan** yang merangkumi latar belakang kajian, persoalan kajian, objektif kajian, pengertian tajuk, skop kajian, tinjauan kajian terdahulu, metodologi penyelidikan, susunan penulisan, dan penutup.

Bab kedua merupakan kajian berkenaan **Ketokohan Shaykh `Abdullāh `Ārif Dan Manuskripnya *Baḥr Al-Lāhūt***. Pengkaji akan pada bab ini perbincangan yang pengenalan mengenai diri Shaykh `Abdullāh `Ārif seperti pengembalaan dan ketibaan beliau di Sumadera Pasai, Utara Aceh. Turut dikaji mengenai pemikiran dan sumbangannya dalam politik di Aceh, guru-guru dan anak muridnya, dan diakhiri dengan tarikh kematianya. Di samping itu, pengkaji turut membuat penelitian terhadap ringkas mengenai perkembangan usaha Mengkatalog Teks Manuskrip Melayu-Islam dan pandangan kritis terhadap sejarah penulisan *Baḥr al-Lāhūt*. Malah turut dimuatkan maklumat berkenaan lokasi simpanan dan diskripsi manuskrip keseluruhan salinan yang diperolehi pengkaji. Seterusnya, dalam bab ini juga pengkaji turut melihat metodologi dan sumber penulisan serta isi kandungan teks *Baḥr al-Lāhūt*. Pengkaji seterusnya mengakhiri bab ini dengan kesimpulan.

Bab ketiga, membincangkan **Karya *Baḥr al-Lāhūt* : Suntingan Ilmiah Dan Terjemahan**. Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan terlebih dahulu mengenai kaedah suntingan, kaedah memperolehi salinan karya *Baḥr Al-Lāhūt*, signifikan proses suntingan pemilihan naskhah-naskhah *Baḥr al-Lāhūt*, deskripsi teks-teks naskhah salinan manuskrip *Baḥr al-Lāhūt*. Turut dibentangkan dalam bab ini sebuah naskhah teks suntingan

dan terjemahan *Baḥr al-Lāhūt* yang telah dihasilkan daripada proses suntingan yang telah dijalankan sepanjang kajian. Bab ini seterusnya diakhiri dengan kesimpulan.

Bab keempat, merupakan kajian berkenaan landasan teori yang membincangkan mengenai **Doktrin Nur Muhammad dalam Wacana Tasawuf**. Fokus perbincangan pada bab ini terangkum kepada perbincangan mengenai definisi Nur, Muhammad, Nur Muhammad. Turut dikaji dalam bab ini mengenai dalil-dalil yang sering digunakan dalam perbincangan **Nur Muhammad** khususnya daripada al-Qur'an dan al-Hadith yang dikeluarkan daripada karya-karya tasawuf. Memandangkan terdapat dua pandangan yang berbeza dalam diskusi mengenai Nur Muhammad, maka pengkaji juga turut menulis pandangan pro dan kontra mengenainya agar pandangan yang berbeza tersebut dapat mengharmonikan kajian ini. Seterusnya, pengkaji juga melihat kedudukan Nur Muhammad dan ajaran Martabat Tujuh yang dibincangkan dalam wacana tasawuf. Ini disebabkan Nur Muhammad turut disentuh dalam ajaran Martabat Tujuh. Kemudian, pengkaji mengakhiri perbincangan pada bab landasan teori kepada kajian ini dengan kesimpulan.

Bab kelima pula, pengkaji akan membincangkan tajuk **Doktrin Nur Muhammad Menurut Shaykh `Abdullāh `Ārif**. Bab ini akan menganalisis untuk melihat kedudukan doktrin Nur Muhammad dalam *Baḥr al-lāhūt* menerusi ajaran Martabat Tujuh seperti Martabat *Ahadiyyah* (*La Ta`ayyūn*) dan Martabat *Wahdah* (*Ta`ayyun al-Awwal*). Seterusnya kajian pada bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

Bab keenam ialah **Penutup** kepada keseluruhan bab yang dibincangkan dari bab pendahuluan sehingga bab ke lima. Dalam bab ini, pengkaji akan mengemukakan pendahuluan, rumusan dan hasil kajian, dan turut mengandungi beberapa cadangan yang

difikirkan bersesuaian bagi membantu kajian-kajian seterusnya. Pengkaji akan menamatkan kajian dengan kesimpulan keseluruhan kepada disertasi ini.

1.10 KESIMPULAN

Oleh yang demikian, kesimpulan yang boleh diambil ialah kajian ini perlu dilakukan dengan segera bagi mengetengahkan **Shaykh `Abdullāh `Ārif** sebagai tokoh tasawuf yang pernah wujud di Nusantara. Di samping itu, manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* juga akan dapat dianalisis bagi mengeluarkan khazanah intelektual yang dimiliki terutamanya dalam aspek akidah dan tasawuf. Maklumat mengenai manuskrip dan pengarang karya juga secara tidak langsung akan bertambah dan ditulis secara khusus mengenainya kerana data-data bertulis telah dihimpumkan dalam satu kajian. Malah aspek pemikiran dan ajaran Nur Muhammad menurut kefahaman **Shaykh `Abdullāh `Ārif** akan dapat diketahui dengan lebih mendalam dan seterusnya menambahkan kefahaman asal usul kemunculan pengajaran dokrin Nur Muhammad di Dunia Melayu.

BAB DUA :
KETOKOHAN SHAYKH `ABDULLĀH `ĀRIF DAN
MANUSKRIPNYA *BAHR AL-LĀHŪT*

2.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan mengenai Shaykh `Abdullāh `Ārif, tarikh ketibaan di Nusantara, karya yang dihasilkan, dan ketokohnya dalam Tasawuf. Di samping itu, turut dibincangkan juga mengenai sumbangan dan peranan beliau dalam usaha menyebarkan dakwah dan politik Islam di Aceh⁵⁶ pada abad ke 6 H / 12 M. Berdasarkan pembacaan, pengkaji mendapati kajian terperinci mengenai Shaykh `Abdulāh `Ārif seperti kelahiran, pendidikan, nasab keturunan, dan lain-lain belum diketengahkan oleh kebanyakan para sarjana dengan lebih mendalam. Kebanyakan maklumat yang diperolehi hanyalah menyatakan bahawa beliau adalah pengarang karya *Baḥr al-Lāhūt*, merupakan salah seorang tokoh tasawuf terawal di Nusantara iaitu di Aceh, tarikh penghijrahan beliau ke Aceh, dan kewafatannya sahaja. Walau bagaimanapun, terdapat juga usaha yang gigih para pengkaji warisan dan salasilah para ulama Islam di Nusantara seperti Wan Mohd Saghir, HAWSH Abdullah, Mahayudin Yahya, Ali Hasymy, HAMKA, Thomas Wilson Arnold, dan H.M Zainuddin yang telah cuba untuk menulis mengenai Shaykh `Abdullāh `Ārif dalam penulisan mereka yang boleh dijadikan rujukan serta sandaran dalam kajian ini.

⁵⁶ Tanah Rencong adalah nama lain bagi Negara Aceh yang merujuk kepada nama senjata yang terkenal di wilayah tersebut yang digunakan untuk tujuan memerangi Belanda dan Jepun. Keadaan fizikal senjata direka berbentuk runcing serta berhulu adalah berdasarkan falsafah huruf “alif” merujuk kepada singkatan bagi kalimah Allah SWT dan huruf “Mim” yang merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w. Selain itu, Banda Aceh merupakan Ibu kota Tanah Rencong dan dikenali juga sebagai Kota Darussalam pada abad ke-16 & 17 M.; Hamdan Hassan (1977), *Naskhah-naskhah Islam di Dayah Tanah Abie Aceh*, Siri Kertas Data Jabatan Pengajian Melayu, bil.19. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, Jabatan Pengajian Melayu. h. 1.

Memandangkan data yang ditemui sangat terbatas, kajian pada bab ini juga akan menganalisis ketokohan Shaykh `Abdullāh `Ārif secara *ijmāli* (umum) sahaja.

2.1 PENGENALAN KEPADA SHAYKH `ABDULLĀH `ĀRIF

Pengkaji mendapati, Shaykh `Abdullāh `Ārif merupakan seorang tokoh dakwah dan tasawuf yang menyebarkan Islam di Nusantara, malangnya nama beliau kurang dikenali kerana kekurangan sumber maklumat yang meriwayatkan mengenainya. Namun, manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* mencatatkan nama Shaykh `Abdullāh `Ārif sebagai pengarang dan ini membuktikan kewujudannya. Oleh yang demikian beliau turut dikenali sebagai tokoh tasawuf disebabkan isi kandungan karya *Baḥr al-Lāhūt* yang dikarangnya cenderung untuk mengajar umat Islam untuk memahami ilmu tasawuf bagi tujuan penyebaran agama Islam di Aceh. T.W Arnold juga menyatakan bahawa Shaykh `Abdullāh `Ārif adalah seorang ulama tasawuf dari tanah Arab dan beliau merupakan di antara individu yang terawal menyebar Islam di Aceh⁵⁷ dan kepulauan Melayu pada pertengahan kurun ke-12M⁵⁸. Pandangan beliau mempunyai asasnya kerana proses pengIslamam di Nusantara adalah melalui ilmu penyebaran tasawuf, walaupun tidak dinafikan terdapat faktor lain selain seperti perdagangan telah berlaku secara berperingkat-peringkat bermula dari Aceh sebelum tersebar ke negeri-negeri lain seperti Sumatera, Malabar, Kedah, Terengganu, Melaka dan lain-lain tempat⁵⁹.

⁵⁷ Hasmy, Ali (1981), *Sejarah Berkembang Dan Masuknya Islam di Indonesia*. Kuala Lumpur : PT al-Ma`arif. h. 473.

⁵⁸ Arnold , Thomas Wilson (1970), *al-Da`wah ilā al-Islām : Baḥth fī Tārīkh Nashr al-`Aqīdāh al-Islāmiyyah* (terj.) *The Preaching of Islam*. Kaherah : Maktabah al-Nahdah al-Miṣriyyah li Aṣḥābi Ḥasan Muḥammad Wa Awlādih. h. 404.

⁵⁹ Untuk maklumat yang lebih lanjut sila rujuk H.M Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh dan Nusantara*. Medan : Pustaka Iskandar Muda. h.85, 250. ; Buyong Adil (1980), *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 7.

Manakala kajian tentang riwayat dan nasab keturunan Shaykh `Abdullāh `Ārif tidak dapat dijelaskan secara khusus dan terperinci melainkan hanya namanya sahaja kerana kebanyakan para sarjana sejarah Islam di Nusantara seperti Mahayudin Yahya menyatakan bahawa nama asal beliau ialah Shaykh `Abdullāh dan `Ārif adalah gelaran kepadanya⁶⁰. `Abdullāh merupakan gabungan kepada dua perkataan dalam Bahasa Arab iaitu `Abd dan Allah. *Al-`Arif* membawa maksud hamba yang sangat bijaksana, mengetahui, dan memahami dalam persoalan akidah untuk mengenal Allah S.W.T. Dalam hal ini, `Abdullāh membawa maksud hamba kepada Allah SWT⁶¹. Armstrong menjelaskan, al-`Ārif adalah merujuk kepada seorang manusia yang sempurna, dikurniakan *ma`rifah* iaitu cahaya yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T ke dalam hati hamba-hamba yang dikehendaki-Nya sehingga sampai kepada mereka kedudukan `ashiq sebagai seorang kekasih Allah dalam tiap-tiap penzahiran diri setiap waktu tanpa berehat⁶². Justeru, dapat difahami maksud kepada nama Shaykh `Abdullāh `Ārif sebagaimana dijelaskan oleh HAWASH Abdullah dalam bahasa Melayu ialah “Hamba Allah S.W.T yang Bijaksana”⁶³. Maka, pengkaji mendapati berdasarkan kepada kefahaman dari setiap perkataan yang dihuraikan, dapat difahami bahawa *al-`Arif* merujuk kepada gelaran yang diberikan kepada ahli Tasawuf sebagai seorang yang alim serta mencapai kedudukan *Ma`rifah Allah* dan *`ashiq* sebagai kekasih Allah yang sentiasa rindu serta mencintai-Nya setiap masa.

Menurut Mohd Syukri Yeoh pula, terdapat dua orang bernama Shaykh `Abdullāh `Ārif yang hidup di zaman berlainan iaitu pada kurun 12 M dan 17 M⁶⁴. Yang pertama

⁶⁰ Mahayudin Yahya (1994), *Op.cit.*, h. 36.

⁶¹ *Ibid.*,

⁶² Armstrong, Amatullah (1995), *Sufi Terminology (Al-Qamus Al-Sufi) The Mystical Language Of Islam*. Kuala Lumpur : A.S Noordeen. h. 21 & 23.

⁶³ Abdullah, HAWSH (1980), *Perkembangan Ilmu Tasawuf dan tokoh-tokohnya di Nusantara*. Indonesia : Penerbit al-Ikhlas Surabaya. h. 10.

⁶⁴ Mohd Syukri Yeoh (t,t), *Retrospektif Peranan Ulamak dalam Pembangunan Ruhani di Aceh*. (t.t.p) : (t.p). h. 155.

adalah Shaykh `Abdullāh `Ārif iaitu pengarang karya *Baḥr al-Lāhūt* dan merupakan anak murid Shaykh `Abd Qādir al-Jīlānī pada tahun 560 H / 1166 M⁶⁵. Shaykh `Abdullāh `Ārif yang kedua pula merupakan anak murid kepada Shaykh Aḥmad Qushāshī pada abad 17 M. Shaykh `Abdullāh `Ārif yang pertama, merupakan pengikut Tarekat Shatariyyah yang mempunyai anak murid bernama Shaykh Burhanuddin Ulakan. Sebelum kewafatannya, beliau sempat berpesan kepada Shaykh Burhanuddin Ulakan untuk meneruskan pengajiannya bersama Shaykh `Abd Rauf di Aceh. Dalam hal ini, Mahayudin Yahya, dalam kajian yang dijalankannya mengukuhkan lagi maklumat bahawa Shaykh `Abdullāh `Ārif (560 H / 1166 M) bukan sahaja berperanan sebagai pendakwah Islam dalam Tasawuf dan tokoh muslim pertama di Aceh pada abad ke-12M, malah mempunyai perwatakan seorang “Wali Allah”⁶⁶. Shaykh `Abdullāh `Ārif juga berperanan sebagai ketua rombongan para ulama dari Mekah yang datang ke Aceh sewaktu pemerintahan Maharaja Nurdin (1155-1210 M)⁶⁷.

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa Shaykh `Abdullāh `Ārif merupakan seorang tokoh tasawuf berasal dari Mekah yang telah mengarang sebuah karya berjudul *Baḥr al-Lāhūt* dan merupakan salah seorang tokoh terawal menyebarkan Islam di Aceh. Malah beliau turut dikatakan mempunyai perwatakan seperti seorang “Wali Allah” serta pernah menjadi anak murid kepada Shaykh `Abd Qādir al-Jīlānī.

⁶⁵ Wan Mohd Saghir (1999), *Op.cit.*, h. 12 : H.M Zainuddin (1961), *Op.cit.*, c.1, h. 40.

⁶⁶ Mahayudin Yahya (1992), *Op.cit.*, ; Mahayudin Yahya (1994), *Op.cit.*, h. 36.

⁶⁷ Hasymy, Ali (1981), *Op.cit.*, h. 379.

2.1.1 Pengembaran dan ketibaan Shaykh `Abdullāh `Ārif di Samudera Pasai, Utara Aceh

Tarikh Shaykh `Abdullāh `Ārif sampai di Aceh merupakan satu persoalan yang perlu dikaji oleh pengkaji disebabkan terdapat beberapa pendapat yang berlainan mengenai ketibaannya di Aceh. Perbezaan pendapat mengenai tahun ketibaan Shaykh `Abdullāh `Ārif ini tidak menjadi permasalahan yang ketara, namun perkara penting dalam kajian ini adalah penemuan data membuktikan bahawa Shaykh `Abdullāh `Ārif pernah muncul di Utara Aceh⁶⁸.

Pengkaji mendapati terdapat catatan secara umum menyatakan bahawa Shaykh `Abdullāh `Ārif dikatakan telah sampai ke Aceh di antara 560 H / 1165 M hingga 572 H / 1177 M⁶⁹. Menurut Ali Hasmy, Shaykh `Abdullāh `Ārif merupakan seorang pendakwah Arab yang telah tiba di Aceh pada tahun 572 H / 1177 M⁷⁰, dan beliau telah menjalankan usaha penyebaran dakwah Islam di Aceh pada tahun yang sama⁷¹. Walau bagaimanapun, Wan Mohd Saghir menegaskan ketibaan Shaykh `Abdullāh `Ārif di Aceh lebih awal lagi iaitu pada tahun 560 H / 1165 M, bukan pada tahun 572 H / 1177 M kerana agama Islam di

⁶⁸ Menurut Abdul Rahman, sebelum kedatangan Shaykh `Abdullāh `Ārif ke Aceh, terdapat catatan menunjukkan seorang ulama Syiah Zaidiyah berasal daripada Yaman yang bernama Sulaymān Ibn `Abdullāh telah sampai ke Aceh pada tahun 850 M dan pada ketika ini adalah di bawah pemerintahan Sultan Alauddin Sayyid Maulana `Abdul Aziz Syah (225-249 H / 840-865 M). Islam juga turut tersebar ke negeri-negeri selain Aceh, ini kerana terdapat penemuan batu nisan yang tertulis ayat-ayat al-Quran dan tarikh kematian pada batu nisan tersebut iaitu “waktu Subuh hari rabu, 14 haribulan Rabi`ulawwal tahun 419 Hijrah” di Permatang Pasir, Pekan, Pahang. Begitu juga di Kedah, Islam juga telah sampai ke negeri ini berdasarkan kepada penemuan batu nisan di Langgar bertarikh 291 H / 903 M, dan tidak lama selepas itu muncul pula Shaykh `Abdullāh Yamani pada tahun 1136 M yang telah mengIslamkan Maharaja Derbar Raja II dan menukar nama Baginda kepada Sultan Muzaffar Syah.; Abdul Rahman Abdullah (1990), *Op.cit.*, h.38 & 40. ; Mahmud b. Mat, “*Two Unidentified Muslim Grave at Kampong Permatang Pasir, Pekan District, Pahang*. The Malayan Historical Journal, j.2. December 1955. h.137-140 ; Mohd. Mokhtar Shafi`i (1980),“*Batu Nisan kurun ke-5 H / 10 M di Pekan Pahang*” dalam Mohd. Fadzil Othman, *et.all* (1980), *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia. h.13-28; Buyong Adil (1980), *Op.cit.*, h. 7.

⁶⁹ Wan Mohd. Saghir Abdullah dalam “Bicara Agama”, *Akhbar Utusan* pada 13 November 2006.

⁷⁰ Hasmy, Ali (1981), *Op.cit.*, h. 379.

⁷¹ Abdullah, HAWSH (1980), *Op.cit.*, h. 10.

Aceh sudah disebarluaskan oleh pendakwah yang berasal dari Arab pada tahun 1177 M, antaranya adalah merujuk kepada Shaykh 'Abdullāh 'Ārif sendiri⁷².

Dalam catatan sejarah lain yang ditemui pula, Shaykh 'Abdullāh 'Ārif sampai di Utara Aceh pada zaman pemerintahan Kerajaan Islam Pasai⁷³. Kerajaan Islam Pasai yang berada di bawah pemerintahan Dinasti Meurah Giri (Meurah Khir) ini merupakan satu tempoh yang panjang dan lama iaitu bermula daripada zaman pemerintahan Meurah Giri sendiri sebagai Raja Pasai dengan gelaran Maharaja Mahmud Syah yang memerintah pada tahun 433 H / 1042 M – 470 H / 1078 M⁷⁴, sehingga kepada akhir pemerintahan selepas kemangkatan Sultan Nurdin al-Kāmil kerana berlaku perebutan kuasa sebelum diambil alih oleh Dinasti Meurah Silu (Sultan Malik al-Salih)⁷⁵. Fakta sejarah juga mencatatkan maklumat bahawa sewaktu pemerintahan Beraja yang bernama Sultan Nurdin al-Kāmil (550 H / 1155 M – 607 H / 1210 M) tersebut, terdapat seorang ulama` Islam dari Mekah berketurunan Arab yang bernama Shaykh 'Abdullāh 'Ārif (dikenali juga sebagai Syarif Mekah), telah sampai di Samudera Pasai, Utara Aceh untuk melihat sendiri perkembangan pesat Agama Islam di situ⁷⁶. Rombongan yang dipimpin oleh beliau telah tiba di Aceh pada tahun 561 H / 1166 M⁷⁷. Manakala M. Arifin Amin turut menyebut Shaykh 'Abdullāh 'Ārif (Maulana Syeikh 'Abdullah 'Arif) ini tiba di pelabuhan Bandar Salasari, Aceh pada tahun (548 H / 1153 M) yang turut berserta bersama-sama dengan rombongan Syeikh Ismail

⁷² Wan Mohd Saghir (1999), *Op.cit.*, h. 12 & 13.

⁷³ M. Yunus DJamil (1968), *Tawarich Radja-Radja Kerajaan Atjeh*. Banda Aceh : Kodam Iskandar Muda. h. 12.

⁷⁴ M. Arifin Amin *et.al* (1980), “Uraian sekitar kerajaan Islam Peuruelak Aceh Timur” (Kertas kerja seminar *Sejarah Masuk dan berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara*) pada 25-30 September 1980 di Aceh Timur, anjuran Majelis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh dan Pemerintah Daerah TK. II Aceh Timur. h. 85.

⁷⁵ M. Yunus Djamil (1968) *Op.cit.*, h. 12.

⁷⁶ Ajidar Matsyah (2004), Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh : Kajian Faktor Perkembangan dan Kemerosotan. Tesis Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur :Universiti Malaya. h. 51.

⁷⁷ Abdul Rahman Abdullah (2006), *Islam dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid. h. 86.

al-Ramaly selepas pulang dari mengunjungi Bandar Peureulak⁷⁸. Berdasarkan kepada tarikh tersebut didapati bahawa Shaykh `Abdullāh `Ārif sampai Aceh dua tahun lebih awal sebelum pemerintahan Sultan Nurdin al-Kāmil. Ketika di situ, Shaykh `Abdullāh `Ārif turut menjalankan kegiatan perdagangan bersama-sama dengan para pedagang dari Mekah yang lain dengan membekal barang dari Hijaz seperti kurma, kulit kambing dan lain-lain⁷⁹. Hubungan mesra yang telah terjalin antara beliau dan para pedagang dengan masyarakat Aceh telah menyebabkan mereka terhutang budi seterusnya membuatkan Shaykh `Abdullāh `Ārif terus kekal di Aceh untuk berkhidmat kepada masyarakat di situ⁸⁰.

Dalam kajian Wan Mohd Saghir juga menyebutkan Shaykh `Abdullāh `Ārif berhijrah ke Aceh bersama seorang sahabat iaitu Shaykh Ismā`īl Zaffī dan kedua-dua tokoh ini dikatakan pernah bertemu serta menjadi anak murid kepada Shaykh `Abd al-Qādir al-Jīlāni⁸¹. Shaykh Ismā`īl Zaffī merupakan ketua rombongan para Syarif Mekah ke Pasai bertujuan untuk melihat sendiri kemajuan Pasai yang sedang berkembang bersama Islam dalam sudut politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan. Ketibaan Shaykh Ismā`īl Zaffī ketika pemerintahan Meurah Silu (Sultan Malik al-Salih) pada tahun 693 H / 1297 M, manakala Mekah pula pada waktu ini dinaungi oleh Kerajaan Mamluk di Mesir⁸². Setelah berada di Pasai, mereka mendapati Kerajaan Pasai begitu makmur dan maju yang menjadikan mazhab Syafie sebagai panduan dalam syariat, dan manhaj Ahl al-Sunnah Wa al-Jama`ah dalam berakidah⁸³.

⁷⁸ M. Arifin Amin, *et.al* (1980), *Op.cit.*, h. 85

⁷⁹ Wan Mohd. Saghir Abdullah dalam “Bicara Agama”, *Akhbar Utusan* pada 13 November 2006.

⁸⁰ *Ibid.*,

⁸¹ Wan Mohd Saghir (1999), *Op.cit.*, h. 12.

⁸² Abdul Rahman Abdullah (2006), *Op.cit.*, h. 86.

⁸³ Muhammad Said (1961), *Atjeh Sepanjang Abad*. Medan : Pengarang Sendiri. h. 13.; M. Yunus Djamil (1968), *Op.cit.* h. 13.

Semasa berada di Pasai, Shaykh Ismā`īl Zaffī telah memberi gelaran kepada Maharaja Meurah Silu dengan gelaran Sultan Malik al-Salih sempena nama Raja Mesir yang sedang menghadapi Perang Salib di Mesir ketika itu. Seterusnya beliau menghadiahkan sebuah al-Qur`ān bertinta emas kepada Sultan Malik al-Salih⁸⁴ dan dikatakan turut mengajar al-Qur`ān kepada Baginda Sultan seperti yang didakwa oleh sesetengah para sejarawan⁸⁵.

Selain Shaykh Ismā`īl Zaffī dan Shaykh `Abdullāh `Ārif juga merupakan sahabat kepada Shaykh `Abdullāh al-Qumayrī atau turut dikenali juga dengan nama Tuan Shaykh `Abdullāh bin Tuan Shaykh Ja`afar al-Qumayrī dari negeri Syahir Yaman (531 H / 1137 M). Shaykh `Abdullāh al-Qumayrī merupakan tokoh yang memberi nama kepada negeri Kedah dan mengIslamkan Maharaja Derbar, serta menukar nama Maharaja tersebut kepada Sultan Muzaffar Syah I⁸⁶. Shaykh `Abdullāh al-Qumayrī ini merupakan anak murid kepada Shaykh `Abdullāh di Baghdad yang juga dikatakan sebagai Wali Allah⁸⁷.

Oleh yang demikian, pengkaji mendapati bahawa kemunculan Shaykh `Abdullāh `Ārif bersama-sama para Syarif Mekah yang diketua oleh Syeikh Ismā`īl Zaffī ke Aceh adalah di sekitar era pemerintahan Sultan Nurudin al-Kāmil (550 M / 1155 H - 607 H/1210M). Justeru, berdasarkan perbincangan di atas pengkaji mendapati terdapat tiga pandangan menyatakan tahun ketibaan Shaykh `Abdullāh `Ārif di Aceh adalah pada tahun 560 H / 1165 M, 561 H / 1166 M, dan 572 H / 1177 M. Pada hemat pengkaji, ketiga-tiga pandangan tersebut boleh diterima sebagai fakta tarikh ketibaannya kerana secara umumnya tempoh waktu tersebut masih berada dalam lingkungan zaman pemerintahan

⁸⁴ M. Yunis Djamil (1968), *Ibid.*, h. 13.

⁸⁵ Ajidar Matsyah (2004), *Op.cit.*, h. 54.

⁸⁶ Muhammad Hasan (1968), *Op.cit.*, h. 27.

⁸⁷ Ibrahim Ismail (1987), *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Kedah : JawatanKuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia. h. 10.

Sultan Nurudin al-Kāmil. Manakala satu tarikh lain yang lebih awal yang telah ditemui iaitu pada 548 H / 1153 M turut boleh diambil sebagai tarikh ketibaan Shaykh `Abdullāh `Ārif kerana tarikh tersebut tidak jauh dari tarikh era pemerintahan Sultan Nurudin al-Kāmil. Ini disebabkan, pendekatan mengambil keputusan untuk bertoleransi dan menghormati pandangan para sejarawan adalah lebih tepat pada pandangan pengkaji kerana menafikan serta menolak hasil analisa sejarawan terdahulu akan menyempitkan penemuan kajian sejarah. Ini adalah kerana setiap sejarawan mempunyai hujah tertentu untuk menyatakan pandangan dan teori kukuh yang ditemui mereka dalam sesuatu kajian yang dijalankan.

2.1.2 Pemikiran dan Sumbangan Shaykh `Abdullāh `Ārif dalam Tasawuf serta Politik di Aceh

Terdapat catatan kajian yang menjelaskan peranan Shaykh `Abdullāh `Ārif menyampaikan ilmu kepada penduduk di Nusantara khususnya Aceh dalam kajian sarjana Islam dan orientalis yang boleh diambil sebagai rujukan untuk menilai sumbangan beliau dakwahnya. T.W Arnold menyebut Shaykh `Abdullāh `Ārif adalah seorang ulama` Tasawuf dari Arab merupakan individu yang terawal menyebarkan Islam di Aceh dan kepulauan Melayu pada pertengahan kurun ke-12 M⁸⁸. Ini bertepatan dengan kenyataan Abdul Rahman bahawa perkembangan pengajaran dan pembelajaran disiplin Tasawuf Falsafi di Nusantara yang terawal adalah bermula pada tahun 1165 M⁸⁹. Hal ini berlaku setelah kemunculan Shaykh `Abdullāh `Ārif yang menyebarkan ajaran Islam melalui aliran sufi telah sampai di

⁸⁸ Arnold, Thomas Wilson (1970), *Op.cit.*, h. 404.

⁸⁹ Abdul Rahman Abdullah (1990), *Op.cit.*, h. 145.

Samudera ketika zaman pemerintahan Sultan Nurudin al-Kāmil iaitu pada tahun 1155 M hingga 1210 M⁹⁰.

Ketokohan Shaykh `Abdullāh `Ārif dalam keilmuan Tasawuf boleh dihormati kerana beliau adalah antara tokoh penting yang mendokong pemikiran doktrin *Insān Kāmil*, *Wahdah al-Wujud*, dan Nur Muhammad⁹¹. Beliau membawa ajaran *Wahdah al-Wujud* yang telah dikembangkan kefahaman mengenai teori ini di Nusantara oleh ulama tasawuf selepas zamannya iaitu Shaykh Hamzah Fansuri. Doktrin *Wahdah al-Wujūd* ini telah diubah untuk memudahkan kefahaman dengan istilah baru iaitu *Martabat Tujuh* yang diperkenalkan oleh Muhammad bin Faḍlullah al-Buhanpuri dalam karya *Tuhfah al-Mursalah ila Ruh al-Nabi*.

Selain itu, manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* merupakan sumbangan Shaykh `Abdullāh `Ārif yang berharga dalam perjalanan dan penyebaran Islam melalui disiplin ilmu Tasawuf di Nusantara. Sebagai seorang ahli sufi, beliau dikatakan banyak menulis karya beraliran sufi, namun yang ditemui oleh pengkaji ulama-ulama Islam Nusantara hanyalah karya ini sahaja buat masa ini⁹².

Abdul Rahman mengatakan hasil penulisan karya *Baḥr al-Lāhūt* merupakan pencetus tersebarnya pengajaran Tasawuf Falsafi (*speculative Sufism*) di Nusantara⁹³. Justeru, terdapat kritikan dan persepsi negatif terhadap Shaykh `Abdullāh `Ārif kerana dianggap berakidah Syi`ah disebabkan beliau mendokong doktrin Nur Muhammad yang terdapat dalam karyanya. Tambahan pula, sewaktu ketibaan beliau di Nusantara, telah terbentuk kerajaan Islam yang pertama di Perlak di bawah pemerintahan Sultan Alaudin Sayyid Mawlana Abdul Aziz Shah sebagai pemerintah pertama yang turut beraliran

⁹⁰ *Ibid.*,

⁹¹ Kamis Ismail (2003), *Op.cit.*, h. 254. ;Mahayudin Yahya (2000), *Op.cit.*, h. 338.

⁹² Abdul Rahman (1990), *Op.cit.*, h. 47

⁹³ *Ibid.*,

Syiah⁹⁴. Namun, pada pandangan pengkaji, pengaruh Syiah adalah dominan apabila dilihat melalui doktin *Wahdah al-Wujūd* dan Nur Muhammad. Namun, pernyataan bahawa beliau seorang Syiah atas dasar pendokong dan penyebar pemikiran Nur Muhammad dan *Wahdah al-Wujud* dalam *Baḥr al-Lāhūt* bukanlah suatu hujah teras. Ini kerana, dalam disiplin Tasawuf, doktrin-doktrin ini turut dijadikan prioriti asas pegangan bagi mendalami Tasawuf. Maka, teori yang sebaliknya juga boleh dicetuskan iaitu beliau adalah beraliran *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā`ah*.

Dalam aspek yang lain juga, Shaykh `Abdullāh `Ārif turut mempunyai pemikiran yang jauh dan terkehadapan apabila beliau meminta muridnya iaitu Shaykh Burhanuddin untuk berhijrah ke Sumatera Barat di Daerah Pariaman bagi mengembangkan ajaran Islam di sana⁹⁵. Walaupun pada dasarnya perpindahan tersebut adalah disebabkan ketidak serasan Syeikh Burhanuddin berada di Aceh. Setelah mentaati arahan yang diberikan oleh gurunya dan berdakwah disana, maka natijah yang diperolehi dalam catatan sejarah ialah beliau merupakan orang yang pertama mengIslamkan Minangkabau dan makam beliau ditemui di Tepi Sungai Kampar Kiri bertarikh 610 H / 1214 M⁹⁶.

Dalam sudut politik, Shaykh `Abdullāh `Ārif merupakan individu yang bertanggungjawab memberikan gelaran Sultan al-Kāmil kepada Maharaja Nurdin (550 H / 1155 M -607 H / 1210 M)⁹⁷. Sempena ketibaannya di Pasai, beliau telah mengabdikan panggilan Sultan Nurudin dengan gelaran *al-Kāmil* kerana ingatannya terhadap salah seorang Pahlawan Besar Islam yang sedang berperang menghadapi Perang

⁹⁴ *Ibid.*,

⁹⁵ HAWSH Abdullah (1980), *Op.cit.*, h. 11.

⁹⁶ *Ibid.*,

⁹⁷ Syahbuddin Razi (1980), “Dayah Cot Kala Pusat Pengembangan Pusat Pendidikan Islam di Asia Tenggara” Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara di Aceh Timur pada 25-30 September 1980. Aceh : Majelis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh dan Pemerintah Daerah TK, II Aceh Timur. h. 32.

Salib pada waktu itu⁹⁸. Sultan Nurudin al-Kāmil ini merupakan salah seorang dari empat orang Raja Islam di Tanah Pasai terawal yang terdiri daripada Maharaja Mahmud Syah (433-470 H/1042-1078 M), Maharaja Mansur Syah (470-527/1078-1133 M), dan Maharaja Ghiyatuddin (527-550 H/ 1133-1155 M), yang memerintah Tanah Pasai selama 226 tahun sebelum Sultan Malik al-Salih (Meurah Siloo) menaiki takhta kerajaan yang dikatakan baginda adalah Sultan Samudera Pasai Islam pertama seperti yang telah dibincangkan di atas⁹⁹. Sewaktu pemerintahan Sultan Nurudin al-Kāmil, Kerajaan Pasai semakin terkenal sehingga ramai para ulama besar dari pelbagai kawasan Islam termasuk Nusantara datang ke Pasai dan menjadi penduduk di sini. Malahan mereka turut diberikan penghormatan untuk memimpin bersama-sama dengan Sultan Nurudin al-Kāmil dan di antara mereka adalah Wazir Maulana Qutb al-Ma`ali `Abd Rahman al-Pasi (M. 610 H), Qāid al-Mujahidin Maulana Naina Ibn Naina al-Malabari (M. 623 H), dan Syeikh Yaakub iaitu Ulama Besar Blang Priya telah dilantik menjadi Pembesar Kerajaan (M. 630 H)¹⁰⁰. Walau bagaimanapun, kegemilangan kerajaan Islam Pasai di bawah Dinasti Meurah Khir atau Meurah Giri telah berakhir setelah kemangkatan Sultan Nurudin al-Kāmil pada hari Ahad 7 Jamadil Awwal 607 H kerana beliau tidak meninggalkan pengganti bagi mewarisi kepimpinan Baginda dan perebutan kuasa berlaku di kalangan para pembesar sehingga berlarutan selama 51 tahun sebelum diambil alih oleh Dinasti Meurah Silu (Sultan Malik al-Salih)¹⁰¹.

Justeru, disini dapat dilihat bahawa Shaykh `Abdullāh Ḥāfiẓ mempunyai sumbangan yang cukup bermakna dalam menggerakkan keilmuan Islam khususnya Tasawuf. Pada masa yang sama turut mempunyai peranan dalam mengharmonikan hubungan antara ulama

⁹⁸ M Yunus Djamil(1968), *Op.cit.*, h.10.

⁹⁹ *Ibid.*, h. 33.

¹⁰⁰ Hasyimy, Ali (1983), *Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*. Jakarta : Penerbit Beuna. h. 48.

¹⁰¹ M. Yunus Djamil (1968), *Op.cit.*, h. 12.

dan pemerintah dalam memastikan perjalanan dakwah Islam terus dapat disebarluaskan khususnya di Aceh dan amnya di Nusantara. Di samping itu, karya dan pemikiran tasawuf seperti doktrin Nur Muhammad yang ditinggalkan dalam *Baḥr al-Lāhūt* berperanan untuk membuka dan mencambahkan pemikiran umat Islam yang mempelajari ilmu tasawuf sewaktu peluasan dakwah Islam di Nusantara, walaupun terdapat pelbagai persepsi yang negatif terhadap karya ini. Namun, disebaliknya terdapat pandangan yang positif kerana melihat sumbangaan Shaykh `Abdullāh `Ārif sebagai sumbangan yang berjasa dan pemikiran yang terdapat dalam *Baḥr al-Lāhūt* sebagai khazanah ilmu yang bernilai dan perlu dihargai.

2.1.3 Guru dan Murid Shaykh `Abdullāh `Ārif

Setelah mengumpul maklumat yang diperlukan untuk membincangkan mengenai guru dan murid Shaykh `Abdullāh `Ārif, pengkaji mendapati beliau pernah berguru dengan Shaykh `Abd al-Qādir al-Jilānī yang juga merupakan seorang wali Allah yang dinisbahkan Tarikat Qadiriyyah kepada beliau¹⁰². Diriwayatkan juga, Syeikh `Abd al-Qādir al-Jilānī pernah datang ke Aceh pada abad ke-11 M untuk mengembangkan Tarikat Qadiriyyah¹⁰³. Penghijrahan Shaykh `Abdullāh `Ārif ke Nusantara pada tahun 560 H / 1165 M adalah setahun sebelum kewafatan Shaykh `Abd Qadir al-Jilānī iaitu pada tahun 561 H / 1166 M, dan ini menunjukkan bahawa kedua-dua tokoh ini pernah hidup sezaman¹⁰⁴.

Shaykh `Abdullāh `Ārif telah memulakan gerak kerja dakwah dengan memberikan pendidikan kepada masyarakat setempat, maka ramai yang memeluk Islam dan menjadi

¹⁰² H.M Zainuddin (1961), *Op.cit.*, h. 40.

¹⁰³ *Ibid.*,

¹⁰⁴ Wan Mohd. Saghir Abdullah dalam “Bicara Agama”, *Akhbar Utusan* pada 13 November 2006.

murid beliau serta telah mampu menjadi pendakwah menyebarkan Islam di Pantai Sumatera Barat, Daerah Minangkabau¹⁰⁵. Walau bagaimanapun, yang terkenal dan masyhur adalah Syeikh Burhanudin yang dikatakan sebagai murid beliau. HAMKA turut menyetujui Shaykh Burhanuddin adalah murid kepada Shaykh `Abdullāh `Ārif turut menyebarkan Islam di Sumatera Barat, Pariaman¹⁰⁶ dan ia bukanlah Syeikh Burhanuddin Ulakan iaitu anak murid Syeikh `Abdul Rauf. Makam Syeikh Burhanuddin yang wafat pada tahun 610 H / 1214 M ini ditemui di Kuntu di tepi Sungai Kampar Kiri¹⁰⁷.

2.1.4 Kewafatan Shaykh `Abdullāh `Ārif

Terlebih dahulu pengkaji ingin menjelaskan dalam kajian ini tidak disentuh mengenai tarikh dan tempat kelahiran Shaykh `Abdullāh `Ārif kerana pengkaji tidak menemui dapatan kajian yang boleh menjelas perkara ini. Namun, mengenai kewafatan tokoh ini, pengkaji mendapati terdapat dalam catatan Wan Mohd Saghir menerusi kajian yang dijalankan olehnya menyebut bahawa, Shaykh Abdullāh `Ārif wafat pada tahun 575 H / 1177 M dan jenazah beliau disemadikan di Aceh¹⁰⁸. H.M Zainuddin turut menjelaskan lagi lokasi tepat kubur Shaykh `Abdullāh `Ārif adalah di kompleks perkuburan yang bernama Kuburan Keling¹⁰⁹.

¹⁰⁵ *Ibid.*,

¹⁰⁶ HAMKA (1980), *Op.cit.*, h. 422 ; HAWSH Abdullah (1980), *Op.cit.*, h. 11.

¹⁰⁷ Wan Mohd. Saghir Abdullah dalam “Bicara Agama”, *Akhbar Utusan* pada 13 November 2006. ; Hawash Abdullah (1980) *Op.cit.*, h. 11.

¹⁰⁸ Wan Mohd Shaghir (1991), *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, j.1. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah. h. 2.

¹⁰⁹ H. M Zainuddin (1961), *Op.cit.*, Medan : Pustaka Iskandar Muda. h. 50.

2.2 PERKEMBANGAN USAHA MENGKATALOG TEKS MANUSKRIP MELAYU-ISLAM

Abu Hassan Sham menyatakan manuskrip boleh didefinisikan dengan pengertian “tulisan tangan (Belanda : *Handschrift*) yang ditulis di atas kertas atau media lain seperti daun lontar, kulit kayu (di Jawa dinamakan *dluwang*), buluh, papan, dan rotan”¹¹⁰. Menurut Siti Hawa pula, manuskrip adalah berasal daripada kata Latin iaitu *manuscriptus* yang bermaksud “sesuatu suratan yang ditulis dengan tangan sama ada pada kertas, kulit, daun, buluh, kulit kayu atau bahan-bahan lain yang boleh ditulis di atasnya, dan surat-surat yang ditaip”¹¹¹. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* juga turut memberikan pengertian yang sama iaitu manuskrip adalah “naskhah tulisan tangan (*Handschrift*) atau yang ditaip, lama, masih tersimpan di muzium dan belum pernah diselidiki, dicetak, dan diterbitkan dalam bentuk buku”¹¹². Manakala bahan-bahan arkeologi yang ditemui selain dari pengertian manuskrip yang dikemukakan adalah tidak termasuk dalam kategori manuskrip, dan jika terdapat tulisan yang ditulis di atas batu ditemui, maka ini dinamakan sebagai prasasti¹¹³.

Kajian mengenai manuskrip ini merupakan kerja penting yang perlu dipikul oleh para sarjana mengikut bidang kajian dan kepakaran tersendiri. Selain *Baḥr al-Lāhūt* karya Shaykh `Abdullāh `Ārif, terdapat manuskrip-manuskrip Melayu¹¹⁴ lain yang ditemui

¹¹⁰ *Ibid.*, h. 1.

¹¹¹ Siti Hawa (1987), *Cendekia, Kesusastraan Melayu Traditional*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 215.

¹¹² *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003), *Op.cit.*, h.1720.; *Kamus Dewan* (2007), c.2, e.4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 997.; *Kamus Za'ba* (2004), c.2. Selangor : Shah Alam, Pustaka Anatara Books Sdn. Bhd. h. 737.

¹¹³ Abu Hasan Sham (2006), “Sejarah awal penulisan Manuskrip Melayu. Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu” 10-11 Julai 2006, Anjuran Arkib Negara Malaysia, Sessi I (Kertas 3). Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia. h. 12. ; *Ibid.*

¹¹⁴ Manuskrip Melayu adalah merujuk kepada apa-apa tulisan Jawi atau Rumi berbahasa Melayu yang ditulis dengan tangan di atas bahan-bahan seperti kertas, kulit, daun lontar, buluh, gading, kayu, kain dengan isi kandungan dan jangka waktu yang tidak terbatas. ; Abu Hassan Sham (1989), “Pengarang-pengang dari kalangan bangsawan keturunan Bugis di Riau. Simposium Antarabangsa Kesusastraan Melayu Traditional

kebiasaannya boleh dikategorikan berada dalam beberapa bahagian antaranya adalah seperti manuskrip hikayat (*Folk Prose*), cerita-cerita kenabian, sastera, hukum dan adat (*Customs*), puisi-puisi, bahasa (*Language*), syair-syair (*Folk Poetry*), sejarah dan salasilah (*Historioghrphy*), kebudayaan, kitab *tibb* (*Traditional Medicine*), dan keagamaan (*Religion*)¹¹⁵. Dapat dilihat, berdasarkan pembahagian manuskrip oleh para penulis silam, ia merupakan suatu khazanah penting yang perlu dipelihara dan dikaji dengan lebih holistik mengikut tema dan kategori yang telah ditetapkan. Cerapan ilmu untuk mendapatkan manfaat bagi perkembangan nilai ilmu sesebuah negara khususnya Alam Melayu dengan melakukan kajian lanjutan terhadap manuskrip-manuskrip yang ditemui perlu diberikan galakan dan sokongan. Idea-idea yang sedia tertulis didalam manuskrip perlu dikeluarkan sekiranya masih mempunyai nilai-nilai ilmu yang bermanfaat tatapan bersama pada zaman kini dan generasi kemudian.

Walau bagaimanapun, kajian terhadap manuskrip bukanlah bermaksud untuk meletakkan pemikiran umat manusia zaman kini kembali kepada menerima sepenuhnya kepada pemikiran umat terdahulu pada zaman silam tanpa melakukan analisis, sintesis, dan membuat rumusan akhir. Hal ini telah dijelaskan oleh Wan Suhaimi Wan Abdullah bahawa menghidupkan warisan Melayu-Islam bukan semestinya bermaksud kembali menelaah dan terikat serta terkongkong dengan warisan kitab Melayu Jawi, sama ada dari segi isi, topik perbahasan ataupun bahasa persembahannya ketika berinteraksi dengan mana-mana teks dari pelbagai zaman dan tradisi, namun ia adalah kajian untuk memahami hakikat ilmu

Dalam Perkembangan Akademik Masakini?", 4-6 November 1982, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 1.

¹¹⁵ Kitab-kitab yang berada dalam kategori keagamaan seperti kitab *Bayan Tajalli*, *Fatah al-Mubin*, *Mir'at al-Mukmin*, *Durratul al-Fakhira*, *Mukhtasar al-Akaid*), *Wahdaniah*, *Wujudiah*, dalam Hamdan Hassan (1977), *Op.cit.*, h. 14-17.

yang boleh diambil manfaat untuk dikembangkan kefahamannya mengikut realiti zaman dan tempat¹¹⁶.

Namun, kebanyakan manuskrip adalah terdiri daripada teks-teks sastera traditional yang bertaburan dan sebahagian darinya berada di Eropah akibat dari sejarah penjajahan¹¹⁷. Menurut Siti Hajar, jumlah manuskrip berbahasa Melayu wujud dalam dunia adalah sebanyak 5000 hingga 10,000 buah, tetapi jumlah ini bukanlah yang muktamad kerana terdapat faktor lain menjelaskan jumlah kuantiti manuskrip, dan menyebabkan sesebuah manuskrip rosak seperti iklim panas yang lembap, serangan serangga dan ulat, bencana alam dan perperangan, sikap tidak peduli, dan tidak menghargai manuskrip oleh manusia¹¹⁸. Sementara itu, terdapat sebanyak 1500 buah manuskrip Melayu di Perpustakaan Universiti Leidin, namun maklumat yang diperolehi oleh pengkaji luar bahawa universiti tersebut hanya mempunyai 888 buah sahaja seperti yang tercatat dalam katalog Juynboll (1899) dan katalog tambahan oleh Van Ronkell (1921)¹¹⁹. Kemudahan katalog yang sedia ada ini memudahkan para sarjana menjalankan penyelidikan dengan lebih lanjut kerana ia adalah perkara asas dalam mengumpul manuskrip. Proses mengenalpasti katalog-katalog manuskrip yang mungkin mengandungi maklumat-maklumat penting tentang manuskrip perlu dilakukan kerana usaha mengesan kewujudan sesebuah manuskrip bukan suatu yang mudah khususnya dilihat dari aspek banyaknya manuskrip-manuskrip yang belum dikatalog¹²⁰. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati, kemudahan usaha mengkatalog lebih awal dilakukan barat, maka proses mencari judul dan jenis manuskrip yang ingin

¹¹⁶ Wan Suhaimi Wan Abdullah (2005), “Kajian Manuskrip al-Mu’tabar fi al-Ḥikmah (Kitāb al-Nafs) karangan Abū al-Barakāt al-Baghdādī (547H. / 1152M.) : Ke Arah Suatu Kaedah Suntingan Ilmiah Warisan Manuskrip Melayu-Islam” dalam Jurnal *Afskar*. Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 286.

¹¹⁷ Ibrahim Ismail (1982), “Pengawalan Bibliografi Manuskrip Melayu, Beberapa Catatan Mengenai Permasalahan dan Penyelesaian. Simposium Antarabangsa Kesusteraan Melayu Indonesia”, 4-6 November 1982. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 1. ; Siti Hawa (1987), *Op.cit.*, h. 215.

¹¹⁸ *Ibid.*,

¹¹⁹ Ibrahim Ismail (1982), *Op.cit.*, h. 5.

¹²⁰ Wan Suhaimi (2005), *op.cit.*, h. 282.

dikaji akan menjadi lebih lancar disebabkan sistem katalog yang telah diusahakan. Kesan daripada usaha yang dilakukan tersebut, maka mereka juga yang mendapat manfaat daripada hasil intelektual yang tersimpan dalam manuskrip-manuskrip yang ditemui.

Justeru, tidak pelik sekiranya pengkajian terhadap manuskrip-manuskrip Melayu pada peringkat awal kebanyakannya telah dilakukan oleh para sarjana dari Barat khususnya Belanda kerana mempunyai kemudahan katalog-katalog manuskrip, malah di kalangan mereka juga mempunyai asas dalam pengajian Islam dan Arab seperti Van Ronkel dan G.F Pijper¹²¹. Bahan-bahan yang dikumpul oleh mereka ini diperolehi dirantau Eropah sendiri khususnya dari England di Universiti Cambridge semenjak tahun 1624¹²². Belanda juga telah mengasaskan Jabatan Pengajian Melayu Indonesia di Delf bagi memulakan tradisi pengajian Melayu Indonesia pada tahun 1842. Pada masa yang sama, para pegawai Belanda, yang bertugas di Riau juga mempunyai minat untuk mengumpul naskhah-naskhah yang terdapat daerah ini bagi tujuan peribadi atau atas arahan dari Batavia¹²³. Umpamanya, H.C Klinker semasa berada di Riau beliau sempat mengumpul 90 buah naskhah mansukrip¹²⁴.

Di samping itu, terdapat usaha-usaha gigih untuk mengkatalog maklumat-maklumat mengenai manuskrip Melayu dengan lengkap seperti membuat huraian ringkas mengenai manuskrip, akan tetapi terdapat juga maklumat yang dihuraikan dengan kadar yang minima seperti hanya mempunyai judul, jumlah halaman, ukuran luar, dan tanda pengenal sahaja¹²⁵. Usaha pengawalan bibliografi dengan menyediakan maklumat manuskrip-manuskrip Melayu seperti di atas melalui penerbitan katalog-katalog manuskrip telah pun

¹²¹ Ismail Hamid (1989), “Penyelidikan mengenai Islam dalam kebudayaan dan kesusasteraan Melayu / Indonesia”, Seminar Sarjana Kesusasteraan Melaya Antarabangsa, 3 April 1989. Kuala Lumpur. h. 11.

¹²² *Ibid.*,

¹²³ Abu Hassan Sham (1989), *Op.cit.*, h. 7.

¹²⁴ *Ibid.*,

¹²⁵ Ibrahim Ismail (1982), *Op.cit.*, h. 6.

berusia hampir 150 tahun dan kali pertama diterbitkan ialah pada tahun 1840. Koleksi ini merupakan koleksi dalam simpanan Royal Asiatic Society, London oleh Dulaurier berjudul *Catalog Des MSS Malays apparcennanca la bibliothèque de la societe Royale Asiatique de Londres*, manakala yang terakhir diterbitkan ialah mengenai koleksi dalam simpanan Welcome Institute for History of Medicine, London pada tahun 1981 oleh R.F Ellen berjudul *The Hervey Malay Collection in the Wellcome Institute*¹²⁶. Namun, dalam hal ini pengkaji ingin menarik perhatian bahawa usaha mengkatalog manuskrip-manuskrip ini bukan dilakukan oleh para pengkaji Barat sahaja, malah turut dilakukan oleh Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bagi mengumpul manuskrimanuskrip yang dimiliki dalam negara dengan menerbitkan *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia* bagi menyambung terbitan *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia : Satu Katalog Ringkas pada Tahun 1987 hingga 1999*¹²⁷. Namun katalog ini diterbitkan setelah 6 tahun selepas katalog dari Wellcome Institute for History of Medicine, London yang diterbitkan pada tahun 1981. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia* ini mempunyai 151 naskhah manuskrip Melayu yang mengandungi 236 judul telah didokumentasikan mempunyai maklumat deskriptif seperti nombor manuskrip, judul, pengarang atau penyalin, tarikh dikarang, atau disalin, tempat dikarang atau disalin¹²⁸. Usaha ini menunjukkan bukan sahaja Barat yang berusaha untuk mengkaji manuskrip Melayu, malah kesedaran ini turut berputik di rantau Melayu khususnya Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) diberi tanggungjawab bagi menggalakkan penyelidikan kajian manuskrip Pengajian Melayu atau Pengajian Islam.

¹²⁶ *Ibid.*,

¹²⁷ Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (2000), c.1, Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia. h. V.

¹²⁸ *Ibid.*,

Usaha dan kesedaran ini bertepatan dengan masa walaupun agak terlewat. Ini kerana jika ditinjau dari sudut sejarah, Dunia Melayu telah menjadi kawasan persinggahan dan pertemuan kebudayaan timur dan barat. Bahasa Melayu sebagai *lingua franca* yang menjadi bahasa ketiga yang diguna oleh penduduk 350 juta penduduk dunia turut dijadikan bahasa perantaraan ketika zaman pertemuan antara dunia timur dan barat ini¹²⁹. Zaman peralihan beragama umat Nusantara dari Zaman Hindu kepada Zaman Islam berlaku secara berkala dan berjaya mencapai perubahan yang progresif dari masa ke masa. Sebagai contoh ialah perubahan kerajaan Pasai yang memeluk agama Islam bermula dari pengIslamahan Sultan Malik Salih pada tahun 1027 M¹³⁰. Pengkaji mendapati, hal ini berdasarkan kelebihan yang dimiliki di Nusantara seperti ketinggian Bahasa Melayu pada ketika itu, lokasi geografi yang strategik, menjadi tumpuan persinggahan para pedagang serta pendakwah khususnya dari Arab, dan mempunyai sistem pemerintahan yang hebat khususnya ketika zaman Pemerintahan Islam, semestinya menatijahkan banyak hasil karya manuskrip yang ditulis dan digunakan untuk tujuan pendidikan serta merubah pemikiran penduduk dalam membina sebuah ketamadunan berteraskan Islam.

Menurut Hamdan Hassan hasil dari penyelidikan yang dijalankannya di Dayah Tanoh Abee¹³¹ masih terdapat pelbagai versi manuskrip yang belum diterokai, akan tetapi mempunyai nilai ilmu yang tinggi seperti *Kitab Wujudiyah*, *Safinat al-Hukkam*, *Durrat*

¹²⁹ Ding Choo Ming (2006), “Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu. Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Sempena Festival Kuala Lumpur 2006”, anjuran Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara dan KEKKWA di Perpustakaan Negara Malaysia, 16-17 Julai 2006. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia. h. 1.

¹³⁰ *Ibid.*,

¹³¹ Dayah adalah kata nama am yang merujuk kepada Zawiyah atau sebuah institusi pendidikan. Perkataan Zawiyah digunakan sebelum ditukar kepada Dayah selepas Aceh merdeka apabila bergabung dengan Indonesia. Penukar istilah dari Zawiyah kepada Dayah dilakukan oleh seorang tokoh yang bernama Ali Hasmy sebagaimana dinyatakan dalam *Bunga Rampai Revolusi dari Tanah Aceh*. Manakala Abu Dahlan pula menyatakan Dayah adalah berasal dari bahasa Sanskrit yang bermaksud pelajaran. R.O. Winsted turut menyatakan Dayah adalah berasal dari bahasa Parsi yang membawa maksud ibu susu dan pengasuh. Rujuk juga Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Badlihisham Mohd Nasir (2007), Retrospektif Ulama dalam pembangunan ruhani di Aceh. http://pkukmweb.ukm.my/pkaukm/papa_papers.html 6 Jun 2010.

al-Fakhriyah dan *Bayān Tajalli*¹³². Ini mungkin benar kerana terdapat sekitar 12,000 naskhah manuskrip Melayu yang bertebaran di 14 buah negara yang masih dalam bentuk tulisan tangan. Antara manuskrip Melayu kuno yang dicatatkan sehingga sekarang adalah karya *`Aqā'id al-Nasafi'*¹³³ yang telah dikaji oleh Naquib al-Attas. Bagi mendapatkan manfaat yang dihasratkan, kajian yang dijalankan juga bukan hanya tertumpu kepada kajian terhadap tulisan atau khat, gaya bahasa, sumber penulisan, dan dekorasi sahaja, kerana kesemua ini merupakan perkara asas yang perlu dilihat kajian manuskrip. Namun perkara yang lebih penting dan perlu dianalisis adalah menumpukan kepada isi kandungan dalam sesebuah manuskrip yang dikaji tersebut¹³⁴.

Oleh yang demikian, usaha mengkatalog Manuskrip Melayu Islam atau Manuskrip Melayu perlu diusahakan agar manuskrip yang terbiar dapat disimpan ditempat yang selamat oleh pihak yang lebih bertanggungjawab supaya manuskrip yang ditemui tidak disia-siakan. Usaha ini bukan sekadar mengkatalog sahaja, malah perlu kepada pemuliharaan dan penjagaan agar nilai-nilai ilmu hakiki yang telah dinukilkhan oleh para penulis atau para sarjana terdahulu dapat dipersembahkan untuk tatapan dan manfaat umat zaman kini.

2.3 PANDANGAN KRITIS TERHADAP SEJARAH PENULISAN *BAHR AL-LĀHŪT*

Rentetan kepada kesinambungan usaha mengkatalog manuskrip yang dijalankan, pengkaji akan melihat pandangan para pengkaji sejarah yang mempuayai pandangan mengenai

¹³² Hamdan Hassan (1977), *Op.cit.*, h. 19.

¹³³ Abdul Rahid Melebek, Amat Juhari Moain (2006), *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd. h. 66.

¹³⁴ Abu Hassan Sham (2006), *Op.cit.*, h. 12.

sejarah penulisan *Baḥr al-Lāhūt*. Sebelum berbincang dengan lebih lanjut ingin dijelaskan bahawa dalam kajian ini pengkaji tidak melakukan analisis kritis terhadap fizikal teks manuskrip seperti analisis jenis kertas manuskrip dan dakwat yang digunakan oleh pengarang atau penyalin menulis manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* bertujuan untuk mengetahui usia dan tarikh manuskrip ini ditulis. Maka, pengkaji tidak dapat membuat kesimpulan terhadap tahun penulisan manuskrip ini. Hal ini berlaku kerana pengkaji mendapati terdapat beberapa halangan seperti berikut semasa kajian dijalankan:-

Pertama: Kesukaran prosedur untuk mendapatkan kesemua manuskrip yang asal dan dibawa keluar bagi menjalankan ujian di makmal.

Kedua: Sokongan pihak berkuasa antara negara yang bertanggungjawab menjalankan kajian dan negara yang menyimpan manuskrip kerana manuskrip ini adalah aset kepada negara tertentu.

Ketiga: Perlu memastikan manuskrip yang asal adalah selamat, tidak rosak, serta hilang sepanjang proses penyelidikan dijalankan.

Keempat: Kesuntukan masa untuk menjalankan penyelidikan kerana tahap penyelidikan ini hanya di peringkat Sarjana Kursus dan Disertasi dengan masa pengajian minima hanyalah satu tahun enam bulan sahaja.

Walau bagaimanapun, pengkaji akan membincangkan data yang telah dikemukakan oleh beberapa orang para sarjana mengenai sejarah penulisan manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* menerusi pandangan ilmiah mereka agar perdebatan sejarah penulisan manuskrip ini dapat dilihat dalam pelbagai dimensi menerusi kritikan yang lebih terbuka.

Berbalik kepada perbincangan mengenai pandangan kritis sejarah penulisan *Baḥr al-Lāhūt*, Mahayudin Yahya menjelaskan manuskrip ini merupakan salah sebuah manuskrip

yang ditulis mengenai ajaran Islam sewaktu Islam dan Bahasa Melayu sedang berkembang sebagai bahasa ilmu pengetahuan ketika pemerintahan kerajaan Pasai-Samudera pada abad ke-13M sebelum lahir kerajaan Melaka¹³⁵. Mahayudin turut menjelaskan naskhah asal *Baḥr al-Lāhūt* ditulis dalam Bahasa Arab, kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu yang ditemui di Kampung Pernu, Melaka, Malaysia¹³⁶. Beliau membuat andaian tarikh kedua-dua manuskrip ini dikarang dan diterjemahkan bukanlah dalam tempoh masa yang jauh dari teks asal ditulis memandangkan masyarakat Melayu ketika itu tidak memahami Bahasa Arab. Mengikut pendapatnya, usaha menterjemahkan *Baḥr al-Lāhūt* ini dilakukan segera bertujuan untuk memahami isi kandungan *Baḥr al-Lāhūt* yang menyentuh aspek akidah dan tasawuf¹³⁷. Faudzinaim Badaruddin pula berpendapat *Baḥr al-Lāhūt* bukan karya tasawuf terawal dan juga bukan merupakan kitab Jawi terawal yang membincangkan Tasawuf Falsafi di Nusantara, malah karya ini tidak ditulis pada abad ke-12 M¹³⁸. Beliau menyatakan karya ini hanyalah muncul pada separuh kedua abad ke-16 M selepas Martabat Tujuh dikenali di Aceh¹³⁹. Menurutnya lagi, doktrin *wahdah al-wujud* ini hanya masyhur penggunaannya dalam tasawuf bagi tujuan menunjukkan *tajalli Allah S.W.T.* Beliau juga berpendapat penggunaan kalimah *wahdah* yang merujuk kepada doktrin Martabat Tujuh muncul pada abad 16 M, sebaliknya Ibn 'Arabi yang meninggal pada abad 1240 M menggunakan istilah *wahdaniyyah*¹⁴⁰. Maka atas dasar hujah ini beliau membuat kesimpulan dan rumusan peribadi bahawa *Baḥr al-Lāhūt* ditulis pada abad ke-16 M. Pada

¹³⁵ Mahayudin Yahya (2001), *Op.cit.*, h. 44.

¹³⁶ Pengkaji melampirkan salinan manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* versi terjemahan dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi lama yang telah ditemui oleh Mahayudin Yahya. Beliau telah melakukan transliterasi ke dalam tulisan rumi dan telah diterbit dengan judul Naskhah Jawi Sejarah dan Tekst, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 78-100. Salinan *Baḥr al-Lāhūt* versi terjemahan tersebut dilampirkan dalam kajian ini dan pengkaji akan merujuk untuk membuat perbandingan dengan salinan asal yang ditulis dalam Bahasa Arab semasa proses terjemahan dilakukan pada bab ke-3 selepas ini.

¹³⁷ Mahayudin Yahya (1994), *Op.cit.*, h. 89-97.

¹³⁸ Faudzinaim Badaruddin (2004), Menelusuri Akar Martabat Tujuh Sebuah Ajaran Tasawuf Falsafi di Nusantara. Himpunan Kertas Kerja ISoIT 2004. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 204. http://alambuku.tripod.com/pdf/ISoITCD_XP.pdf. 10 Mei 2010.

¹³⁹ *Ibid.*, h. 203.

¹⁴⁰ *Ibid.*,

masa yang sama, pengkaji turut menemui beberapa kritikan daripada Siti Hawa yang mempertikaikan *Baḥr al-Lāhūt* dari sudut filologi, kewujudan pengarang karya, pengesahan naskhah ini dalam Bahasa Arab yang belum disahkan, dan kritikan terhadap kertas serta dakwat yang digunakan¹⁴¹.

Manakala Mudasir Rosder dan Tuan Rugayah mempunyai pendapat yang berbeza dengan Fauzinaim Badaruddin seperti yang dibincangkan di atas. Mereka menyatakan bahawa teks asal *Baḥr al-Lāhūt* ditulis dalam tempoh masa sewaktu hayat pengarang iaitu Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif masih hidup dalam lingkungan pada tahun 1165 M hingga 1177 M¹⁴², manakala Wan Mohd Saghir menyebut, karya terjemah *Baḥr al-Lāhūt* telah diterjemah ketika zaman kebesaran dan keemasan Melaka¹⁴³. Berdasarkan kepada kenyataan yang dikemukakan ini, Mudasir Rosder turut menyokong karya terjemahan *Baḥr al-Lāhūt* lebih awal iaitu sekitar zaman kebesaran dan keemasan Melaka juga, berbanding ‘Aqāid al-Nasafiyah yang ditulis pada tahun 1509 M iaitu semasa kegemilangan Aceh dan selepas kejatuhan Melaka¹⁴⁴. Malangnya, Mudasir Rosder turut mengakui tarikh penterjemahan dan penulisan *Baḥr al-Lāhūt* tidak dapat diputuskan serta dinyatakan dengan tepat¹⁴⁵ berbanding ‘Aqāid al-Nasafiyah yang telah dipastikan tarikh ditulis oleh al-Attas¹⁴⁶.

Oleh yang demikian, pengkaji mendapati para sarjana tidak dapat menjelaskan dan mengemukakan penemuan baru mengenai tarikh penulisan *Baḥr al-Lāhūt*. Hal ini berlaku berkemungkinan kerana terdapat beberapa hujah yang dilihat mempunyai beberapa

¹⁴¹ Siti Hawa Salleh (2010), *Malay Literature of the 19th Century*. Kuala Lumpur : Institute terjemahan Negara Malaysia Berhad. h. 190. ; Siti Hawa Salleh (1997), *Kesusasteraan Melayu Abad kesembilan Belas*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 241.

¹⁴² Mudasir Rosder & Tuan Rugayah (1997), *Buku-buku Aqidah Edisi Jawi ulasan dan Penilaian*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia h. 4.

¹⁴³ Wan Mohd Saghir (1991), *Op.cit.*, h. 2 & 3.

¹⁴⁴ *Op.cit.*, h. 4

¹⁴⁵ *Ibid.*,

¹⁴⁶ Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1988), *The Oldest Known Malay Manuscript : A 16th Century Malay Translation of The ‘Aqāid of al-Nasafī*. Kuala Lumpur : Jabatan Penerbitan Universiti Malaya. h. 1.

pandangan yang paradok antara satu dengan yang lain yang tidak membenarkan para sarjana dan pengkaji menyatakan tarikh penulisan karya *Baḥr al-Lāhūt* secara tepat dan tuntas buat masa ini. Namun fakta yang dikemukakan oleh sebilangan sarjana seperti karya asal *Baḥr al-Lāhūt* ini ditulis pada kurun ke-12M dan karya terjemahan telah ditulis sewaktu kegemilangan Melaka, sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahayudin Yahya, Wan Mohd Saghir, Mudasir Rosder, dan Tuan Rugayah. Kenyataan mereka seperti perbincangan sebelum ini wajar dijadikan landasan untuk kajian lanjutan yang perlu menumpukan kepada beberapa analisis terhadap fizikal teks manuskrip seperti jenis kertas yang digunakan, tahun dicetak kertas, dan jenis dakwat yang digunakan. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji tidak menumpukan kepada aspek pengkajian berikut kerana kajian ini hanya tertumpu untuk melihat aspek teori doktrin Nur Muhammad dalam *Baḥr al-Lāhūt*.

2.4 LOKASI SIMPANAN MANUSKRIP *BAḤR AL-LĀHŪT*

Membuat bacaan dan semakan katalog-katalog manuskrip merupakan metodologi awal untuk mengesan lokasi simpanan manuskrip yang akan dikaji. Setelah meneliti beberapa katalog manuskrip, pengkaji menemui 3 buah lokasi yang menyimpan manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* versi Bahasa Arab dan terjemahan dalam Bahasa Melayu di dalam dan luar Negara. Terdapat 6 set salinan *Baḥr al-Lāhūt* di Perpustakaan Universiti Leiden, Netherlands, 1 salinan di Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, Malaysia, dan 1 salinan di Perpustakaan Kuno Dayah Tanoh Abee, Aceh. Justeru, hanya 8 set salinan naskah *Baḥr al-Lāhūt* sahaja yang dimiliki oleh pengkaji dan terdapat 3 buah lokasi yang menyimpan naskah teks *Baḥr al-Lāhūt* sebagaimana yang dibincangkan di atas, Walau bagaimanapun, pengkaji tidak menyatakan hanya 3 lokasi ini sahaja menyimpan teks *Baḥr*

al-Lāhūt, berkemungkinan juga terdapat di lokasi lain yang tidak ditemui oleh pengkaji sepanjang kajian dijalankan.

i) **Perpustakaan Universiti Leiden, Netherlands**

Terdapat sebanyak 8 salinan manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* yang dicatat dalam katalog *Handlist of Arabic Manuscripts in the Library of the University of Leiden and other Collections in the Netherlands*¹⁴⁷. Daripada 8 salinan tersebut, sebanyak enam buah manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* yang terdapat disitu telah diperolehi oleh pengkaji dalam bentuk bercetak (fotocopy). Manakala dua buah lagi yang disimpan dalam bentuk microfilm tidak berjaya dimiliki oleh pengkaji. Katalog ini mencatatkan maklumat yang mengandungi nama pengarang dan isi kandungan manuskrip iaitu `Abd Allāh al-Arifīn (or: *al-`Arif*), *fī'l-gāib* (var.*al-gaib*) *wa`s-sahāda*. Cf. Ind. Off. Loth 1047, II. Bagi mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut gambaran umum manuskrip di lokasi ini, pengkaji menyediakan jadual di bawah untuk dirujuk.

Jadual 2.0: Maklumat umum mengenai manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* berdasarkan analisis fizikal oleh pengkaji yang terdapat di Universiti Leiden, Netherland¹⁴⁸.

Bil	Versi Manuskrip	No.Panggilan	Status Manuskrip	Bahasa	Bil. Halaman
1.	Copy from Bancoolen. *f. 33r-37v; 18 th c.?*	Or. 7022 (3)	Lengkap	Arab	10 (2 muka / halaman)
2.	Copied for S.H from the Former.*f.21v-24r*	Or. 7059 (3)	Lengkap	Arab	6
3.	Copy from Bodjonegoro (Java).*p. 17-28*	Or. 7051 (1)	Lengkap	Arab	12
4.	Copy with interlinear translation in Javanese. *f. 1v-9v*	Or. 8540 (1)	Lengkap	Arab	16 (2 muka / halaman)

¹⁴⁷ Voorhoeve, Petrus (1980), *Handlist of Arabic Manuscripts in the Library of the University of Leiden and other Collections in the Netherlands*. c.2. Netherlands : Bibliotheca Universitatis Leidensis. h. 472.

¹⁴⁸ *Ibid.*,

5.	Idem. *f. 3v-15r; 1912*	Or. 8541 (1)	Tidak Lengkap	Arab	22
6.	Idem. *p.11-12;1903*	Or. 7531 (2)	Tidak Lengkap	Arab	2
7.	Microfilm copy of MS. KBG Arab. 108(20), Cat v. d. Berg p. 97.*pp. 6*	F. Or. A 13 b (20)	Maklumat tidak ditemui pengkaji	-	-
8.	Microfilm copy of MS. Calcutta, Cat. Hidayat Husain no. 1200(8)	F. Or. A 52d (8)	Maklumat tidak ditemui pengkaji	-	-

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap 6 salinan (set 1 hingga 6) manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* di atas, terdapat 2 salinan manuskrip (set 5 dan 6) tidak lengkap berkemungkinan disebabkan terdapat halaman yang tercicir atau rosak. Manakala 2 (set 7 dan 8) lagi salinan dalam bentuk mikrofilem tidak dimiliki oleh pengkaji. Berdasarkan kepada analisis fizikal yang dibuat terhadap 6 set salinan dalam jadual, pengkaji mendapati tulisan manuskrip tersebut adalah jelas, terang, dan mudah dibaca. Disebabkan kesempurnaan dan kelebihan yang dimiliki, pengkaji memutuskan untuk menjadikan kesemua salinan manuskrip yang lengkap (set 1 hingga 4) sebagai teks perbandingan dalam kajian ini. Di samping itu, pengkaji ingin menjelaskan juga bahawa bahasa utama dalam *Baḥr al-Lāhūt* adalah bahasa Arab. Oleh yang demikian diandaikan terdapat beberapa faktor Bahasa Arab digunakan sebagai bahasa pengantar dalam semua manuskrip *Baḥr al-Lāhūt*. Pertama, berkemungkinan untuk menjaga keaslian isi kandungan *Baḥr al-Lāhūt* sepertimana diterima daripada pengarangnya yang berasal dari negara Arab iaitu Mekah, maka karya ini ditulis dalam Bahasa Arab. Kedua, pengkaji berpandangan bahawa manuskrip ini telah disalin oleh para pelajar Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif sewaktu beliau menyampaikan kuliahnya secara *talaqqi*. Ketiga, berkemungkinan juga karya ini telah dikarang dan disalin semula oleh para pelajarnya sebagai teks silibus pengajian tasawuf di Aceh dan Nusantara ketika zaman

permulaan pengajaran ilmu tasawuf. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, terdapat 2 jenis khat yang digunakan oleh penulis sewaktu menyalin manuskrip ini iaitu tulisan Arab jenis khat *Naskh* dan *Thulus*.

Untuk menjelaskan analisis fizikal dan deskriptis manuskrip ini, pengkaji akan merujuk kepada set salinan yang diperolehi daripada Perpustakaan Universiti Leiden sahaja, kerana pengkaji tidak melihat secara langsung manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* asal sepetimana versi manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* yang disimpan di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, kesemua salinan set nombor 1 hingga 6 yang diperolehi dari Universiti Leiden, akan dilampir dalam kajian ini untuk rujukan jika perlu kepada penilai semula pada masa akan datang. Deskriptis dan analisis fizikal 6 set salinan manuskrip ini akan dihuraikan oleh pengkaji pada bab ke 3 selepas ini dengan lebih lanjut.

ii) Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Set manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* ini adalah set asal yang berada dalam simpanan Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, nombor rujukan MSS 1314 (U). Pengkaji telah berkesempatan meneliti manuskrip secara langsung dan ini memberi peluang kepada pengkaji membuat penilaian kritikan zahir dengan lebih terperinci. Didapati, *Baḥr al-Lāhūt* berada di dalam fragmen¹⁴⁹ U dalam kurasan ke-13 (halaman 397-456) dan dalam kurasan akhir ini ia terletak di halaman 451 hingga 456. Manakala saiz keluasan setiap halaman adalah 24.4 x 16.5 cm¹⁵⁰. Terdapat 13 kuras¹⁵¹ yang

¹⁴⁹ *Fragmen* ialah bahagian daripada sesuatu (novel, lakonan, peristiwa, dan lain-lain), petikan, penggalan : hanya berhasrat memaparkan daripada sesuatu peristiwa dan konflik ; *Kamus Dewan* (2007), *Op.cit.*, h. 416.

¹⁵⁰ *Manuskrip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia : satu katalog ringkas tambahan kedua* (1993), Kuala Lumpur : Koperasi Kedai Buku Universiti Malaya. h. 26.

¹⁵¹ Kuras ialah helaihan kertas yang digunakan dalam percetakan buku dan dilipat-lipat serta dikerat menjadi beberapa muka. *Kamus Dewan* (2007), *Op.cit.*, h. 855.

tidak berjilid dan berjahit dikumpul membentuk sebuah himpunan-himpunan manuskrip tebal dalam pelbagai *maudu`* dan berlapik dengan kertas berwarna coklat. Berdasarkan pemerhatian kepada manuskrip ini, secara keseluruhannya terdapat 9 baris ayat ditulis pada setiap halaman kecuali halaman 456 yang tidak boleh dibaca. Kertas yang digunakan pada setiap fragmen adalah kertas tebal tanpa tera air dan berwarna putih kekuningan serta masih dalam keadaan baik walaupun terdapat sedikit kesan kecacatan di tepi bibir halaman berkemungkinan disebabkan terdedah kepada faktor luar seperti udara yang lembap, usia manuskrip terlalu tua, dan lain-lain sebelum dilakukan proses pemuliharaan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Dakwat yang digunakan oleh penulis atau penyalin adalah berwarna hitam coklat dan merah. Jenis tulisan manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* adalah menggunakan khat *Nasakh*. Terdapat beberapa perkataan telah kabur, namun masih boleh dibaca dan tidak menjelaskan susunan ayat untuk difahami. Seterusnya bahasa yang digunakan adalah Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utama dalam manuskrip, manakala Bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi lama sebagai bahasa terjemahan ditulis di bawah setiap baris tulisan Arab tersebut. Versi ini tidak mempunyai bentuk hiasan atau corak-corak lukisan bagi menggambarkan falsafah tertentu. Hanya tulisan yang terdapat dalam manuskrip ini bagi membawa pembaca untuk sampai kepada maksud isi kandungan *Baḥr al-Lāhūt* dan dibantu dari kefahaman *hamish* yang dicatat disisi helaian manuskrip. Pengkaji berpandangan *hamish* ini berkemungkinan dicatat oleh para pelajar sewaktu mereka bertalaqqi dengan guru mereka dalam kelas yang menjelaskan maklumat tambahan untuk memberi kefahaman yang lebih.

Seterusnya, pengkaji juga mendapati terdapat manuskrip-manuskrip lain yang ditulis dalam fragmen berasingan dan dikepulkan bersama dengan fragmen manuskrip *Baḥr*

al-Lāhūt yang dilihat seolah-olah himpunan karya-karya pengajian seseorang penuntut ilmu. Oleh yang demikian, pengkaji menjangkakan kemungkinan *Bahr al-Lāhūt* dan karya-karya lain turut dijadikan silibus pengajian agama Islam suatu ketika dahulu kerana kesemua fragmen-fragmen yang berlainan ini dihimpun membentuk sebuah kitab yang tidak berjahit. Ini boleh dijadikan bukti awal bahawa *Bahr al-Lāhūt* mempunyai kepentingan sebagai sebuah teks yang tua yang mendasari pemikiran tasawuf ulama Melayu zaman awal dan pengaruhnya berterusan hingga ke abad 19 dan 20¹⁵². Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas, pengkaji menyediakan jadual dan halaman bagi maudu` karya-karya lain dari setiap fragmen yang dihimpun bersama *Bahr al-Lāhūt* di fragmen “U” di bawah.

Jadual 2.1: Maudu` dan halaman bagi setiap yang manuskrip yang dihimpunkan bersama-sama dengan *Bahr al-Lāhūt* bermula dari fragmen “A” hingga “U”

Fragmen	Maudu`	Halaman
(A)	<i>Al-Bab ma`rifah al-Islam wa al-Iman</i>	3-22
(B)	<i>kitab al-aqidah al-Sunniyah</i>	22-37
(C)	<i>Umdat al-Muhtajin</i>	48-118
(D)	<i>Sakarat al-Mawt</i>	119-127
(E)	<i>kitab adab belajar</i>	129-170
(F)	<i>Wasiat Syeikh Abdul Rauf Fansuri</i>	170-203
(G)	<i>Syarah Hadith Arbain,</i>	204-339
(H)	<i>al-Nur al-Daqaiq fi Kash asrar al-Daqaiq</i>	340-345
(I)	<i>Pancaindera</i>	345-346
(J)	<i>Bab pada menyatakan mengenal diri</i>	346-348
(K)	<i>A`yan Thabitah</i>	348-350
(L)	<i>Munyat al-I`tiqad</i>	353-363
(M)	<i>Kifayah al-Muhatajin</i>	365-378
(N)	<i>Daqaiq al-Huruf</i>	379-409
(O)	<i>Mengenal Kalimah Syahadat,</i>	410-412
(P)	<i>Fatihah dan doa Abdul Rauf Fansuri</i>	413-416
(Q)	<i>Alamat Mati</i>	419-420
(R)	<i>Ilmu Ma`rifat dan Tajalli,</i>	423-437
(S)	<i>Kitab Tasawuf</i>	438-446
(T)	<i>Kitab Bayan Tajalli</i>	446-450
(U)	<i>Bahr al-Lahut</i>	451-456

¹⁵² Mahayudin Yahya (1994), *Op.cit.*, h. 77.

Sumber: Diadaptasi daripada *Manuskrip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia : Satu Katalog Ringkas Tambahan Kedua*¹⁵³.

Setelah dibuat pembacaan dan pemerhatian, agak mendukacitakan manuskrip ini tidak lengkap disebabkan halaman akhir iaitu halaman 456 tidak boleh dibaca kerana tercemar dengan sesuatu lapisan luar berwarna hitam. Keadaan ini telah menjelaskan kualiti dan nilai manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* yang disimpan di sini. Oleh yang demikian, pengkaji membuat keputusan tidak memilih set ini untuk dijadikan salinan perbandingan dalam kajian pada bab ke-2 selepas ini. Namun, sesalinan manuskrip ini juga dilampirkan dalam untuk rujukan dalam kajian ini.

iii) **Perpustakaan Kuno Tanoh Abee Banda, Aceh Darussalam**

Katalog manuskrip Dayah Tanoh Abee Aceh Besar merekodkan maklumat mengenai *Baḥr al-Lāhūt* pada nombor panggilan 15E/151E/Ts-30/TA/2006. Bahasa Arab merupakan bahasa utama yang digunakan untuk menulis set manuskrip ini, jenis kertas yang digunakan adalah jenis Kertas Eropa saiz kertas 22 x 16 cm, prosa¹⁵⁴ 17 x 11cm, dan setiap halaman ditulis dengan 17 baris¹⁵⁵. Dalam katalog di atas menjelaskan teks ini membincangkan mengenai konsep Nur Muhammad yang sering menjadi topik perbincangan dalam tasawuf falsafi. Lokasi simpanan teks manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* di Dayah Tanoh Abee ini terletak pada urutan keempat dari sembilan teks dalam satu himpunan ikatan naskhah.

Walau bagaimanapun, agak mendukacitakan, ketika di sana pengkaji tidak diberi keizinan untuk meneliti dan melihat dengan dekat naskhah manuskrip yang disimpan di

¹⁵³ *Manuskrip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia : satu katalog ringkas tambahan kedua* (1993), *Op.cit.*, h. 26.

¹⁵⁴ Prosa merujuk kepada karangan yang bertulis dengan bahasa biasa, tidak berbentuk sajak dan puisi.; Kamus Dewan (2007), *Op.cit.*, h. 1235.

¹⁵⁵ Oman Fathurahman (2010), *Katalog Naskhah Dayah Tanoh Abee, Aceh Besar*. Jakarta : Penerbitan Komunitas Bambu, Tokyo University of Foreign Studies (TUFS), Masyarakat Pernaskhahan Nusantara (Manassa), Pusat Pengkajian Islam dan Masyarakat, Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta, Pusat Kajian dan Masyarakat Aceh, Dayah Tanoh Abee. h. 224. ; Katalog ini dihadiahkan kepada pengkaji oleh Pak Salman dari Pusat Kajian Pendidikan dan Masyarakat Aceh.

surau di dalam kawasan Dayah Tanoh Abee. Mengikut penjaga di Dayah Tonah Abee yang diberi tanggungjawab mengiring pengkaji ke lokasi iaitu Encik Khairul Rijal menyatakan manuskrip-manuskrip yang disimpan tersebut tidak boleh dibuka untuk menjaga amanah yang telah diberikan kepada beliau. Dalam hal ini, pengkaji menghormati alasan yang diberikan oleh Encik Khairul Rijal ketika pengkaji bertemu beliau di Perpustakaan Tanoh Abee, Aceh Utara pada 25 April 2011.

Bagi melengkapkan maklumat yang tidak diperolehi tersebut, pengkaji menemui dapatan kajian khusus yang telah dilakukan oleh Mahayudin Yahya di Pusat Manuskrip Tanoh Abee, Aceh pada tahun 1991, dan dapatan ini akan membantu pengkaji menjelaskan keadaan manuskrip yang tidak dapat dilihat semasa di sana. Mahayudin menyatakan naskah *Baḥr al-Lāhūt* versi Bahasa Arab yang disimpan di sana tidak lengkap¹⁵⁶. Justeru, pengkaji mengandaikan manuskrip inilah yang tidak dapat dilihat oleh pengkaji semasa di Aceh, maka naskah yang tidak ditemui ini boleh diabaikan kerana naskhah versi Bahasa Arab yang lengkap telah diperolehi dari Universiti Leiden, Netherland sebagaimana yang telah dibincangkan mampu memenuhi keperluan kajian.

2.5 METODOLOGI DAN SUMBER PENULISAN *BAHR AL-LĀHŪT*

Pengkaji mendapati, keseluruhan karya asal *Baḥr al-Lāhūt* adalah ditulis dalam Bahasa Arab sebagai bahasa utama kepada kesemua set salinan manuskrip yang diperoleh oleh pengkaji iaitu bernombor panggilan Or. 7051 (1) set naskah چ , Or. 7022 (3) set naskah ۱ ,

¹⁵⁶ Mahayudin Yahya (2004), *Penulisan Manuskrip Melayu-Islam : Tatakaedah, Permasalahan, dan Kepentingannya dalam masyarakat Melayu Nusantara*, dalam Seminar Manuskrip Islam, pada 1 & 2 Mac 2004, di Pusat Persidangan Antarabangsa Negara Brunei, anjuran Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam. h. 4.

Or. 7059 (3) set naskah بـ ، Or. 8540 (1) set naskah دـ ، Or. 8541 (1) set naskah صـ ، dan Or. 7531 (2) set naskah قـ .

Metodologi penulisan yang digunakan oleh Shaykh `Ābdullah `Ārif dalam karya *Baḥr al-Lāhūt* adalah gaya bahasa penulisan yang mudah difahami bagi pembaca yang mempunyai pengetahuan asas Bahasa Arab. Walau bagaimanapun, bagi memahami maksud yang ingin disampaikan daripada gaya penulisan beliau tersebut, seseorang pengkaji perlu mempunyai kemahiran maklumat lain seperti mempunyai pengetahuan mengenai doktrin Nur Muhammad dan Martabat Tujuh.

Di samping itu, bagi memahami dengan lebih baik dan mendalam isi kandungan *Baḥr al-Lāhūt*, seseorang pembaca atau pengkaji juga mestilah mempunyai pengetahuan dan penguasaan terhadap istilah-istilah yang digunakan dalam ilmu tasawuf. Berdasarkan penelitian yang dibuat, kesemua set salinan dari Universiti Leiden dan Perpustakaan Negara Malaysia menggunakan istilah-istilah ilmu tasawuf seperti *Mushahadah* (مشاهدة), *ahl al-Mushāhadah* (أهل المشاهدة), *ahl al-Yarā* (أهل اليرى), *Ism al-Wilayah* (اسم الولاية), *Ism al-Nubuwah* (اسم النبوة), *Rūh al-Idāfi* (روح الاضافي), *Tajallī* (تجلي), *Tanazzul* (تنزل), *Haqīqah al-Arwāḥ* (حقيقة الارواح), *Haqīqah al-Idāfi* (حقيقة الاضافي), *Rūh al-Jamāl* (روح الجمال), *Rūh al-Jalāl* (روح الجلال), *Wahdaniyyah* (وحدانية), dan lain-lain.

Apabila pengkaji meneliti semua salinan manuskrip yang dinyatakan di atas, Shaykh `Ābdullāh `Ārif memulakan penulisan *Baḥr al-Lāhūt* dengan lafaz *Basmalah* iaitu بسم الله الرحمن الرحيم. Kemudian, pengarang melafazkan syukur kepada Allah S.W.T yang menjadikan Nur Muhammad dengan Qudrat-Nya. Shaykh `Ābdullāh `Ārif turut

menukarkan dalam karyanya bahawa sifat Allah S.W.T Maha Suci dari sebarang perbuatan makhluk pada Zat, Sifat, dan Perbuatan (*Af' al Allah*). Seterusnya beliau menjelaskan maksud *Bahr al-Lāhūt* iaitu tidak ada had dan tidak ada pengakhiran (لا حدود ولا انتهاء). Beliau seterusnya mengupas perbahasan mengenai Nur Muhammad¹⁵⁷ dengan lebih lanjut di samping isu-isu lain seperti konsep tauhid dalam skop perbahasan Ahl Sunnah Wa al-Jamāah.

Memandangkan karya *Bahr al-Lāhūt* bukanlah karya yang besar dan bersesuaian dengan kemunculannya di Nusantara sebagai karya pembuka pengajaran ilmu Tasawuf, maka tidak banyak ayat-ayat al-Qur'an dan matan-matan Hadith dimuatkan oleh pengarang sebagai sumber penulisan. Pengkaji mendapati terdapat hanya 4 petikan ayat-ayat al-Qur'an dan 2 buah matan Hadith digunakan oleh Shaykh 'Abdullāh 'Ārif bagi mengukuhkan hujah terhadap teori dan konsep yang dikemukakan dalam karya ini bagi pembelajaran dan pengajaran.

A) Petikan ayat-ayat al-Qur'an yang dijadikan sumber penulisan dalam karya *Bahr al-Lāhūt* adalah seperti di bawah. Walau bagaimanapun, ayat-ayat yang telah ditanda garis sahaja yang ditulis dalam teks *Bahr al-Lāhūt*.

i) Firman Allah S.W.T :

يُرِيدُونَ لِيُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتَّقِنُ نُورَهُ وَلَوْ كَرِهَ الْكَفَّارُونَ

Terjemahan : “Mereka ingin memadamkan cahaya Allah S.W.T dengan tipu daya mereka, tetapi Allah S.W.T menyempurnakan cahaya-Nya, walaupun orang-orang kafir membencinya”

(Surah al-Ṣāff, 61 : 8)

¹⁵⁷ Pengajaran mengenai doktrin Nur Muhammad dalam *Bahr al-Lāhūt* akan dibincangkan pada bab kelima.
63

- ii) Firman Allah S.W.T :

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشَهَّهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَّا سُتُّ
بِرِّيْكُمْ قَالُوا يَا لَكَ شَهِدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا
 غَافِلِينَ

Terjemahan : “ Dan [ingatlah], ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah S.W.T mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka [seraya berfirman].“Bukankah Aku Ini Tuhanmu?” mereka menjawab: “Betul [Engkau Tuhan kami], kami menjadi saksi”. [Kami lakukan yang demikian itu] agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: “Sesungguhnya kami [Bani Adam] adalah orang-orang yang lengah terhadap Ini [keesaan Tuhan]”.

(Surah al-A’rāf, 7 : 172)

- iii) Firman Allah S.W.T :

فَاطْرُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَمِنَ الْأَنْعَمِ
أَزْوَاجًا يَدْرُؤُكُمْ فِيهِ لَبِسَ كَمِثْلِهِ شَعْرٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ


Terjemahan : “Dialah [Allah S.W.] menjadikan langit dan bumi, menjadikan bagi kamu dari jenis kamu sendiri pasangan-pasangan dan dari jenis binatang ternakan pasangan- pasangan, dijadikan-Nya kamu berkembang biak dengan jalan itu. Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia [Zat, Sifat, Afal Allah S.W.T], dan Dia [Allah S.W.T] lagi Maha Mendengar dan Melihat”.

(Surah al-Shūra, 42 : 11)

- iv) Firman Allah S.W.T :

وَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًاٰءًاٰخَرَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ لَهُ
 الْحُكْمُ وَاللَّهُ تُرْحَمُونَ

Terjemahan :“Janganlah kamu sembah di samping [menyembah] Allah, Tuhan apapun yang lain. tidak ada Tuhan [yang berhak disembah] melainkan Dia.

Tiap-tiap sesuatu pasti binasa, kecuali Allah, bagi-Nyalah segala penentuan, dan Hanya kepada-Nyalah kamu dikembalikan”.

(Surah al-Qāsās, 28 : 88)

Pengkaji hanya menemui 2 buah matan Hadith yang dinyatakan dalam *Baḥr al-Lāhūt* yang dikatakan terdiri daripada Hadith al-Qudsi. Ini kerana, beliau menulis dengan lafaz (قال الله تعالى) pada awal lafaz Hadith tersebut. Maka, pengkaji mengandaikan Shaykh `Abdullāh `Ārif ingin menyebut bahawa lafaz tersebut adalah Hadith al-Qudsi. Walau bagaimanapun, setelah disemak terdapat perbezaan lafaz dan tidak ditemui dalam Hadith muktabar yang mempunyai lafaz dan makna yang hampir dengan Hadith yang dinukilkhan dalam karya ini. Oleh yang demikian, pengkaji akan menjelaskan sumber 2 buah matan Hadith yang terdapat dalam karya *Baḥr al-Lāhūt*.

B) Matan Hadith tersebut seperti berikut :

i) Hadith al-Qudsi:

”خَلَقْتُ الْأَشْيَاءِ لِأَجْلِكَ وَخَلَقْتُكَ لِأَجْلِي“

Terjemahan : “Aku [Allah S.W.T] jadikan segala perkara kerana engkau [ya Muhammad] dan Aku [Allah S.W.T] jadikan dikau kerana Aku [Allah S.W.T]”.

Hadith ini juga ditemui oleh pengkaji dalam karya *Kashf al-Ghaybiyyah*¹⁵⁸ dan dinyatakan sebagai sebuah Hadith al-Qudsi. Namun apabila merujuk kepada karya-karya Hadith yang muktabar pengkaji tidak menemui Hadith yang sama, sama ada pada lafaz dan makna serta menghampiri Hadith di atas sebagaimana yang terdapat dalam kedua-dua karya tersebut.

¹⁵⁸ Zayn al-`Abidin Ibn Muhammad al-Faṭānī (t.t), *Kashf Al-Ghaybiyyah :Pada Menyatakan Yang Ghaib-Ghaib daripada Ahadith al-Marwiyyah*. Singapura : Matba`ah Sulayman Mara`iy. h. 6.

ii) Hadith al-Qudsi:

”من تفكك ساعة للمخاطبة خير من عبادة ألف سنة“

Terjemahan : “Barang siapa yang berfikir sesaat untuk mengungkapkan sesuatu perkara [maka perbuatan tersebut] lebih baik daripada beribadah seribu tahun”.

Setelah disemak dalam karya Hadith, pengkaji tidak menemui matan Hadith yang serupa seperti di atas. Namun, dalam Tafsir Ibn Kathir, terdapat ungkapan tersebut yang dilafazkan oleh Ḥasan al-Baṣri yang menyamai Hadith tersebut ketika menafsirkan Surah al-`Imran ayat 191¹⁵⁹. Kata-kata Ḥasan al-Baṣri yang dinukilkikan oleh Ibn Kathir dalam karyanya dapat dilihat seperti di bawah¹⁶⁰.

وعن الحسن البصري أنه قال : تفكر ساعة خير من قيام ليلة . وقال الفضيل : قال الحسن : الفكرة مراة تريك حسناتك وسیئاتك . وقال سفيان بن عيينه : الفكرة نور يدخل قلبك ، وربما تمثل هذا البيت : إذا المرء كانت له فكرة ففي كل شيء له عبرة .

Terjemahan : Daripada al-Ḥasan al-Baṣri, Sesuguhnya beliau telah berkata : Berfikir sesaat adalah lebih baik daripada bangun malam. Lalu berkata al-Fuḍhayl : Hasan berkata : Berfikir itu merupakan cermin yang menunjukkan engkau kebaikan dan keburukanmu. Berkata Sufyan b. `Uyaynah : Berfikir adalah nur yang memasuki hatimu, dan diumpamakan seperti ungkapan berikut : Apabila seseorang manusia itu mempunyai pemikiran, maka nescaya didapati dalam sesuatu perkara itu mempunyai pengajaran.

Lafaz yang diriwayatkan daripada Ḥasan al-Baṣri ini menyatakan bahawa berfikir sesaat adalah lebih baik daripada berjaga malam, manakala Hadith dalam *Bahr al-Lāhūt*

¹⁵⁹ Ayat 191 dari Surah al-`Imran seperti berikut :

الَّذِينَ يَدْكُونَ اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطِلًا سُبْحَنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

¹⁶⁰ Ibn Kathir, `Imād al-Dīn Abī al-Fidā` Isma`il b. Kathir al-Dimasyqī (2000), *Tafsīr al-Qur'an al-'Āzīm*. c.1. j.3. Qāherah : al-Fārūq al-Hadithah lil Tibā`ah Wa al-Nasyar. h. 296.

menjelaskan berfikir sesaat mengungkapkan sesuatu perkara lebih baik daripada berabadah seribu tahun. Manfaat berfikir tersebut mempunyai perbezaan lafaz dalam dua buah matan Hadith tersebut.

2.7 ISI KANDUNGAN TEKS MANUSKRIP *BAHR AL-LĀHŪT*

Isi kandungan manuskrip merupakan salah satu aspek penting dalam sesebuah kajian manuskrip yang perlu dianalisis oleh pengkaji. Perkara ini telah dibincangkan oleh pengkaji pada bahagian pandangan kritis sejarah penulisan manuskrip *Baḥr al-Lāhūt*. Dalam teks ini, pengkaji menemui 2 aspek pengajaran dan pembelajaran ilmu yang ditekankan oleh Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif iaitu Ilmu Tawhid (Zat, Sifat, dan Af al Allah S.W.T) dan Ilmu Tasawuf (Nur Muhammad).

i) Aspek pengajaran ilmu Tauhid (Zat, Sifat, dan Af al Allah S.W.T)

Dalam penulisan teks *Baḥr al-Lāhūt*, Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif memberi penekanan kepada aspek pengajaran ilmu tauhid disamping mengaitkan ilmu ini dengan pengajaran ilmu tasawuf. Beliau menyatakan selayaknya Allah S.W.T Maha Suci pada Zat, Sifat, dan Perbuatan-Nya¹⁶¹. Selepas membincangkan mengenai *tanazzul*, Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif turut menghuraikan mengenai Allah S.W.T Yang Maha Besar adalah suci dari bersifat *jihah* (arah), dengan menyebut Allah S.W.T tidak mempunyai had atau batasan, tidak berpengakhiran, tidak di bawah, tidak di atas, tidak bertempat, tidak terikat dengan masa, tidak terikat dengan waktu, dan tidak binasa, maka inilah yang dikatakan Kebesaran Allah S.W.T adalah tidak terbatas dan tidak bersempadan¹⁶². Justeru, pengkaji berpandangan Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif dalam kefahaman akidahnya beliau berpegang dengan konsep

¹⁶¹ Al-‘Ārif, Shaykh ‘Abdullāh., *Baḥr al-Lāhūt*. h. 95.

¹⁶² *Ibid.*, h. 96.

pengajaran tawhid mensucikan Allah S.W.T daripada *jihah*. Ini menampakkan juga bahawa beliau menolak fahaman *mujassimah* dalam berakidah.

Bagi menjelaskan lagi pengajaran elemen akidah dalam karya *Baḥr al-Lāhūt*, beliau turut menukilkan dan mengemukakan dalil naqli daripada ayat al-Qur'an yang bersifat ayat *muhkamat* bagi mensucikan Allah S.W.T dari segala penyerupaan dengan sifat makluk iaitu (*tanzih al-kulli*)¹⁶³. Hal ini penting kerana penyampaian ilmu akidah yang bersumberkan kepada al-Qur'an khususnya daripada ayat-ayat muhkamāt perlu dijelaskan agar manhaj akidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah dapat disampaikan kepada masyarakat khususnya ketika zaman kemunculan karya ini. Dalil ayat muhakamat yang dinukil oleh Shaykh 'Abdullāh 'Ārif dalam karyanya seperti di bawah.

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Terjemahan : “Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia [Zat, Sifat, Af'al Allah S.W.T], dan Dia [Allah S.W.T] lagi Maha Mendengar dan Melihat”.

(Surah al-Shūrā, 42 : 11)

Pengkaji mendapati, konsep pegangan akidah dalam mensucikan Allah S.W.T seperti dijelaskan oleh Shaykh 'Abdullāh 'Ārif dalam *Baḥr al-Lāhūt* ini adalah selari dengan pegangan Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah serta disepakati oleh al-Māturidiyyah dan al-'Asha'riyyah. Manhaj ini telah dijelaskan oleh ulama Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah iaitu Abu Ja'far al-Tahāwī (321 H) bahawa Allah S.W.T, tidak diliputi oleh arah yang enam seperti yang berlaku kepada makhluk¹⁶⁴. Begitu juga dengan Abū Mansūr al-Baghdādī (429 H / 1037 M) turut menulis bahawa, para ulama telah bersepakat Allah S.W.T tidak diliputi

¹⁶³ *Ibid.*, h. 100.

¹⁶⁴ Al-Tahawi, Ahmad b. Salamah (2007), *al-'Aqidah al-Tahawiyyah*, c. 4. Beirut: Dar al-Masyari' al-Islamiyyah. h. 187.

oleh tempat¹⁶⁵. Seterusnya, kefahaman berkenaan konsep ini turut disokong oleh al-Imam al-Haramayn al-Juwaynī sebagaimana dua orang tokoh di atas yang menjelaskan bahawa Mazhab *al-Haq* keseluruhannya berpegang bahawa Allah S.W.T disucikan daripada mengambil lapang, dan ditetapkan dengan arah¹⁶⁶.

Shaykh `Abdullāh `Ārif seterusnya mengambil pendapat daripada para *Ahl Yarā* (أهل اليرى) menerangkan bahawa Allah S.W.T Maha Melihat yang jauh dan yang dekat kesemuanya [keseluruhan]. Bagi menjelaskan kenyataan ini, beliau telah membawa dalil al-Qur'an bagi mengukuhkan hujahnya. Firman Allah S.W.T :

إِنَّمَا يَرَوْنَهُ بَعِيدًا وَنَرَهُ قَرِيبًا

Terjemahan : “Sesungguhnya mereka memandang azab itu jauh [daripada berlaku]. Sedang kami memandangnya dekat, [tetapi akan berlaku]”.

(Surah *al-Ma`ārij*, 70 : 6-7)

Seterusnya, beliau turut memberi pandangan kesempurnaan Islam adalah terletak kepada kesempurnaan kalimah syahadah, iaitu syahadah dengan yang Haq [apabila seseorang telah sempurna bersyahadah], maka ia adalah mukmin yang sebenar kerana telah melihat Allah S.W.T [melihat dengan mata hati]¹⁶⁷. Berdasarkan kepada kenyataan dalam *Baḥr al-Lāhūt* di atas, sememangnya hujah di atas adalah bertepatan dengan sebuah Hadith

¹⁶⁵ Al-Baghdadi, „Abd al-Qahir b. Tahir (t.t), *al-Farq Bayn al-Firaq*, ditahqiq oleh Majdi Fathi al Sayyid. Qaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah. h. 270.

¹⁶⁶ Al-Juwayni, `Abd al-Malik b. `Abd Allah (1995), *Kitab al-Irsyad ila Qawati‘ al-Adillah fi Usul al-‘Itiqad*, c.1. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah. h. 21.

¹⁶⁷ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Baḥr al-Lāhūt*. h. 101.

mutawatir, bahawa pengucapan dua kalimah syahadah akan menentukan kepada sahnya Islam seseorang individu sebagai mukmin. Hadith Baginda s.a.w seperti berikut¹⁶⁸:

حدثنا عبد الله بن محمد المسندي قال : حدثنا أبو روح الحرمي بن عمارة قال : حدثنا شعبة عن واقد بن محمد قال : سمعت أبي يحدث عن ابن عمر أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: ((أمرت أن أقاتل الناس حتى يشهدوا أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله، ويقيموا الصلاة، ويؤتوا الزكوة . فإذا فعلوا ذلك عصمو مخي دماءهم وأموالهم إلا بحق الإسلام، وحسابهم على الله .

Terjemahan : `Abdullāh Ibnu Muḥammad al-Musnадī telah menceritakan kepada kami, beliau berkata: Abu Rawḥ al-Ḥaramī Ibnu „Umārah telah menceritakan kepada kami, beliau telah berkata: “Shu,,bah telah menceritakan kepada kami daripada Wāqid b. Muḥammad, beliau telah berkata: Aku telah mendengar bapaku meriwayatkan daripada Ibnu „Umar bahwasanya Rasulullah SAW telah bersabda: “Aku telah diperintahkan agar memerangi manusia sehingga mereka mengucap syahadah bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan bahwasanya Nabi Muhammad pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat. Sekiranya mereka melakukan kesemua yang tersebut, terpeliharalah darah dan harta mereka daripadaku melainkan dengan hak Islam dan perhitungan mereka terserah kepada Allah”.

Berdasarkan kepada Hadith di atas, jelas bahawa penyaksian dan pengucapan dua kalimah syahadah adalah menentukan kepada penerimaan penyaksian sebagai seorang Islam. Menurut al-Hāfiẓ al-Suyūṭī, Hadith ini telah diriwayatkan oleh lima belas orang sahabat¹⁶⁹. Pengkaji melihat keadaan ini adalah berkewajipan bagi mukallaf yang tidak mempunyai kecacatan yang menghalang daripada bersyahadah dengan lisan. Maka, dapat disimpulkan pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif dalam membincangkan berkenaan ilmu tawhid, maka ia adalah berlandaskan kepada manhaj Ahl al-Sunnah Wa al-Jama`ah. Ini seterusnya menafikan dakwaan bahawa Shaykh `Abdullāh `Ārif berpegang dengan akidah

¹⁶⁸ Al-Bukhārī, Muhammad b. Ismail (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam Mawsu`ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah, c. 3, No. Hadith : 25, *Bab Fain Tābu Wa Aqāmu al-Solah Wa Atu al-Zakah fa Khallu Sabilahum*. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr Wa al-Tawzī. h. 4.

¹⁶⁹ Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Abd al-Rahmān (t.t), *Qutb al-Azhar al-Mutanathirah*, c. 1, Beirut: Maktabah Zuhayr al-Syawisy. h. 34.

Syiah. Keadaan ini adalah berbeza dan bertentangan sama sekali kerana terdapat fahaman Syiah yang melampau adalah berfahaman mujassimah kerana kesalahan mereka meletakkan kedudukan imam-imam (*Ithna `Ashr*) sebagai salah satu rukun akidah¹⁷⁰. Menurut Muhammad Abū Zuhrah, di kalangan penganut fahaman Syiah Saba`iyyah telah beriktiad Allah S.W.T telah menjelma dalam diri setiap imam-imam selepas Saidina Ali k.w, dan Allah S.W.T berada dalam dirinya¹⁷¹. Namun, Shyakh `Abdullāh `Ārif adalah sebaliknya kerana beliau telah menjadikan ayat muhkamat sebagai *i`tiqād* bagi mensucikan Allah S.W.T daripada menyerupai makhluk pada Zat, Sifat, dan *Af`al* Allah S.W.T seperti yang telah dibincangkan.

Oleh yang demikian, pengkaji membuat kesimpulan bahawa Shaykh `Abdullāh `Ārif dalam persoalan akidah beliau bukanlah termasuk tokoh yang berfahaman Syiah sebagaiman tuduhan pasif yang dilontarkan kepadanya bahawa beliau berpegang dengan manhaj Syiah dalam *i`tiqād*. Pengkaji juga meyakini, berdasarkan kepada intipati kandungan dalam aspek pengajaran ilmu akidah yang ditemui dalam *Baḥr al-Lāhūt* membuktikan beliau cenderung kepada mazhab akidah *Ahl al-Sunnah Wa al-Jama`ah* dan pada masa yang sama mempunyai ketokohan dalam ilmu tasawuf.

ii) Aspek Pengajaran Ilmu Tasawuf (Nur Muhammad)

Konsep pengajaran mengenai doktrin Nur Muhammad sememangnya diterapkan dan diajar oleh Shaykh `Abdullāh `Ārif dalam *Baḥr al-Lāhūt*. Beliau menyebut bahawa Arash, Kursi, tujuh lapisan langit dan bumi, dan kesemuanya dijadikan oleh Allah S.W.T daripada Nur Muhammad kerana Nur Muhammad itu telah berjalan selama 50,000 tahun. Beliau menjelaskan lagi kesemua ini adalah dalam kebesaran Allah S.W.T. Malah beliau

¹⁷⁰ Al-Kulayni, Abu Ja`far Muhammad b. Ya`qub (t.t), *Uṣul al-Kafi*. t.t.p.: Intisyarat `Ilmiyyah Islamiyyah. h. 82.

¹⁷¹ Muhammad Abu Zuhrah (1996), *Tarikh al-Madhabib al-Islamiyyah*. Qaherah: Dar al-Fikr al-`Arabi. h. 39.

menegaskan juga kesemuanya ini turut dijadikan oleh Allah S.W.T daripada *Nūr Wilāyah* dan *Nūr Nubuwwah* kerana kedua-dua nur tersebut merupakan sifat Nabi Muhammad s.a.w. Shaykh `Abdullāh `Ārif menjelaskan lagi, pada zahir pandangan ia dikenali sebagai *Ism Nubuwwah*, manakala pada pandangan batin dikenali dengan *Ism Wilayah*¹⁷². Maka, dapat dilihat secara ringkas bahawa kandungan *Baḥr al-Lāhūt* menumpukan kepada aspek pengajaran ilmu tasawuf yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi selepas ini khususnya yang berkaitan dengan Nur Muhammad.

2.8 KESIMPULAN

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan dalam bab ini Shaykh `Abdullāh `Ārif merupakan tokoh dalam disiplin ilmu tasawuf apabila merujuk kepada intipati isi kandungan *Baḥr al-Lāhūt*. Beliau tiba di Aceh ketika zaman Kerajaan Islam Pasai ketika Dinasti Meurah Khir di bawah pemerintahan Sultan Nurdin al-Kāmil. Di samping itu, beliau turut berperanan sebagai seorang pendakwah kepada masyarakat dan pembesar Aceh dan memberikan gelaran *al-Kāmil* kepada Sultan Nurdin. Ini menunjukkan bahawa hubungan baik di antara para pendakwah dan pemerintah telah berjaya dibina oleh Shaykh `Abdullāh `Ārif untuk menyampaikan dakwah Islam.

Selain itu, karya *Baḥr al-Lāhūt* yang dikarang oleh Shaykh `Abdullāh `Ārif merupakan sebuah karya yang digunakan untuk mengajar ilmu akidah dan tasawuf kepada masyarakat setempat. Pengkaji mendapati terdapat pelbagai versi dan salinan *Baḥr al-Lāhūt* iaitu berjumlah 13 buah salinan keseluruhannya, 8 set berada di Universiti Leiden, Netherland, 1 set di Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, 1 set salinan di Dayoh Tanoh

¹⁷² Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Baḥr al-Lāhūt*. h. 96.

Abee, Aceh Besar, 1 set naskhah yang dimiliki oleh Mahayudin Yahya, dan 2 set berada dalam simpanan Wan. Mohd Saghir Wan Abdullah. Karya *Baḥr al-Lāhūt* ini dikenali sebagai karya yang mengajar doktrin Nur Muhammad dan dianggap cenderung kepada pengaruh Syi`ah. Namun berdasarkan kepada analisis isi kandungan *Baḥr al-Lāhūt* khususnya membincangkan berkenaan aspek pengajaran akidah, Shaykh `Abdullāh `Ārif adalah cenderung kepada fahaman *Ahl al-Sunnah Wa al-Jama`ah* dan ini seterusnya membuka ruang untuk menafikan bahawa beliau berfahaman Syi`ah. Di samping itu, Shaykh `Abdullah `Ārif menggunakan sumber rujukan daripada ayat-ayat al-Qur'an seperti *Surah al-Shūra* ayat 11, *Surah al-Ṣāff* ayat 8, *Surah al-A'rāf* ayat 172, dan *Surah al-Qāṣaṣ* ayat 88. Sebagaimana dinukilkan dalam teks *Baḥr al-Lāhūt*, beliau turut menggunakan 2 buah *Hadith al-Qudsi* sebagai sumber penulisannya. Kesimpulan yang boleh dirumuskan daripada keseluruhan kajian pada bab ini adalah Shaykh `Abdullāh `Ārif mempunyai peranan yang penting dalam menyebarkan dakwah Islam terhadap masyarakat Aceh yang boleh menujukkan ketokohan beliau khususnya melalui disiplin ilmu tasawuf yang disebarluaskan menerusi karyanya yang ditemui berjudul *Baḥr al-Lāhūt*.

BAB TIGA

KARYA *BAHR AL-LĀHŪT* : SUNTINGAN ILMIAH DAN TERJEMAHAN

3.0 PENDAHULUAN


Pada bab ini, kajian akan membincangkan kaedah asas kepada proses suntingan, membanding, menganalisis, dan menyusun kembali naskhah-naskhah salinan karya *Baḥr al-Lāhūt*. Ia mempunyai kesinambungan daripada bab sebelumnya yang menumpukan perbincangan memperkenalkan Shaykh `Abdullāh Ārif dan sumber-sumber yang digunakan dalam *Baḥr al-Lāhūt*. Dalam bab ini pula, pengkaji akan menganalisis deskripsi fizikal enam buah naskhah *Baḥr al-Lāhūt* yang telah dikumpul bertujuan memilih naskhah yang terbaik isi penulisan teks. Setelah dianalisis, didapati terdapat hanya empat buah daripada enam buah naskhah yang boleh dibuat perbandingan dan disuntingan bagi menghasilkan naskhah *Baḥr al-Lāhūt* yang terkini. Selain itu, bab ini juga akan mengandungi terjemahan kepada teks suntingan *Baḥr al-Lāhūt* dalam Bahasa Melayu menggunakan tulisan Rumi.

3.1 KAEADAH SUNTINGAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan metode dan teknik suntingan yang telah digunakan para sarjana dalam kajian teks manuskrip¹⁷³. Pandangan dan kaedah yang dikemukakan akan digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan satu salinan suntingan yang baru. Terdapat empat langkah perlu dilakukan untuk menjalankan kajian penyelidikan bagi menyunting naskhah-naskah manuskrip yang dikaji seperti carta aliran di bawah.

¹⁷³ Wan Suhaimi Wan Abdullah (2005), *Op.cit.*, h. 273-299.

Rajah 3.0 : Kaedah Suntingan Manuskrip¹⁷⁴.



Berdasarkan kepada jadual di atas, kaedah pada tahap pertama adalah proses mengenalpasti dan mengumpul manuskrip dengan merujuk kepada katalog-katalog

¹⁷⁴ Sumber : Wan Suhaimi Wan Abdullah (2005). *Op.cit.*, h. 273-275.

manuskrip yang boleh membantu pengkaji untuk mendapatkan manuskrip. Kaedah pada tahap kedua adalah membuat perbandingan, penelitian, pembacaan, terhadap semua teks manuskrip yang dikaji. Kaedah tahap ketiga pula adalah melakukan anotasi dan indeks bagi memahami teks termasuklah pengenalan mengenai tokoh, ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith yang ditemui. Kaedah pada tahap ini telah pun dibincangkan pada bab kedua yang tertumpu kepada kajian mengenai tokoh, sumber, dan sejarah penulisan manuskrip. Seterusnya, kaedah tahap keempat pula akan menghuraikan kaedah untuk mengenalpasti silsilah manuskrip bagi membentuk pohon atau susur galur manuskrip untuk mendapatkan hubungan antara teks-teks manuskrip yang mungkin wujud. Kaedah pada tahap keempat ini tidak dibincangkan kerana tidak termasuk dalam skop dan objektif kajian pengkaji.

3.1.1 Kaedah Memperolehi Salinan Karya *Baḥr al-Lāhūt*

Langkah awal yang dilakukan oleh pengkaji untuk mengesan lokasi simpanan manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* adalah dengan merujuk kepada katalog-katalog manuskrip yang berada dalam Negara Malaysia. Katalog pertama dirujuk adalah Katalog Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan didapati manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* bernombor MSS 1314 (U) terdapat di Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Material adalah dalam bentuk monograf, halaman yang ditemui berada dari muka surat 451 hingga 456 dan saiz fizikal adalah berukuran 24.4 x 16.5 sm¹⁷⁵. Namun, halaman terakhir telah rosak dan berkemungkinan berlaku disebabkan hakisan malah pengkaji mendapati halaman ini turut diselaputi lapisan berwarna coklat kehitaman yang menyukarkan pembacaan.

¹⁷⁵ Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (2000), *Op.cit.*, h. V.

Seterusnya, pengkaji turut berusaha mendapatkan maklumat dengan mencari di Khazanah Fathaniyah Malaysia yang berada di Taman Melewar di Gombak, Selangor. Berdasarkan catatan dalam buku Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara¹⁷⁶, terdapat maklumat yang dijelaskan oleh Tuan Guru Hj. Wan Mohd Saghir bahawa terdapat tiga salinan versi karya *Bahr al-Lāhūt* iaitu naskhah pertama ditulis dalam Bahasa Arab dan berada dalam koleksinya bernombor panggilan 131. Naskhah ini pada asalnya adalah milik Syeikh Yusuf Tajul Khalawati yang diperolehnya ketika beliau belajar di Aceh dan berguru dengan Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri, Syeikh Nuruddin al-Raniri, dan lain-lain. Naskhah *Bahr al-Lāhūt* ini seterusnya telah dibawa oleh keturunan Syeikh Yusuf ke Pontianak. Pada tahun 1977 M, manuskrip ini telah diserahkan kepada Tuan Guru Hj. Wan Mohd untuk disimpan di Yayasan al-Fathanah, Mempawah¹⁷⁷, dan telah dibawa ke Khazanah Fathaniyah, Gombak, Malaysia¹⁷⁸, namun pengkaji tidak menemui salinan yang dimaksudkan kerana menurut Tuan Azrul Bin Basarudin beliau tidak pasti lokasi terkini naskhah *Bahr al-Lāhūt* seperti disebutkan di atas¹⁷⁹. Walaupun tidak berpeluang melihat naskhah manuskrip ini, pengkaji telah mengambil pendekatan lain dengan melawat ke Pontianak dan Mempawah, Kalimantan Barat, Indonesia bagi merasai dan melihat sendiri

¹⁷⁶ Wan Mohd Saghir Abdullah (1991), *Op.cit.*, h. 2 & 3.

¹⁷⁷ Mempawah adalah nama sebuah kawasan kecil yang terletak lebih kurang 75 kilometer dari Wilayah Pontianak. Pengkaji menggunakan jalan darat dengan menaiki bas dari lapangan terbang Miri, Sarawak untuk sampai ke Mempawah yang mengambil masa lebih kurang 8 jam ketika menziarah ke sana pada 7-14 Jun 2010. Pengkaji ke sana bersama-sama rombongan ahli keluarganya al-Marhum Tuan Guru Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah dari Yayasan Khazanah al-Fathanah, Gombak, Selangor. Di daerah Mempawah inilah terletak sebuah Pasentren yang di panggil Yayasan al-Fatanah yang dibincangkan di atas. Pada masa ini, yayasan ini telah menjadi pusat pendidikan harian untuk kanak-kanak di kawasan tersebut mendapat pendidikan rendah. Pengkaji berada sana untuk tujuan lawatan dan meraikan majlis memperingati kematian (*haul*) Tuan Guru Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah.

¹⁷⁸ Wan Mohd Saghir Abdullah (1991), *Ibid.*,

¹⁷⁹ Beliau adalah salah seorang anak murid yang paling rapat dengan Tuan Guru Haji Wan Mohd Sahghir ketika masih hidup. Pada masa ini, Tuan Azrul b. Basarudin merupakan salah seorang yang diamanahkan oleh isteri kepada Tuan Guru Haji Wan Mohd Saghir untuk menguruskan perjalanan Khazanah Fathaniyah, di Taman Melewar, Gombak, Selangor. Pengkaji kerap berjumpa dengan Tuan Azrul untuk berbincang berkenaan kajian yang dijalankan oleh pengkaji dan kali terakhir pengkaji menemuinya di Khazanah Fathaniyah, Gombak pada April 2011.

lokasi simpanan naskhah manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* serta sejarah perjalanan *Baḥr al-Lāhūt* yang telah dimiliki oleh Tuan Guru Hj. Wan Mohd Saghir Abdullah.

Pengkaji juga telah membuat semakan katalog manuskrip Katalog Naskah Dayah Tanoh Abee, Aceh Besar dan didapati teks *Baḥr al-Lāhūt* terdapat di sana dengan nombor panggilan 15E/151E/Ts-30/TA/2006¹⁸⁰. Walau bagaimanapun, di Pusat Manuskrip ini, pengkaji juga tidak dapat melihat teks ini kerana beberapa sebab yang telah dijelaskan pada bab sebelum ini.

Pada masa yang sama, pengkaji turut membuat rujukan kepada kajian oleh Mahayudin Yahya kerana beliau telah melakukan transliterasi salinan teks *Baḥr al-Dāhūt*, *al-Kitab fī bayan al-Alif* versi terjemahan dalam tulisan Jawi. Pengkaji mendapati salinan teks terjemahan tersebut mempunyai maksud yang hampir sama dengan teks *Baḥr al-Lāhūt* versi Bahasa Arab yang telah ditemui dari Universiti Leiden, Netherlands. Maka, pengkaji akan menjadikan salinan manuskrip *Bahr al-Dāhūt* atau *Baḥr al-Lāhūt* yang dilampirkan dalam kajian beliau¹⁸¹ sebagai teks rujukan dan panduan sewaktu melakukan terjemahan ke atas teks *Bahr al-Lāhūt* yang akan dihasilkan oleh pengkaji selepas proses suntingan dalam bab ini.

Selain itu, buat yang terakhir pengkaji turut menyemak katalog manuskrip dari Universiti Leiden, Netherlands, berjudul *Handlist of Arabic Manuscripts in the Library of the University of Leiden and other Collections in the Netherlands*¹⁸². Katalog ini mempunyai maklumat yang menunjukkan terdapat 8 buah teks manuskrip *Baḥr al-Lāhūt*. Bagi mendapatkan dan mengesahkan salinan manuskrip berada di sana, pengkaji telah berhubung dengan pihak Universiti Leiden melalui jalur lebar dan menghantar pesanan

¹⁸⁰ *Op.cit.*,

¹⁸¹ Mahayudin Yahya (1994), *Op.cit.*, h. 89-97.

¹⁸² Voorhoeve, Petrus (1980), *Op.cit.*, h. 472.

menggunakan *e-mel* kepada seorang pustakawan yang bernama Mr. John Frankuiezen¹⁸³ dan beliau telah mengambil tanggungjawab untuk membantu pengkaji mendapatkan salinan naskhah-naskhah manuskrip yang diperlukan dalam kajian ini. Hasilnya, pengkaji hanya memiliki 6 naskhah teks salinan *Baḥr al-Lāhūt* sahaja dan 2 buah salinan yang berada dalam bentuk mikrofilem tidak diperolehi. Kesemua salinan manuskrip ini telah diterima oleh pengkaji pada 30 November 2010.

Selama hampir sepuluh bulan usaha mengesan lokasi dan mengumpul naskhah *Baḥr al-Lāhūt*, pengkaji telah menemui lapan naskhah salinan sahaja. Satu naskhah yang diperolehi pengkaji daripada Perpustakaan Negara adalah tidak lengkap. Satu naskhah lagi diperolehi daripada buku yang telah dikarang oleh Mahayudin Yahya, empat lagi salinan diperolehi daripada Universiti Leiden, Netherlands. Jadual di bawah boleh dirujuk bagi mendapatkan ringkasan dapatan maklumat daripada keseluruhan rujukan-rujukan yang disemak oleh pengkaji bermula daripada peringkat awal mengesan kedudukan manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* yang dilampirkan dalam kajian ini.

¹⁸³ Pengkaji disarankan olehnya untuk mendapatkan teks *Baḥr al-Lāhūt* dalam salinan bercetak yang akan di pos oleh pihak perpustakaan Universiti Leiden kepada pengkaji sebanyak enam salinan dengan bayaran sebanyak RM 350.00 / Eur 81,00. Setelah selesai prosedur pengurusan oleh yang diuruskan oleh Mr. John Frankuiezen di Leidens, dalam tempoh sebulan pengkaji telah menerima 6 set salinan manuskrip tersebut dengan baik yang dihantar ke alamat Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Jadual 3.0 : Dapatan kajian teks salinan manuskrip *Baḥr al-Lāhūt*.

Bil	Katalog / Buku Rujukan	Versi			Jumlah	No. Panggilan Manuskrip / Simbol Manuskirip yang digunakan dalam kajian	Status		Penemuan	
		Arab	Arab dan Melayu	Melayu			L	TL	SDP	STDP
1.	Manuskrip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia : satu katalog ringkas tambahan kedua (1997).		/		1	MS 1314 / ﴿		/	/	
2.	Voorhoeve, Petrus (1980), Handlist of Arabic Manuscripts in the Library of the University of Leiden and other Collections in the Netherlands.	/			8	Or. 7022 (3) / ﴾ Or. 7059 (3) / ﴽ Or. 7051 (1) / ﴽ Or. 8540 (1) / ﴽ Or. 8541 (1) / ﴽ Or. 7531 (2) / ﴽ F. Or. A 13 b (20) F. Or. A 52 d (8)	/	/	/	/
3.	Oman Fathuraman (2010, Katalog Naskah Dayah Tanoh Abee, Aceh Besar, Indonesia.	/			1	15E/151E/Ts 30/TA/2006		/		/

4.	Wan Mohd Saghir (1991), Buku Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara.	/		/	2	Tiada maklumat	/			/
5.	Mahayudin Yahya (1994), Naskah Jawi Sejarah dan Teks.			/	1	<i>Baḥr al-Dāḥūt / (邦)</i>	/		/	

Singkatan Abjad : SDP = Salinan dimiliki Pengkaji, STDP = Salinan Tidak Dimiliki Pengkaji, L = Lengkap, TL = Tidak Lengkap.

3.1.2 Signifikan Proses Suntingan Pemilihan Naskhah-Naskhah *Baḥr Al-Lāḥūt*

Proses membuat suntingan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk membanding isi kandungan setiap teks yang ditemui oleh pengkaji. Dengan membuat perbandingan tersebut, pengkaji akan dapat melihat dan mengenal pasti perbezaan dan penambahan yang terdapat dalam setiap naskhah. Setiap perbezaan pengkaji akan membuat catatan pada notakaki agar dapat dilihat dan dibanding dengan naskhah asal dan induk teks *Baḥr al-Lāḥūt*.

Dengan melakukan suntingan teks juga, seseorang pengkaji juga akan dapat mengenal pasti naskhah asal atau induk daripada keseluruhan naskhah-naskah manuskrip yang dibandingkan. Perbezaan tersebut akan dapat dikenal pasti semasa membuat penelitian dengan membaca setiap naskhah yang hendak dibandingkan. Naskhah asal tersebut kebiasaannya tidak mempunyai catatan atau penerangan yang banyak dan juga tidak mempunyai penambahan dan huraian yang panjang berbanding dengan naskhah yang disalin semula.

Selepas mengenal pasti salinan naskhah asal atau induk, pengkaji akan menjadikan teks asal tersebut sebagai teks utama untuk dibandingkan dengan naskhah-naskhah yang lain. Dalam kajian ini pengkaji mendapati naskhah asal adalah naskhah yang dicatatkan dengan nombor panggilan Or. 7051 (1) dan disebut sebagai set γ. Manakala 3 naskhah lain yang mempunyai nombor panggil Or. 7022 (3) set δ, Or. 7059 (3) set ϵ, dan Or. 8540 (1) set σ akan dibanding dengan set γ sebagai naskhah set induk atau asal. Manakala tiga naskhah salinan manuskrip lagi bernombor panggilan Or. 8541 (1) set φ, Or. 7531 (2) set

ق، MSS 1314 (U) set ۚ tidak dimasukkan dalam proses suntingan kerana tidak lengkap dan akan dijelaskan dalam sub-tajuk selepas ini. Pengkaji mengambil set ڇ sebagai naskhah yang asal kerana naskhah ini didapati tidak mempunyai huraihan atau penerangan yang terdapat di tepi halaman atau di bawah teks seperti set naskhah lain iaitu set ِ، ڻ، ڏ. Jenis tulisan yang digunakan juga dilihat lebih lama berbanding dengan jenis tulisan pada naskhah lain malah naskhah ini juga tidak mempunyai tanda bacaan yang berbaris. Dalam proses suntingan ini, terdapat ayat-ayat al-Qur'an yang digunakan mempunyai kesilapan ejaan. Oleh yang demikian, pengkaji telah menulis ayat al-Qur'an tersebut mengikut ejaan yang betul yang dirujuk berdasarkan kepada *Al-Mu'jam al-Mufahras li al-Faż al-Qur'an al-Karim*¹⁸⁴, Tafsir al-Qur'an Pimpinan ar-Rahman¹⁸⁵, dan perisian *Qur'an in Word*.

Antara signifikan lain proses suntingan adalah seseorang pengkaji akan dapat mengenal pasti naskhah-naskhah manuskrip yang berkemungkinan terdapat penambahan atau pengurangan isi kandungan yang tidak ditulis oleh pengarang asal, dan kecacatan yang penulisan seperti ejaan yang boleh menjaskan kualiti sesebuah manuskrip seperti *Baḥr al-Lāhūt*. Maka seseorang pengkaji akan dapat mengenali dan membezakan naskhah manuskrip yang bebas dari penambahan dan pengurangan isi dalam kajian yang dijalankan.

Di samping itu, dengan membuat suntingan antara naskhah-naskhah *Baḥr al-Lāhūt* yang ditemui pengkaji akan dapat melihat catatan-catatan dan huraihan-huraihan yang terdapat dalam naskhah salinan lain yang tidak terdapat dapat naskhah asal. Huraian yang dicatatkan khususnya di tepi halaman naskhah atau dikenali juga sebagai *hamish* dapat

¹⁸⁴ *Al-Mu'jam al-Mufahras li al-Faż al-Qur'an al-Karim* (2009), c.7. Lebanon : Dar al-Ma'rifah.

¹⁸⁵ Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Qur'an 30 juz'(2001), c.12. Kuala Lumpur : Darul Fikir.

menjelaskan maksud perkataan yang sukar difahami yang telah ditulis oleh pengarang *Baḥr al-Lāhūt*.

Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa suntingan teks merupakan suatu proses yang penting dan perlu dilakukan oleh pengkaji agar proses penterjemahan dan analisis lebih difahami. Perbezaan di antara setiap naskhah teks manuskrip yang ditemui akan dapat dikenal pasti dengan lebih mudah bagi mengenal pasti naskhah asal manuskrip yang kerana berkemungkinan terdapat set-set naskhah tersebut mempunyai penambahan serta pengurangan isi sewaktu proses penyalinan dilakukan yang tidak diketahui oleh pengarang asal manuskrip.

3.1.3 Deskripsi teks naskhah salinan *Baḥr al-Lāhūt*

i) Naskhah (١) nombor Or. 7022 (3)

Salinan naskhah ini ditulis dalam bahasa Arab dengan menggunakan tulisan jenis Khat Nasakh. Ukuran saiz halaman yang dirujuk berdasarkan naskhah salinan yang dikaji adalah berukuran 27 X 18 sm. Pengkaji juga tidak mendapati simbol dan kolofon dalam teks ini. Berdasarkan kepada katalog Universiti Leiden, naskhah ini wujud dalam lingkungan masa pada abad ke-18 M¹⁸⁶. Jumlah halaman adalah sebanyak 5 halaman dan setiap halaman mempunyai dua muka surat. Naskhah ini mempunyai 13 baris pada setiap halaman dan jarak antara baris adalah 1.0 sm. Tiada maklumat yang mencatatkan nama penyalin dalam naskhah ini. Manuskrip ini secara keseluruhannya mempunyai ciri-ciri fizikal yang lengkap dan naskhah ini dijadikan naskhah perbandingan dengan naskhah induk dalam suntingan teks. Manuskrip ini secara keseluruhannya mempunyai ciri-ciri

¹⁸⁶ Voorhoeve, Petrus (1980), *Op.cit.*, h. 472.

fizikal yang lengkap dan naskhah ini dijadikan naskhah perbandingan dalam suntingan teks.

Jadual 3.1 : Analisis Diskripsi Naskhah (†) nombor Or. 7022 (3)

Bil	Perkara	Diskripsi
1	Bahasa	Arab
2	Jenis Tulisan	Khat Nasakh
3	Saiz Halaman (Panjang x Lebar)	27 x 18
4	Jumlah Halaman	5 (5 X 2 muka surat)
5	Baris / Halaman	13
6	Jarak antara baris / Halaman	1.0 sm
7	Hamish (Nota Kaki)	Terdapat tanda pembetulan pada ejaan dan juga penerangan di halaman 1,2,3,5,6,7,8,9 dan 10
8	Kolofon	Tiada
9	Tarikh	Abad ke-18
10	Penyalin Teks	Tiada
11	Sumber Manuskrip	UB-Bijzondere Collection

Sumber : Manuskrip *Baḥr al-Lāhūt*, Naskhah bernombor Or. 7022 (3).

ii) Naskhah () nombor Or. 7059 (3)

Salinan naskhah ini ditulis dalam bahasa Arab dengan menggunakan tulisan jenis *Khat Nash*. Ukuran saiz halaman berdasarkan naskhah salinan yang dikaji adalah berukuran 27.5 X 18 sm. Pengkaji mendapati tiada simbol dan kolofon digunakan dalam teks ini. Di samping itu, pengkaji juga tidak menemui catatan nama penyalin dan tarikh yang mencatatkan tahun naskhah ini di tulis atau di salin. Naskhah ini mempunyai 6 halaman keseluruhannya. Terdapat 26 baris di halaman 1, 23 baris di halaman 2, 29 baris di halaman 3, dan 26 baris di halaman 4 hingga 6. Jarak antara setiap baris adalah 0.5 sm. Terdapat *hamish* yang menerangkan istilah-istilah yang sukar difahami yang digunakan dalam teks *Baḥr al-Lāhūt* tersebut. Terdapat lukisan seperti simbol dan huruf sebagai tanda di atas perkataan yang tidak difahami dalam matan teks manuskrip bagi menunjukkan

maksud perkataan atau penjelasan terhadap perkataan tersebut yang dicatat di tepi halaman teks dikenali sebagai *hamish*. Manuskrip ini secara keseluruhannya mempunyai ciri-ciri fizikal yang lengkap dan naskhah ini dijadikan naskhah perbandingan dalam suntingan teks.

Jadual 3.2 : Analisis Diskripsi Naskhah (↴), nombor Or. 7059 (3)

Bil	Perkara	Diskripsi
1	Bahasa	Arab
2	Jenis Tulisan	Khat Nasakh
3	Saiz Halaman (Panjang x Lebar)	27.5 x 18 sm
4	Jumlah Halaman	6
5	Baris / Halaman	26 / 1, 23 / 2, 29 / 3, 26 / 4 – 6
6	Jarak antara baris / Halaman	0.5 sm
7	Hamish (Nota Kaki)	Terdapat tanda pembetulan pada ejaan dan juga penerangan di halaman 1,2,3,4,5 dan 6
8	Kolofon	Tiada
9	Tarikh	Tiada
10	Penyalin Teks	Tiada
11	Sumber Manuskrip	UB-Bijzondere Collection

Sumber : Manuskrip *Baḥr al-Lāhūt*, bernombor Or. 7059 (3)

iii) Naskhah (↴) nombor Or. 7051 (1)

Salinan naskhah ini juga ditulis dalam bahasa Arab dengan menggunakan tulisan jenis Khat Nasakh. Ukuran saiz halaman berdasarkan naskhah salinan yang dikaji adalah berukuran 23 X 19.5 sm, Pengkaji mendapati tiada simbol dan kolofon digunakan dalam teks ini. Seperti manuskrip sebelum ini, pengkaji juga tidak menemui catatan nama penyalin dan tarikh yang mencatatkan tahun naskhah ini di tulis. Naskhah ini mempunyai 12 halaman keseluruhannya, terdapat 9 baris di halaman 1 hingga 11, 11 baris di halaman 12. Jarak antara setiap baris adalah 1.0 sm. Tidak terdapat *hamish* yang menerangkan istilah-istilah yang sukar difahami dalam teks salinan *Baḥr al-Lāhūt* ini. Manuskrip ini

secara keseluruhannya mempunyai ciri-ciri fizikal yang lengkap dan naskhah ini dijadikan naskhah induk dalam suntingan teks.

Jadual 3.3 : Analisis Diskripsi Naskhah (ج), bernombor Or. 7051 (1)

Bil	Perkara	Diskripsi
1	Bahasa	Arab
2	Jenis Tulisan	Khat Nasakh
3	Saiz Halaman (Panjang x Lebar)	23 x 19.5 sm
4	Jumlah Halaman	12
5	Baris / Halaman	9 / 1-11, 11/ 12
6	Jarak antara baris setiap halaman	1.0 sm
7	Hamish (Nota Kaki)	Terdapat tanda kesilapan ejaan di halaman 8
8	Kolofon	Berbentuk Bujur Segi Tiga
9	Tarikh	Tiada
10	Penyalin Teks	Tiada
11	Sumber manuskrip	UB-Bijzondere Collection

Sumber : Manuskip *Baḥr al-Lāhūt*, bernombor Or. 7051 (1)

iv) Naskhah (ن) nombor Or. 8540 (1)

Salinan naskhah ini ditulis dalam bahasa Arab dengan menggunakan tulisan jenis Khat *Nasakh* juga, tetapi kurang kemas dan cantik. Naskhah ini mempunyai baris pada setiap perkataan yang ditulis dalam teks. Ukuran saiz halaman berdasarkan naskhah salinan yang dikaji adalah berukuran 27 X 19 sm. Jumlah halaman adalah sebanyak 16 halaman dan mempunyai 8 baris pada setiap halaman serta jarak antara baris adalah 2.0 sm. Pengkaji tidak mendapati simbol, kolofon, tarikh, dan penyalin dalam salinan teks *Baḥr al-Lāhūt* ini. Manuskip ini secara keseluruhannya mempunyai ciri-ciri fizikal yang lengkap dan naskhah ini dijadikan naskhah perbandingan dalam suntingan teks.

Jadual 3.4 : Analisis Diskripsi Naskhah (ۚ), bernombor Or. 8540 (1)

Bil	Perkara	Diskripsi
1	Bahasa	Arab
2	Jenis Tulisan	Khat Nasakh
3	Saiz Halaman (Panjang x Lebar)	27 x 19 sm
4	Jumlah Halaman	16
5	Baris / Halaman	8
6	Jarak antara baris setiap halaman	2.0 sm
7	Hamish (Nota Kaki)	Mempunyai catatan di bawah matan teks
8	Kolofon	Tiada
9	Tarikh	Tiada
10	Penyalin Teks	Tiada
11	Sumber	UB-Bijzondere Collection

Sumber : Manuskip *Baḥr al-Lāhūt*, bernombor Or. 8540 (1)

v) **Naskhah (ۚ) nombor Or. 8541 (1)**

Salinan naskhah ini ditulis dalam bahasa Arab dengan menggunakan tulisan jenis Khat Nasakh. Ukuran saiz halaman berdasarkan naskhah salinan yang dikaji adalah berukuran 20 X 24.5 sm, Pengkaji tidak mendapati simbol dan kolofon yang digunakan sebagai kaedah penulisan dalam teks ini. Berdasarkan kepada katalog Universiti Leiden, naskhah ini berada dalam lingkungan tahun 1912 M¹⁸⁷. Jumlah halaman adalah sebanyak 22 halaman dan setiap halaman. Naskhah ini mempunyai 5 baris pada setiap halaman dan jarak antara baris adalah 3.0 sm. Di samping itu, pengkaji juga tidak menemui catatan nama penyalin salinan naskhah teks ini. Manuskip ini secara keseluruhan tidak lengkap kerana tidak mempunyai bukti yang telah tamat ditulis. Pengkaji merasakan beberapa halaman akhir tersebut telah hilang atau rosak. Naskhah ini tidak dijadikan naskhah bandingan dalam suntingan teks.

¹⁸⁷ Voorhoeve, Petrus (1980), *Op.cit.*, h. 472.

Jadual 3.5 : Analisis Diskripsi Naskhah (ﻭ), nombor Or. 8541 (1)

Bil	Perkara	Diskripsi
1	Bahasa	Arab
2	Jenis Tulisan	Khat Nasakh
3	Saiz Halaman (Panjang x Lebar)	20 x 24.5 sm
4	Jumlah Halaman	22
5	Baris / Halaman	5
6	Jarak antara baris setiap halaman	3.0 sm
7	Hamish (Nota Kaki)	Mempunyai catatan di bawah matan teks.
8	Kolofon	Tiada
9	Tahun	1912
10	Penyalin Teks	Tiada
11	Sumber	UB-Bijzondere Collection

Sumber : Manuskip *Bahr al-Lāhūt*, bernombor Or. 8541 (1)

vi) Naskhah (ﺭ) nombor Or. 7531 (2)

Salinan naskhah ini ditulis dalam bahasa Arab dengan menggunakan tulisan jenis Khat Nasakh. Ukuran saiz halaman berdasarkan naskhah salinan yang dikaji adalah berukuran 24 X 19 sm. Pengkaji juga tidak mendapati simbol dan kolofon digunakan oleh penyalin dalam teks ini. Berdasarkan kepada katalog Universiti Leiden¹⁸⁸, naskhah ini adalah berada dalam lingkungan tahun 1903 M. Naskhah ini mempunyai 9 baris pada setiap halaman dan jarak antara baris adalah 1.0 sm. Jumlah halaman amat sedikit jika dibandingkan dengan jumlah halaman manuskip lain dan ketebalan naskhah ini hanya mempunyai 2 halaman. Pengkaji mendapati teks ini tidak tamat ditulis dan diandaikan berkemungkinan beberapa halaman akhir tersebut telah hilang atau rosak. Oleh yang demikian, naskhah ini tidak dijadikan naskhah bandingan dalam suntingan teks.

¹⁸⁸ Voorhoeve, Petrus (1980), *Op.cit.*, h. 472.

Jadual 3.6 : Analisis Diskripsi Naskhah (﴿), bernombor Or. 7531 (2)

Bil	Perkara	Diskripsi
1	Bahasa	Arab
2	Jenis Tulisan	Khat Nasakh
3	Saiz Halaman (Panjang x Lebar)	24 X 19 sm
4	Jumlah Halaman	2
5	Baris / Halaman	9
6	Jarak antara baris setiap halaman	1.0 sm
7	Hamish (Nota Kaki)	Mempunyai catatan di bawah matan teks.
8	Kolofon	Tiada
9	Tahun	1903
10	Penyalin Teks	Tiada
11	Sumber	UB-Bijzondere Collecties

Sumber : Manuskip *Baḥr al-Lāhūt*, bernombor Or. 7531 (2)

vii) Naskhah (﴿) nombor MSS 1314 (U)

Salinan naskhah ini ditulis dalam bahasa Arab dengan menggunakan tulisan jenis Khat Nasakh. Ukuran saiz halaman berdasarkan naskhah salinan yang dikaji adalah berukuran 24.4 X 16.5 sm. Jumlah halaman adalah sebanyak 5 halaman 450 hingga 455 dan setiap halaman mempunyai 9 baris. Ayat al-Qur'an dan Hadith ditulis dengan menggunakan dakwat berwarna merah. Manakala tulisan lain menggunakan dakwat berwarna hitam coklat. Naskhah ini mempunyai 13 baris pada setiap halaman dan jarak antara baris adalah 1.0 sm. Tiada maklumat yang mencatatkan mengenai nama penyalin. Pengkaji mendapati terdapat 2 halaman yang berlaku pengulangan nombor muka surat iaitu 453 yang menyebabkan pengiraan jumlah halaman adalah sebanyak 5 halaman sahaja. Walau bagaimanapun jumlah halaman sebenar adalah 6 helai sahaja¹⁸⁹. Manuskip ini

¹⁸⁹ Sila lihat bab 2 untuk mendapatkan maklumat yang lain dengan lebih lanjut mengenai manuskip ini di bawah tajuk lokasi simpanan manuskip *Baḥr al-Lāhūt*, Pusat Manuskip Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

secara keseluruhan tidak lengkap dan pengkaji mendapati halaman akhir tersebut telah rosak.

Jadual 3.7 : Analisis Diskripsi Naskhah (§), bernombor MSS 1314 (U)

Bil	Perkara	Diskripsi
1	Bahasa	Arab
2	Jenis Tulisan	Khat Nasakh
3	Saiz Halaman (Panjang x Lebar)	24.4 x 16.5 sm
4	Jumlah Halaman	5
5	Baris / Halaman	9 / 1-3, 10 / 4,
6	Jarak antara baris setiap halaman	1.0 sm
7	Hamish (Nota Kaki)	Ada
8	Kolofon	Tiada
9	Tahun	Tiada
10	Penyalin Teks	Tiada
11	Sumber	Pusat Manuskip Perpustakaan Negara, Malaysia.

Sumber : Manuskip *Bahr al-Lāhūt*, bernombor MSS 1314 (U)

viii) Naskhah (¤) *Bahr al-Dāhūt* / *Bahr al-Lāhūt* terjemahan Bahasa Melayu tulisan Jawi

Naskhah ini berjudul *Bahr al-Dāhūt al-Kitab fī al-Bayan al-Alif*, berada di halaman 7 hingga 15 dalam sebuah naskhah setebal 146 halaman yang tidak berjudul dan naskhah *Bahr al-Dāhūt* atau *Bahr al-Lāhūt* ini telah ditemui oleh Mahayudin Yahya dalam kajian yang dilakukannya. Pengkaji telah menemui naskhah ini yang dilampirkan dalam bukunya berjudul *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks* di halaman 89 hingga 97¹⁹⁰. Salinan naskhah ini ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan ejaan tulisan Jawi lama, tetapi masih boleh difahami oleh pembaca. Terdapat dua bahasa digunakan dalam naskhah ini iaitu Bahasa Arab sebagai bahasa asal teks dan diikuti pula dengan Bahasa Melayu sebagai terjemahan. Tulisan dalam naskhah ini adalah jelas dengan menggunakan tulisan jenis Khat Nash. Ukuran saiz halaman berdasarkan naskhah salinan yang dikaji adalah berukuran 16.3

¹⁹⁰ Mahayudin Yahya (1994), *Op.cit.* h. 89-97.

x 10.5 sm. Pengkaji tidak mendapati simbol dan kolofon digunakan oleh penyalin dalam teks ini. Jumlah halaman adalah sebanyak 9 halaman dan setiap halaman mempunyai 17 hingga 19 baris. Pengkaji juga tidak mendapati nama penyalin dan tarikh naskhah ini. Manuskrip ini secara keseluruhannya mempunyai ciri-ciri fizikal yang lengkap. Namun, naskhah ini tidak dijadikan naskhah induk dalam suntingan teks kerana ditulis dalam tulisan Jawi dan merupakan naskhah *Baḥr al-Lāhūt* yang diterjemah ke dalam Bahasa Melayu.

Jadual 3.8 : Analisis Diskripsi Naskhah (♀), *Baḥr al-Dāhūt / Baḥr al-Lāhūt* terjemahan Bahasa Melayu tulisan Jawi

Bil	Perkara	Diskripsi
1	Bahasa	Arab
2	Jenis Tulisan	Khat Nasakh
3	Saiz Halaman (Panjang x Lebar)	16.3 x 10.5 sm
4	Jumlah halaman	9
5	Baris / Halaman	19 / 1, 17 / 2-8, 18 / 9
6	Jarak antara baris setiap halaman	0.5 sm
7	Hamish (Nota Kaki)	Tiada
8	Kolofon	Tiada
9	Tahun	Tiada
10	Penyalin Teks	Tiada
11	Sumber manuskrip	Salinan dari Mahayudin Yahya (1994) dalam Naskah Jawi Sejarah dan Teks.

Sumber : Manuskrip *Baḥr al-Lāhūt*, bernombor *Baḥr al-Dāhūt / Baḥr al-Lāhūt* terjemahan Bahasa Melayu tulisan Jawi dalam Mahayudin Yahya (1994).

3.1.4 Penggunaan Tanda atau Simbol dalam Suntingan Ilmiah dan Terjemahan

Penggunaan tanda dan simbol merupakan salah satu metode dalam proses suntingan yang perlu dilakukan oleh dalam pengkaji dalam kajian ini. Tanda atau simbol tersebut akan memudahkan pengkaji untuk menyunting teks setiap naskhah *Baḥr al-Lāhūt*. Pada masa yang sama dapat memberi kefahaman kepada pengkaji dan pembaca terhadap sumber-

sumber penulisan yang digunakan dalam teks *Baḥr al-Lāhūt* khususnya pada ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith. Maksud kepada tanda dan simbol yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 3.9 : Simbol-simbol kaedah suntingan teks dan terjemahan *Baḥr al-Lāhūt*

Bil.	Simbol	Maksud
1.	ا [Alif],	Tanda set bagi manuskrip, nombor panggilan Or. 7022 (3)
2.	ب [Ba'],	Tanda set bagi manuskrip, nombor panggilan Or. 7059 (3)
3.	ج [Jim],	Tanda set bagi manuskrip, nombor panggilan Or. 7051 (1)
4.	د [Dal],	Tanda set bagi manuskrip, nombor panggilan Or. 8540 (1)
5.	ص [Sad],	Tanda set bagi manuskrip, nombor panggilan Or. 8541 (1)
6.	ق [Qaf],	Tanda set bagi manuskrip, nombor panggilan Or. 7531 (2)
7.	ك [Kaf],	Tanda set manuskrip, nombor panggilan MSS 1314 (U).
8.	م [Mim],	Tanda set bagi manuskrip, versi terjemahan dalam Bahasa Melayu tulisan Jawi
9.	[]	Tanda dalam simbol tersebut adalah penerangan yang mempunyai maksud yang hampir kerana membolehkan pembaca mendapat kefahaman terhadap isi kandungan teks asal, teks suntingan, dan teks terjemahan.
10.	: { }	Tanda simbol yang menjelaskan ayat al-Qur'an yang digunakan.
11.	/ ٥ ا /	Huruf alif pada sisi kanan menunjukkan tanda set pada manuskrip, dan nombor 5 (lima) di sebelah kiri menunjukkan kod halaman folio manuskrip.
12.	+	Tanda yang menunjukkan terdapat kata atau kalimat yang ditambah dalam manuskrip
13.	-	Tanda yang menunjukkan terdapat kata atau kalimah yang dihilangkan / dikurangkan dalam manuskrip.
14.	: ()	Tanda simbol yang menjelaskan Hadith-Hadith yang digunakan dalam manuskrip
15.	()	Tanda simbol yang menjelaskan kependekan yang digunakan dalam manuskrip

16.	.	Tanda berhenti yang diletakkan oleh pengkaji dalam teks suntingan
17.	,	Tanda berhenti seketika, tetapi masih mempunyai kesinambungan kerana dalam ayat yang sama

Terdapat 17 simbol yang akan digunakan oleh pengkaji dalam bagi menyunting naskhah *Baḥr al-Lāhūt*. Apabila membaca teks suntingan yang dihasilkan, sebaik-baiknya simbol-simbol di atas perlu dibaca terlebih dahulu bagi mendapatkan gambaran awal.

3.2 TEKS SUNTINGAN ILMIAH *BAHR AL-LĀHŪT*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أ - ج - (1) ب - (3) د - (1) / Or. 7051 / Or. 8540

الحمد لله^{١٩١} الذي خلق نور محمد بقدرته والصلوة والسلام^{١٩٢} على محمد حبيبه وصفيه^{١٩٣} وعلى آله واصحابه وأمته^{١٩٤} أجمعين. أما بعد فقال^{١٩٥} عبدالله العارف^{١٩٦} قدس الله تعالى^{١٩٧} روحه العزيز في بيان الغيب^{١٩٨} والشهادة^{١٩٩} فينظر في بيان الحق^{٢٠٠} ويكتب^{٢٠١} كتاباً سميناه^{٢٠٢} بحر الالهوت، /بـ 1/ يعني لاحدود ولا إنتهاء لمن^{٢٠٣} كان يراه سعيد لأن فيه^{٢٠٤} / دـ 1/ بيان العظمة من عظمة الله تعالى لاحدود ولا إنتهاء كل^{٢٠٥} كـ 1/ كائن^{٢٠٦} لم يكن وكل شيء^{٢٠٧} لم يشهد^{٢٠٨} ذات الله تعالى^{٢٠٩} يعني ذات الله تعالى قديم وهو^{٢١٠}

^{١٩١} ج ، ب : + رب .
^{١٩٢} أ : - والسلام .

^{١٩٣} ب : وصفيه . ج : وصفه . د : وصفياته .

^{١٩٤} أ : وأمته و أصحابه . ب : + وأمته . بالماضي : وأصحابه (صح) . ج : - وأصحابه وأمته . د : + وأصحابه وأمته .
^{١٩٥} أ : + قال . ب : قال .

^{١٩٦} أ ، ب : العارف . ج : العارفين .
^{١٩٧} أ ، ج ، د : - تعالى . ب : + تعالى .

^{١٩٨} أ ، ب : الغيب ، بالماضي : والمراد بالغيب الذات و الصفات . ج : الغائب .

^{١٩٩} أ ، ب : الشهادة . د : فالشهادة ، + الغائب .
^{٢٠٠} أ ، ب : بالماضي : قال أهل السلوك الحق هو الذات و الحقيقة هو الصفات .

^{٢٠١} أ ، ب ، ج ، د : يكتب .
^{٢٠٢} أ ، ب : سميناه .

^{٢٠٣} د : - ملن .

^{٢٠٤} أ ، ب : + فيه . د : لأنه ، + فيه . ج : - فيه .
^{٢٠٥} د : + و .

^{٢٠٦} د : كائنا .

^{٢٠٧} أ ، ب : + شيء . د : - لم يكن وكل . ج : - شيء .
^{٢٠٨} أ : + يكن لم .

^{٢٠٩} ب : + إلا .

^{٢١٠} د : قديم ، - يعني ذات الله تعالى قديم وهو لاشريكه بذات الله تعالى يعني ذات الله تعالى قديم .
^{٢١١} أ ، ب : - وهو .

لا شريك بذات الله تعالى يعني ذات الله تعالى قسم وهو ذات ضياء^{٢١٤} واسع^{٢١٣} طاهر صفاء^{٢١٢} قديمة الوجود عظمة^{٢١٥} لاحساب على إنتهائه^{٢١٦}. اعلم^{٢١٧} أن الله تعالى^{٢١٨} إذا^{٢١٩} لم يعشق^{٢٢٠} بلا مكان ولا زمان ولا^{٢٢١} فوق ولا تحت ولا يمين ولا شمال إذ^{٢٢٢} نور محمد لم يكن^{٢٢٣} لأن العرش^{٢٢٤} والكرسي والسبع السموات و الأرض وكل أهلها جمیعا يخلق^{٢٢٥} د/ الله تعالى^{٢٢٦} من نور محمد صلی الله عليه وسلم^{٢٢٧} لأن نور^{٢٢٨} محمد^{٢٢٩} خمسين /ج ٢/ ألف سنة يمشي على^{٢٢٩} عظمة الله تعالى وأن ذلك لعظمة محمد صلی الله عليه وهو في عظمة^{٢٣٠} الله تعالى^{٢٣١}. اعلم أن جميع الأشياء جعل الله تعالى من^{٢٣٢} نور محمد^{٢٣٣}. اعلم أن الولاية و النبوة^{٢٣٤} هما صفة محمد ص م (صلی الله عليه وسلم) ^{٢٣٥} عند الباطن اسمه^{٢٣٦} الولاية و عند الظاهر اسمه^{٢٣٧}

^{٢١٢} أ ، ب : بالخامش : المراد الضياء النور وهو نور حقيقة .

^{٢١٣} أ ، ب : بالخامش : والمراد بالواسع لا حدود ولا انتهاء .

^{٢١٤} أ ، ب : + صفة . بالخامش : والمراد بالصفاء لا يمشي بالعدم و التعين الممكн . د : + صفة .

^{٢١٥} د : الوجود العظمة .

^{٢١٦} د : انتهاء ، + و .

^{٢١٧} أ ، ب : علم . د : و اعلم . ج : اعلم .

^{٢١٨} أ ، ب ، د : + تعالى . ج : - تعالى .

^{٢١٩} أ ، ج : إذا . د : إذ .

^{٢٢٠} أ : بالخامش : والمراد بالعشق لم يقتضي ظهور ذاته وصفاته .

^{٢٢١} د : لازمان و لامكان .

^{٢٢٢} أ ، ب ، د : إذ ، بالخامش : تتكل إيت نور . ج : فإذا .

^{٢٢٣} أ ، ب : بالخامش : بلوم جادي .

^{٢٢٤} أ ، ب ، د : - النور ، + العرش . ج : + النور ، - العرش .

^{٢٢٥} أ ، ب ، د : + تعالى . ج : - تعالى .

^{٢٢٦} أ ، ب : بالخامش : سقريت فرمان الله حلقت الاشياء لأجلك و حلقتك لأجلني أي حلقتك من نوري . د : + ص م .

^{٢٢٧} أ ، ب : النور ، بالخامش : محمد إيت .

^{٢٢٨} أ ، ب : - محمد .

^{٢٢٩} أ ، ب : + عظمة الله تعالى و أن ذلك لعظمة محمد صلی الله عليه وسلم .

^{٢٣٠} د : محمد وهو في عظمة .

^{٢٣١} د : + و أن ذلك العظمة محمد صلی الله عليه وسلم وهو في عظمة الله تعالى من نور الولاية .

^{٢٣٢} ج : - نور محمد .

^{٢٣٣} أ : ولادة ، + لأن الولاية والنبوة هما صفة محمد صلی الله عليه وسلم . ب : + لأن الولاية و النبوة . د : - اعلم أن جميع الاشياء جعل الله تعالى من الولاية .

^{٢٣٤} د : + و .

^{٢٣٥} أ : - اعلم أن النبوة هما صفة محمد ص م .

^{٢٣٦} أ ، ج ، د : اسم .

^{٢٣٧} ج ، د : - اسمه .

النبوة^{٢٣٨}. فقال أهل^{٢٣٩} السلوك^{٢٤٠} أول^{٢٤١} تجلي^{٢٤١} نور محمد هناك مجموع روح المخلوق والملائكة /د3/ والأشياء جميعاً. اعلم أن الجوهر^{٢٤٢} الأول عالم^{٢٤٣} كبير وهو روح /ب2/ الإضافي^{٢٤٤} من ذات الله تعالى^{٢٤٥}.

وكل شيء^{٢٤٦} من العرش والكرسي واللوح^{٢٤٧} والقلم و السموات والأرض و الجنة و النار وأهلها /ج3/ وكل أنواع نور^{٢٤٨} من الغائب^{٢٤٩} الشمس والقمر والنجمون والسماء و^{٢٥٠} أهلها من الملائكة جميعاً والأرض بأهلهما^{٢٥١} من الإنسان والحيوان والجان^{٢٥٢} والشيطان والأشياء جميعاً خلق الله تعالى من^{٢٥٣} روح إضافي وهو من عظمة الله تعالى . قال الله تعالى : (خلقت الأشياء /د4/ لأجلك وخلقتك). اعلم أن كل شيء جعل الله تعالى سبب الولادة^{٢٥٤} لأن الولادة^{٢٥٥} نور محمد^{٢٥٦} . كما قال الله تعالى : { والله متم نوره^{٢٥٧}} . اعلم أن الملائكة جعل الله تعالى^{٢٥٨} /ج4/ من نور الإنسان كما^{٢٥٩} قال الله تعالى: (خلقت الملائكة من نور الإنسان

^{٢٣٨} أ ، ب : بالماضي : ادافون نبوة إيت أتس دوا فرکارا نبوة التعريف و نبوة الشريف يغ فرتام إيت مرجيتاکن أکن معرفة ذات الله تعالى دان ذات اسماء الله برمول يغ کدوا سفرني مجربتاكن حکم الله دان أمر الله .

^{٢٣٩} أ : - فقال . ج ، ب : - فقال أهل .

^{٢٤٠} أ ، ب : بالماضي : والمراد بالسلوك تحدیب الأخلاق ليستعد للوصول قال بعضهم السلوك لاستعداد و في الوصول إلى المحبوب .

^{٢٤١} أ ، ب : بالماضي : يغ تجلي إيت نیک فرکارا، تجلي أول تجلي ذات، تجلي ثانی تجلي صفات تجلي نور نماپ، تجلي ثالث تجلي قدرة تجلي أفعال نماپ .

^{٢٤٢} أ ، ب : جوهر .

^{٢٤٣} د : أول علم .

^{٢٤٤} د : الإضافي .

^{٢٤٥} أ ، ج ، د : - تعالى .

^{٢٤٦} أ ، ب : الأشياء أجمعين .

^{٢٤٧} د : من ذات الله وكل شيء من العرش والكرسي واللوح .

^{٢٤٨} ب ، د : - نور ، + أنواع ، أ ، ج : - أنواع .

^{٢٤٩} ب : العجائب ، + و ، د : العجائب ، - من ، + و .

^{٢٥٠} أ ، ب : - و ، + ب .

^{٢٥١} أ ، ب ، ج ، د : بأهلها .

^{٢٥٢} أ : الجنان . د : - والجان .

^{٢٥٣} ج : + نور إضافي وهو من .

^{٢٥٤} د : - سبب ، بالولاية .

^{٢٥٥} ج : - لأن الولاية .

^{٢٥٦} د : + ص م .

^{٢٥٧} أ ، ب ، ج : نور . ج : + الأشئي .

^{٢٥٨} أ ، ب : - تعالى .

^{٢٥٩} ج ، د : - كما .

و^{٢٦٠} خلقت الإنسان من نور^{٢٦١} ظهوري) . قال عبد الله^{٢٦٢} العارف^{٢٦٣} من أهل السلوك أول تخلٰ ذات الله

تعالى تنزل^{٢٦٤} إلى القلم^{٢٦٥} ومن القلم^{٢٦٦} د^{٢٦٧}/ إلى الوجود النقاط^{٢٦٨} ومن النقاط^{٢٦٩} إلى الطرف نور

محمد^{٢٦٩} . أعلم أن ذات^{٢٧٠} الله تعالى كمثل المرأة الصافية^{٢٧١} فتعين^{٢٧٢} فيها حقيقة الأرواح وجميع الخلائق^{٢٧٣}

والأشياء جميعاً عياناً^{٢٧٤} فيها فعين^{٢٧٥} العرش^{٢٧٦} والكرسي^{٢٧٧} والسموات^{٢٧٨} والأرض والجاح^{٢٧٩} والشيطان

والحيوان / ج ٥/ وكل ما خلق الله تعالى كلهم من نور محمد^{٢٨٠} صلٰ الله عليه وسلم / د ٦/ . قال النبي صلٰ

الله عليه وسلم^{٢٨٢} : (أول ما خلق الله تعالى نوري فكان نوري خمسين ألف سنة قائمة فينظر الله تعالى فيه

٢٦٠ د : - و.

٢٦١ د : - نور .

٢٦٢ ا ، ج : - الله .

٢٦٣ ج : العارفين .

٢٦٤ أ ، ب : تنزل ، بالهامش : مراد تنزل متيكـن ادـبـ كـفـدـ حـقـيقـةـ مـحـمـدـ . ج : ينزل .

٢٦٥ أ ، ب : بالهامش : مراد درـدـ قـلـمـ إـيـتـ مـحـمـدـ رـسـوـلـ اللـهـ كـارـنـ إـيـ مـيـتاـكـنـ تـرـسـوـرـةـ فـدـ لـوـحـ مـخـفـوـظـ دـاـنـ يـائـتـ مـكـنـاتـ سـكـلـيـنـ درـدـ نـورـ مـحـمـدـ إـيـتـ لـهـ مـيـتاـكـنـ سـكـلـاـ بـعـ تـرـبـوـتـ دـلـمـ عـلـمـ اللـهـ كـرـانـ إـيـتـ لـهـ إـيـ دـغـايـ قـلـمـ .

٢٦٦ د : - إلى القلم ومن العلم ، + من الكلم إلى .

٢٦٧ أ ، ب : + إليه .

٢٦٨ د : - ومن النقاط .

٢٦٩ أ : بالهامش : مراد درـدـ نـورـ مـحـمـدـ مـعـشـوقـ يـعـنـيـ روـحـ إـضـاـفيـ سـفـرـيـ روـفـ يـعـ دـلـمـ جـرـمنـ .

٢٧٠ ج : - ذات .

٢٧١ ب : بالهامش : مراد درـدـ نـورـ مـحـمـدـ مـعـشـوقـ يـعـنـيـ روـحـ إـضـاـفيـ سـفـرـيـ روـفـ دـلـمـ جـرـمنـ .

٢٧٢ أ : + صورة عيان وهي حقيقة الإضافي اعلم أن حقيقة الإضافي كمثل المرأة الصافية . ب : + صورة عيان وهي حقيقة روح الإضافي اعلم أن حقيقة الإضافي كمثل المرأة الصافية تعين .

٢٧٣ ج ، ب : خلائق .

٢٧٤ ج : بيان .

٢٧٥ أ ، ب ، ج : فعين .

٢٧٦ ب ، بالهامش : برمول عرش إيت دوا فـرـكـارـاـ سـاتـوـ عـرـشـ الـعـظـيمـ كـلـدـاـ عـرـشـ الـجـيدـ اـدـافـونـ عـرـشـ الـعـظـيمـ إـيـتـ أـنـسـ تـوـجـهـ لـأـفـسـ لـاغـيـتـ اـدـافـونـ عـرـشـ الـجـيدـ إـيـتـ روـحـ إـضـاـفيـ سـفـرـيـ فـرـمانـ اللـهـ تـعـالـىـ الروـحـ مـكـانـ .

٢٧٧ ب : السماء .

٢٧٨ د : الجن .

٢٧٩ ج ، د : - والحيوان .

٢٨٠ ب : بالهامش : برمول نور محمد قالم دحضره الله دهولو درـدـ أـضـيـاءـ كـبـراـ 2 لـيمـ قـلـوـهـ رـبـ تـاهـونـ .

٢٨١ د ، ج : صـ مـ .

٢٨٢ أ ، ب : - قال النبي ص .

٢٨٣ ب : في . د : - فيه ، + كلهم من نور محمد . قال النبي ص م .

بنظر الرحمة^{٢٨٤} ، مرة واحدة / ب٣/ فارتعد^{٢٨٥} نوري فكان نوري من هيبة الله^{٢٨٦}) . فقال الله تعالى لنوري

: {أَلست بِرَبِّكُمْ} ، فقال^{٢٨٧} نوري : {بَلَىٰ^{٢٨٨}} فسجدت^{٢٨٩} فسجدة^{٢٩٠} بِوَحْدَانِيَةِ اللهِ تَعَالَىٰ^{٢٩١} ، في / د٧/

خمسين ألف سنة خمسة سجدة^{٢٩٢} بِوَحْدَانِيَةِ اللهِ تَعَالَىٰ وَكَانَ نُورِي مِنْ نُورِ اللهِ تَعَالَىٰ^{٢٩٣} ولأجل ذلك فرض الله

تعالى مني وأمي^{٢٩٤} خمس / ج٦/ وقت الصلاة^{٢٩٥} قال أهل العلم أول ذات الله تعالى ينزل إلى القلم ومن

القلم^{٢٩٦} إلى وجود^{٢٩٧} النقاط ومن النقاط إلى طرف نور محمد^{٢٩٨} ومن نور محمد فطرف^{٢٩٩} إلى اللوح

المحفوظ ثم يكتب^{٣٠١} القلم على اللوح^{٣٠٢} جميع المخلوق أجمعين و السبع السموات وسبعة الأرضين^{٣٠٣} وجميع

الأشياء بأهلها^{٣٠٤} من عظمة الولاية . والولاية^{٣٠٥} من عظمة الله تعالى وعظمة الله تعالى^{٣٠٦} لا حدود ولا انتها

له ولا فوق ولا تحت ولا انتهائه^{٣٠٧} ولا مكان ولا زمان ولا وقت لا حين^{٣٠٨} . فلهذا^{٣٠٩} / د٨/ يقول / ج٧/ الله

٢٨٤ أ ، ب : بالهامش : مراد درد رحمة ككلسيه بعلي جمل الله تعالى .

٢٨٥ أ ، ج : فارتعدت . د : فارتعد .

٢٨٦ أ ، ج ، د : - الله .

٢٨٧ د : فقالوا .

٢٨٨ د : بالي .

٢٨٩ أ ، ج ، د : فسجد .

٢٩٠ أ ، ج : سجدنا ، د : سجادة .

٢٩١ د : + وكان نور من نوري من نور الله تعالى .

٢٩٢ د : خمس سجدة ، ب : سجدة . أ ، ب : بالهامش : يعني سجوده لجهاز مغمساكي ذات الله دان صفات الله فمن معزوف كلمة توحيد . ج : سجدة .

٢٩٣ ج : - من نور الله تعالى .

٢٩٤ أ : للأمي .

٢٩٥ د : - خمسة سجدة بِوَحْدَانِيَةِ اللهِ تَعَالَىٰ وَكَانَ نُورِي وَلأجل ذلك فرض الله تعالى مني وأمي خمس وقت الصلاة .

٢٩٦ د : العلم .

٢٩٧ ب ، د : الوجود .

٢٩٨ د : + نوري قطرة ، - ومن نور محمد قطرة .

٢٩٩ أ : قطرة .

٣٠٠ د : لوح .

٣٠١ ج : تكتب ، د : - ثم .

٣٠٢ ب ، د : - اللوح .

٣٠٣ ج : + المحفوظ ، - المخلوق أجمعين و سبع سموات وسبعة الأرضين . د : - جميع المحفوظ ، + المخلوق .

٣٠٤ أ ، ب : + جيعا .

٣٠٥ د : - الولاية .

٣٠٦ ب : - وعظمة الله . أ ، ج : - تعالى .

٣٠٧ أ ، ب ، ج : + ولا فوق ولا تحت ولا انتهأ .

99

أكبير يعني لا حدود ^{٣١١} كبارائه ولا شيء كمثله ^{٣١٢}. قال الله تعالى : { ليس كمثله شيء وهو السميع البصير }. قال أهل البرى و الله تعالى يبصر ^{٣١٣} بعيداً أو قريباً و ^{٣١٤} كلهم يرون ^{٣١٥} . قال الله تعالى : { ألم يرون ^{٣١٦} بعيداً . و يرون ^{٣١٧} قريباً }. قال أهل المشاهدة ^{٣١٨} الشاهد أن يشهد ^{٣١٩} لنفسه ^{٣٢٠} . لا بد على المؤمنين اثنان ^{٣٢١} فصح شهادته ^{٣٢٢} الأولى ^{٣٢٣} هلال ^{٣٢٤} والثانية بدر قال أهل / د٩ الإشارة الهلال ^{٣٢٥} صار في وجهك مستقبلاً ^{٣٢٦} إلى ربك . اعلم أن الإسلام وكمال الإسلام ^{٣٢٧} / ج٨ عبارة عن ^{٣٢٨} كلمة الشهادة ^{٣٢٩} . وأما كمال إسلام ^{٣٣٠} فهو ^{٣٣١} شاهد بالحق وهو مؤمن حقاً لأنه / ب٤ يرى ^{٣٣٢} الله ^{٣٣٣} . قال النبي

^{٣٠٨} د : + ولا مكان .

^{٣٠٩} أ ، ج : وطننا .

^{٣١٠} ب : القول .

^{٣١١} أ ، ب ، ج : + في .

^{٣١٢} أ ، ب : مثله . ج : مثل .

^{٣١٣} د : - ببصر ، + بینظر .

^{٣١٤} ب ، ج : - و .

^{٣١٥} أ ، ب ، ج ، د : كله يراه .

^{٣١٦} ب : نزوه ، ج : بري .

^{٣١٧} أ ، ب : زنه ، ج : براه .

^{٣١٨} أ ، ب : المشاهد .

^{٣١٩} أ : يشهد لنفسه ، بالماضي : مراد درفه مليهت ديري دان حقيقة ديري هندق توكل ، ب : يشهد ، بالماضي : مراد درفه مليهت ديري دان حقيقة ديري هندق توكل ، ج : تشهد نفسه ، د : يشهد .

^{٣٢٠} د : لنفسه .

^{٣٢١} أ ، ب : بالماضي : مراد درفه أورع پاو دان بادن ، معرفة دان توحيد اي إيمان دان إسلام ، ملك صالحه شهادتپ يعني صح له معرفة . د : - اثنان .

^{٣٢٢} د : + اثنان .

^{٣٢٣} أ : أول .

^{٣٢٤} أ : ب : بالماضي : مراد درفه سهار بولن إيت أحديه .

^{٣٢٥} أ ، ب : هلال .

^{٣٢٦} د : متقبلاً .

^{٣٢٧} د : + عند الإنسان .

^{٣٢٨} ب ، ج : + كل .

^{٣٢٩} د : الشهادتين .

^{٣٣٠} د : + عند الله تعالى .

^{٣٣١} أ ، ب : وهو .

^{٣٣٢} ب : برينه .

^{٣٣٣} ب : + تعالى .

^{٣٣٤} ص (صلى الله عليه وسلم) : (تفكر ساعة للمخاطبة خير ^{٣٣٥} من عبادة ^{٣٣٦} ألف سنة). قال أهل ^{٣٣٧}

ال مقابلة كن نفسك بأمر ربك / ^٩ د بكمال وجودك بقدرة ربك ^{٣٣٨}. قال الله تعالى : {كل شيء هالك إلا

وجهه له الحكم وإليه ترجعون }. قال أهل الإشارة العشق عبارة عن ذات الله ^{٣٣٩} المطلق ^{٣٤٠} يعني لا هو

و لا غيره ^{٣٤١}. وعشق الله تعالى اثنان ^{٣٤٢} ، ج ^٩ الأول ^{٣٤٣} عشق ^{٣٤٤} الحلال ^{٣٤٥} والثاني عشق الجمال ^{٣٤٦} ذاته ^{٣٤٧}

^{٣٤٨} ليس مستمرا ^{٣٤٩} بالملحوق ^{٣٥٠} وذات المطلق هو ذات الحق سبحانه وتعالى ^{٣٥١} وهو قديم ^{٣٥٢} أزلي ^{٣٥٣}

عبارة عن إرادة الله تعالى والأعيان كان في ^{٣٥٤} علم الله تعالى قسم ^{٣٥٥} بذاته معلوم / د ^{١٠} على كبرياته

^{٣٥٦} وعظمته قديمة ^{٣٥٧} أزلي. ومعلومات الله تعالى كصور المصور وهي محدث . ومعلوم الله تعالى ^{٣٥٨} يسمى ^{٣٥٩}

^{٣٣٤} د : + صلى الله عليه وسلم و من .

^{٣٣٥} د : - خير ، + أفضل .

^{٣٣٦} ب ، د : عبادة .

^{٣٣٧} ج ، د : - أهل .

^{٣٣٨} ب : + نفيك نفسك بيان ذات ربك إلى ، د : - بكمال وجودك بقدرة ربك .

^{٣٣٩} أ ، د : - عبارة عن ، - الله .

^{٣٤٠} أ : + عشق الله تعالى مثني أول عشق حلال والثاني عشق جمال ذاته .

^{٣٤١} أ ، ب ، ج : - و .

^{٣٤٢} ب : - عبارة عن ذات الله المطلق ، بالماضي : يعني لا هو غيره ، أ : + نفيك نفسك بيان ذات ربك .

^{٣٤٣} ب : مثني ، أ : - لا هو غيره وعشق الله تعالى اثنان ، د : مثني ، + الأول عشق حلال و الثاني عشق جمال مستمر بالملحوق ^{٣٤٤} وإذا .

^{٣٤٤} ب : أول .

^{٣٤٥} أ ، ب : بالماضي : مراد درف عشق حلال إيت بآية عبارة درف كبسارن الله تعالى يعنى تياد دافت سدي هارا مخلوق عفني كفدب دان تيادا دافت دليهات أوله فغهان مات ، بالماضي : يعني لا هو غيره .

^{٣٤٦} ب : حلال .

^{٣٤٧} أ ، ب : جمال . ج ، د : - ذاته .

^{٣٤٨} أ ، ج ، د : + الاول .

^{٣٤٩} ب : بالماضي : برج هبور .

^{٣٥٠} د : ليس مستمرا بالملحوق و إذا الأول عشق الحلال و الثاني عشق الجمال الأول ليس مستمرا بالملحوق .

^{٣٥١} أ ، ب : + ذات المطلق . بالماضي : يعني لا هو غيره ، أ : - الماضي .

^{٣٥٢} ب : قافية .

^{٣٥٣} ب : أزليه .

^{٣٥٤} أ ، ب ، د : - في .

^{٣٥٥} أ ، ب : قائمة . د : + أزلي . ج : قاسم .

^{٣٥٦} د : - وعظمة .

^{٣٥٧} أ ، ب : + أزليه . ج : قاسم .

^{٣٥٨} أ ، ب : + تعالى كصور المصور وهي محدث ومعلوم الله تعالى . د : + تعالى كصورة المنظورة وهو محدثة ومعلومات الله تعالى .

الأعيان لأن معلومات الله تعالى لما عين المقدمة^{٣٦٠} المبين^{٣٦١} العرش والكرسي وسبع السموات^{٣٦٢} والأرض بأهلها جميعا / ج ١٠/٣٦٣ وهو عبارة^{٣٦٤} عن محدثة^{٣٦٥}. ومعلومات^{٣٦٦} الله^{٣٦٧} ليس إنتقالا^{٣٦٨} عن ذاته،^{٣٧٢} ومعلومات الله تعالى أصل جميع المخلوقات ليس^{٣٦٩} إنتقالا^{٣٧٠} من^{٣٧١} أزلية، و معلومات الله تعالى جعله من قدرة الله تعالى لا من ذاته ليس خارج ولا داخل عند الله^{٣٧٣} تعالى. وكان معلومات^{٣٧٤} الله تعالى^{٣٧٥} في سره^{٣٧٧} ليست بحادثة^{٣٧٨} ولا قديمة^{٣٧٩} لأنه عدم^{٣٨٠} لم يكن . قال^{٣٨١} أهل الله العشق كمثل المرأة الصافية^{٣٨٢} فمعلومات^{٣٨٣} الله أعيان^{٣٨٤} في المرأة واسم المخلوق وهي^{٣٨٥} روح الإضافي^{٣٨٦} ، / بـ ٥

^{٣٥٩} د : - يسمى .

^{٣٦٠} أ ، ب ، ج : مقدمة .

^{٣٦١} ب : بالهامش : تتكل بات دفن لفپئن بات .

^{٣٦٢} أ ، ب : سمات .

^{٣٦٣} أ : وهو عيان محدثة ، وهو عيان عبارة حمدية .

^{٣٦٤} ب : عيان ، بالهامش : كپتان .

^{٣٦٥} ب : باهامش : محدث ، د : محدثة .

^{٣٦٦} ب ، د : معلوم ، بالهامش : پیغ سودہ ترفةام . د : - الهماش .

^{٣٦٧} ب : + تعالى ، د : + تعالى أصل و جميع المخلوقات .

^{٣٦٨} د : - انتقالا .

^{٣٦٩} ج : - تعالى أصل جميع المخلوقات ليس . د : + تعالى ، ليس إنتقالا عن ذاته ومعلومات الله .

^{٣٧٠} أ ، ب ، د : پینقل .

^{٣٧١} أ ، ب ، ج : + عن ، - من .

^{٣٧٢} أ ، ب ، ج ، د : جعل .

^{٣٧٣} ج ، د : - الله .

^{٣٧٤} أ ، ب : معلوم .

^{٣٧٥} أ ، ب : - تعالى .

^{٣٧٦} أ ، ب : + علم .

^{٣٧٧} د : - ليس خارج ولا داخل عند تعالى وكان معلوم الله تعالى في سره .

^{٣٧٨} أ ، ج ، د : ليس بحدث . ب : بحادث .

^{٣٧٩} أ ، ب ، ج ، د : قسم .

^{٣٨٠} د : عدم .

^{٣٨١} د : - قال ، + خارج ولا داخل عند الله تعالى . اعلم أن .

^{٣٨٢} أ ، ب : بالهامش : ثویه ، ج ، د : - الصافية .

^{٣٨٣} أ ، ب : ومعلوم ، بالهامش : پیغ سودہ ترفةام .

^{٣٨٤} أ ، ب ، د : عيانا ، بالهامش : بات . د : - الهماش .

^{٣٨٥} ب ، د : وهو .

^{٣٨٦} أ : + إسم المخلوق .

لأنه^{٣٨٧} من العدم إلى الوجود والمرأة قديم^{٣٨٨} وكل صورة / ج ١١ / مبينا^{٣٨٩} فالمراة هي^{٣٩٠} محدثة^{٣٩١} ليس سواه
بذات الله^{٣٩٢} القديم لأن ذات^{٣٩٣} الله تعالى بقي^{٣٩٤} بصفاته^{٣٩٥}. فمعلوم الله الذي ظهر^{٣٩٦} في المرأة وهو اسم
المعشوق وهو حقيقة الإضافي . اعلم أن ذات الله تعالى كالمراة ظاهر صفاء^{٣٩٧} صفية صورة أعينا^{٣٩٨} في
المراة^{٣٩٩} وهي^{٤٠٠} روح الإضافي^{٤٠١} وهي^{٤٠٢} أصل جميع المخلوق^{٤٠٣} ، لأن روح^{٤٠٤} المخلوق طرف^{٤٠٥} عند روح

^{٣٨٧} أ ، ب ، د : + لأنه ، بالماضي : يعني روح إيت درف عدم كفدر عدم وجود ، ادفنون حقيقة سدي موجود حقيقته . ج : لا . د : - المماض .
^{٣٨٨} أ ، ب ، د : قديمة .

^{٣٨٩} أ ، ب ، د : مبينا ، ج : مبيان ، د : + وكان معلوم في العلم السري ليس .

^{٣٩٠} أ ، ب : وهو ، ج : و هي .
^{٣٩١} د : محدث .

^{٣٩٢} ب : - الله ، د : + تعالى .

^{٣٩٣} د : - ذات .

^{٣٩٤} د : نفي .

^{٣٩٥} د : + الذي .

^{٣٩٦} ب : بالماضي : كلبهان اي ، د : - فمعلومات الله الذي ظهر .

^{٣٩٧} ب : بالماضي : هنغ .

^{٣٩٨} أ ، ب : عينا .

^{٣٩٩} د : - ظاهر صفاء صفية صورة أعينا في المرأة .

^{٤٠٠} أ ، ب ، د : وهو .

^{٤٠١} أ ، ب : إضافي .

^{٤٠٢} أ ، ب : وهو .

^{٤٠٣} ج ، د : - جميع .

^{٤٠٤} أ ، ب : + الروح .

^{٤٠٥} أ ، ب : بالماضي : تربيت درف دپ .

الإضافي^{٤٠٦} . والروح الإضافي روح^{٤٠٧} محمد صلى الله عليه وسلم^{٤٠٨} ، و علم الله تعالى قديم أزلي^{٤٠٩} . تمت هذه الكتاب المسمى بحر^{٤١٠} اللاهوت، والله اعلم بالصواب / ج 12/ ب 6/ د 16 .

^{٤٠٦} أ ، ب : إضافي ، بالخامش : قال عبد الله هي الروح عبارة والقائم بالأشياء هو الحق .

^{٤٠٧} ج : - والروح الإضافي روح . د : + والإضافي روح .

^{٤٠٨} أ ، ب : صلى الله عليه وسلم .

^{٤٠٩} ب : + وكل معلومات الله تعالى حادث بعد العشق وعلم الله تعالى قديم أزلي قبل العشق قديم أزلي ، بالخامش : يعني بحثوا علم الله تعالى إيت تتكل بلم مپتاكن ديرب إيت قديم لاك أزلي ، د : + أبدي وكل معلومات الله تعالى قبل لعشق قديم أزلي أبدي والله اعلم بالصواب و يجب على كل مكلاف أن يعرف عشرون صفات وهي بالحقيقة ا الحق وهي لانه لا يبعد ولا فرق إلى نفسه وإلى الله تعالى وإلى ربه وإلى نفسه فقد يوجد إلى حقيقة الحق من حقيقة الصفات وحقيقة الإنسان وهم حق الله تعالى والإنسان يعني لا علماء ولا حي ولا قديرا ولا إرادا ولا سبيعا ولا بصيرا ولا يقول ولا يجري ولا يحسن ولا عليما و حقيقة الإنسان يعني لا يخاف العلم ولا يخاف المغنى ولا يخاف الله ولا يخاف الأنبياء ولا يخاف الأولياء ولا يخاف الملائكة ولا يخاف ما بل يخاف إلى نفسه وإلى ربه والله اعلم نسئل الله الكريم أن يجعل الخير ونفعنا و غير الله لنا من الذنوب الكبار و الصغار كلها .

^{٤١٠} ب : - تمت هذا الكتاب المسمى بحر ، + تمت اللاهوت والله اعلم ، أ : - تمت هذا الكتاب المسمى بحر ، + تمت اللاهوت والله اعلم ، ج : - والله اعلم ، د : + والله اعلم .

3.3 TERJEMAHAN *BAHR AL-LĀHŪT*

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah [Ta`ālā Zat Yang Mentadbir seluruh alam] yang telah menjadikan Nur Muhammad dengan sifat Qudrat-Nya, dan selawat dan salam ke atas [Baginda] Muhammad [Rasulullah s.a.w] sebagai kekasihNya [Allah Ta`ālā] dan sahabatnya, dan juga ke atas seluruh ahli keluarga Baginda, para sahabat, dan umatnya. Adapun kemudian daripada itu, maka telah berkata `Abdullāh al-Ārif, bahawa mudah-mudahan Allah Ta`ālā mensuci ruh-Nya Yang Maha Agung pada menyatakan perkara yang ghaib [Zat dan Sifat] dan perkara yang nyata [*Afa`āl Allah Ta`ālā* atau kenyataan]. Maka, beliau [Shaykh `Abdullāh `Ārif] memikir pada menyatakan Haq, dan beliau menulis sebuah kitab yang kami namakannya *Baḥr al-Lāhūt*, yang bermaksud [*Lāhūt*] ialah sempadan [*hudud*] dan tiada berkesudahannya [pengakhiran], kepada sesiapa yang melihatnya [*Baḥr al-Lāhūt*], adalah orang yang terlebih bahagia [bertuah] kerana padanya [*Baḥr al-Lāhūt*] itu menyatakan satu keAgungan daripada keAgungan Allah Ta`ala yang tiada sempadan [*hudud*] dan tiada kesudahan [pengakhiran]. Segala makhluk [*Ka`in*] tidak wujud dan setiap sesuatu tidak zahir [melainkan] Zat Allah Ta`ālā, iaitu yang bermaksud Zat Allah Ta`ālā adalah Qadim. Dan tidak ia bersekutu dengan Zat Allah Ta`ālā iaitu yang bermaksud Zat Allah Ta`ālā adalah Qadim dan Ia adalah Zat yang terang bercahaya [*al-Nūr*], dan luas [Tiada Permulaan dan Tiada Pengakhiran], Yang Suci Hening, Yang Wujud Qadim [Wujud Hakiki], Yang Maha Agung dan tiada terhitung pengakhiranNya [keAgunganNya]. Ketahuilah olehmu [wahai Ahli Hakikat], sungguhnya Allah Ta`ala apabila ketika tiada asyiq untuk [menyatakan Zat dan Sifat-Nya], tiada Ia bertempat dan tiada Ia bermasa dan

tiada Ia di atas dan tiada Ia di bawah, dan tiada Ia di kanan dan tiada Ia di kiri kerana Nur Muhammad belum wujud [nyata ketika itu kerana hanya Allah sahaja yang wujud], kerana sesungguhnya `Arash dan Kursi dan tujuh lapisan langit dan bumi dan segala yang terkandung di dalam keduanya diciptakan oleh Allah Ta`ālā daripada Nur Muhammad s.a.w kerana Nur Muhammad berjalan selama 50,000 tahun lama perjalanan kerana menyatakan keAgungan [Zat] Allah Ta`ālā, dan dengan demikian itu [penciptaan sekalian makhluk] adalah disebabkan kebesaran [keagungan] Nabi Muhammad s.a.w yang ia [Nur Muhammad] turut berada dalam keAgungan Allah Ta`ālā. Ketahuilah, sesungguhnya setiap sesuatu [sesuatu yang mawjud pada `Ayan Kharijiyah] telah dijadikan oleh Allah Ta`ālā daripada Nur Muhammad. Ketahuilah, sesungguhnya *al-Wilāyah* dan *al-Nubuwwah* adalah sifat kepada [Nabi] Muhammad s.a.w. Pada aspek batin, namanya ialah *al-Wilāyah* dan pada aspek zahir namanya ialah *al-Nubuwwah*. Telah berkata *Ahl al-Sulūk*, permulaan *Tajallī* ialah Nur Muhammad serta di situlah terhimpun segala ruh makhluk dan malaikat serta kesemua perkara. Ketahuilah olehmu sesungguhnya *Jawhar* terawal [sesuatu yang termasuk dalam kalimah *Kun*] ialah `Ālam Kabīr iaitu *Rūh al-Idāfi* [sandaran] daripada Zat Allah Ta`ālā. Dan setiap sesuatu antaranya terdiri daripada `Arash, Kursi, Luh [Mahfuz], qalam, langit, bumi, syurga, neraka serta kesemua yang terkandung di dalamnya dan setiap jenis cahaya daripada perkara yang ghaib seperti matahari, bulan, bintang dan langit serta penghuninya [yang terdiri] daripada malaikat kesemuanya dan juga bumi serta penghuninya [yang terdiri] daripada manusia, haiwan, jin dan syaitan, kesemuan perkara itu dijadikan oleh Allah Ta`ālā daripada *Rūh al-Idāfi* dan ia [*Rūh al-Idāfi*] itu adalah [menyatakan] keAgungan Allah Ta`ālā. Allah Ta`ālā telah berfirman [yang bermaksud] : "Aku jadikan sesuatu kerana engkau [wahai Muhammad] [untuk mengenal engkau], diciptakan engkau [oleh Aku [Allah Ta`ālā]] kerana Aku [Allah Ta`ālā]" . Ketahuilah, bahawa sesungguhnya setiap sesuatu dijadikan oleh Allah Ta`āla sebab *al-Wilāyah* kerana *al-Wilāyah* itu adalah

Nur Muhammad. Sepertimana Allah Ta`ālā berfirman [yang bermaksud] : “Dan sesungguhnya Allah S.W.T menyempurnakan cahaya-Nya”. Ketahuilah bahawa sesungguhnya malaikat itu dijadikan oleh Allah daripada *Nūr al-Insān*, sepetimana firman Allah Ta`ālā [yang bermaksud]:“ Diciptakan para malaikat dari *Nūr al-Insān*, dan diciptakan *Nūr al-Insān* daripada *Nur Zāhūri*. Telah berkata `Abdullāh al-Ārif iaitu daripada kalangan *Ahl al-Sulūk*, permulaan *Tajallī*[menyatakan] Zat Allah Ta`ālā itu turun [*Tanazzu*] Ia [menyatakan ada-Nya kepada Hakikat Muhammad] kepada Qalam [Hakikat Muḥammad] dan daripada Qalam kepada wujud titik [*al-Wujud al-Nuqāt*] dan daripada titik [*al-Nuqāt*] kepada terbit zahir [*al-tarf*] Nur Muhammad [*Rūh al-`Azam*]. Ketahuilah, bahawa sesungguhnya Zat Allah Ta`ālā itu bandingan seperti cermin yang bersih. Maka ditentukan padanya hakikat segala para ruh dan segala makhluk dan segala sesuatu kenyataan padanya, maka dijadikan kenyataan [seperti] `Arash, Kursi, langit, bumi, jin, dan syaitan serta haiwan yang kesemua itu dijadikan oleh Allah Ta`ālā daripada Nur Muhammad s.a.w. Nabi [Muhammad] s.a.w telah bersabda yang [bermaksud]: “ Yang pertama dijadikan oleh Allah Ta`ālā adalah Nur aku [Nur Muḥammad], dan maka Nur aku telah berdiri selama 50,000 ribu tahun berdiri [di hadapan Zat Allah Ta`ālā atau tiada bercerai tinggal di hadrat Allah Ta`ālā], maka Allah Ta`ālā melihat padanya [Nur] tersebut dengan rahmat [kasih sayang], sekali pandang, maka gementarlah Nur aku disebabkan keAgungan [*Haybah*] Allah Ta`ālā. Maka, Allah Ta`ālā telah berfirman kepada Nur aku [yang bermaksud] : “Bukankah Aku [Allah Ta`ālā] tuhan kamu?”. Maka Nur aku telah menjawab [yang bermaksud] : “Ya [Engkaulah Tuhanku]”. Maka sujud ia sekali sujud dengan mengEsakan [Zat dan Sifat] Allah Ta`ālā pada lima puluh ribu tahun iaitu lima kali sujud dengan mengEsakan Allah Ta`ālā. Adalah Nur aku daripada Nur Allah Ta`ālā. Oleh yang demikian, telah diwajibkan [*fard*] oleh Allah Ta`ālā kepadaku dan umat-umat aku solat lima waktu. *Ahl al-`Ilm* telah berkata permulaan Zat Allah Ta`ālā diturunkan [*Tajalli*]

kepada *al-Qalam* [*Hakikat Muhammadiyyah*] dan daripada *al-Qalam* kepada kepada wujud titik [*wujud al-Nuqat*] dan daripada titik [*al-Nuqat*] kepada terbit [*tarf*] Nur Muhammad [*Rūh al-A`zam*], dan daripada Nur Muhammad itu maka terbit di *Lūh Mahfuz*. Kemudian Qalam menulis di atas *Lūh* akan segala makhluk kesemuanya dan tujuh lapisan langit dan tujuh lapisan bumi dan segala suatu perkara dengan penghuninya daripada kebesaran *al-Wilāyah*. Dan *al-Wilāyah* itu adalah daripada keAgungan [Zat] Allah Ta`ālā. Dan keAgungan Allah Ta`ala itu tiada sempadan dan tiada kesudahannya, tidak di atas, tidak di bawah, tidak berpengakhiran, tidak bertempat, dan tidak bermasa serta tidak binasa. Oleh yang demikian, lafaz *Allahu Akbar* adalah bermaksud tiada jenis had sempadan terhadap kebesaran Allah Ta`ālā dan tiada sesuatupun yang menyerupai-Nya. Allah Ta`ālā berfirman [yang bermaksud]: “Tiada sesuatupun yang menyerupai-Nya, dan Dialah [Allah] Maha Mendengar dan Maha Melihat” . *Ahl al-Yura* [yang mempunyai rahsia-rahsia ketuhanan] telah berkata bahawa Allah Ta`ālā itu Maha Melihat yang jauh dan yang dekat dan kesemuanya dilihat oleh-Nya. Allah Ta`ālā berfirman [yang bermaksud] : “Sesungguhnya mereka [yang terhijab] itu melihat-Nya [Allah] itu jauh dan mereka [yang terbuka hijab] melihat-Nya [Allah] itu hampir”. Telah berkata *Ahl al-Mushahadah* bahawa [bermula] orang yang memandang itu [*al-Shahid*] adalah melihat dirinya sendiri. Tidak dapat tidak ke atas orang beriman dua perkara, maka sahlah penyaksianya [*Shahadatih*]. Pertama adalah anak bulan [*hilal*], dan kedua adalah bulan purnama [*badr*]. *Ahl al-Isyarah* telah berkata bahawa anak bulan itu akan menjadi bulan purnama ketika mukamu berhadapan kepada Tuhanmu. Ketahuilah, sesungguhnya Islam itu dan kesempurnaananya adalah satu kefahaman daripada tiap-tiap kalimah *al-shahādah*. Dan adapun setiap Islam [iaitu muslim], adalah ia yang menyaksikan [memandang dengan hadir hati] [Zat atau Sifat] al-Haq, maka dialah seorang benar-benar beriman [*mu`min*] kerana sesungguhnya dia telah melihat *Allah*. Nabi s.a.w telah bersabda [yang bermaksud] : “Berfikir satu saat tentang sesuatu itu (*li al-*

mukhatabah) lebih baik daripada beribadat selama seribu tahun”. *Ahl al-Muqabalah* telah berkata : “Dijadikan diri kamu dengan perintah Tuhanmu dengan kesempurnaan kewujudanmu yang [dapat pula menzahirkan] kekuasaan Tuhanmu”. Allah Ta`ala telah berfirman [yang bermaksud] : “Setiap sesuatu akan musnah binasa melainkan Zat-Nya, bagi-Nya segala hukum atau penentuan dan hanya kepada-Nya kamu dikembalikan”. *Ahl al-Isharah* telah berkata, kerinduan (*al-`Ishq*) itu adalah satu kefahaman tentang Zat Allah Yang Mutlak yang bermaksud [tiada nyata sesuatu] tiada dia yang lain melainkan-Nya. Dan kerinduan Allah Ta`ala itu dua perkara : pertama, *`Isq al-Jalal* dan kedua, *`Isq al-Jamal* iaitu Zat-Nya yang tiada tetap dan bercampur dengan makhluk, dan Zat yang tiada dengan sesuatu itu [*Zat al-Mutlaq*] iaitu *Zat Yang al-Haq Subhanahu Wa Ta`ala*, dan Ia adalah [Zat yang] Qadim lagi Azali. Dan kerinduan (*Isq*) itu seumpama [satu kefahaman] daripada [*Ta`aluq* sifat] *Iradah* Allah Ta`ala. Dan *al-`Ayan* adalah di dalam ilmu Allah Ta`ālā yang Qadim dengan Zat-Nya, yang mengetahui akan kebesaran-Nya dan keAgungan-Nya yang Qadim lagi Azali. Dan Ilmu (*ma`lumat*) Allah Ta`ala seperti gambar yang tergambar (*al-Musawwir*) di mana ia adalah baharu dan Ilmu (*ma`lum*) Allah Ta`ālā itu dinamakan dengan *al-A`yan* kerana sesungguhnya Ilmu (*ma`lumat*) Allah Ta`ālā itu apabila dinyatakan keadaannya terdahulu (*Ayan al-Muqaddimah*), nyatalah `Arash, Kursi, tujuh lapisan langit dan bumi, dan kesemua isi kandungan kedua-duanya sebagai baharu. Dan Ilmu (*ma`lumat*) Allah Ta`ālā tidak terpindah daripada Zat-Nya, dan tidak berpindah ilmu Allah Ta`ālā itu daripada azali, dan sesuatu dalam ilmu Allah Ta`ālā itu terjadi daripada kekuasaan Allah Ta`ālā bukan daripada Zat-Nya kerana Zat Allah Ta`ālā tiada di luar daripadaNya sesuatu tiada masuk kepada-Nya sesuatu. Dan adalah sesuatu dalam Ilmu Allah Ta`ālā adalah dalam rahsia-Nya, tiada Ia baharu dan tiada Ia Qadim kerana telah maklum ketiadaan yang tidak diwujudkan lagi. Telah berkata *Ahl Allah* cinta [rindu berahi] itu adalah seperti cermin yang bersih, maka *‘Ayan* [yang wujud / jawhar] sesuatu dalam ilmu Allah Ta`ālā itu

pada cermin dan nama bagi makhluk dan 'Ayan [yang wujud / jawhar] itu adalah *Ruh Idāfi* kerana daripada tiada kepada wujud dan cermin itu *qadim* dan kesemua bayang-bayang yang nyata pada cermin itu adalah baharu dan tidak menyerupai ia dengan Zat Allah Yang Maha Qadim kerana sesungguhnya Zat Allah Ta'ala itu kekal dengan Sifat-Nya. Telah maklum sesuatu dalam ilmu Allah Ta'ālā yang zahir pada cermin ialah nama yang dirindui [*Ism ma'syuq*] dan ia hakikat kepada *Ruh Idāfi*. Ketahuilah sesungguhnya Zat Allah Ta'ālā seperti cermin yang bersih suci lagi hening serta nyata sifat seperti dalam cermin iaitu *Rūh Idāfi* dan ia adalah asal segala makhluk kerana sesungguhnya ruh makhluk terbit itu disisi *Rūh Idāfi*. Dan *Rūh Idāfi* ialah Ruh Nabi Muhammad s.a.w. Dan ilmu Allah Ta'ālā itu adalah Qadim lagi Azali. Telah sempurna kitab ini yang diberi nama *Baḥr al-Lāhūt* dan Allah Ta'ālā Yang Maha Mengetahui akan kebenaran.

3.4 KESIMPULAN

Justeru, usaha mengesan dan mencari lokasi yang menyimpan sesebuah manuskrip lama merupakan kajian yang mengambil masa yang agak lama. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati terdapat 3 lokasi utama iaitu Pusat Manuskrip, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Leiden, Netherland, dan Pusat Manuskrip Dayah Tanoh Abee, Utara Aceh, Indonesia yang menyimpan teks *Baḥr al-Lāhūt* sama ada dalam naskhah asal atau salinan.

Dalam bab ini pengkaji telah menjelaskan diskripsi fizikal keseluruhan salinan teks *Baḥr al-Lāhūt* yang telah dikumpul. Dengan membuat diskripsi fizikal tersebut, secara langsung turut membantu pengkaji ketika membuat suntingan teks kerana salinan teks yang mempunyai diskripsi lengkap sahaja dipilih untuk disunting bagi memastikan teks suntingan yang akan dihasilkan lebih sempurna. Pengkaji mendapati hanya terdapat 4 buah

salinan sahaja iaitu naskhah Or. 7022(3), Or. 7059(3), Or. 7051(1), Or. 8540(1) yang diambil untuk dilakukan suntingan kerana lebih sempurna pada aspek kejelasan tulisan yang memudah proses penelitian dan pembacaan, dan aspek penulisan yang ditulis sehingga penutup. Dengan memiliki 4 buah naskhah tersebut pengkaji merasakan ia telah memadai untuk dilakukan proses suntingan.

Berdasarkan kepada kesempurnaan 4 buah naskhah tersebut, maka dalam bab ini pengkaji telah menyediakan sebuah teks suntingan *Baḥr al-Lāhīt* dan terjemahan dalam Bahasa Melayu menggunakan tulisan rumi. Hasil terjemahan yang dilakukan ini akan membantu pengkaji melihat dan merujuk untuk membuat analisis pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif tentang doktrin Nur Muhammad pada bab kelima nanti.

BAB KEEMPAT

DOKTRIN NUR MUHAMMAD DALAM WACANA TASAWUF

4.0 PENDAHULUAN

Bab keempat merupakan kerangka teori kajian yang memfokuskan kepada perbincangan mengenai doktrin Nur Muhammad dalam wacana Tasawuf merangkumi aspek definisi Nur, Muhammad, dan Nur Muhammad. Selain itu bab ini juga akan menganalisis apakah sumber daripada al-Qur'an dan Hadith yang disandarkan ketika membincangkan doktrin ini. Tidak ketinggalan juga, bab ini akan turut dibentang pandangan yang menerima dan menolak doktrin Nur Muhammad. Seterusnya, kajian ini juga akan melihat aspek ajaran doktrin Martabat Tujuh serta hubungan ajaran ini dengan doktrin Nur Muhammad. Akhir sekali, bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

4.1 PENDEFINISIAN DOKTRIN NUR MUHAMMAD

4.1.1 Definisi *nūr*

Merujuk kepada *Kamus Dewan*, *nūr* bermaksud cahaya dan terang⁴¹¹. *Lisān al-'Arab* pula menjelaskan lawan kepada *al-nūr* (النور) adalah *al-zulumah* (ظلمة)⁴¹². Manakala *Mukhtār*

⁴¹¹ *Kamus Dewan* (2007), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 1087.

⁴¹² Ibn Manzūr (1994), *Lisan al-'Arab*, j.5, c.3. Beirut : Dār Sadir. h. 240.; Jama'ah min Kibar al-Lughawiyyin al-'Arab (1989), *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi Li al-Nāfiqīn bi al-'Arabiyyah wa Mutā'allimihā*. (t.t.p) : Larus. h. 1241.

al-Sīḥah memberikan pengertian *al-nūr* (النور) dengan maksud *al-dīyā'* (الصياء), yang merujuk kepada cahaya yang terang, dan jamak` kepada *nūr* adalah *anwār* (أنوار) ⁴¹³.

Nūr juga dikenali dengan nama lain seperti *al-daw'* (الضوء). Ibn Athīr menjelaskan *al-daw'* merujuk kepada penerang yang menerangkan sesuatu yang lain⁴¹⁴. *Mu'jam al-Wāsit* pula menjelaskan *al-daw'* (الضوء) adalah sesuatu yang menghasilkan cahaya dengan sendiri dan menerangkan sesuatu yang lain, akan tetapi memerlukan penglihatan untuk melihat hakikat perkara tersebut⁴¹⁵. Malah, lebih kritikal lagi *al-daw'* juga merujuk kepada satu gelombang yang membolehkan melihat sesuatu yang lain⁴¹⁶. *Encyclopaedia of Islam* pula menerangkan bahawa *al-daw'* (الضوء), mempunyai maksud yang lebih intensif daripada *nūr*⁴¹⁷. Salah satu contoh yang boleh merujuk kepada *al-daw'* ialah seperti cahaya daripada matahari yang menghasilkan cahayanya sendiri dan kemudian memantulkan cahaya tersebut kepada bulan. Maka, cahaya daripada pancaran matahari tersebut dipanggil dengan *al-daw'* (الضوء), manakala cahaya yang dipantul kepada bulan dipanggil dengan *nūr*⁴¹⁸.

⁴¹³ Al-Rāzī, Muḥammad Ibni Abī Bakr Ibni ‘Abd al-Qādir (1986), *Mukhitār al-Sīḥah*. Beirut : Maktabah Lubnan. h. 285.

⁴¹⁴ Al-Fayyūmī, Aḥmad Ibni Muḥammad (2010), *al-Miṣbāḥ al-Munīr Mu'jam ‘Arab – ‘Arab*. Beirut : Maktabah al-‘Aṣriyyah. h. 324.

⁴¹⁵ Majma‘ al-Lughah al-‘Arbiyyah (1985), *al-Mu’jam al-Wāsit*, j.2, c.3. Kaherah : Sharikah al-‘Ilānāt al-Sharqawī. h. 1000 ; Ibni Manzūr (1994), *Op.cit.*, j.5, c.3. h. 420 ; Jama‘ah Min Kibar al-Lughawiyin al-‘Arab (1989), *Op.cit.*, h. 1241.

⁴¹⁶ Jama‘ah min Kibar al-Lughawiyin al-‘Arab (1989), *Op.cit.*, h. 1241.

⁴¹⁷ Bosworth, C. E. et. al. (1995), *Encyclopaedia of Islam : New Edition*. Leiden : E. J. Brill. h. 121.

⁴¹⁸ *Ibid.*,

Amstrong menjelaskan, nur juga merujuk kepada cahaya yang bersinar daripada Cahaya Allah⁴¹⁹. *Kashf* (pembukaan rahsia) yang tersingkap dalam hati tersebut adalah berpunca daripada Allah S.W.T dan jika terdapat kegelapan dalam hati, maka ia tidak selari dan sepadan dengan cahaya daripada-Nya. Dalam beberapa keadaan, *kashf* dan *ma'rifah* tidak akan sampai ke dalam hati hamba yang melakukan maksiat kerana maksiat tersebut menggelapkan hati. Hanya melalui proses *dhikrullāh* sahaja yang akan mampu untuk mengubati serta menyucikan hati seterusnya membenarkan hati tersebut dipenuhi dengan sinar cahaya daripada Allah S.W.T. Ini kerana, cahaya yang sempurna adalah cahaya yang dikurniakan oleh-Nya⁴²⁰.

Selain itu, *nūr* juga mempunyai pengertian yang merujuk kepada diri Rasulullah s.a.w dan kebenaran yang dibawa olehnya⁴²¹. Kebenaran yang dibawa oleh Baginda merangkumi segenap aspek kehidupan yang terkandung mengenai persoalan akidah, syariat, dan akhlak untuk membebaskan umat manusia daripada kegelapan kejahilan. Seterusnya, Ibn Manzur turut menjelas bahawa perkataan *al-nūr* (النور) adalah salah satu nama dan sifat Allah S.W.T⁴²². *Al-nūr* (النور) adalah nama Allah S.W.T Yang Maha Penerang, dan semua yang nyata itu bermula dari-Nya⁴²³. *Al-nūr* (النور) inilah Yang Menerangi langit dan bumi dengan *Nūr*-Nya⁴²⁴, dan Yang Menerangi hati ahli *al-'Ārifīn* dengan *Nūr*-Nya, Yang Menerangi hati-hati dengan *Nūr* Tauhid selepas berada dalam

⁴¹⁹ Armstrong, Amatullah (1995), *Sufi Terminology (Al-Qamus Al-Sufi) The Mystical Language Of Islam*. Kuala Lumpur : A.S Noordeen. h. 178.

⁴²⁰ *Ibid.*,

⁴²¹ Ibn Manzūr (1994), *Op.cit.*, h. 240 ; Jama`ah min Kibar al-Lughawiyin al-`Arab (1989), *Op.cit.*, h. 1241.

⁴²² Ibn Manzūr (1994), *Ibid.*, h. 240 ; Jama`ah min Kibar al-Lughawiyin al-`Arab (1989), *Ibid.*, 1241 ; Armstrong, (1995), *Op.cit.*, h. 178.

⁴²³ Murtadā Muhammad (1988), *al-Takmilah Wa al-Zayl Wa al-Silāh limāfat Sāhib al-Qāmus min al-Lughah*, j.3. Kaherah : Majmu` al-Lughah al-Arabiyyah al-Idārah al-`Āmmah li al-Mu'jam Wa Iḥyā al-Turāth. h. 177.

⁴²⁴ `Abd al-Ghanī (2002), *Fi Zilālī Sharḥ Asma` Allah al-Husna*. Kaherah : Maktabah `Ibād al-Rahmān. h. 305 ; Murtadā (1998), *Op.cit.*, h. 178.

kegelapan syirik, malah Allah S.W.T juga Yang Maha melimpahkan *Nūr*-Nya yang Maha sempurna di hari pembalasan kepada umat Islam⁴²⁵.

Nūr yang dikurniakan Allah S.W.T kepada seseorang ahli salik akan membawanya mencapai maqam *tajallī*. Hati mereka akan dibuka untuk mencapai beberapa jenis *tajallī* dalam mentauhidkan Allah S.W.T iaitu *Tajalli Dhat*, *Tajalli Sifat*, *Tajalli Asma'*, dan *Tajalli Af'at*⁴²⁶. Dalam hal ini, Imam al-Ghazālī juga menjelaskan bahawa *al-nūr* (النور) adalah sesuatu yang nyata dan ia membantu menjelaskan objek yang lain selain dirinya⁴²⁷. Kewujudan *nūr* yang melimpahi keseluruhan sesuatu objek adalah dari zat cahaya itu sendiri. Malah, Imam al-Ghazālī menjelaskan lagi, *nūr* yang melimpah ke atas sesuatu objek itu adalah *nūr* yang menerangi langit dan bumi⁴²⁸. Beliau membawa suatu analogi seperti “tidak ada suatu zarah daripada cahaya matahari itu, melainkan zarah tersebut merupakan dalil kepada kewujudan matahari yang bersifat terang”⁴²⁹. Begitu juga keadaannya “tidak ada suatu zarah pun daripada kewujudan langit dan bumi serta kewujudan antara keduanya, melainkan kesemua zarah tersebut menunjukkan kepada keharusan wujud langit, bumi dan kewujudan di antara keduanya”⁴³⁰.

Kewujudan zarah tersebut adalah dalil kepada wujudnya *wajib al-wujud* iaitu Allah Yang Maha Pencipta setiap yang wujud. *Nūr* yang dimaksudkan oleh Imam al-Ghazālī ini adalah merujuk kepada maksud sebenar pada makna kerana beliau menghuraikan *Nūr* tersebut bukanlah bagi menyatakan maksud *Nūr* yang zahir seperti cahaya matahari, tetapi

⁴²⁵ `Abd al-Ghani (2002), *Op.cit.*, h. 305.

⁴²⁶ Wan Mohd Saghir (1992), *Manhal as-Shafi Syeikh Daud al-Fațani Membicarakan Rumus-rumus Shufi dan Istilah-istilah Tasawuf*. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah & Imatera Publishers Sdn. Bhd. h. 43.

⁴²⁷ Al-Ghazālī (t.t), *al-Maqṣad al-Asna Sharḥ Asma' Allah al-Ḥusna*. (t.t.p) : Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyah. h. 106.

⁴²⁸ *Ibid.*,

⁴²⁹ *Ibid.*,

⁴³⁰ *Ibid.*,

merujuk kepada *Nūr* dari *Asma` Allah al-Husna*⁴³¹. Pengkaji mendapati, perkara yang dihuraikan oleh Imam al-Ghazalī bertepatan firman Allah Ta`ala iaitu:

اللَّهُ نُورُ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ مَثَلُ نُورِهِ كَمِشْكَوَةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ الْزُّجَاجَةُ كَاهْنَةٌ كَوَكْبٌ دُرْرِيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبَرَّكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقَيَّةٍ
وَلَا غَرْبَيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيَّهُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ
لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَلَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Terjemahan : “Allah (Pemberi) cahaya (kepada) langit dan bumi. Perumpamaan cahaya Allah, S.W.T adalah seperti sebuah lubang yang tak tembus, yang di dalamnya ada Pelita besar. Pelita itu di dalam kaca (dan) kaca itu seakan-akan bintang (yang bercahaya) seperti mutiara, yang dinyalakan dengan minyak dari pohon yang berkahnya, (iaitu) pohon zaitun yang tumbuh tidak di sebelah timur (sesuatu) dan tidak pula di sebelah barat(nya), yang minyaknya (saja) hampir-hampir menerangi, walaupun tidak disentuh api. Cahaya di atas cahaya (berlapis-lapis), Allah membimbang kepada cahaya-Nya siapa yang dia kehendaki, dan Allah memperbuat perumpamaan bagi manusia, dan Allah Maha mengetahui segala sesuatu”.

(Surah *al-Nūr*, 24 : 35)

Oleh yang demikian, dapat dibuat kesimpulan, *Nūr* adalah suatu yang menerangkan dirinya dan juga menerangkan objek lain seperti matahari. Pemahaman dan penghuraian mengenai *Nūr* sebagaimana difahami oleh Imam al-Ghazalī ini, mampu untuk membawa seseorang individu menerima hakikat kewujudan *wajib al-wujud* Yang Maha Esa. Di samping itu, terdapat tafsiran yang merujuk *Nūr* kepada diri Baginda Rasulullah s.a.w sebagai utusan Allah S.W.T kepada manusia. Baginda adalah rasul pembawa risalah kebenaran yang mengeluarkan umat manusia dari kegelapan kejahilan menuju akidah mentauhidkan Allah S.W.T. Maka, berdasarkan fungsi dan peranan Baginda s.a.w tersebut, pengkaji merumuskan cahaya yang dibawa oleh Baginda mampu menerangi hati orang buta

⁴³¹ Al-Ghazalī., (t.t) *Ibid.*, h. 106.

walaupun tidak mampu melihat, dan sebaliknya orang yang diberi kudrat melihat dengan mata zahir, sekiranya tidak menerima kebenaran risalah Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w, ia masih tidak menerima cahaya yang dimaksudkan. Selain itu, berdasarkan pandangan Imam al-Ghazalī yang dibincangkan di atas berdasarkan karyanya iaitu *al-Maqṣad al-Asna* "Sharḥ Asma` Allah al-Ḥusna", dapat difahami adalah *Nūr* mempunyai pengertian yang merujuk kepada salah satu daripada 99 *Asma` Allah al-Husna*, malah *Nūr* tersebut memancar ke seluruh alam dan makluk Allah S.W.T yang berada di langit dan bumi.

4.1.2 Definisi Muhammad

Perkataan Muhammad merupakan salah satu daripada nama kepada Baginda Rasullullah s.a.w. yang diutus Allah S.W.T. untuk menyampaikan wahyu-Nya. Ibn Hisyam dalam *Sirah an-Nabawiyah* menyebut Baginda Rasulullah s.a.w. berketurunan dari salasilah para Rasul yang telah diutuskan kepada umat manusia terdahulu sehingga kepada Nabi Adam a.s.⁴³². Manakala Sofi al-Rahman dalam *al-Rakhiq al-Makhtum Bahtu fi Sirah al-Nabawiyah* menjelaskan nasab keturunan Rasulullah s.a.w terbahagi kepada tiga pandangan. Menurutnya, pandangan yang disepakati para ulama sirah dan nasab ialah nasab Baginda s.a.w sampai kepada `Adnān, manakala riwayat dari `Adnān hingga Ibrāhīm a.s, terdapat perbezaan pendapat, dan dari Ibrāhīm hingga Ādam a.s, adalah tidak sahih⁴³³.

⁴³² Ibn Hisham (2006), *al-Sirah al-Nabawiyah Li Abi Muhammad 'Abd al-Malik b. Hisham al-Mu'afiri al-Ma'Ruf Bi Sirah Ibn Hisyam*. Kaherah : Dar al-Hadith. h. 21.

⁴³³ Al-Mubarak Furi, Ṣafī al-Rahman (2003), *al-Rakhiq al-Makhtum Baht fi Sirah al-Nabawiyah ala Sahibiha afdal al-Salat Wa Salam*. Riyadh : Dar al-Salam li Nashar Wa al-Tawzi'. h. 57.

Kata nama khas, Muhammad telah disebut oleh Allah S.W.T dalam al-Qur'an pada 4 ayat dalam surah yang berlainan⁴³⁴. Firman Allah Ta'ala pada surah Ali 'Imran ayat 144, surah al-Ahzab ayat 40, surah Muhammad ayat 2, surah Fatih ayat 29 yang mempunyai kalimah Muhammad dinyatakan seperti berikut:-

Ayat pertama menjelaskan Muhammad adalah seorang rasul yang sebelumnya telah diutuskan para rasul dan nabi yang lain untuk menyampaikan risalah tawhid mengesakan Allah S.W.T. Dalam ayat ini, menjelaskan kewajipan beriman dan taat serta mengikuti Rasulullah s.a.w. sama ada semasa Baginda s.a.w. hidup atau telah wafat⁴³⁵. Saidina Abu Bakr telah berkata, sesiapa yang menyembah Muhammad, sesungguhnya Muhammad telah mati, dan sesiapa yang menyembah Allah S.W.T, sesungguhnya Allah S.W.T itu hidup (*Hayy*) iaitu tidak mati⁴³⁶.

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَاتِلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ أَنْقَلَبُتُمْ

عَلَىٰ أَعْقَبِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ اللَّهُ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ

الشَّكَرِينَ

Terjemahan : “Muhammad itu hanyalah seorang rasul, sesungguhnya telah berlalu sebelumnya beberapa orang Rasul, apakah jika dia wafat atau dibunuh kamu berbalik ke belakang (murtad)? Barang siapa yang berbalik ke belakang, maka ia tidak dapat mendatangkan mudarat kepada Allah S.W.T sedikitpun, dan Allah akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur”.

(Surah Ali 'Imran, 3 : 144)

⁴³⁴ al-Bāqī, Muhammad Fuad 'Abd (1996), *al-Mu'jam al-Mufahras li alfaz al-Qur'an al-Karim wa fq Nuzul al-Kalimah*. Beirut : Dar al-Ma'rifah. h. 853.

⁴³⁵ Ibn Kathir, 'Imad al-Din Abi al-Fidā' Ismā'il Ibn 'Umar Ibn Kathir al-Qursiyyi al-Dimasqiyi (2004), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim al-Ma'ruf bi Tafsir Ibn Kathir*. j.3. Riyadh : Dar al-Salam li al-Nashar Wa al-Tawzī'. h. 560-561.

⁴³⁶ *Ibid.*,

Ayat kedua juga menjelaskan Muhammad adalah seorang rasul yang terakhir di kepada umat manusia dan beliau bukanlah bapa dari seorang lelaki antara umat manusia serta selepasnya tidak ada lagi rasul yang diutuskan oleh Allah S.W.T. Ayat ini menjelaskan mengenai larangan Allah S.W.T menasabkan anak angkat kepada nama bapa angkat, sebaliknya larangan Rasulullah s.a.w menasabkan anak angkatnya kepada dirinya dengan nama Zaid bin Muhammad⁴³⁷.

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّنْ رِجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَسُولًا لِّلَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّنَ وَكَانَ
اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Terjemahan : “Muhammad itu bukanlah bapa dari seorang lelaki-lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penutup para nabi dan adalah Allah Maha mengetahui segala sesuatu”.

(Surah *al-Ahzab*, 33 : 40)

Ayat ketiga menjelaskan kedudukan Muhammad yang diberikan wahyu daripada Allah S.W.T kepadanya. Beriman dengan Baginda s.a.w adalah syarat dan tanda sah iman umat manusia selepas pengutusannya sebagai Rasul⁴³⁸.

وَالَّذِينَ إِذَا مَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَإِذَا مَنُوا بِمَا نُزِّلَ عَلَىٰ مُحَمَّدٍ وَهُوَ أَلْتَقِي
مِنْ رَبِّهِمْ كَفَرُوا عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَأَصْلَحَ بَاهِلُهُمْ

Terjemahan : “Dan orang-orang mukmin dan beramal soleh serta beriman kepada apa yang diturunkan kepada Muhammad dan itulah yang Haq dari Tuhan mereka, Allah menghapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan memperbaiki keadaan mereka”.

(Surah *Muhammad*, 47 : 2)

⁴³⁷ *Ibid.*, j.3. h. 2258.

⁴³⁸ *Ibid.*, j.4. h. 2595.

Ayat keempat secara jelas Allah S.W.T berfirman menerangkan Muhammad adalah seorang rasul-Nya yang benar dan tiada syak serta keraguan di atas pengutusannya. Pada diri Muhammad s.a.w terdapat sifat-sifat yang mulia dan cantik⁴³⁹.

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعْهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحْمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ رُكَعًا
 سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِنْ أَثْرِ
 الْسُّجُودِ ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنجِيلِ كَرَّعَ أَخْرَجَ شَطَئَهُ
 فَعَازَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَى عَلَى سُوقِهِ يُعِجبُ الْزَرَاعَ لِيَغِيظَهُمُ الْكُفَّارَ
 وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

Terjemahan : “ Muhammad adalah utusan Allah, dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras terhadap orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka. Kamu melihat mereka rukuk dan sujud mencari kurnia Allah dan keredhaan-Nya. Pada wajah mereka terdapat tanda-tanda bekas sujud. Demikianlah sifat-sifat mereka yang diungkapkan dalam Taurat dan sifat-sifat mereka yang diungkapkan dalam Injil iaitu seperti benih seperti yang mengeluarkan tunasnya, kemudian tunas itu semakin kuat, lalu menjadi besar tegak lurus di atas batang, tanaman itu menyenangkan hati penanam-penanamnya kerana Allah mengeji hati orang-orang kafir (dengan kekuatan orang-orang mukmin). Allah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan kebaikan di antara mereka, ampun dan pahala yang besar ”.

(Surah *al-Fath*, 48 : 29)

Menerusi ayat di atas menjelaskan, golongan yang bersama Muhammad adalah terdiri daripada golongan manusia yang mempunyai sikap berkasih sayang dikalangan mereka, diwajah mereka mempunyai tanda-tanda sujud kepada Allah S.W.T sebagaimana dirakam dalam kitab terdahulu. Mereka turut dijanjikan kebajikan dan keampunan oleh Allah S.W.T.

⁴³⁹ *Ibid.*, j.4. h. 2635.

Selain daripada Muhammad, terdapat juga nama lain yang merujuk kepada Rasulullah s.a.w dan telah disebut dalam al-Qur'an dengan nama Ahmad. Ahmad merupakan penutup para nabi dan rasul serta tiada lagi rasul dan nabi yang diutuskan selepasnya⁴⁴⁰. Hal ini jelas apabila merujuk kepada firman Allah S.W.T iaitu :

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَبْنَى إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ مُصَدِّقاً لِمَا
بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ الْتَّوْرَةِ وَمُبَشِّرًا بِرَسُولٍ يَأْتِي مِنْ بَعْدِي أَسْمُهُ رَأْхَمَدُ فَلَمَّا
جَاءَهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ قَالُوا هَذَا سِحْرٌ مُبِينٌ ﴿١﴾

Terjemahan : “Dan (ingatlah juga peristiwa) ketika Nabi Isa Ibni Maryam berkata : Wahai Bani Israil, sesungguhnya aku ini pesuruh Allah kepada kamu, mengesahkan kebenaran kitab yang diturunkan sebelumku, iaitu Kitab Taurat, dan memberikan berita gembira dengan kedatangan seorang Rasul yang akan datang kemudian daripadaku yang bernama Ahmad, Maka tatkala ia datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata, mereka berkata:“Ini ialah sihir yang jelas nyata”

(Surah *as-Saff*, 61 : 9)

Di samping itu, terdapat juga Hadith-Hadith yang menyebut mengenai nama-nama Rasulullah s.a.w yang bukan hanya merujuk kepada Muhammad dan Ahmad sahaja. Baginda mempunyai keistimewaan dengan beberapa gelaran seperti Abū al-Qāsim yang hanya dikhurasukan pengguna nama tersebut kepada dirinya sahaja. Terdapat larangan daripada Baginda Rasulullah s.a.w kepada umatnya daripada menggunakan gelaran atau *kunyah* tersebut. Dalam hal ini, Hafs bin 'Umar berkata, Baginda s.a.w bersabda⁴⁴¹:

حَدَثَنَا حَفْصَ بْنُ عُمَرَ حَدَثَنَا شَعْبَهُ بْنُ حَمِيدٍ عَنْ أَنْسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : "كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي السُّوقِ ، فَقَالَ رَجُلٌ : يَا أَبَا الْقَاسِمِ ، فَالْتَّفَتَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : سَمِوْا بِلِسْعِي ، وَلَا تَكْتُنُوا بِكَيْتِيْ".

⁴⁴⁰ *Ibid.*, j.4. h. 2839.

⁴⁴¹ Al-Bukhārī, (1982), *al-Jāmi` al-Šahīh al-Muṣnād Min Ḥadīth Rāsūl Allāh Ṣalāt Wa Sallām li Abī 'Abd Allāh Muḥammad ibn Iṣmā'īl*, j.2. c.1.“Bab Mā Jā` fi Asma”Rāsūl Allāh Ṣalāt 'Alayh Wa Sallām”, Qaherah : al-Mathba`ah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā. No. Hadith : 3537., h. 513.

Terjemahan : Diriwayatkan kepada kami oleh Hafs b. 'Umar, bahawa dikhabarkan kepada kami daripada Shu'bah b. Humayd daripada Anas r.a telah berkata : “ Ketika Baginda Rasulullah s.a.w berada di pasar, telah berkata seorang lelaki: Wahai Abā al-Qāsim, lalu Nabi s.a.w berpusing berkata : kamu namakanlah dengan namaku, dan jangan kamu menggelarkan aku dengan *kunyahku* ”.

Terdapat juga riwayat lain yang ditemui menjelaskan bahawa Baginda Rasulullah s.a.w juga turut meriwayat beberapa nama lain untuk dirinya iaitu Ah̄mad, al-Māhi, al-Hāshir, dan al-Āqib sebagai penutup kepada para Rasul dan Nabi. Jubayr r.a berkata, Rasulullah s.a.w bersabda ⁴⁴²:

حدثنا إبراهيم بن المنذر قال حدثني معنٌ عن ابن شهاب عن محمد ابن جبير بن مطعمٍ عن أبيه رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم " لي خمسة أسماء : أنا مُحَمَّد و أنا أَحْمَد و أنا الْمَاحِي الذي يمحو الله بي الكفر و أنا الْاَشَرُ الذي يحشر الناس على قدمي و أنا العاقب".

Terjemahan : “Telah diriwayatkan kepada kami oleh Ibrahim b. al-Munzir katanya telah dikhabarkan kepadaku oleh Ma'nun daripada Mālik daripada b. Shihab daripada Muhammad b. Jubayr b. Muth'im daripada bapanya r.a telah berkata : Baginda Rasulullah s.a.w telah bersabda ((Aku mempunyai lima nama : aku adalah Muhammad, aku Ahmad, aku al-Mahi yang dengan aku Allah menghapuskan kekufuran, aku juga Hāshir yang mana manusia dihimpunkan di bawah risalah aku dan aku juga adalah al-Āqib, (Rasul penyudah))”.

Rasulullah s.a.w juga menyebut bahawa Baginda adalah *Nabi al-Rahmah* (Nabi pembawa rahmat), *Nabi al-Tawbah* (Nabi pengajar tawbat), *al-Muqaffi* (Nabi yang mengikut jejak para nabi), *Nabi al-Malāhim* (Nabi yang menyertai beberapa peperangan). Terdapat riwayat daripada Khuzayfah r.a⁴⁴³, dan Handalah Ibn Ibrahim⁴⁴⁴, Baginda s.a.w bersabda:

⁴⁴² *Ibid.*, No. Hadith : 3532. h. 512.

⁴⁴³ Ibn Hanbal, Ahmad Ibn Muhammad (1995), *al-Musnad li Imam Ah̄mad Ibn Hanbal* (164 - 241 H), j. 16. c.1. “Bab Hadith Khuzaifah Ibn al-Yaman r.a”. Kaherah : Dar al-Hadith. No. Hadith : 23337. h. 629.

⁴⁴⁴ Al-Suyūṭī, al-Hāfiẓ Jalāl al-Din 'Abd Al-Rahmān Ibn Abī Bakr (1996) *Al-Dībaj ala Sahih Muslim Ibn al-Hujāj*, j.5. c.1. “Bab fī Asma ‘ihi Ṣalāt Allah Wa Sallam”. Al-Mamlakah al- Arabiyyah al-Su`udiyyah : Dar Ibn `Affan. No.Hadith: 2355. h. 340.

Pertama :

حدثنا إسحاق بن إبراهيم الحنظلي . أخبرنا جرير عن الأعمش عن عمرو بن مرة ، عن أبي عبيدة عن أبي موسى الأشعري قال : كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يسمى لنا نفسه أسماء. فقال : " أنا محمد ، و أحمد ، و المقفي ، و الحاشر ، و نبي التوبة ، و نبي الرحمة ".

Terjemahan : Diriwayatkan kepada kami Ishaq b. Ibrāhim al-Hanzalī. Dikhabarkan kepada kami oleh Jarir al-'Amash daripada 'Amru b. Murrah, daripada Abi 'Ubaydah daripada Abi Musa al-Ash'ari telah berkata : Rasulullah s.a.w telah menamakan kepada kami dirinya dengan beberapa nama. Lalu Baginda s.a.w berkata : "Aku adalah Muhammad, Ahmad, al-Muqaffi (yang datang mengikut jejak para Nabi), al-Hasyir (penghimpun manusia), Nabi al-Tawbah (Nabi pengajar Tawbat), dan Nabi al-Rahmah (Nabi pembawa rahmat)".

Kedua :

حدثنا أسود بن عامر ثنا أبو بكر عن عاصم عن أبي وائل قال : قال خزيفة : بينما أنا أمشي في طريق المدينة قال : إذا رسول الله صلى الله عليه وسلم يمشي فسمعته يقول " أنا أحمد ، أنا محمد ، ونبي الرحمة ، ونبي التوبة ، و الحاشر ، و المقفي ، ونبي الملائم " .

Terjemahan : Diriwayatkan kepada kami Aswad Ibn 'Amir daripada Abu Bakr daripada 'Asim daripada Abi Wāil telah berkata : Khuzaiyah telah meriwayatkan : Ketika mana aku berjalan di jalan atas di Madinah katanya : Apabila Rasulullah s.a.w sedang berjalan lalu aku mendengarnya berkata " Aku adalah Ahmad, aku juga Muhammad, Nabi al-Rahmah (Nabi pembawa rahmat), Nabi al-Tawbah (Nabi pengajar Tawbat), al-Hasyir (penghimpun manusia), al-Muqaffi (yang datang mengikut jejak para Nabi), *Nabi al-Malāhim* (Nabi yang menyertai beberapa perang)".

Berdasarkan lima petikan ayat al-Qur'an dan tiga buah matan Hadith di atas, jelas menunjukkan bahawa Muhammad adalah nama yang utama kepada Rasulullah s.a.w kerana telah disebut sebanyak 4 kali dalam al-Qur'an. Baginda juga mempunyai beberapa nama lain iaitu Al-hmad, al-Māhi, al-Hāshir, al-'Āqib dan juga kunyah yang khusus untuknya iaitu Abū al-Qāsim. Malah Baginda s.a.w turut menyebut namanya dengan *Nabi al-Rahmah* (Nabi pembawa rahmat), *Nabi al-Tawbah* (Nabi pengajar tawbat), al-Muqaffi (Nabi yang

mengikut jejak para nabi), *Nabi al-Malahim* (Nabi yang menyertai beberapa perang). Kepelbagaiannya tersebut yang telah ditulis *Kalam Allah* dan Hadith, jelas menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w merupakan seorang Rasul dan pemimpin agung dunia serta mulia di sisi Allah Ta`ālā.

4.1.3 Definisi Nur Muhammad

Berdasarkan kepada perbincangan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa Nur Muhammad terbina daripada gabungan dua perkataan utama iaitu *Nūr* dan Muhammad. Pengkaji mendapati Nur Muhammad merupakan cahaya yang dinisbahkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. selaku Nabi terakhir yang diutuskan selepas Nabi Isa a.s. Matlamat utama pengutusannya oleh Allah Ta`ala adalah untuk membawa akidah Tawhid.

Sesuai dengan kedudukan Baginda Rasulullah s.a.w selaku nabi dan rasul yang membawa *Nūr* (Islam) kepada umat manusia untuk keluar daripada *Zulumat* (Jahiliyyah). Nabi Muhammad s.a.w berfungsi sebagai cahaya yang menyinari dirinya sendiri dan juga cahaya tersebut mampu menyinari umat manusia dan segala kejadian alam. Maka dalam hal ini adalah amat bertepatan dengan maksud Nabi Muhammad adalah *Nūr*. Ini kerana terdapat ayat-ayat al-Qur'an dan al-Hadith yang menyebut perkataan *Nūr* adalah merujuk Baginda Rasulullah s.a.w secara jelas selaku Nabi terakhir yang membawa Agama Islam dan pembimbing kepada manusia. Pandangan tersebut bertepatan dengan huraian yang telah dikemukakan oleh Ibn Kathir, Imam al-Bukhari, Imam Ibn Hanbal dan Imam al-Sayuti berdasarkan kepada perbincangan di atas.

Walau bagaimanapun, terdapat juga huraian yang menyentuh mengenai Hadith-Hadith yang berkaitan dengan Nur Muhammad sebagai awal kejadian dinukilkan oleh al-

Tabari dalam *Tafsir at-Tabarī* dan al-Qurtubi dalam *al-Jami` al-Ahkam al-Qur'an* ketika menghuraikan ayat ketujuh dalam Surah *al-Ahzab*⁴⁴⁵. Selain itu, terdapat juga kefahaman daripada Samih `Atif al-Zin, yang lebih kritikal dalam menjelaskan bahawa Nur Muhammad merupakan sebab kepada diciptakan dan dijadikan segala isi alam ini kerana jika tanpa Nur Muhammad alam ini tidak akan wujud⁴⁴⁶. Begitu juga dengan Imām al-Hāfidh Abī `Abd Allah al-Ḥākim al-Naysābūrī dan al- al-Dhahabī dalam *al-Mustadrak `Alā al-Ṣaḥīḥayn* turut membincangkan mengenai Hadith Nur Muhammad tersebut. Manakala Abū `Abd Allah Muhammad Ibn Muhammad Ibn Muhammad al-`Abdārī al-Mālikī al-Fāsī yang mempunyai persamaan pandangan bahawa Nur Muhammad adalah seawal-awal makhluk yang dijadikan oleh Allah S.W.T dan Nur tersebut tersimpan di belakang Adam a.s. Disebabkan Nur tersebutlah para malaikat beratur berdiri dibelakang Adam a.s, lalu Baginda Nabi Adam a.s melihat perbuatan tersebut. Kemudian Nabi Adam a.s. bertanya kepada Allah S.W.T kenapakah para malaikat tersebut berdiri dibelakang-ku?. Lalu Allah S.W.T menjawab, Wahai Adam !, mereka sedang menyaksikan Nur penutup para nabi (Nur Khatam al-Anbiyā) yang aku keluarkan dari belakangmu⁴⁴⁷.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa terdapat dua pandangan yang mengenai Nur Muhammad yang membawa perselisihan penerimaan dan penolakan mengenai isu ini. Pandangan pertama adalah memahami Nur Muhammad di dalam kefahaman Nur tersebut ialah Nabi Muhammad dan tidak membincangkan kejadian Nur Muhammad sebagai awal kejadian yang dijadikan oleh Allah S.W.T. Manakala pandangan kedua cenderung untuk membincangkan Nur Muhammad sebagai seawal-awal kejadian yang mana daripada Nur tersebut dijadikan seluruh alam ini. Justeru, perbincangan dengan lebih lanjut mengenai

⁴⁴⁵ Sila lihat perbincangan pada bab dalil-dalil tentang Nur Muhammad di halaman 129.

⁴⁴⁶ Samīh, `Ātīf al-Zīn (1985), *al-Ṣūfiyyah fi Naẓāri al-Islāmī*. Beirut : Dar al-Kutub al-Lubnani. h. 324.

⁴⁴⁷ Abū `Abd Allah Muhammad Ibn Muhammad Ibn Muhammad al-`Abdārī al-Mālikī al-Fāsī (t.t), *al-Madkhal Li Ibn al-Hāj*, j.2. “*Fasl fi Mawlid Ṣallā Allāh Ta’ala ‘Alayhi Wa Sallam*”. Kaherah : Maktabah Dar al-Turath. h. 31.

dalil-dalil daripada al-Qur'an dan al-Hadith serta pandangan pro dan kontra mengenai Nur Muhammad dapat dilihat menerusi perbincangan yang lebih lanjut selepas ini.

4.2 DALIL-DALIL MENGENAI NUR MUHAMMAD

4.2.1 Dalil-dalil daripada al-Qur'an mengenai Nur Muhammad

Perkataan *Nūr* disebut dalam al-Qur'an sebanyak 43 kali⁴⁴⁸. Allah Ta'ala berfirman dengan lafaz *an-Nur* sebanyak 24 kali⁴⁴⁹, *Nūrā* (نورا) sebanyak 9 kali⁴⁵⁰, *Nūrikum* (نوركم) sekali⁴⁵¹, *Nūranā* (نورنا) sekali⁴⁵², *Nūrahu* (نوره) sebanyak 4 kali⁴⁵³, dan *Nūruhum* (نورهم) sebanyak 4 kali⁴⁵⁴. Didapati bahawa lafaz *Nūr* tersebut bersambung dengan *damir nā* (دَمِرْ نَّا), *hu* (هُوَ), dan *hum* (هُمْ) mengikut kedudukan surah dan ayat yang berbeza.

Dalam kajian ini pengkaji akan menganalisis hanya 3 petikan ayat al-Qur'an yang mempunyai kaitan dengan pemahaman doktrin Nur Muhammad dengan merujuk kepada karya tafsir yang ditulis oleh al-Tabari, al-Qurtubi dan al-Nasafi sahaja. Perkataan *Nūr* dalam ayat al-Qur'an di bawah ditafsir oleh al-Tabari dan al-Nasafi dengan tafsiran yang merujuk kepada Nur Muhammad. Namun, terdapat juga tafsiran terhadap perkataan *Nūr*

⁴⁴⁸ Al-Bāqī, Muhammad Fuad 'Abd (2001), *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Fāz al-Qur'an al-Karim*. Kaherah : Dar al-Hadith. h. 817 & 818.

⁴⁴⁹ Surah *al-Baqarah*: 257(2), Surah *al-Ma'idah* : 15,16,44,46, Surah *al-An'am* : 1, Surah *al-'Araf* : 157, Surah *al-Tawbah* : 32, Surah *ar-Ra'du* : 16, Surah *Ibrāhim* : 1,5, Surah *an-Nur* : 35 (3), 40, Surah *al-Ahzab* : 43, Surah *Fatir* : 20, Surah *az-Zumar* : 22,69, Surah *al-Hadid* : 9, Surah *as-Soff* : 8, Surah *al-Taghabun* : 8, Surah *at-Thalaq* : 11.

⁴⁵⁰ Surah *an-Nisā* : 174, Surah *al-An'am* : 91, 122, Surah *Yunus* : 5, Surah *an-Nur* : 40, Surah *as-Syura* : 52, Surah *as-Syura* : 52, Surah *al-Hadid* : 13, 28, Surah *Nuh* : 16.

⁴⁵¹ Surah *al-Hadid*, 57 : 13.

⁴⁵² Surah *al-Tahrīm*, 66 : 8.

⁴⁵³ Surah *at-Tawbah*, 9 : 32, Surah *an-Nur*, 24 : 35(2), Surah *as-Soff*, 61 : 8.

⁴⁵⁴ Surah *al-Baqarah*, 2 : 17, Surah *al-Hadid*, 57 : 12, 19, Surah *al-Tahrīm*, 66 : 8.

tersebut merujuk kepada tafsiran lain seperti al-Qur'an, hidayah, Islam, dan juga orang mukmin. Ayat-ayat al-Qur'an yang mempunyai tafsiran *Nūr* yang dikaitkan sebagai dalil Nur Muhammad dinukil oleh pengkaji seperti di bawah :

Pertama :

يَأَهْلُ الْكِتَبِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا مِمَّا كُنْتُمْ تَخْفُونَ مِنْ الْكِتَبِ وَيَعْفُوا عَنِ الْكِتَبِ قَدْ جَاءَكُمْ مِنْ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ
16

Terjemahan : "Wahai ahli kitab, Sesungguhnya datang kepada kamu Rasul kami, menjelaskan kepadamu banyak dari isi al-kitab yang kamu sembunyikan, dan banyak (pula yang) dibiarkan. Sesungguhnya telah datang kepadamu cahaya dari Allah, dan kitab yang menerangkan".

(Surah *al-Ma'idah*, 5 : 15)

Al-Tabari mentafsirkan maksud *Nūr* (نور) ayat di atas merujuk kepada Nur Muhammad s.a.w yang mana Allah S.W.T menyinarkan kebenaran dan menzahir Islam melaluiinya. Cahaya yang terpancar kepadanya menjelaskan kebenaran kepada kaum Yahudi yang kebanyakannya daripada mereka takut kepada kitab Allah S.W.T. Kitab al-Qur'an yang diturunkan menjelaskan tidak ada perbezaan dalam mengesakan Allah, halal dan haram dalam syariat-syariat Agama di antara mereka dengan umat Nabi Muhammad⁴⁵⁵. Manakala Imam al-Nasafi menafsirkan *Nūr* pada ayat di atas merujuk kepada Nur Muhammad a.s yang diberi hidayah kepadanya oleh Allah S.W.T dan

⁴⁵⁵ Al-Tabarī, Abi Ja'far Muhammad Ibn Jarir (2001), *Ibid.*, h. 264.

diumpamakan seperti pelita⁴⁵⁶. Al-Qurtubi pula menerangkan bahawa *Nūr* tersebut merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w, Islam, dan cahaya terang⁴⁵⁷.

Kedua :

الله نور السموات والأرض مثل نوره كمشكوة فيها مصباح ...

Terjemahan : “Allah (pemberi) cahaya (kepada) bumi dan langit. Perumpamaan cahaya-Nya seperti sebuah lubang yang tidak tembus (*mishkat*) yang di dalamnya ada pelita besar...”

(Surah *an-Nur*, 24 : 35)

Dalam ayat di atas, terdapat 5 kali pengulangan perkataan *Nūr*. Al-Tabari menafsirkan, *Nūr* yang pertama merujuk kepada Allah S.W.T sebagai pemberi hidayah kepada seluruh makhluk langit dan bumi⁴⁵⁸. Disamping al-Tabari dan al-Qurtubi juga menjelaskan *Nūr* tersebut merujuk Allah S.W.T sebagai pentadbir langit dan bumi⁴⁵⁹. Manakala al-Nasafi menafsirkan *Nūr* tersebut dengan kebenaran (*al-Haq*) yang mempunyai persamaan sifat dengan cahaya yang bersifat terang dan jelas⁴⁶⁰.

Seterusnya, pengkaji mendapati para mufassir seperti al-Tabari menafsirkan *Nūr* yang kedua adalah merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w⁴⁶¹. *Nūr* tersebut juga merujuk kepada golongan beriman yang terdapat dalam hati mereka Iman dan al-Qur'an⁴⁶². Nur ini juga mempunyai penafsiran yang merujuk kepada tanda hati orang mukmin⁴⁶³, panduan

⁴⁵⁶ Al-Nasafī, `Abd Allah Ibn Ahmad (2008), *Ibid.*, h. 313.

⁴⁵⁷ Al-Qurtubī, `Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr (2006), *al-Jami` al-Ahkam al-Qur'ān wa al-Mubayyin lima Tadhammanahu min al-Sunnah wa ay al-Furqan*. j.7, Beirut : Muassasah ar-Risalah. h. 386.

⁴⁵⁸ Al-Tabarī (2001), *Op.cit.*, j.17, h. 295.

⁴⁵⁹ *Ibid.*, j.17. h. 296 ; Al-Qurtubi (2006), *Op.cit.*, j.15. h. 256.

⁴⁶⁰ Al-Nasafī (2008), *Op.cit.*, j.2. h. 163.

⁴⁶¹ Al-Tabarī (2001), *Op.cit.*, j.17. h. 299 ; Al-Qurtubi (2006), *Op.cit.*, j.15. h. 256.

⁴⁶² Al-Tabarī (2001), *Ibid.*, j.17. h. 297-298.

⁴⁶³ Al-Qurtubī (2006), *Op.cit.*, j.15. h. 256.

hidayah, al-Qur'an, dan cahaya ketaatan kepada Allah S.W.T⁴⁶⁴. Al-Nasafi menafsirkan perkataan *Nūr* ini merujuk kepada sifat *Nūr* yang mengagumkan pada sudut pancaran sinar yang terang⁴⁶⁵.

Ketiga :

وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ النَّبِيِّنَ مِيثَاقَهُمْ وَمِنْكَ وَمِنْ نُوحٍ وَإِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى
أَبْنِ مَرْيَمَ وَأَخَذْنَا مِنْهُمْ مِيثَاقًا غَلِيظًا

Terjemahan : "Dan (Ingatlah) ketika kami mengambil perjanjian dari nabi-nabi dan dari kamu (sendiri) dari Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa putra Maryam, dan kami Telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh".

(Surah *al-Ahzab* : 7)

Berdasarkan kepada terjemahan ayat di atas, dapat difahami ayat tersebut menjelaskan mengenai sesuatu perjanjian yang berlaku di antara para nabi. Perjanjian tersebut juga merupakan perjanjian mereka dengan Allah S.W.T. yang telah berlaku sebelum pengutusan Nabi Muhammad s.a.w. Dalam menafsirkan ayat tersebut, Al-Tabari menafsirkan (منك) iaitu merujuk kepada huruf *Damīr* (ك) adalah merujuk kepada Nabi

Muhammad⁴⁶⁶. Terdapat sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Basyar dinukilkhan oleh Imam al-Tabari dalam *Tafsir al-Tabari Jāmi` al-Bayan An Ta'wil Ay al-Qur'an* bagi mensyarahkan ayat di atas dan matan Hadith tersebut dapat dilihat seperti di bawah⁴⁶⁷.

⁴⁶⁴ Al-Tabarī (2001), *Op.cit.*, j.17. h. 300.

⁴⁶⁵ Al-Nasafī (2008), *Op.cit.*, j.2. h. 164.

⁴⁶⁶ Al-Tabarī (2001), *Op.cit.*, j.19. h. 22; Al-Qurtubi (2006), *Op.cit.*, j. 17. h. 68.

⁴⁶⁷ Al-Tabarī (2001), *Ibid.*, j.19. h. 23.; Rujuk juga matan Hadith di atas dalam al-Qisṭallānī, Ahmad b. Muhammad (1996), al-Mawahib al-Laduniyyah bi al-Minah al-Muhammadiyyah. Ma'mu b. Muhy al-Din al-Jannan (penyunting). Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. h. 28.; Terdapat juga lafadz matan Hadith lain tetapi mempunyai persamaan maksud dengan Hadith di atas yang kategorikan oleh al-Shawkānī sebagai *Mawḍu'*. (كَتَبَ أُولُو النِّسْبَةِ فِي الْخُلُقِ وَأَخْرَهُمْ فِي الْبَعْثِ ;) Rujuk juga dalam al-Shawkānī, Muhammad b. 'Ali (t.t), *al-Fawā'id al-Majmū'ah fī al-Āḥādīth al-Mawḍū'ah*. 'Abd al-Rahman b. Yahya al-Mu'allim al-Yamani (taḥqīq). Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

حدثنا بشر ، قال ثنا يزيد ، قال : ثنا سعيد، عن قتادة قوله : (أخذنا من النبِين مِيقَهُمْ وَمِنْكَ وَمِنْ نُوحٍ). ذكر لنا أن النبي صلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كان يقول : (كنتُ أَوَّلَ الْأَنْبِيَاءَ فِي الْخَلْقِ، وَأَخْرَهُمْ فِي الْبَعْثِ).

Terjemahan: Diriwayatkan kepada kami oleh Basyar, katanya diriwayatkan oleh Yazid, katanya, diriwayatkan oleh Sa'īd, daripada Qatadah, Firman Allah Ta'ala:) Dan (Ingatlah) ketika kami mengambil perjanjian dari nabi-nabi dan dari kamu (sendiri) dari Nuh). Telah diperingatkan kepada kami sesungguhnya Nabi s.a.w telah bersabda : (Aku adalah Nabi paling awal diciptakan dan paling akhir diutuskan).

Imam al-Nasafi juga menafsirkan (مسك) dengan merujuk kepada Rasulullah s.a.w yang mendahului Nabi Nuh, Ibrahim, Musa, dan Isa. Kesemua nabi-nabi tersebut adalah nabi „Ulul 'Azmi dan Ashab al-Shara'i⁴⁶⁸, dan turut dijelaskan Nabi Muhammad s.a.w adalah terlebih awal daripada kesemuanya⁴⁶⁹. Salah satu daripada pandangan al-Qurtubi mengenai ayat di atas ialah beliau menafsirkan ayat tersebut dengan Hadith diriwayat yang daripada Qatadah yang menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. menyebut Baginda dijadikan paling awal daripada Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Musa, dan Nabi Isa, akan tetapi paling akhir diutuskan. Hadith yang dinukilkan oleh al-Qurtubi tersebut didapati mempunyai persamaan maksud, akan tetapi berbeza lafaz dengan Hadith yang digunakan oleh al-Tabari ketika mentafsir ayat ketujuh daripada Surah *al-Ahzab* di atas. Matan Hadith yang digunakan oleh al-Qurtubi tersebut dinukilkan dalam kajian ini seperti di bawah⁴⁷⁰.

لما روى قتادة عن الحسن عن أبي هريرة : أن رسول الله صلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ عَنْ قَوْلِهِ تَعَالَى : (وَإِذَا أَخْذَنَا مِنَ النَّبِيِّنَ مِيقَهُمْ وَمِنْكَ وَمِنْ نُوحٍ) قَالَ : (كُنْتُ أَوَّلَمْ فِي الْخَلْقِ، وَأَخْرَهُمْ فِي الْبَعْثِ).

Terjemahan : Diriwayatkan daripada Qatadah, daripada al-Hasan, daripada Abi Hurayrah : Sesungguhnya Rasulullah s.a.w ditanya tentang

⁴⁶⁸ Al-Nasafi (2008), *Op.cit.* j.2. h. 335 ; Al-Qurtubi (2006), *Op.cit.*, j.17. h. 68.

⁴⁶⁹ Al-Nasafi (2008), *Ibid.*, j.2. h. 335.

⁴⁷⁰ Al-Qurtubi (2006), *Op.cit.*, j.17. h. 69.

Firman Allah Ta`ala : () Dan (Ingatlah) ketika kami mengambil perjanjian dari nabi-nabi dan dari kamu (sendiri) dari Nuh). Baginda Rasulullah s.a.w telah berkata : Aku dijadikan paling awal daripada mereka (Nabi Nuh, Ibrahim, Musa, dan Isa), dan paling akhir diutuskan).

Berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji mendapati al-Tabari dan al-Nasafi menafsirkan Nur dalam Surah *al-Mā'idah* ayat ke-15 di atas dengan maksud Nur Muhammad. Manakala al-Tabari menafsirkan Nur tersebut merujuk kepada Nabi Muhammad, berbeza dengan tafsiran yang dikemukakan oleh al-Tabari dan al-Nasafi. Manakala tafsiran terhadap perkataan Nur kedua dalam Surah al-Nur ayat ke-35, hanya al-Tabari sahaja yang merujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w. Seterusnya, pada Surah *al-Ahzab* ayat ke-7, al-Tabari dan al-Qurtubi menafsirkan perkataan ﴿منك﴾ (dan huruf *Damîr*) ﴿﴾ adalah merujuk kepada Nabi Muhammad. Malah ketika menafsirkan perkataan tersebut kedua-dua mufassir ini mengemukakan Hadith yang diriwayatkan daripada Basyar dan Qatadah bahawa Rasulullah s.a.w. menyebut Baginda dijadikan paling awal daripada Nabi Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa. Walau bagaimanapun, Baginda s.a.w adalah yang paling akhir diutuskan.

4.2.2 Dalil-Dalil daripada al-Hadith Mengenai Nur Muhammad

Dalam kajian ini pengkaji hanya mengemukakan beberapa buah matan Hadith yang berkait dengan perbincangan doktrin Nur Muhammad. Hadith-Hadith yang dipaparkan dalam kajian ini disorot daripada beberapa buah karya khususnya daripada karangan para ulama di Alam Melayu. Walau bagaimanapun, analisis kritikan sanad dan matan bagi menentukan martabat atau status Hadith-Hadith yang dikemukakan seperti yang dibincangkan dalam

disiplin ilmu Mustalah al-Hadith tidak dianalisis oleh pengkaji kerana tidak termasuk dalam skop kajian ini.

Bagi meneruskan perbincangan, pengkaji akan menlihat beberapa matan Hadith yang dirujuk ketika menghuraikan doktrin Nur Muhammad. Bagi mengetahui martabat Hadith pertama di bawah, pengkaji merujuk kepada pandangan Imam al-Dhahabi dan beliau yang menyatakan Hadith tersebut adalah *Mawdū*⁴⁷¹. Hadith ini turut disebut dalam karya al-Hakim berjudul *al-Mustadrak 'Alā al-Saḥīḥayn*, namun Hadith ini berada pada darjat *Sahih Isnad*, malah merupakan Hadith pertama yang diriwatkan kepada 'Abd al-Rahmān Ibn Zayd Ibn Aslām⁴⁷². Matan Hadith yang menerang seluruh kejadian yang dijadikan oleh Allah S.W.T kerana Nabi Muhammad s.a.w dan ia merupakan makhluk yang paling dicintai perbincangan di atas dinyatakan seperti di bawah.

حدثنا أبو سعيد عمرو بن منصور العدل ثنا أبو الحسن محمد بن إسحاق بن إبراهيم
الحنظلي ثنا أبو الحارث عبد الله بن مسلم الفهري ثنا إسماعيل بن مسلمة أنبأ عبد الرحمن بن
زيد بن مسلم عن أبيه عن جده عن عمر بن الخطاب رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى
الله عليه وعلى آله وسلم : ((لما إقترف أدم الخطيئة قال : يا رب أسانك بحق محمد لم غفرت
لي ، فقال الله : يا آدم وكيف عرفت حمدا ولم أحلقه ؟ قال : يا رب لأنك لما خلقتني بيديك و
نفخت في من روحك رفعت رأسي فرأيت على قوائم العرش مكتوبا لا إله إلا الله محمد رسول الله
فعلت أنك لم تضف إلى اسمك إلا أحبت الخلق إليك ، فقال الله : صدقت يا أدم إنه لأحب
الخلق إلي ادعني بحقه فقد غفرت لك ، ولو لا محمد ما لفتك)) .

Terjemahan : Ketika Nabi Adam a.s melakukan kesalahan kemudian Baginda Berdoa : Wahan Tuhan ! aku memohon dengan kebenaran Muhammad ampunkanlah dosaku, lalu S.W.T berfirman : Wahai Adam ! Bagaimanakah engkau mengetahui tentang Muhammad, sedangkan aku belum menciptanya lagi? Adam menjawab : Wahai Tuhan ! ketikamana engkau menjadikan aku dan meniupkan ruh ke dalam badanku, aku telah

⁴⁷¹ Al-Hākim, Imām al-Hāfidh Abī 'Abd al-Ḥākim al-Naysābūrī (1997), *al-Mustadrak 'Alā al-Saḥīḥayn*, j.2. c. 1. "Kitab Tawārikh al-Mutaqaddimiyyin min al-anbiyā wa al-Mursaliyyin", Mesir : Dar al-Haramayn li Tibā'ah wa al-Nasyar wa al-Tawzī'. No. Hadith : 4287. h. 722.

⁴⁷² Ibid., h. 723.

mengangkat kepala maka aku lihat ditiang ‘arash tertulis kalimah “*La ilah Illa Muhammad Rasul Allah*” (Tiada tuhan melainkan S.W.T dan Muhammad adalah utusan Allah), maka aku ketahui bahawa Engkau tidak menggandingkan nama-Mu (Allah) melainkan dengan makhluk yang Engkau paling suka. berfirman Engkau benar Wahai Adam! Sesungguhnya dia adalah makhluk yang paling aku cintai, aku menyeru dengan kebenarannya, maka Aku ampunkan engkau, dan jika tidak kerana Muhammad tidak aku jadikan engkau⁴⁷³.

Terdapat Hadith lain juga yang diriwayatkan daripada Jabir yang menjelaskan bahawa Nur Nabi Muhammad s.a.w terlebih dahulu dijadikan ketika makhluk lain belum wujud. Pandangan ini berdasarkan dalil Hadith yang dinukilkhan daripada karya *Madārij al-Su`ūd Ilā Iktisā al-Burūd Sharḥ `Alā al-Mawlid al-Nabawī li Sayyid Ja`afar al-Barzānī* dikarang oleh Muhammad Nawawi al-Bantani seperti di bawah⁴⁷⁴.

كما في حديث جابر، أنه سُئل رسول الله صلى الله عليه وسلم عن أول ما خلق الله تعالى .
قال : إن الله خلق قبل الأشياء نور نبيك. فجعل ذلك النور يدور بالقدرة حيث شاء ، ولم يكن في ذلك الوقت لوح ولا قلم ولا نار ولا ملك ولا إنس ولا جن ولا أرض ولا سماء ولا شمس ولا قمر.....

Terjemahan : Seperti dalam Hadith yang diriwayatkan oleh Jabir r.a., beliau telah bertanya kepada Baginda Rasulullah s.a.w berkenaan makhluk yang terawal dijadikan oleh S.W.T. Baginda s.a.w telah bersabda : Bahawa sesungguhnya S.W.T telah menjadikan Nur Nabimu sebelum dijadikan segala sesuatu yang lain. Maka dijadikan oleh S.W.T cahaya tersebut berpusing mengikut kehendak dan dengan kekuasaan-Nya yang mana pada ketika itu belum wujud *lūh, qalam*, syurga, neraka, bumi, langit, matahari, dan bulan..”

Di samping itu terdapat juga beberapa buah matan Hadith yang dikemukakan oleh ulama di rantau Nusantara seperti Syeikh Zayn al-Ābidin Ibn Muhammad al-Faṭāni dalam

⁴⁷³ *Ibid.*, h. 722 & 723.

⁴⁷⁴ Al-Bantānī, Muhammad Nawawī (1954), *Madārij al-Su`ūd Ilā Iktisā al-Burūd Sharḥ `Alā al-Mawlid al-Nabawī li Sayyid Ja`afar al-Barzānī*. c.2. Kaherah : Maktabah Wa Matba`ah Mustafa a;-Babi al-Halabi Wa awlādih. h. 4.

Kashf al-Ghaibiyah apabila menghuraikan mengenai doktrin Nur Muhammad. Matan Hadith Qudsi yang pertama dikemukakan oleh beliau seperti berikut⁴⁷⁵:

كُنْتُ كَنْزًا مُخْفِيًّا فَأَحَبَّتِي أَنْ أُعْرِفَ فَخَلَقْتَ الْخَلْقَ لِأَعْرِفَ

Terjemahan : “Aku (Allah S.W.T) adalah perbendaharaan yang tersebuni, maka Aku (Allah S.W.T) kehendak diperkenalkan daku lalu Aku (Allah S.W.T)jadikan makhluk supaya Aku (Allah S.W.T) dikenali”

Hadith tersebut turut terdapat dalam karya *Bad`u al-Samawat wa al-,Ardi* yang dikarang oleh Syeikh Nur al-Din Ibn `Ali al-Raniri⁴⁷⁶. Namun terdapat perbezaan pada lafaz dengan Hadith yang dinukilkhan oleh Syeikh Zayn al-`Abidin di atas, akan tetapi mempunyai maksud yang sama. Hadith dalam karya *Bad`u al-Samāwat wa al-,Ardi* tersebut dapat diperhati seperti di bawah⁴⁷⁷.

كُنْتُ كَنْزًا مُخْفِيًّا فَأَحَبَّتِي أَنْ أُعْرِفَ فَخَلَقْتَ الْخَلْقَ فَيَنِي عَرْفَنِي

Terjemahan : “ Maka aku adalah perbendaharaan yang tersembunyi, maka kehendak akan dia mengenal akan Aku (Allah S.W.T), maka Aku (Allah S.W.T) jadikan segala makhluk supaya Aku (Allah S.W.T) dikenali akan daku ”.

Seterusnya matan Hadith kedua yang dikemukakan Syeikh Zayn al-`Abidin Ibn Muhammad al-Faṣani pula didapati mengemukakan pandangan bahawa Nur Muhammad adalah makhluk yang terawal dijadikan. Hadith yang dinukilkhan oleh beliau dapat dilihat seperti berikut⁴⁷⁸.

أَوْلَى مَا خَلَقَ اللَّهُ تَعَالَى نُورٌ وَفِي رِوَايَةِ رُوحِي

Terjemahan : “ Yang terawal dijadikan Allah S.W.T adalah nurku, dan pada satu riwayat adalah ruhku”.

⁴⁷⁵ Zayn al-`Abidin Ibn Muhammad al-Faṣani (t.t), *Op.cit.*, h. 6.

⁴⁷⁶ Al-Raniri, Nur al-Din Ibn Ali (2004), *Bad` al-Samawāt wa al-,Ardi, Kejadian Tujuh Petala Langit dan Bumi*. Kuala Lumpur : Khazanah al-Fathaniyyah. h. 3.

⁴⁷⁷ *Ibid.*,

⁴⁷⁸ Zayn al-`Abidin Ibn Muhammad al-Faṣani (t.t), *Ibid.*, h. 6 ;Nur al-Din Ibn Ali al-Raniri (2004), *Ibid.*, h. 4.

Sebagaimana matan Hadith di atas, pengkaji turut mendapati al-Raniri juga menggunakan Hadith yang serupa apabila menyebut mengenai makhluk terawal dijadikan oleh Allah S.W.T. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan lafaz dengan Hadith yang dinukilkan oleh Syeikh Zayn al-Ābidin. Ini kerana, al-Raniri membentangkan dua Hadith tersebut dalam matan Hadith yang berasingan, berbeza dengan kaedah yang digunakan Syeikh Zayn al-Ābidin yang mengemukakan Hadith tersebut dalam matan Hadith yang sama. Dua matan Hadith yang berkaitan dengan Nur Muhammad yang terdapat dalam karya *Bad` al-Samawāt wa al-,Ardi* dapat dilihat seperti di bawah⁴⁷⁹.

Hadith pertama :

أول ما خلق الله تعالى نوري

Terjemahan : “Yang terawal dijadikan Allah S.W.T adalah nurku”

Hadith kedua :

أول ما خلق الله تعالى روحى

Terjemahan : “ Yang terawal dijadikan Allah S.W.T ialah nyawa aku”

Syeikh Nur al-Din al-Raniri seterusnya mensyarahkan dua matan Hadith di atas dengan tafsiran ayat al-Qur'an bahawa Allah Ta'ala jugalah yang menyempurnakan cahaya-Nya⁴⁸⁰. Beliau seterusnya mengukuhkan pandangannya dengan menjelaskan Nur Muhammad tersebut dijadikan oleh Allah S.W.T daripada pancaran Nur *Aḥadiyyah*-Nya⁴⁸¹. Di samping itu, terdapat sebuah Hadith dalam karya Syeikh Muhammad Nāfiṣ al-Banjāri berjudul *al-Dur al-Nāfiṣ* yang mana Hadith tersebut diriwayatkan daripada 'Abd al-Razaq

⁴⁷⁹ Al-Ranirī, Nur al-Din Ibn Ali (2004), *Ibid.*, h. 4.

⁴⁸⁰ *Ibid.*, h. 4 ; Surah *al-Sāff*, 61: 8 (وَاللهُ مِنْ نُورٍ...) .

⁴⁸¹ *Ibid.*,

r.a dan sanadnya daripada Jabir r.a ketika mana beliau menanyakan kepada Baginda s.a.w berkenaan makhluk terawal terlebih dahulu dijadikan oleh Allah S.W.T daripada makhluk yang lain. Kemudian, kelangsungan daripada soalan tersebut Baginda s.a.w menjawab pertanyaan Jabir r.a sebagaimana matan Hadith berikut⁴⁸²:

يَا جَابِرُ أَنَّ اللَّهَ خَلَقَ قَبْلَ الْأَشْيَاءِ نُورًا مِّنْ نُورٍ

Terjemahan : Wahai Jabir, bahwasanya S.W.T telah menjadikan nur nabimu terlebih dahulu daripada segala sesuatu dan nur nabimu itu dijadikan daripada *Dhat*-Nya (daripada Nur *Dhat* Allah).

Menurut Syeikh Muhammad Nāfis al-Banjāri, kefahaman daripada Hadith di atas adalah menunjukkan Nabi Muhammad s.a.w adalah daripada Nur Zat Allah S.W.T. Beliau mengukuhkan Nur Nabi yang dijadikan oleh Allah S.W.T daripada Nur-Nya adalah berdasarkan kepada firman-Nya seperti di bawah⁴⁸³.

قَدْ جَاءَكُمْ مِّنْ كُلِّ أَنْوَارٍ ...

Terjemahan : “Telah datang kepada kamu daripada Allah S.W.T itu Nur iaitu (Nabi kita Muhammad s.a.w)”.

Di samping itu, dalam karya *al-Dur al-Nāfīs*. juga terdapat sebuah Hadith lain yang turut diriwayatkan daripada Jabir yang menunjukkan Nur Muhammad adalah makhluk terawal dijadikan dan daripada Nur tersebut dijadikan makhluk yang lain. Matan Hadith tersebut dapat diteliti sebagaimana di bawah⁴⁸⁴.

"أَوْلَى مَا خَلَقَ اللَّهُ نُورًا يَا جَابِرُ فَخَلَقَ مِنْهُ الْأَشْيَاءَ"

Terjemahan : “Mula-mula yang dijadikan oleh Allah Ta’ala adalah cahaya Nabi-Mu wahai Jabir, maka dijadikan daripadanya (cahaya Nabi Muhammad) segala sesuatu”.

⁴⁸² Muhammad Nāfis Ibn Idris al-Banjāri (t.t), *Al-Durr al-Nāfīs fi Bayān Wāhidah al-Afāl wa al-Asma'* "wa al-Sifat wa al-Dhat al-Taqdis. T.t.p : Percetakan al-Ma’arif Sdn. Bhd. h. 22.

⁴⁸³ *Ibid.*, h. 22.

⁴⁸⁴ *Ibid.*, h. 21.

Terdapat juga Hadith yang lain pula dalam karya *Kashf al-Ghaibiyyah* dan *Bad' al-Samawāt wa al-,Ardi* yang menjelaskan keseluruhan alam ini dijadikan oleh Allah S.W.T adalah disebabkan kewujudan Nur Muhammad. Hadith yang dikemukakan dalam kedua-dua buah karya di atas boleh dilihat seperti matan di bawah⁴⁸⁵.

خَلَقْتُ الْأَشْيَاءِ لِأَجْلِكَ وَخَلَقْتُكَ لِأَجْلِي

Terjemahan : “Aku jadikan setiap sesuatu perkara adalah disebabkan kerana engkau wahai Muhammad dan aku jadikan engkau kerana Aku”.

Dalam karya Syeikh Nur al-Din al-Raniri juga terdapat Hadith lain yang menjelaskan bahawa seluruh alam ini terdiri daripada tujuh lapis langit dan bumi dijadikan adalah disebabkan Nabi Muhammad s.a.w. Hadith yang dinukilkan dalam karya *Bad' al-Samawāt wa al-,Ardi* seperti di bawah⁴⁸⁶.

لَوْ لَاكَ مَا خَلَقْتَ الْأَفْلَاكَ

Terjemahan : “Jikalau tiada engkau (ya Muhammad), tiada Aku (Allah S.W.T) jadikan tujuh petala langit dan bumi (cakerawala)”.

Di samping itu, pengkaji turut menemui dalam karya *Bad' al-Tamām wa al-Nujūm al-Thawaqib* sebuah terjemahan Hadith berkenaan dengan Nur Muhammad. Walau bagaimanapun, matan Hadith tersebut tidak dinukilkan oleh pengarang karya iaitu Syeikh

⁴⁸⁵ Zayn al-'Ābidin Ibn Muham mad al-Faṭāñi (t.t), *Op.cit.*, h. 6 ; Nur al-Din Ibn Ali al-Raniri (2004), *Op.cit.* h. 3.

⁴⁸⁶ Al-Ranīrī, Nur al-Din Ibn Ali (2004), *Ibid.*, h. 3 ; Berkenaan kedudukan Hadith ini, pada pandangan al-'Ajlūnī walaupun matan tersebut bukan Hadis Nabi s.a.w, akan tetapi pada makna Hadis ini tetap sahih. Rujuk sebagai contoh dalam al-'Ajlūnī al-Jarāhī, al-Shaykh Ismā'īl b. Muhammad (2000), *Kashf al-Khafa Wa Mazil al-Illas*. 'Abd al-Hamid Hindāwī (penyunting), j.2. Beirut : al-Maktabah al-'Aṣriyyah. Malah al-Qārī juga tidak ketinggalan turut menjelaskan Hadith ini adalah sahih pada makna walaupun bukan dari Hadith Nabi Muhammad s.a.w. Rujuk sebagai contoh dalam al-Qārī, al-'Allamah Nur al-Din 'Ali b. Muhammad b. Sultān al-Mashhūr bi al-Mullā 'Alī (1986), *al-Asrār al-Marfū'ah fī akhbār al-Mawdū'ah*. Muhammad b. Luṭfī Sibāgh (penyunting), c.2. Beirut : al-Maktabah al-Islāmi. h. 289.

Wan Ahmad Ibn Muhammad Zayn al-Faṭāni. Terjemahan Hadith yang terdapat dalam karya tersebut sebagaimana ditulis oleh pengarang karya dapat diteliti seperti di bawah⁴⁸⁷.

“ Bahawa awal barang yang dijadikan oleh S.W.T itu Nur Nabi kita Muhammad s.a.w dan datang pada kaifiyat menjadikan Nur yang mulia itu beberapa riwayat yang yang berbilang-bilang dan hasil sekaliannya bahawasanya Allah S.W.T tatkala bergantung Iradat-Nya dengan menjadikan sekalian makhluk menjadilah Ia (Allah) akan Nur Sayyidina Muhammad s.a.w dahulu daripada dijadikan langit, dan bumi, dan `Arash, dan kursi, dan luh dan qalam, dan syurga, dan neraka, dan malikat dan sekalian yang lainnya dengan bahagian-bahagian ribu tahun dan adalah dilihatkan Nur itu dalam pandangan `Alam al-Qudus, maka setengah ketika disuruhkan dia dengan sujud dan seketika dengan tasbih dan taqdis....”

Berdasarkan terjemahan Hadith tersebut, boleh difahami bahawa Nur Nabi adalah makhluk terawal yang dijadikan oleh Allah S.W.T dan daripada Nur tersebut Allah menjadikan makhluk yang lain. Pengkaji mendapati Hadith ini mempunyai persamaan dengan Hadith yang dinukilkkan oleh Syeikh Muhammad Nawawi al-Bantani sebagaimana yang telah dikemukakan oleh pengkaji pada Hadith yang kedua di atas.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada Hadith-Hadith yang dibincangkan di atas, terdapat beberapa rumusan yang boleh disimpulkan. Pertama ialah segala kejadian yang dijadikan oleh Allah S.W.T adalah disebabkan Nabi Muhammad s.a.w seperti yang disebutkan al-Hākim dalam *al-Mustadrak `Alā ʻal-Saḥīḥayn*, Syeikh Zayn al-Ābidin Ibn Muhammad al-Faṭāni dalam *Kashf al-Ghaibiyah*, dan Syeikh Nur al-Din Ibn Ali al-Raniri dalam *Bad` al-Samawāt wa al-,Ardi*. Kedua ialah Nur Nabi Muhammad s.a.w adalah makhluk yang terlebih dahulu dijadikan oleh Allah S.W.T ketika makhluk lain belum dijadikan sebagaimana Hadith yang terdapat dalam karya Muhammad Nawawi al-Bantani dan Syeikh Zayn al-Ābidin Ibn Muhammad al-Faṭāni, dan Syeikh Nur al-Din Ibn `Ali

⁴⁸⁷ Wan Ahmad Ibn Muhammad Zayn Ibn Mustafa al-Faṭāni (2003), *Bad` al-Tamām wa al-Nujūm al-Thawaqib Pada Menyatakan Aḥwal Nabi Muhammad Ṣallā Ta`ala `Alayhi Wa Sallam, Keluarga dan Sahabatnya*. Kuala Lumpur : Khazanah al-Fathaniyyah. h. 3.

al-Raniri berjudul *Madārij al-Su`ūd Ilā Iktisā al-Burūd Sharḥ `Alā al-Mawlid al-Nabawi*, *Kashf al-Ghaibiyah*, dan *Bad`u al-Samāwat wa al-,Ardi*. Ketiga ialah daripada Nur Muhammad tersebut, Allah S.W.T menjadikan makhluk lain. Rumusan ini dapat dilihat berdasarkan kepada Hadith yang terdapat dalam karya Syeikh Muhammad Nāfiṣ al-Banjāri berjudul *al-Dur al-Nafis* dan Syeikh Wan Ahmad Ibn Muhammad Zayn al-Faṭāni berjudul *Kashf al-Ghaibiyah Bad` al-Samawāt wa al-,Ardi*. Keempat ialah terdapat juga Hadith yang menjelaskan Nur Nabi Muhammad s.a.w dijadikan daripada Nur *Dhat Allah Ta`ala*. Justeru, dapat dilihat bahawa para ulama yang dirujuk dalam kajian ini menerusi karya mereka telah menjadikan Hadith-Hadith tersebut sebagai hujah kepada kewujudan doktrin Nur Muhammad disiplin ilmu tasawuf.

4.3 PANDANGAN PRO DAN KONTRA TERHADAP DOKTRIN NUR MUHAMMAD

Apabila membincangkan mengenai Nur Muhammad, pengkaji mendapati terdapat dua sudut pandangan yang berbeza iaitu menerima dan menolak. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa pandangan ulama yang menerima doktrin Nur Muhammad sebagai salah satu doktrin yang wujud dalam ajaran Tasawuf. Turut dibentangkan juga dalam kajian ini ialah pandangan para ulama yang menolak kewujudan ajaran doktrin Nur Muhammad dan melihat ajaran tersebut sebagai aliran yang tidak wujud dalam Islam. Dua pecahan pandangan tersebut akan dihuraikan oleh pengkaji seperti di bawah.

Pertama : Pandangan kelompok ulama yang menerima doktrin Nur Muhammad

Terlebih dahulu pengkaji membentangkan pandangan Abū `Abd Muhammad al-Mālikī al-Fāsi dalam karyanya yang mana beliau menyatakan dan mengemukakan pendapat

daripada Imam Abū `Abd al-Rahman al-Šaqali yang menjelaskan Allah S.W.T tidak menjadikan makhluk yang lebih dicintai dan dimuliakan-Nya di kalangan umat manusia melainkan nabi Muhammad s.a.w, seterusnya diikuti para nabi, para *al-Siddiqiyin*, dan para *Awliyā*⁴⁸⁸. Kemudiannya, Abū `Abd Muhammad mengemukakan pandangannya iaitu Allah S.W.T telah menjadikan Nur Muhammad terlebih dahulu selama 2000 tahun sebelum menjadikan Adam a.s yang dijadikan daripada Nur Muhammad, dan dijadikan pula para nabi a.s daripada Nur Adam a.s⁴⁸⁹. Pandangan Abū `Abd Muhammad di atas didapati turut bertepatan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Syeikh Zayn al-`Ābidin Ibn Muhammad al-Faṭāni dan Syeikh `Alī Ibn `Abd al-Rahmān al-Kelantani dalam karyanya mereka iaitu *Kashf al-Ghaybiyyah* dan *al-Jawhar al-Mawhūb wa Muhabbihāt al-Qulūb*⁴⁹⁰. Syeikh `Alī menjelaskan juga dijadikan daripada Nur Muhammad tersebut setiap sesuatu yang terdiri daripada `Arash sehingga ke bawah petala bumi dan kesemuanya adalah binasa⁴⁹¹.

Seterusnya, Syeikh Nur al-Din Ibn `Alī al-Raniri juga berpendapat makhluk pertama yang dijadikan Allah S.W.T adalah Nur Muhammad s.a.w dan kewujudannya adalah daripada tiada kepada ada⁴⁹². Tidak ketinggalan juga, Syeikh Ismail Ibn `Abd al-Qadir al-Faṭāni pula turut menyatakan terdapat pandangan yang masyhur bahawa alam semesta ini dijadikan daripada Nur Nabi Muhammad s.a.w. Walau bagaimanapun, beliau

⁴⁸⁸ Abū `Abd Muhammad Ibn Muhammad Ibn Muhammad al-`Abdārī al-Mālikī al-Fāsī (t.t), *al-Madkhāl Li Ibn al-Hāj*, j.2. “Faṣl fī Mawlid Ṣallā Ta`ala `Alayhi Wa Sallam”. Kaherah : Maktabah Dar al-Turath. h. 30 ; إن الله تبارك و تعالى خلق نور محمد صلى الله عليه وسلم قبل خلق آدم بالفني عام وجعله في عمود أمام العرش يسبح الله و يقدسه ثم خلق آدم عليه الصلاة والسلام من نور محمد صلى الله عليه وسلم وخلق نور نبيين عظيمي المسلمين من نور آدم عليه الصلاة والسلام .

⁴⁸⁹ *Ibid.*,

⁴⁹⁰ Zayn al-`Ābidin Ibn Muhammad al-Faṭāni (t.t), *Op.cit.*, h. 4. ; Syeikh `Alī Ibn `Abd al-Rahmān al-Kelantani (t.t.p), *al-Jawhar al-Mawhūb wa Muhabbihāt al-Qulūb*. Thailand : Fathaniy. Matba`ah Ibn Halabiy. h. 2.

⁴⁹¹ Syeikh `Alī Ibn `Abd al-Rahmān al-Kelantani (t.t.p), *Ibid.*, h. 3. ; Teks daripada karya Syeikh `Alī Ibn `Abd al-Rahmān al-Kelantani dalam *al-Jawhar al-Mawhūb wa Muhabbihāt al-Qulūb* وخلق من نوره نور حبيبه محمد قبل أن يخلق آدم بالفني عام # وخلق منه الأشياء من العرش إلى الفرش و حكم عليها بالإنصرام .

⁴⁹² *Ibid.*, h. 4.

menegaskan, secara zahir ia bukanlah bermaksud dijadikan suku-suku Nur tersebut untuk menjadikan alam ini. Ini kerana, pada pandangannya kejadian alam ini hanya dimulakan daripada Nur Muhammad dan alam ini juga dijadikan oleh Allah S.W.T adalah disebabkan Nur Nabi tersebut⁴⁹³.

Manakala Imam Muhammad Mutawalli al-Sya`rāwi pula dalam karyanya berjudul “*,Anta Tas`al Wa Islam Yuji'b*” turut mengupas dan memberikan pandangannya apabila ditanya mengenai dua Hadith yang meriwayatkan mengenai makhluk terawal yang diciptakan oleh Allah S.W.T adalah Nur Muhammad dan juga Hadith mengenai makhluk terawal adalah Adam a.s yang dijadikan pula daripada tanah. Menjawab permasalahan tersebut, beliau menyatakan Hadith tersebut adalah benar kerana daripada Nur Muhammad tersebutlah dijadikan setiap perkara yang lain. Ini kerana daripada kesempurnaan yang mutlak dan secara tabi`nya Allah S.W.T memulakan penciptaan dengan menjadikan makhluk yang tinggi dan kemudian diambil daripada makhluk tersebut dijadikan makhluk yang rendah. Beliau menjelaskan lagi, kedudukan paling tinggi dikalangan manusia adalah kedudukan para rasul. Manakala yang mempunyai kedudukan tertinggi dikalangan mereka pula ialah Nabi Muhammad Bin `Abdullah⁴⁹⁴.

Menurut Shaykh `Ali Muhammad Husin al-Habsyi pula dalam karyanya berjudul *Simt al-Durar* menjelaskan bahawa seawal-awal makhluk pertama yang muncul di alam semesta ini adalah Nur al-Habib (Nur Muhammad) yang tercinta. Malah daripada Nur ini juga dijadikan seluruh ciptaan dan kejadian lain sama ada yang baru atau sebelumnya⁴⁹⁵. Dalam karya ini, beliau menjelaskan banyak riwayat lain yang menyatakan bahawa Nabi

⁴⁹³ Ismail Ibn `Ibn `Abd al-Qadir al-Faṣāñī (2005), *Tabsirat al-Adāni bi Alḥān Bakūrat al-Amāniy*. Fathani : Matbā`ah Ibn Halābiy. h. 9.

⁴⁹⁴ Al-Sya`rāwi, Muhammad Mutawallī (2003), „*Anta Tas`al Wa Islam Yuji'b*. T.t.p : Dar al-Qudis li al-Ṯhabu` Wa al-Nasyar Wa al-Tawzī` . h. 38.

⁴⁹⁵ Al-Habsyī, `Ali Ibn Muhammad Ibn Husin (2010), *Simt al-Durar Min akhbar Mawlid Khayr Basyar*. T.t.p : Yayasan Sofa Production. h. 15.

Muhammad adalah makhluk pertama diciptakan dan makhluk termulia dilahirkan. Beliau turut mengukuhkan pandangannya dengan mengemukakan Hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah dan Jabir. Shaykh 'Ali Muhammad melanjutkan perbincangannya lagi dengan menggunakan matan Hadith yang diriwayatkan sanad daripada Jabir sebagai hujah membuktikan kewujudan Nur Muhammad makhluk yang terawal dijadikan oleh Allah. Matan Hadith pertama di bawah didapati mempunyai persamaan Hadith yang digunakan oleh Syeikh Muhammad Nafis Ibn Idris al-Banjari dalam karyanya sebagai hujah kewujudan Nur Muhammad seperti yang telah dibincangkan oleh pengkaji sebelum ini. Dua buah matan Hadith yang dinukilkhan oleh Shaykh 'Ali Muhammad bagi menguatkan pandangannya dapat dilihat seperti di bawah.

Hadith pertama :

وقد أخرجه عبد الرزاق بسنده عن جابر بن عبد الله الأنصاري رضي الله عنهما قال : قلت
يا رسول الله بأبي و أمي أخبرني عن أول شيء خلقه الله قبل الأشياء ، قال يا جابر إن الله
خلق قبل الأشياء نور نبيك محمد صلى الله عليه وسلم من نوره .

Terjemahan : Diriwayatkan oleh Abd al-Razzaq dengan sanadnya sampai kepada Jâbir Ibn Abd Allah al-Ansari r.a : Telah berkata : Aku telah berbakti : Wahai Rasulullah, Aku jadikan ayah dan ibu tebusanmu, khabarkanlah kepadaku perkara pertama yang Allah S.W.T cipta sebelum dijadikan sesuatu perkara, Baginda Rasulullah s.a.w menjawab, sesungguhnya Allah S.W.T telah menciptakan sebelum segala sesuatu Nur Nabimu Muhammad s.a.w daripada nur ciptaan-Nya.

Hadith kedua :

وقد ورد في حديث أبي هريرة رضي الله عنه أنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : كنت أول النبئين في الخلق و آخرهم فيبعث .

Terjemahan : Diriwayatkan dalam sebuah Hadith daripada Abi Hurairah r.a sesungguhnya beliau telah berkata : Rasulullah s.a.w telah bersabda : Aku merupakan nabi yang pertama diciptakan dari kalangan para nabi, tetapi aku nabi yang terakhir diutuskan.

Hujah daripada Hadith di atas juga merupakan dalil yang digunakan oleh al-Qurtubi ketika mensyarahkan Surah *al-Ahzab* ayat ketujuh dalam tafsirnya yang juga merujuk kepada Nabi Muhammad sebagai nabi yang terawal mendahului kejadiannya daripada para nabi yang lain⁴⁹⁶.

Di samping itu, pengkaji turut menemui Hadith yang meriwayatkan Allah S.W.T telah memberi dan mengangkat Baginda s.a.w dengan sifat kenabian (*Nubuwwah*) semenjak Nabi Adam a.s belum ditiupkan ruh dan terbaring dalam syurga dengan keadaan berbentuk tanah yang dikepal. Hadith yang dimaksudkan oleh pengkaji ini yang menjelaskan Nubuwwah Nabi Muhammad s.a.w tersebut diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dalam sunannya iaitu *Sunan al-Tirmidhi* dan al-Hakim dalam *al-Mustadrak* ‘Alā al-Sahīhayn⁴⁹⁷. Hadith yang diriwayatkan dalam karya *Sunan al-Tirmidhi* adalah Hadith *Hasan Shahih*, manakala dalam *al-Mustadrak* ‘Alā al-Sahīhayn pula Hadith *Shahih al-Isnād*⁴⁹⁸. Hadith yang menjelaskan sifat kenabian Baginda s.a.w sebagaimana dalam dua buah karya di atas yang mendahului kejadian Nabi Adam a.s seperti mana di bawah.

Hadith pertama :

حدثنا أبو همام الوليد بن شحاح بن الوليد البغدادي ، قال : حدثنا الوليد بن مسلم ، عن الأوزاعي ، عن يحيى بن أبي كثير ، عن أبي سلمة ، عن أبي هريرة ، قال : قالوا : يا رسول الله متى و جبت لك النبوة ؟ قال : ((و أدم بين الروح و الجسد)).

Terjemahan : Diriwayatkan daripada Abu Hammam al-Walid Ibn Suja` Ibn al-Walid al-Baghdadi telah berkata : Diriwayatkan kepada kami al-Walid Ibn Muslim, daripada al-Awzā`iy, daripada Yahya Ibn Abī Kathir, daripada

⁴⁹⁶ Lihat perbincangan tersebut pada halaman 130.

⁴⁹⁷ Al-Tirmidhi, Muhammad Ibn 'Isa Ibn Sūrah (2000), *Sunan al-Tirmidhi* c.1. "Kitab al-Manaqib 'An Rasul Allāh Salla Allāh 'Alaih wa Sallam", "Bab fi Faḍ al-Nabiyi Salla Allāh 'Alaih wa Sallam". Riyadh : Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyar Wa al-Tawzī' li Shohibaha Sa'ud Ibn 'Abd al-Rahman al-Rāshid. h. 821.; Al-Ḥākim, Imām al-Ḥāfiḍh Abī 'Abd al-Ḥākim al-Naysābūrī (1997), *Op.cit.*, h. 715.

⁴⁹⁸ Al-Tirmidhi, Muhammad Ibn 'Isa Ibn Sūrah (2000), *Ibid.*; Al-Ḥākim, Imām al-Ḥāfiḍh Abī 'Abd al-Ḥākim al-Naysābūrī (1997), *Ibid.*,

Abī Salamah, daripada Abī Hurayrah, telah berkata : Katanya : Mereka telah berkata : Wahai Rasulullah, bilakah diwajibkan kenabian bagi kamu? Baginda s.a.w menjawab : ((Ketika Nabi Adam a.s (dalam proses dijadikan) di antara ruh dan jasad))⁴⁹⁹.

Hadith kedua :

حدثنا أبو النضر الفقيه و أحمد بن محمد بن سلمة العنزي قالا ثنا عثمان بن سعيد الدارمي و محمد بن سنان العوقي ثنا إبراهيم بن طهمان عن بديل بن ميسرة عن عبد الله بن شقيق عن ميسرة الفجر قال قلت لرسول الله : متى كنت نبيا؟ قال : ((و أدم بين الروح و الجسد))

Terjemahan : Diriwayatkan kepada kami oleh Abu al-Nadhar al-Faqih dan Ahmad b. Muhammad b. Salamah al-Anziy telah berkata, diriwayatkan daripada 'Uthman b. Sa'id al-Darimi dan Muhammad b. Sunan al-'Uqiy diriwayatkan daripada Ibrahim b. Tohman daripada Budayl b. Maysarah daripada 'Abd Allah b. Syaqiq daripada Maysarah al-Fajar telah berkata. Aku bertanya kepada Rasulullah : Bilakah kamu menjadi nabi? Baginda s.a.w menjawab : ((Ketika Nabi Adam a.s (di dalam proses dijadikan) di antara ruh dan jasad))⁵⁰⁰.

Hadith ketiga :

حدثنا أبو بكر بن إسحاق أباً سليمان بن محمد بن فضيل ثنا محمد بن العبلبكي ثنا أبو الوليد بن مسلم عن الأوزاعي عن يحيى بن أبي كثير عن أبي سلمة عن أبي هريرة رضي الله عنه قال : قيل للنبي صلى الله عليه و علىه وسلم : متى و جبت لك النبوة؟ قال : ((بين خلق أدم و نفخ الروح فيه)) .

Terjemahan : Diriwayatkan kepadanya Abu Bakr Ibn Ishaq, dikhabarkan daripada Sulayman Ibn Muhammad Ibn al-Fudhayl, diriwayatkan daripada Muhammad Ibn Hisyam al-Ba'labakiy, diriwayatkan daripada Abu al-Walid Ibn Muslim daripada al-Awza'I daripada Yahya Ibn Abi Kathir daripada Abi Slamat daripada Abi Hurayrah r.a. telah berkata : Seseorang telah berkata kepada Nabi s.a.w : Bilakah diwajibkan kenabian bagi kamu? Jawab Baginda s.a.w ((Di antara masa dijadikan Adam a.s dan ditiupkan ruh ke dalam jasadnya))⁵⁰¹.

⁴⁹⁹ Al-Tirmidhi (2000), *Ibid.*, No. Hadith : 3409. h. 821.

⁵⁰⁰ Al-Hākim (1997), *Op.cit.*, No. Hadith : 4268. h. 715.

⁵⁰¹ *Ibid.*, No. Hadith : 4269. h. 715.

Di samping itu, Shaykh ‘Umar Ibn Muhammad Ibn Salim turut menukilkan dalam nazomnya yang menceritakan mengenai kelahiran Baginda s.a.w dalam karyanya berjudul *al-Diya” al-Lami`*. Beliau menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w adalah utusan yang terakhir di utuskan, akan tetapi Baginda adalah makhluk yang pertama diciptakan, dan para nabi akan berjalan pada hari kiamat di bawah benderanya⁵⁰². Keindahan cahaya Rasulullah s.a.w jelas ketika Baginda ditanya sejak bilakah awal kenabiannya?. Lalu Baginda menjawab kenabiannya bermula sejak Adam, malah a.s masih daripada tanah dan air⁵⁰³.

Dalam konteks pandangan oleh ulama di Nusantara pula seperti Syeikh Zayn al-‘Ābidin Ibn Muhammad al-Faṭāni menyebutkan Nur Muhammad telah sujud sebanyak lima kepada Allah S.W.T kerana takut dan malu kepada-Nya. Justeru, daripada perlakuan tersebut maka difardhukan daripada Allah S.W.T ke atas Nabi Muhammad dan juga umatnya solat lima waktu⁵⁰⁴.

Dalam sudut penerimaan pada peringkat pihak berkuasa Agama Islam di Malaysia, pengkaji menemui satu fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Negeri Sarawak yang menyebutkan bahawa Nur Muhammad merupakan perkara khilafiyah yang perlu tanggapi dengan fikiran terbuka dan bertoleransi. Ini kerana tidak semua pegangan dan fahaman Nur Muhammad adalah sesat selagimana tafsiran tersebut tidak melampaui landasan akidah dan syariat Islam sebagaimana yang diterima oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami, Syeikh Ibrahim al-Baijuri, Sayyid Ja`far al-Barzanji, Sultan al-Awliyā Sheikh `Abd al-Qadir al-Jilani yang

⁵⁰² Nazom dalam karya Shaykh Umar Ibn Muhammad seperti berikut : فهو وإن جاء الأخيرة مقدم # يمشون تحت لواء من نادانا : ‘Umar Ibn Muhammad Ibn Salim Ibn Hafiz (t.t), *al-Diya” al-Lāmi` Bi Dhikr Mawlid al-Nabīyyi al-Syāfi`*. T.t.p : Dar al-Faqīh li al-Nasyar wa al-Tawzī` . h. 13.

⁵⁰³ Nazom dalam karya Shaykh Umar Ibn Muhammad seperti berikut: # كتب نبيا قال آدم كانوا واسطعنون أنوار من قيل متى ; *Ibid.*, h. 11.

⁵⁰⁴ Zayn al-‘Ābidin Ibn Muhammad al-Faṭāni (t.t), *Ibid.*, h. 3; Muhammad Ibn Isma`il Daud al-Faṭāni (2001), *al-Kawkab al-Durri fi al-Nur al-Muhammad*. Kuala Lumpur : Khazanah al-Fathaniyyah. h. 4. Sila rujuk *Kahsf al-Ghaybiyyah* untuk mendapatkanuraian lebih lanjut mengenai terjemahan Hadith yang dinukilkkan oleh Syeikh Zayn al-‘Ābidin berkenaan Nur Muhammad pada halaman 3 & 4. Rujuk juga terjemahan Hadith tersebut dalam *al-Kawkab al-Durri fi al-Nur al-Muhammad* pada halaman 3-5.

menafsirkan Nur Muhammad adalah seawal-awal makhluk dijadiakan oleh Allah S.W.T yang bersifat baharu dan sekali-kali tidak mempunyai unsur-unsur ketuhanan. Fatwa tersebut turut menjelaskan penerimaan atau penolakan terhadap ajaran doktrin ini tidak merosakkan pegangan akidah seseorang umat Islam.

Di samping itu, turut dijelaskan dalam fatwa tersebut terdapat sebahagian kefahaman yang memahami doktrin Nur Muhammad dalam kefahaman yang menyeleweng dan salah faham daripada sebahagian kelompok yang tersalah atau sengaja menafsirkan Hadith-Hadith yang menyebutkan dijadikan Nur Muhammad adalah daripada Nur Allah atau dengan tafsiran bahawa Nur Muhammad adalah daripada satu juzuk *Dhat* Allah S.W.T. Fatwa tersebut menjelaskan lagi tidak ada seorang ulama yang berpegang dan menerima kefahaman serta tafsiran seperti yang dijelaskan di atas, dan tafsiran sedemikian merupakan tafsiran yang salah dan mesti ditangani⁵⁰⁵.

Kedua : Pandangan kelompok ulama yang menolak doktrin Nur Muhammad

Di samping itu, terdapat juga beberapa padangan lain yang sama sekali berbeza dan kontra dengan perbincangan di atas. Walau bagaimanapun, kedua-dua pandangan yang dikemukakan oleh para ulama sama ada menolak atau menerima mempunyai hujah tersendiri. Dalam hal ini, Shaykh ‘Abdullāh b. Muhammad al-Ghumārī menyebutkan Hadith yang diriwayatkan oleh ‘Abd al-Razzaq mengenai kejadian alam yang berpunca daripada nur yang terbahagi kepada beberapa juzuk tersebut adalah Mawdu’. Menurutnya lagi, Hadith ini juga tidak terdapat dalam *Musannaf*, *Jami`*, dan *Tafsirnya*⁵⁰⁶.

⁵⁰⁵ Fatwa berkenaan doktrin Nur Muhammad yang dirumuskan di atas telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Negeri Sarawak pada tarikh 22 Januari 2002 bernombor rujukan KLFNS/3/6/2002. Walau bagaimanapun status fatwa ini adalah tidak diwartakan oleh Majlis Fatwa Negeri Sarawak.; <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/nur-muhammad-menurut-ulama-ahlus-sunnah-wal-jamaah-0> 3 Januari 2012.

⁵⁰⁶ Al-Ghumārī, ‘Abdullāh b. Muhammad (2004), *al-Rasā'il al-Ghumariyyah Mursyid al-Hāfir li Baya Wad'i Hadith Jābir*. c.2. T.t.p : Dar al-Masyari` li al-Tiba`ah Wa al-Nasyr Wa al-Tawzi` . h. 26 & 27.

Imam Ibn Hajar al-'Asqalānī dalam karyanya *Fath al-Bārī* pula berpandangan makhluk pertama yang dijadikan oleh Allah S.W.T ialah air. Beliau berlandaskan kepada hujah mengenai kedudukan 'Arash di atas air, maka semestinya air yang terlebih dahulu dijadikan. Air dan 'Arash adalah permulaan kepada kejadian alam ini dan kejadian kedua-dua makhluk ini mendahului kejadian langit dan bumi. Tidak wujud sesuatu yang lain di bawah 'Arash melainkan hanya kewujudan air⁵⁰⁷. Ibn Hajar juga menukilkan pandangan yang diriwayatkan oleh al-Suddiy dalam tafsirnya dengan sanad yang berbeza menyebutkan bahawa Allah S.W.T tidak menjadikan sesuatu makhluk sebelum menjadikan air⁵⁰⁸. Selain itu, Ibn Hajar al-'Asqalani mengukuhkan hujahnya dengan bersandarkan kepada Hadith yang dinukilkan oleh Imam al-Bukhari dalam Sahihnya sebagaimana di bawah⁵⁰⁹.

حَدَّثَنَا عُمَرُ بْنُ حَفْصٍ بْنُ غِيَاثٍ قَالَ حَدَّثَنَا أَبِي حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ حَدَّثَنَا جَامِعُ بْنُ شَدَادٍ عَنْ صَفْوَانَ بْنَ مُحْرَزٍ أَنَّهُ حَدَّثَهُ عَنْ عُمَرَانَ بْنَ حَصَينَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ قَالَ : دَخَلْتُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَقْلَتُ نَاقِيَ بَالْبَابِ فَاتَاهُ نَاسٌ مِّنْ بَنِي تَمِيمٍ فَقَالَ أَقْبِلُوا بِالْبَشَرِيِّ يَا بَنِي تَمِيمٍ قَالُوا قَدْ بَشَّرْتُنَا فَأَعْطَنَا مَرْتَبَيْنِ ثُمَّ دَخَلَ عَلَيْهِ نَاسٌ مِّنْ أَهْلِ الْيَمِينِ فَقَالَ أَقْبِلُوا بِالْبَشَرِيِّ يَا أَهْلَ الْيَمِينِ إِذْ لَمْ يَقْبِلُهُمْ بَنِي تَمِيمٍ قَالُوا قَدْ قَبَلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالُوا جَئْنَاكَ نِسْتَلْكَ عَنْ هَذَا الْأَمْرِ قَالَ كَانَ اللَّهُ وَلَمْ يَكُنْ شَيْءٌ غَيْرُهُ وَكَانَ عَرْشَهُ عَلَى الْمَاءِ وَكَتَبَ فِي الذِّكْرِ كُلِّ شَيْءٍ وَخَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ .

Terjemahan : Diriwayatakan kepada kami oleh 'Umar b. Ḥafṣ b. Ghīyāth, diriwayatkan kepada kami oleh Abī, diriwayatkan kepada kami oleh al-'Amasy, diriwayatkan kepada kami oleh Jāmī b. Syadād daripada Safwān b. Muhriz, sesungguhnya dia telah diriwayatkan kepadanya daripada 'Imrān b. Husayn r.a. telah berkata : Aku masuk mendapatkan Baginda Nabi s.a.w dan aku menambat untukku di hadapan pintu. Lalu sekumpulan manusia dari Bani Tamim datang menemui Baginda s.a.w, lantas Baginda s.a.w bersabda: Terimalah khabar gembira wahai Bani Tamim. Mereka menjawab sebanyak

⁵⁰⁷ Ibn Hajar al-'Asqalānī, Ahmad b. 'Ali (2001), *Fath al-Bārī Syarḥ al-Šaḥīḥ al-Bukhari al-Imam Abi 'Abd Allah Muhammad Ibn Isma'il al-Buhārī, Kitāb al-Bād' al-Khalq*, c.1, j.6. No Hadith : 4083. Riyadh : Shahīb al-Sammū al-Malikiy al-Amir Sulthan Ibn 'Abd al-'Azīz Ali Su'ud. h. 334.

⁵⁰⁸ *Ibid.*, h. 334; إن الله لم يخلق شيئاً مما خلق قبل الماء ; Abu 'Abd Allah Mustafa b. al-'Adawi (t.t) *al-Shaḥīḥ al-Musnid Min al-Aḥādīth al-Qudsīyyah*. Mesir : Dar al-Shahābah li al-Turāth. h. 193.

⁵⁰⁹ Al-Bukhari, Abi 'Abd Allah Muhammad b. Isma'il (1403), *Šaḥīḥ al-Bukhari, Kitāb Bad' al-Khalq*. c.1, j.2, No. Hadith 3191. Kaherah : al-Matba'ah al-Salafiyyah Wa Maktabatuhā. h. 418.

dua kali, tuan telah menghabarkan berita baik kepada kami, maka berikanlah sesuatu kepada kami. Kemudian datang pula dari ahli Yaman. Nabi bersabda : Terimalah khabar gembira wahai ahli Yaman yang mana Bani Tamim tidak mahu menerimanya. Mereka menjawab : Kami terima wahai Rasulullah. Mereka kemudian berkata : Kami datang ke sini untuk bertanya kepada engkau tentang perkara ini (mengenai permulaan segala sesuatu kejadian). Baginda menjawab : Adalah Allah wujud ketika sesuatu yang lain tiada melainkan Dia, adalah 'Arash di atas air, dan Dia menulis semuanya setiap sesuatu pada *lawh*, kemudian Dia menciptakan langit dan bumi.

Shaykh `Abdullāh al-Harārī juga tidak ketinggalan mengemukakan pandangannya bahawa terdapat penerangan yang mensifatkan Baginda Rasulullah s.a.w dengan suatu perkara yang tidak sah serta mengandungi pendustaan dalam membincangkan mengenai Nur Muhammad. Malah terdapat juga riwayat daripada Hadith-Hadith yang lemah (*Da'if*) disisi para majoriti para ulama serta mereka sepakat menolaknya. Ini disebabkan kebanyakan karya-karya yang ditulis ketika membincangkan mengenai kelahiran Nabi s.a.w terdapat Hadith-Hadith cenderung kepada sikap melampau, pendustaan terhadap agama, *tajsim* dan *tashbih*. Maka, beliau berpandangan hukum meriwayatkan Hadith tersebut tanpa menjelaskan kedudukannya adalah diharamkan, malah wajib diperangi perbuatan sedemikian⁵¹⁰.

Menurutnya lagi, antara penipuan periwayatan yang masyhur tersebar dikalangan orang awam ketika majlis sambutan sempena kelahiran Baginda s.a.w adalah berkenaan Muhammad s.a.w seawal-awal makhluk yang dijadikan. Di sisinya, Hadith yang diriwayatkan daripada Jabir yang menyatakan seawal-awal makhluk dijadikan Allah S.W.T adalah Nur Nabi, dan dijadikan pula Nur tersebut daripada Nur-Nya sebelum sesuatu dijadikan merupakan Hadith yang tidak mempunyai sandaran, pendustaan kepada Baginda

⁵¹⁰ Al-Harārī, `Abdullāh (2009), *al-Riwāyah al-Zakiyyah fī Mawlid Khair al-Bariyyah Salla Allah 'Alayh Wa Sallam*. c.5. T.t.p : Syarikah Dar al-Masyari` li al-Tiba`ah wa al-Nasyar Wa al-Tawzi'. h. 62.

s.a.w, dan tidak sahih. Malah, kenyataan dan ajaran ini turut bercanggah dengan al-Qur'an dan al-Sunnah⁵¹¹.

Beliau menejelaskan lagi, Hadith yang diriwayatkan Jabir turut dinisbahkan dalam *Musannaf `Abd al-Razzaq*, akan tetapi sebenarnya tidak pernah wujud dalam *Musannaf*, *Jami`*, dan juga *Tafsirnya* sebagaimana didakwa. Terdapat juga pertentangan kerana `Abd al-Razzaq dalam tafsirnya menyebutkan makhluk pertama yang wujud adalah air⁵¹². Al-Harari mengukuhkan lagi hujahnya dengan mengemukakan pula pandangan Imam al-Sayuti yang pernah menyebutkan Hadith Jabir tersebut tidak mempunyai sanad yang boleh dipegang, malah merupakan Hadith palsu (*Mawdu`*), dan juga Hadith Nur Muhammad sebagai seawal-awal makhluk tersebut adalah tidak *thabit*⁵¹³. Al-Harari seterusnya menerangkan sebab penolakannya adalah berlandaskan kepada Hadith yang bermaksud “aku adalah seawal-awal nabi diciptakan dan paling akhir diutuskan” sebenarnya adalah lemah (*Da`if*) kerana terdapat perawi yang meriwayatkan Hadith ini iaitu Buqayyah b. al-Walid adalah *Mudallas*, manakala Sa`id b. Basyir pula adalah perawi yang lemah (*Da`if*)⁵¹⁴. Begitu dengan Hadith yang bermaksud “jika tidak kerana engkau (Muhammad), tidak Aku (Allah S.W.T) jadikan alam”. Dalam hal ini, Shaykh `Abdullāh al-Harari menyebutkan beliau sependapat dengan pandangan para *Muhadith* yang menghukumkan Hadith tersebut sebagai Hadith yang direka-reka⁵¹⁵.

Manakala Muṣṭafa al-`Adawi pula dalam karyanya *al-Šaḥīḥ al-Muṣnid Min al-Ahādīth al-Qudsīyyah* juga didapati mempunyai pandangan yang sama dengan al-Harari ketika beliau menjelaskan mengenai Hadith “أول ما خلق الله نور نبيك يا جابر” tidak *thabit* dan

⁵¹¹ *Ibid.*, h. 63.

⁵¹² *Ibid.*, h. 64.

⁵¹³ *Ibid.*, h. 65.

⁵¹⁴ *Ibid.*, h. 66.

⁵¹⁵ *Ibid.*, h. 66.

dihukumkan sebagai Hadith yang direka-reka⁵¹⁶. Maka, dapat difahami di sini, beliau juga menolak Nur Muhammad sebagai makhluk terawal yang dijadikan sebelum makhluk lain wujud. Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan terdapat perbezaan pandangan kaum salaf dalam menentukan makhluk pertama yang dijadikan oleh Allah S.W.T. Ini disebabkan wujud pandangan yang merujuk *qalam* adalah makhluk terawal, begitu juga dengan pandangan yang menyatakan `Arash dan air terlebih dahulu dijadikan⁵¹⁷.

Hadith “أول ما خلق الله نور نبيك يا جابر” turut dijelaskan oleh Muhammad Nasir al-Din al-Bānī dan yang menyatakan Nabi Muhammad s.a.w dijadikan daripada cahaya atau Nur adalah batil dan palsu⁵¹⁸. Beliau berhujah bersandarkan kepada sebuah Hadith lain yang menunjukkan hanya para malaikat sahaja yang dijadikan daripada Nur, manakala Nabi Adam a.s dan nasabnya bukan dijadikan seperti itu⁵¹⁹. Ini kerana, beliau perpegang serta berpandukan kepada sebuah Hadith yang menjelaskan perkara ini sepertimana telah diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam Sahihnya. Hadith tersebut dapat dilihat seperti di bawah⁵²⁰:

حدثنا محمد بن رافع وعبد بن حميد قال عبد أخبرنا و قال ابن رافع حدثنا عبد الرزاق
أخبرنا معمر عن الزهري عن عروة عن عائشة قالت قال رسول الله صلى الله عليه وسلم
خلقت الملائكة من نور وخلق الجن من نار وخلق آدم مما وصف لكم .

Terjemahan : Diriwayatkan kepada kami oleh Muhammad b. Rafi` dan `Abd b. Humaydi, berkata `Abd kami telah diberitahu, dan berkata Ibn Rafi`, diriwayatkan kepada kami oleh `Abd al-Razzaq, telah diberitahu kepada kami oleh Ma`mar daripada al-Zuhri, daripada `Urwah, daripada `A`isyah telah berkata, Baginda s.a.w telah bersabda : Dijadikan malaikat daripada Nur dan

⁵¹⁶ Abu `Abd Allah Muṣṭafa b. al-`Adawi (t.t). *Op.cit.*, h. 193.

⁵¹⁷ *Ibid.*, h. 192.

⁵¹⁸ Al-Bānī, Muhammad Nasir al-Din (1995), *Sisilah al-Āḥādīth al-Sahīhah Wa Sai` Min Fiqhihā Wa Fawa'idihā*, j.1, bah. 2, Riyādh : Maktabah al-Ma`ārif. h. 820.

⁵¹⁹ *Ibid.*,

⁵²⁰ Abī al-Husayn Muslim b. al-Hajjaj al-Qushayrī al-Naysaburī (t.t), *Saḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Zuhd Wa al-Raqā'iq*, *Bab fī Ahādīth Mutafarriqah*, j.8. T.t.p : al-Tab'ah Musahihah Wa Muqabalah 'Ala 'Idati Makhtutat Wa Naskh Mu'tamidah. h. 226.

dijadikan jin daripada api, dijadikan „Adam daripada apa yang telah disifatkan kepada kamu.

Berdasarkan kepada perbincangan yang dikemukakan terdapat dua aliran yang berbeza pandangan ketika membincangkan mengenai Nur Muhammad terutamanya pada aspek pendalilan sebagai sandaran. Terdapat sebahagian ulama menerima Hadith-Hadith yang dikemukakan secara terbuka dan terus membincangkan berkenaan Nur Muhammad adalah makhluk terawal dijadikan dengan tidak membuat kritikan terhadap kedudukan Hadith tersebut. Manakala sebahagian ulama lain pula terus membincangkan mengenai kedudukan hujah seperti Hadith yang digunakan para ulama menerima dan membuat kritikan seterusnya menafikan kesahihan Hadith tersebut. Keadaan ini menyebabkan mereka menolak kewujudan doktrin ini daripada dibincangkan dalam tasawuf kerana tidak bersandarkan kepada dalil-dalil yang sah serta boleh membawa pendustaan kepada agama. Justeru, kedua-dua kelompok ulama yang membincangkan hujah ini mempunyai pandangan yang tersendiri yang wajar dihormati oleh pengkaji tanpa mengkritik hujah mereka sebagaimana yang telah dibincangkan.

4.4 DOKTRIN NUR MUHAMMAD DAN MARTABAT TUJUH DALAM WACANA TASAWUF

Dalam kajian ini, pengkaji akan cuba melihat secara umum doktrin Martabat Tujuh dan Nur Muhammad yang telah lama tersebar di rantau Nusantara. Kedua-dua doktrin ini berdasarkan penelitian pengkaji mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Pengkaji turut mendapati terdapat aspek doktrin Nur Muhammad dibincangkan dalam doktrin Martabat Tujuh khususnya pada Martabat kedua iaitu Martabat *Wahdah* dan Martabat keempat iaitu

Martabat `Alam Arwah. Oleh yang demikian, penjelasan mengenai kedua-dua aspek tersebut adalah seperti di bawah.

a. Nur Muhammad dalam Wacana Tasawuf

Berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini, pengkaji mendapati bahawa Nur Muhammad adalah merujuk kepada gabungan definisi daripada perkataan Nur dan Muhammad. Maka, Nur Muhammad adalah merujuk kepada salah satu cahaya yang dinisbahkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Dalam konteks kefahaman ilmu tasawuf, Nur Muhammad adalah satu doktrin yang membincangkan mengenai penciptaan makhluk terawal⁵²¹. Doktrin ini menerangkan Nur Muhammad adalah makhluk terawal yang diciptakan oleh Allah S.W.T mendahului segala ciptaan-Nya termasuk penciptaan Nabi Ādam a.s. dan seluruh alam semesta dan juga kejadian Nabi Ādam a.s. turut dikatakan berasal daripada Nur Muhammad⁵²².

Amstrong menjelaskan, Allah meletakkan kekuasaan-Nya dengan menjadikan Nur Muhammad dengan perintah “Jadilah ! Muhammad”. Nur Muhammad merupakan punca kepada alam ini diciptakan dan ia akan membolehkan seseorang (*salik*) menuju mencapai Hakikat Muhammad (*al-Haqiqah al-Muhammadiyyah*). Perbezaan antara Nur Muhammad dan Hakikat Muhammad adalah pada kedudukan di tahap (*tanazzul*) makhluk, yang menonjolkan kekuasaan Allah melalui manifestasi kejadian alam semesta⁵²³. H.A.R Gibb dan J.H Kramers menjelaskan Nur Muhammad adalah suatu istilah yang digunakan merujuk kepada pra-kewujudan ruh Nabi Muhammad yang dijadikan seawal-awal kejadian

⁵²¹ Maruan b. Mohd Yusoff (2003), *Op.cit.*, h. 61.

⁵²² *Ibid.*, h. 61.

⁵²³ Armstrong, Amatullah (1995), *Ibid.*, h. 179.

yang bercahaya mendahului semua makhluk lain, malah setiap kejadian makhluk adalah berasal daripada Nur Muhammad⁵²⁴.

Terdapat juga perkataan lain yang digunakan dalam *al-Mu'jam al-Sufi* yang merujuk kepada Nur Muhammad seperti *al-Muḥammadiyyah*, *al-Nur al-Muḥammadi*, dan *Haqiqah Muḥammad* s.a.w⁵²⁵. *Al-Haqiqah al-Muḥammadiyyah* merupakan asal dan permulaan kepada kejadian alam. Malah, cahaya itu dijadikan oleh Allah S.W.T sebelum sesuatu dan daripadanya dijadikan makhluk yang lain. Ia merupakan matlamat akhir kepada kesempurnaan insan bagi mencapai kedudukan *Insan Kamil*. Pada masa yang sama, *Haqiqat Muḥammad* merujuk kepada sumber atau punca kepada para nabi, para wali, dan para sufi mendapatkan rahsia-rahsia ilmu yang tersembunyi seperti ilmu ketuhanan dan kebatinan⁵²⁶. Selain itu, *Haqiqat Muḥammad* juga merupakan ketua para nabi dan para wali dalam keruhanian yang dikenali dengan perkataan lain iaitu *Qutub*⁵²⁷. Ini kerana Haqiqat Muhammad adalah ‘*Aql Awal* dan Ilmu Ketuhanan terzahir sepenuhnya dalam kalangan manusia yang disebut sebagai *Insan Kamil*⁵²⁸. Semua makhluk tidak akan wujud melainkan setelah wujudnya Nur Muhammad terlebih dahulu. Segala ma'rifat yang diperolehi para wali dan petunjuk serta hidayah yang diambil para nabi adalah daripada Nur Muhammad, malah disebabkan Nur tersebut juga maka alam ini dijadikan⁵²⁹.

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa Nur Muhammad bukan satu istilah yang tunggal digunakan dalam perbahasan ilmu tasawuf, tetapi juga turut dikenali dengan

⁵²⁴ Gibb, H.A.R, Kramers, J.H (1974), *Shorter Encyclopaedia of Islam, Edited on Behalf of The Royal Netherlands Academy*. Leiden : E.J Brill. h. 452.

⁵²⁵ Al-Ḥākim, Ṣu'ad (1981), *Al-Mu'jam al-Sufi al-Ḥikmah fi Hudud al-Kalimat*. Lubnan : Beirut. Dar Nadrah. h. 347.

⁵²⁶ *Ibid.*, h. 348.

⁵²⁷ Abdul Majid Khatib (1987), *Risalah Sufisma Ibnu'l 'Arabi*. Selangor : Batu Caves. Thinker Library Sdn. Bhd. h. 29.

⁵²⁸ *Ibid.*, h. 29 ; K.H Muhammad Sholikhin (2009) *17 Jalan menggapai makhkota sufi Syaikh 'Abdul Qadir al-Jailani Intisari kitab karya al-Jailani : al-Fath al-rabbaniy, Sirr al-Asrar, al-Futuh al-Ghayb, dan al-Ghuniyah li al-Thalibi Thariq al-Haqq*. Yogyakarta : Penerbit Mutiara Media. h. 105.

⁵²⁹ Samih, 'Āṭif al-Zin (1985), *al-Sūfiyyah fi Nazari al-Islāmi*. Beirut : Dar al-Kutub al-Lubnani. h. 324.

pelbagai istilah dan perkataan lain seperti *al-Haqiqat al-Muhammadiyyah*, *Haqiqah al-Haqiqiq*, *Rūh Muhammad*, *al-'Aql al-,Awwal*, *al-Insān al-Kāmil*, *al-Rūh al-'azam*, dan lain-lain. Berdasarkan huraian yang telah dibincangkan, Nur Muhammad juga merujuk kepada kejadian makhluk pertama dan terawal yang dijadikan oleh Allah S.W.T, malah semua makhluk adalah berasal daripadanya. Di samping itu, daripada Nur itu para wali memperolehi *ma'rifat*.

b. Martabat Tujuh dalam Wacana Tasawuf

Sebelum berbincang dengan lebih lanjut, Martabat tujuh merupakan salah satu konsep yang membahaskan mengenai peringkat-peringkat kewujudan yang terdapat dalam ilmu tasawuf⁵³⁰. Abdul Fatah Haron menyebut pendekatan Tasawuf Falsafi digunakan apabila membincangkan doktrin Nur Muhammad dalam Martabat Tujuh⁵³¹. Penerangan yang memudahkan kefahaman akal untuk menjelaskan hakikat wujud yang satu menerusi tujuh lapisan iaitu *Aḥadiyyah*, *Wahdah*, *Waḥidiyyah*, *'Ālam Arwah*, *'Ālam Mithal*, *'Ālam Ajsam*, dan *'Ālam Insan* merujuk kepada Martabat Tujuh⁵³².

Selain itu, Martabat tujuh merupakan salah satu doktrin dan kefahaman tentang asal usul kejadian alam semesta yang diolah melalui pendekatan kaedah tasawuf *Wahdah Wujud*⁵³³. Syeikh Faḍ Allah al-Burhanpuri (1020 H/ 1620 M) adalah pencetus Martabat Tujuh yang mengembangkan konsep sufi Ibn 'Arabi dan al-Jīlī⁵³⁴. Syeikh Faḍ Allah yang merupakan guru kepada Syeikh Syamsudin al-Sumatra'i yang mengarang karya berjudul

⁵³⁰ Ali M. Abdillah (2001), *Tasawuf Kontemporer Nusantara Integrasi Tasawuf Ibn 'Arabi dan al-Ghazali, Ajaran Syekh Hizboel Wahid* Anthony Mursyid Tarekat Khalwatiyah Akmaliyah. Jakarta : PT. Ina Publikatama. h. 101.

⁵³¹ Abdul Fatah Haron (1998), *Martabat Tujuh*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. h. 1.

⁵³² Abdul Fatah Haron Ibrahim (2003), *Wahdat al-Wujud dan Penyerapan dengan cara Bathiniyah, dlm Kebatinan Dalamajaran Kebatinan*. Kuala Lumpur : Kolej Universiti Islam Malaysia. h. 17.

⁵³³ Abdul Fatah Haron (1998), *Op.cit.*, h. 1.

⁵³⁴ Ali M. Abdillah (2001), *Op.cit.*, h. 101.

Tuhfah al-Mursalah Ila Ruhin Nabi Sallahu Alaihi Wasalam. Syeikh Faq Allah menyampaikan ajaran Martabat Empat sebelum dikembangkan menjadi Martabat Tujuh kepada Syamsuddin as-Sumatra'I, manakala Hamzah Fansuri pula mengajar Martabat Lima⁵³⁵. Syeikh Samsudin menerima ajaran Martabat Tujuh dengan mendapat pengaruh dari India yang berasal daripada Syeikh Faq Allah Burhanfuri, manakala perngaruh daripada Arab dan Persia melalui Hamzah Fansuri⁵³⁶.

Pengkaji mendapati Martabat Empat, Martabat Lima, dan Martabat Tujuh, doktrin Nur Muhammad dibincangkan dengan khususnya pada Martabat Kedua (*Wahdah*) iaitu di kedudukan *Ta'ayyun ,Awwal* (Kenyataan Pertama) dan Martabat Keempat (*Alam Arwah*) iaitu *Ta'ayyun Thalis* atau *A yan Kharajiyah* (Kenyataan yang ada di luar atau kenyataan yang ada di alam semesta). Walau bagaimanapun, dalam kajian ini pengkaji akan membincangkan mengenai Martabat Tujuh kerana martabat ini menyeluruh yang turut merangkumi Martabat Empat dan Martabat Lima. Pengkaji cuba menerangkan doktrin Martabat Tujuh di bawah menurut pandangan Syeikh Muhammad Faq Allah al-Burhanpuri, Syeikh Muhammad Nafis Ibn Idris al-Banjari dan Syeikh 'Abd Samad al-Palembani sebagaimana telah dihuraikan dalam karya mereka iaitu *Tuhfah al-Mursalah Ila Ruh al-Nabi, al-Durr al-Nafis fi Bayan wahidah al-Afal wa al-Asma` wa al-Sifat wa al-Dhat al-Taqdis* dan *Siyar al-Salikin fi Tariq al-Sadat al-Sufiyyah*.

Martabat pertama dikenali dengan nama *Ahadiyyah*⁵³⁷. Martabat ini iaitu merujuk kepada martabat *Lā ta'ayyun* (مرتبة الالاعين) iaitu tidak nyata, martabat *al-Itlāq* (الطلاق), dan martabat *al-Dhat al-Bukht* (الذات البخت). Martabat ini merupakan martabat pertama daripada

⁵³⁵ Sangidu (2008), *Wahdatul Wujud Polemik Pemikiran antara Hamzah Fansuri dan Syamsudin as-Sumatrani dengan Nuruddin al-Raniri*. Yogyakarta : Gama Media. h. 55.

⁵³⁶ *Ibid.*, h. 54.

⁵³⁷ Muhammad Faq Allah al-Burhanpuri, *al-Tuhfah al-Mursalah Ila Ruh al-Nabi*, dalam A.H . Johns (1965), *The Gift Addressed to The Spirit of The Prophet*. Canberra : The Australian National University. h. 130.

segala martabat tanazzul. Syeikh Faq Allah al-Burhanpuri menjelaskan lagi, wujud pada peringkat ini adalah suci daripada sandaran segala sifat, wujud semata-mata tanpa nama, dan sandaran dengan sesuatu⁵³⁸. Syeikh `Abd Samad dalam huraiannya menjelaskan lagi martabat ini turut dinamakan martabat *Zuhuri* (مرتبة الظهور) iaitu martabat semata-mata wujud Zat Allah, belum zahir kenyataan Zat-Nya kepada yang lain daripada-Nya. Wujud Zat Allah Ta`ala pada martabat ini juga dinamakan *Ghaib al-Muṭlaq* (غيب المطلق) daripada akal dan pancaindera⁵³⁹. Martabat *Ahadiyyah* diumpamakan seperti kertas kosong atau lapang tiada “*qaiyid*”. Mithal yang digunakan oleh para ulama bagi menggambarkan kosong tersebut seperti O yang juga dinamakan martabat *al-Iflaq* menurut Syeikh Daud⁵⁴⁰. Syeikh Daud menjelaskan martabat *Iflaq* adalah bebas daripada sesuatu dan *Ta`ayyun* dengan sebab tidak ada sesuatu pun yang nyata. Martabat ini, juga diumpamakan “*zihin*” kita yang bebas dan sunyi daripada menta`aqulkan sesuatu iaitu merujuk kepada *La`tayyun*⁵⁴¹. Martabat *Ahadiyyah* merupakan martabat yang tertinggi dan tiada martabat yang lebih tinggi daripada martabat ini kerana semua martabat yang lain berada di bawah martabat ini⁵⁴².

Martabat kedua dikenali dengan nama *Waḥdah* atau martabat *al-Ta`ayyun al-„Awwal* (التعين الاول). Martabat *Waḥdah* merupakan ibarat daripada Ilmu Allah Ta`ala ke atas Zat-Nya, Sifat-Nya, dan segala makhluk yang ada (*Majudat*) secara *Ijmal* tanpa dibezakan antara satu sama lain. Syeikh Faq Allah al-Burhanpuri menjelaskan, martabat

⁵³⁸ Al-Syeikh Muhammad Nafis Ibn Idris al-Banjari (t.t), *Op.cit.*, h. 21.

⁵³⁹ Al-Palembani, Syeikh `Abd Ṣamad (t.t), *Siyar al-Salikin fi Tariq al-Sadat al-Ṣufiyah*. j.4. (t.t.p): Percetakan al-Ma`rif Sdn. Bhd. h. 104-105.

⁵⁴⁰ Wan Mohd Saghir Abdullah (1992), *Manhalush Shafi Syeikh Daud Al-Fathani, Membicarakan Rumus-Rumus Shufi Dan Istilah-Istilah Tasawuf*. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah Dengan Kerjasama Imatera Publishers Sdn. Bhd. h. 24.

⁵⁴¹ *Ibid.*, h.25.

⁵⁴² Muhammad Faq Allah al-Burhanpuri, *Op.cit.*, h. 130; Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *Op.cit.*, h. 12.

kedua ini juga dikenali nama Hakikat Muhammad⁵⁴³. Syeikh Muhammad Nafis menjelaskan pada martabat inilah zahir segala sifat dan *asma`* dengan ijmal yang berhimpun pada Hakikat Nabi Muhammad s.a.w. Hakikat Muhammad ini merupakan hakikat segala makhluk yang wujud dan ia merupakan hakikat Alam (حقيقة العالم / هوية العالم) serta asal setiap sesuatu yang dijadikan daripada Nur Nabi Muhammad⁵⁴⁴. Martabat *Wahdah* dimithalkan oleh Syeikh Daud seperti nuqtah atau titik di dalam satu kawasan yang diumpamakan seperti rupa berikut (). Menurutnya, nuqtah tersebut merupakan asal huruf dan mengandungi segala huruf yang hendak ditulis atau disuratkan. Kesemua asal dan kandungan huruf tersebut berhimpun didalam titik tersebut secara ijmal, tetapi tidak ada kenyataan huruf tersebut. Beliau juga menyebut bahawa apabila berlakunya menta`aqul sesuatu maka itulah dinamakan *Ta`ayyun , , Awwal*⁵⁴⁵.

Martabat ketiga dikenali dengan martabat *Wahidiyyah*, atau martabat iaitu *al-Ta`ayyun al-Thani* (التعين الثاني). Martabat ketiga ini juga dikenali dengan Hakikat Insan (الحقيقة الإنسانية). Martabat *Wahidiyyah* merupakan ibarat daripada Ilmu Allah Ta`ala ke atas Zat-Nya, sifat-Nya, dan segala makhluk yang ada secara terperinci (التفصيل) segala dan dibezakan antara satu sama lain⁵⁴⁶. Syeikh Muhammad Nafis menerangkan telah berlaku khitab daripada Allah Ta`ala dengan firman-Nya: (إِنَّمَا أَنَا لَهُ بَرْهَانٌ) bermaksud “Bahwasanya Aku Allah”⁵⁴⁷. Shaykh Faq Allah al-Burhanpuri menjelaskan lagi ketiga-tiga martabat di atas

⁵⁴³ *Ibid.*

⁵⁴⁴ Al-Syeikh Muhammad Nafis Ibn Idris al-Banjari (t.t), *Op.cit.*, h. 21 & 22.

⁵⁴⁵ Wan Mohd Saghir Abdullah (1992), *Op. cit.*, h. 24 & 25.

⁵⁴⁶ Muhammad Faq Allah al-Burhanpuri, *Op.cit.*, h. 131.

⁵⁴⁷ Al-Syeikh Muhammad Nafis Ibn Idris al-Banjari (t.t), *Op.cit.*, h. 22.

adalah Qadim⁵⁴⁸. Ini kerana pada martabat ketiga ini tidak ada yang ada melainkan Zat Allah S.W.T dan Sifat-Nya. Segala makhluk pada ketika itu hanya ada dalam ilmu Allah S.W.T yang belum terzahir dalam alam nyata. Martabat *Waḥidiyyah* turut dimithalkan oleh Syeikh Daud seperti huruf alif (ا) atau huruf-huruf lain merupakan kesempurnaan daripada nuqtah yang ijmal pada martabat wahdah kepada wujud secara *tafsīlī* di martabat *Wahidiyyah*. Disebabkan kesempurnaan yang *tafsīlī* tersebut dan berlaku *ta`aqqul* kali kedua selepas berlakunya *ta`aqqul* pada martabat *Wahdah* sebelum ini, maka martabat ini dinamakan juga dengan *ta`ayyun thanī*⁵⁴⁹. Pada martabat *Wahdah* dan *Waḥidiyyah* tersebut, kedua-dua martabat ini merupakan ibarat daripada maklum ilmu Allah S.W.T Yang Qadim, dan atas dasar inilah martabat tersebut dinamakan juga sebagai *A`yan Thabitah*⁵⁵⁰.

Martabat keempat dikenali dengan martabat `Ālam Arwah, iaitu (*Ashya` al-Kawniyyah al-Mujarrad*) ibarat kepada segala sesuatu yang dijadikan oleh Allah Ta`ala yang belum bersusun dan berbeza antara satu sama lain⁵⁵¹. Martabat ini juga dinamakan dengan Nur Muhammad s.a.w iaitu ibarat daripada suatu keadaan yang sangat halus dan belum bersusun dan berbeza antara satu dengan yang lain⁵⁵². Nur Muhammad ini merupakan asal ruh segala makhluk sama ada manusia atau makhluk lain. Martabat ini merupakan martabat pertama wujud segala alam pada *kharij* atau *zahir* atau *wujud tanjizi* atau dinamakan juga *A`yan Kharijiyyah*. Wujud alam pada *kharij* ini terdiri daripada empat

⁵⁴⁸ Muhammad Faq Allah al-Burhanpuri, *al-Tuhfah al-Mursalah Ila Ruh al-Nabi*, *Op.cit.*, h. 131. Al-Syeikh Muhammad Nafis Ibn Idris al-Banjari (t.t), *Op.cit.*, h22; Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *Op.cit.*, j.2, h. 12.

⁵⁴⁹ Wan Mohd Sahir Abdullah (1992), *Op.cit.*, h. 24 & 25.

⁵⁵⁰ *Ibid.*, h. 24. `Ayan Thabitah bermaksud telah tetap taqdir seluruh alam dalam Ilmu Allah S.W.T dengan perincian serta wujud perbezaan yang dapat dibezakan antara satu sama lain, tetapi belum zahir wujud tersebut dalam *Kharij*. `Ayan Thabitah tersebut juga tidak dapat dapat dicium bau wujud pada *kharij* dan yang terzahir daripada *kharij* tersebut hanyalah hukum dan bekas sahaja. Rujuk juga dalam Al-Palembangi, Syeikh `Abd Samad (t.t), *Op.cit.*, h. 105.

⁵⁵¹ Muhammad Faq Allah al-Burhanpuri, *Op.cit.*, h. 131.

⁵⁵² Al-Palembangi, Syeikh `Abd Samad (t.t), *Op.cit.*, h. 104.

martabat iaitu `Ālam Arwah, `Ālam Mithal, `Ālam Ajsam, dan `Ālam Insān⁵⁵³. Wan Mohd Saghir menyatakan terdapat salah faham berlaku dalam memahami martabat ini kerana memahami bermula Muhammad itu daripada Nur Allah. Hal ini jelas menyimpang dari kefahaman sebenar. Yang pertama dijadikan oleh Allah Ta`ala adalah “Nūr Nabi” Muhammad s.a.w daripada Nur-Nya. Beliau menyatakan dijadikan “Nur Muhammad” itu dengan Tuhannya. Bukannya Nur Muhammad itu adalah setengah daripada “Nūr Allah” kerana salah satu daripada *Asma’ Allah* itu ialah *Nūr*. Nabi Muhammad adalah kenyataan yang sempurna bagi Asma’ Allah dan Sifat-Nya, maka ialah yang memerintah pada `Ālam Kabir dan `Ālam Saghir⁵⁵⁴.

Martabat kelima dikenali dengan martabat `Ālam Mithal. Martabat ini adalah ibarat kepada sesuatu kejadian yang atau benda yang bersifat halus, tidak bersusun, dan tidak boleh dipecahkan, dibahagikan, dikoyak, dan ditampal⁵⁵⁵. Alam ini diibaratkan daripada segala perkara “*kawniyyah*” yang masuk dibawah kalimah “*kun*”.

Syeikh ‘Abd Samad mengumpamakan `Ālam Mithal ini dengan ruh yang berpisah dalam rupa yang berbagai sedangkan asal ruh itu satu. Menurutnya, para ahli sufi membuat perumpamaan alam ruh itu seperti laut dan `Ālam Mithal seperti ombak di dalam laut. Ombak di dalam laut adalah berbeza dan pelbagai rupa akan tetapi asal dan hakikatnya adalah satu serta tidak berbagai. Hal yang sama juga seperti asal dan hakikat ruh adalah satu dan tidak berbilang-bilang, kecuali rupa sahaja yang berbagai. `Ālam , , *Arwah* ini tidak boleh dicapai, disentuh, dilihat, didengar, dirasa, dan dicium oleh pancaindera yang lima. `Ālam *Arwah* dan `Ālam Mithal ini hanya boleh dicapai dengan *Nūr Iman* yang terdapat didalam hati kerana kedua-dua alam ini juga daripada *Nūr*. Hal ini berbeza dengan `Ālam

⁵⁵³ *Ibid.*,

⁵⁵⁴ Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *Op.cit.*, h. 12.

⁵⁵⁵ Muhammad Faq Allah al-Burhanpuri, *Op.cit.*, h. 131. ; Al-Palembangi, Syeikh ‘Abd Samad (t.t), *Op.cit.*, h. 104.

Ajsam kerana boleh ditanggapi oleh pancaindera. Syeikh `Abd Samad menjelaskan alam ini turut dikenali dengan nama `Ālam Malakut dan `Ālam Ghaib yang membolehkan seseorang mencapai ma`rifat ke tiga martabat terawal yang Qadim dan seterusnya sampai kepada Ma`rifah Allah Ta`ala⁵⁵⁶.

Martabat keenam dikenali dengan martabat `Ālam Ajsam. Martabat ini adalah ibarat kepada sesuatu benda yang boleh dipisahkan dan diceraikan satu dengan yang lain⁵⁵⁷. `Ālam Ajsam ini terdiri daripada empat perkara iaitu api, angin, tanah, dan air. Batu, tumbuh, haiwan, manusia, dan jin terjadi daripada empat perkara tersebut⁵⁵⁸. `Ālam Ajsam turut dikenali dengan nama `Ālam al-Mulk dan `Ālam al-Shahadah kerana boleh sesuatu yang berada di alam ini boleh dicapai oleh pancaindera yang lima⁵⁵⁹. `Ālam Ajsam ini adalah ibarat daripada segala perkara yang *kawniyyah* yang terhasil daripada dengan lafaz “*kun*”.

Martabat ketujuh dikenali dengan martabat *al-Jami`ah* iaitu martabat yang menghimpunkan kesemua martabat yang enam sebelum ini yang terdiri daripada *Ahadiyyah*, *Wahdah*, *Wahidiyyah*, `Ālam Arwah, `Ālam Mithal dan `Ālam Ajsam,. Himpunan kesemua martabat tersebut dinamakan sebagai “*tajalli* yang terakhir” dan juga “martabat *Insan Kamil*”⁵⁶⁰. Apabila telah sempurna *Ma`rifah* seseorang insan di kesemua martabat yang sebelumnya maka ia telah mencapai martabat *Insan Kamil*. Maqam ini merupakan maqam kedudukan para anbiya` dan awliya`. Namun yang paling sempurna

⁵⁵⁶ Al-Palembangi, Syeikh `Abd Samad (t.t), *Ibid.*, h. 106.

⁵⁵⁷ Muhammad Faq Allah al-Burhanpuri, *Op.cit.*, h. 131.


⁵⁵⁸ Al-Palembangi, Syeikh `Abd Samad (t.t), *Op.cit.*, h. 104.

⁵⁵⁹ *Ibid.*, h. 106.

⁵⁶⁰ Muhammad Faq Allah al-Burhanpuri, *Op.cit.*, h. 131.

ma`rifah adalah Nabi Muhammad s.a.w dan kemudiannya diikuti para Nabi, manakala kedudukan para wali adalah berbeza kedudukan martabat mereka dengan para Nabi⁵⁶¹.

Rajah 4.0 : Rumusan kedudukan Nur Muhammad dalam Martabat Tujuh berdasarkan perbincangan menurut Muhammad Faq Allah Burhanpuri, `Abd Samad al-Palembangi dan Muhammad Nafis Ibn Idris al-Banjari.



Sumber : Rajah di atas adalah rumusan pengkaji mengenai kedudukan Nur Muhammad dalam Martabat Tujuh yang berdasarkan kepada karya *Tuhfah al-Mursalah Ila Ruh al-Nabi, al-Dur al-Nafis fi Bayan wahidah al-Afal wa al-Asma` wa al-Sifat wa al-Dhat Dhat al-Taqdis* dan *Siyar al-Salikin fi Tariq al-Sadat al-Sufiyah*.

Rajah di atas menunjukkan rumusan peringkat-peringkat dalam ajaran Martabat Tujuh. Kedudukan Nur Muhammad berada di peringkat martabat *Wahdah* dan *'Alam al-Arwah*. Sebagaimana yang telah dihuraikan di atas Nur Muhammad peringkat *Wahdah*

⁵⁶¹ Al-Palembangi, Syeikh `Abd Samad (t.t), *Op.cit.*, h. 106.

merupakan zahir segala sifat dan *asma`* dengan ijmal yang berhimpun pada Hakikat Nabi Muhammad s.a.w. Ia merupakan hakikat segala makhluk dan hakikat alam kerana setiap kejadian berasal daripada Nur Muhammad. Kedudukan Nur Muhammad juga terdapat di martabat *‘Ālam al-Arwah*. Martabat ini juga dinamakan dengan Nur Muhammad s.a.w kerana diibaratkan daripada suatu keadaan yang sangat halus dan belum bersusun serta berbeza antara satu dengan yang lain. Nur Muhammad berada di kedudukan ini kerana ia merupakan martabat pertama wujud segala alam pada *kharij* atau *‘Ayan Kharijyyah* yang terdiri daripada empat martabat terakhir dalam Martabat Tujuh.

4.5 KESIMPULAN

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada perbincangan yang telah dihuraikan dalam bab ini, pengkaji mendapati doktrin Nur Muhammad merupakan salah satu elemen yang dipelajari dalam ilmu Tasawuf. Nur Muhammad merupakan dua perkataan yang terbina daripada gabungan dua perkataan utama iaitu *Nūr* dan Muhammad. Ajaran ini menekankan keyakinan seawal-awal kewujudan yang dijadikan oleh Allah S.W.T adalah Nur Muhammad dan ia adalah makhluk paling dicintai Allah S.W.T. Malah seluruh kejadian kewujudan lain adalah berpunca serta berasal daripada Nur Muhammad. Terdapat juga hujah lain yang menunjukkan Nur Muhammad sebagai seawal-awal kejadian antaranya berdasarkan kenyataan bahawa Baginda dijadikan paling awal daripada Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Musa, dan Nabi Isa, akan tetapi paling akhir diutuskan. Nur tersebut juga turut tersimpan di belakang Adam a.s. Di samping itu, doktrin Nur Muhammad juga dibincangkan menerusi ajaran Martabat Tujuh khususnya perbincangan di peringkat martabat *Wahdah* dan *‘Ālam Ruh*. Namun, dalam membincangkan doktrin Nur Muhammad terdapat juga pandangan yang bertentangan disebabkan dakwaan ajaran ini tidak

berlandaskan kepada sumber pendalilan yang benar, malah bercanggah dengan al-Qur'an dan al-Hadith. Walau bagaimanapun, dalam hal ini sebagai seorang penyelidik, pengkaji meraikan kedua-dua pandangan tersebut kerana kedua-dua kelompok ulama tersebut mempunyai hujah tersendiri dalam membincangkan isu ini.

BAB LIMA

DOKTRIN NUR MUHAMMAD MENURUT SHAYKH `ABDULLĀH `ĀRIF

5.0 PENDAHULUAN

Perbincangan pada bab kelima akan difokus untuk menganalisis doktrin Nur Muhammad menurut Shaykh `Abdullāh `Ārif dalam karyanya *Baḥr al-Lāhūt*. Analisis pemikiran tersebut tertumpu kepada teks suntingan dan terjemahan *Baḥr al-Lāhūt* yang telah dihasilkan oleh pengkaji pada bab keempat. Unsur-unsur pemikiran doktrin Nur Muhammad daripada teks tersebut akan dikeluarkan agar pemikiran Nur Muhammad menurut Shaykh `Abdullāh `Ārif dapat dilihat dengan lebih jelas. Selain itu,uraian pemikiran beliau juga akan dibincangkan dalam kerangka ajaran Martabat Tujuh. Kemudian, bab ini akan diakhiri dengan kesimpulan.

5.1 KEDUDUKAN DOKTRIN NUR MUHAMMAD DALAM *BAHR AL-LĀHŪT* MENERUSI AJARAN MARTABAT TUJUH

Bagi mengupas pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif tentang doktrin Nur Muhammad seperti yang dinyatakan di atas, pengkaji akan menjadikan teks suntingan dan terjemahan *Baḥr al-Lāhūt* yang telah dihasilkan oleh pengkaji pada bab ketiga sebagai panduan utama. Namun, pengkaji juga akan melihat kesemua salinan teks asal *Baḥr al-Lāhūt* yang terdapat pada lampiran kajian ini sebagai rujukan.

Berdasarkan penelitian yang dijalankan, pengkaji mendapati Shaykh `Abdullāh `Ārif membincangkan doktrin Nur Muhammad menerusi ajaran Martabat Tujuh. Dalam

kitab *Baḥr al-Lāhūt*, beliau hanya menumpukan dua martabat sahaja iaitu Martabat *Aḥadiyyah* dan Martabat *Waḥdah*. Kedua-dua martabat tersebut merupakan dua martabat terawal yang dibahaskan dalam Martabat Tujuh sebagaimana yang telah dibincangkan oleh pengkaji pada bab ketiga sebelum ini.

Pengkaji ingin menjelaskan terlebih dahulu dalam bab ini, istilah Martabat *Aḥadiyyah* dan Martabat *Waḥdah* yang digunakan dalam kajian ini tidak disebut oleh Shyakh Ḥabīb ‘Abdullāh Ḥāfiẓ. Namun, berdasarkan penelitian pengkaji ke atas teks *Baḥr al-Lāhūt*,uraian isi kandungan oleh Shyakh Ḥabīb ‘Abdullāh Ḥāfiẓ dalam *Baḥr al-Lāhūt* mempunyai persamaan dan perkaitan dengan kedua-dua martabat tersebut. Maka, disebabkan persamaan yang wujud tersebut, pengkaji mengambil pendekatan dengan menganalisis hubungan dan perkaitan pemikiran beliau mengenai Nur Muhammad menerusi kedua-dua martabat tersebut.

Pada peringkat pertama, perkara utama yang terdapat dalam *Baḥr al-Lāhūt* ialah beliau menekankan pengajaran yang menyentuh mengenai aspek Tauhid *Dhat* Allah S.W.T. Didapati, aspek Tauhid yang dibincangkan olehnya adalah mengandungi perbahasan Martabat *Aḥadiyyah* kerana menjelaskan bahawa *Dhat* Allah S.W.T adalah tidak nyata dan mensucikan *Dhat*-Nya daripada menyatakan sifat dan *af’al*-Nya iaitu *La’ta’ayyun*.

Manakala pada peringkat kedua pula, perkara yang mempunyai persamaan dengan Martabat *Waḥdah* yang boleh dikeluarkan ialah beliau membincangkan aspek kewujudan dan kejadian ‘Ālam Kabir (Alam Makrokosmo) adalah berasal daripada Nur Muhammad sebagai makhluk terawal dijadikan Allah S.W.T⁵⁶². Begitu juga Martabat *Waḥdah* yang menekankan kewujudan makhluk yang terawal dijadikan oleh Allah S.W.T adalah Nur

⁵⁶² Al-‘Ārif, Shaykh Ḥabīb ‘Abdullāh., *Baḥr al-Lāhūt*. h. 97.

Muhammad sebagai *al-Ta`ayyun al-‘Awwal* bagi menyatakan Ilmu-Nya. Martabat inilah zahir segala sifat dan *asma`* dengan ijmal yang berhimpun pada Hakikat Nabi Muhammad s.a.w sebagaimana difahami oleh Syeikh Muhammad Nafis⁵⁶³. Justeru, huraian berkenaan hubungan pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif mengenai Nur Muhammad dengan Martabat *Ahadiyyah* dan Martabat *Wahdah* dijelaskan dengan lebih lanjut oleh pengkaji yang diteliti seperti di bawah.

5.1.1 Martabat *Ahadiyyah* (*La Ta`ayyun*)

Sebagaimana disebutkan di atas, Shyakh `Abdullāh `Ārif bermula dengan menjelaskan hakikat *Dhat* Allah S.W.T terlebih dahulu. Beliau mengajar hakikat *Dhat* Allah S.W.T sebagai *La ta`ayyun* yang mensucikan *Dhat*-Nya daripada menyatakan sifat dan *af`al*-Nya. Ini dapat dilihat daripada pernyataan seperti berikut⁵⁶⁴:

فقال عبد الله العارف قدس الله تعالى روحه العزيز في بيان الغيب والشهادة

Terjemahan : Maka telah berkata `Abdullāh `Ārif mudah-mudahan mensuci oleh Allah Ta`ala akan ruh [*Dhat*]-Nya Yang Maha Agung pada menyatakan perkara yang ghaib [*Dhat*] dan perkara yang nyata [*Afa`al Allah Ta`ala* atau kenyataan].

Hakikat *Dhat* Allah S.W.T sebagai *La Ta`ayyun* tersebut adalah tidak nyata dan manusia sebagai makhluk tidak mampu menjangkaui hakikat tersebut. Hanya Allah S.W.T sahaja yang mengetahui hakikat-Nya dan perkara tersebut merupakan urusan Allah S.W.T. Saidina Abu Bakr r.a menyebutkan hanya Allah S.W.T sahaja yang mengetahui hakikat-Nya dan manusia tidak mampu sampai mengenali-Nya. Kesedaran akan hakikat kelemahan

⁵⁶³ Al-Syeikh Muhammad Nafis Ibn Idris al-Banjari (t.t), *Op.cit.*, h. 21 & 22.

⁵⁶⁴ *Op.cit.*, 95.

manusia untuk mencapai hakikat Allah S.W.T itu merupakan tanda manusia mengenali-Nya. Ini juga bertepatan sebagaimana riwayat daripada Saidina Abu Bakr r.a yang telah menjelaskan perkara tersebut⁵⁶⁵:

وَسُئِلَ أَبُو بَكْرُ الصَّدِيقُ : مَا عَرَفْتَ رَبِّكَ ؟ قَالَ : (عَرَفْتُ رَبِّي بِرَبِّي وَلَوْ لَا رَبِّي مَا عَرَفْتُ رَبِّي) ، فَقَيْلَ لَهُ : يَأْتَى لِبْشُرٌ أَنْ يَدْرِكَهُ ؟ فَقَالَ (الْعَجْزُ عَنِ الْإِدْرَاكِ إِدْرَاكٌ) .

Terjemahan : Saidina Abu Bakar ditanya : Dengan apa kamu mengenali Tuhan kamu [Allah S.W.T]?. Beliau berkata: [Aku mengenali Tuhanku dengan Tuhanku dan jika tanpa Tuhanku nescaya aku Tidak mengenali Tuhanku], telah ditanya lagi kepadanya : Adakah manusia mampu sampai untuk mengenali-Nya? Lalu berkata Abu Bakar : [Lemah untuk kenal itu adalah kenal].

Seperti yang disebutkan di atas, iaitu karya *Bahr al-Lāhīt* mengandungi perbahasan mengenai martabat *Ahadiyyah*. Maksud martabat *Ahadiyyah* adalah merujuk kepada martabat *La` Ta`ayyun* iaitu tidak nyata, atau dikenali juga dengan martabat *Zuhuri* iaitu semata-mata wujud *Dhat* Allah, atau belum zahir kenyataan *Dhat*-Nya kepada yang lain daripada-Nya, atau dikenali juga dengan *Ghaib al-Muṭlaq* daripada akal dan pancaindera⁵⁶⁶. Maka, berdasarkan maksud yang dikemukakan tersebut, didapati huraiyan Shaykh `Abdullāh Ḥāfiẓ bertepatan dengan huraiyan di atas kerana beliau menjelaskan hanya *Dhat* Allah S.W.T yang wujud ketika makhluk-Nya belum dijadikan atau dizahirkan. Kewujudan yang wujud pada ketika ini hanyalah *Dhat* Allah sahaja. Malah menurut Shaykh `Abdullāh Ḥāfiẓ ketika menjelaskan martabat *Ahadiyyah* ini, beliau berpandangan makhluk tidak mampu untuk menyaksikan *Dhat* Allah S.W.T Yang Maha Qadim dan tidak wujud sekutu bagi-Nya.

⁵⁶⁵ Ahmad Ibn Muhammad al-Maliki al-Shawī (2007), *Kitab Syarah al-Sawi `alā Jawhārah al-Tawhid*. Beirut : Dar Ibn Kahtir. h. 120.

⁵⁶⁶ Sila rujuk pada bab keempat yang membincangkan mengenai Martabat *Ahadiyyah* di halaman 155 & 156.

Penjelasan Shaykh `Abdullāh `Ārif yang menjelaskan martabat *Ahadiyyah* pula dapat diperhatikan berdasarkan kenyataan beliau seperti di bahawa⁵⁶⁷:

كلَّ كَائِنٍ لَمْ يَكُنْ وَكُلَّ شَيْءٍ لَمْ يَشْهُدْ ذَاتَ اللَّهِ تَعَالَى يَعْنِي ذَاتَ اللَّهِ تَعَالَى قَدْسُمْ وَهُوَ لَا
شَرِيكٌ بِذَاتِ اللَّهِ تَعَالَى لَا شَرِيكٌ بِذَاتِ اللَّهِ تَعَالَى يَعْنِي ذَاتَ اللَّهِ تَعَالَى قَدْسُمْ.

Terjemahan: Segala makhluk (*Ka'in*) tidak wujud dan setiap sesuatu tidak zahir melainkan *Dhat* Allah Ta'ala iaitu *Dhat* Allah Ta'ala Yang Qadim. Tiada bersekutu *Dhat* Allah iaitu *Dhāt* Allah Ta'ala Yang Qadim.

Dalam menjelaskan martabat *Ahadiyyah* ini, kefahaman Shaykh `Abdullāh `Ārif didapati mempunyai persamaan pendapat dengan Syeikh `Abd Samad ketika menjelaskan mengenai wujud *Dhat* dan KeAgungan Allah Ta'ala kerana Ia tidak dapat dikira atau dijangka oleh makhluk kerana wujud *Dhat*-Nya adalah *Ghaib al-Muṭlaq*⁵⁶⁸. Shaykh `Abdullāh `Ārif berpandangan setiap kewujudan adalah tidak wujud kerana setiap sesuatu tidak terzahir melainkan hanya *Dhat* Allah iaitu *Dhat* Allah Ta'ala Yang Qadim⁵⁶⁹.

Pada pandangan pengkaji, dalam hal ini Shyakh `Abdullāh `Ārif menggunakan metode pengajaran dan penulisan dengan membuat perbandingan antara kewujudan Allah S.W.T dengan kewujudan makhluk. Kewujudan Allah S.W.T adalah *Wujud Qadim* dan *Wujud Hakiki* yang sangat berbeza dengan kewujudan makhluk. Dalam pandangannya di atas, kewujudan makhluk (*Kā'in*) yang sebenarnya adalah tidak wujud yang sama sekali berbeza dengan kewujudan *Dhat* Allah S.W.T. Berdasarkan penyataan beliau tersebut, pengkaji mendapati setiap sesuatu tidak terzahir melainkan hanya Allah S.W.T dan kewujudan makhluk terjadi disebabkan Iradah dan Qudrat Allah S.W.T. Kewujudan

⁵⁶⁷ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 95 & 96.

⁵⁶⁸ Al-Palembani, Syeikh `Abd Samad (t.t), *Op.cit.*, h.104-105.

⁵⁶⁹ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh, *Op.cit.*, h. 95.

makhluk bergantung kepada Tuhan, dan ini secara jelas menjelaskan kelemahan *maujudat* dalam kewujudannya.

Di samping itu, terdapat pandangan Shaykh `Abdullāh `Ārif didapati mempunyai persamaan dengan padangan Syeikh Muhammad Faḍ Allah al-Burhanpuri ketika menjelaskan mengenai kedudukan martabat *Aḥadiyyah* kerana pada ketika ini kewujud *Dhat* Allah S.W.T yang suci daripada sandaran segala sifat dan sandaran dengan sesuatu⁵⁷⁰. Menurutnya, kewujudan Allah S.W.T adalah suci daripada sebarang sifat seperti tidak bertempat (*jihah*). Kewujudan yang wujud pada ketika itu hanya *Dhat* Allah S.W.T sahaja. Penjelasan Shyakh `Abdullāh `Ārif yang menafikan sifat bertempat (*jihah*) dalam *Baḥr al-Lāhūt* menunjukkan beliau hendak menerangkan mengenai martabat *Aḥadiyyah* yang turut mempunyai persamaan huraian seperti Syeikh Muhammad Faḍ Allah al-Burhanpuri. Kenyataan Shaykh `Abdullāh `Ārif yang menjelaskan mengenai penghuraian martabat *Aḥadiyyah* yang menyatakan pada ketika yang wujud hanya *Dhat* Allah S.W.T dapat diteliti menerusi tulisannya dalam teks *Baḥr al-Lāhūt* seperti di bawah⁵⁷¹:

اعلم أن الله تعالى إذا لم يعشق بلا مكان ولا زمان ولا فوق ولا تحت ولا يمين ولا شمال إذ
نور محمد لم يكن .

Terjemahan: Ketahuilah olehmu [wahai Ahli Hakikat] sungguhnya Allah Ta`ala apabila ketika tiada berkehendak [menyatakan *Dhat* dan Sifat-Nya] tiada Ia bertempat dan tiada Ia bermasa dan tiada Ia di atas dan tiada Ia di bawah dan tiada Ia di kanan dan tiada Ia di kiri kerana Nur Muhammad belum wujud [nyata] ketika itu [hanya Allah sahaja].

Berdasarkan pernyataan Shaykh `Abdullāh `Ārif yang dikemukakan di atas juga, maka pengkaji mendapati beliau menjelaskan ketika di martabat *Aḥadiyyah* ini, Nur Muhammad belum dijadikan oleh Allah S.W.T. Huraian mengenai kewujudan yang wujud

⁵⁷⁰ Muhammad Faḍ Allah al-Burhanpuri, *al-Tuhfah al-Mursalah Ila Ruh al-Nabi*, dalam A.H . Johns (1965), *Op.cit.*,h. 130.

⁵⁷¹ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 96.

ketika makhluk lain belum wujud dalam *Bahr al-Lāhūt* tersebut telah menjelaskan mengenai martabat *Aḥadiyyah* atau martabat *Zuhuri* atau martabat *La Ta`ayyun* iaitu *Kunhi Dhat* yang bermaksud wujud *Dhat* Allah Ta`ala semata-mata dan tiada sesuatupun kewujudan yang lain. Kewujudan tersebut adalah *La ta`ayyun* kerana kewujudan *Dhat* Allah S.W.T adalah semata-mata wujud *Dhat*-Nya iaitu tiada dengan sifat dan *asma* serta pelbagai tanda-tanda lain.

Menurut Shaykh `Abdullāh `Ārif lagi, makhluk tidak mampu untuk memahami, mengetahui, dan menghitung pengakhiran keAgungan Allah kerana Ia-Nya terlalu luas untuk dihitung. Pada pandangan beliau, kewujudan Allah S.W.T adalah wujud Qadim dan KeAgungan Allah S.W.T tidak terhitung. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kenyataan berikut sebagaimana yang tertulis dalam *Bahr al-Lāhūt*⁵⁷²:

ذات الله تعالى قديم وهو ذات ضياء واسع ظاهر صفاء قديمة الوجود عظمة لا حساب على انتهائه

Terjemahan: *Dhat* Allah Ta`ala Yang Qadim dan Ia adalah *Dhat* yang terang bercahaya [Dhiyā], dan luas [Tiada Permulaan dan Tiada Pengakhiran], Yang Suci Hening, Yang Wujud Qadim [*Wujud Hakiki*], Yang Maha Agung dan tiada terhitung pengakhiran keAgungan-Nya.

Berdasarkan pernyataan di atas, pengkaji mendapati Shaykh `Abdullāh `Ārif ingin menjelaskan dalam perbahasan untuk menghitung kewujudan *Dhat* dan keagungan Allah S.W.T, manusia tidak mampu membuat penilaian dan memahami hakikat keagungan tersebut. Ini kerana, manusia juga tidak dibenarkan untuk menggambarkan keadaan Allah S.W.T dengan rupa, keadaan, warna, dan kesemua yang mempunyai kaitan dengan makhluk. Sebagaimana dijelaskan, dilihat bahawa huraian Shaykh `Abdullāh `Ārif turut mempunyai persamaan dengan pandangan Syeikh Muhammad Faḍ Allah al-Burhanpuri

⁵⁷² *Ibid.*,

dan Syeikh Daud al-Faṭāni yang menjelaskan kewujudan Allah S.W.T pada peringkat *La Ta`ayyun* atau *Aḥadiyyah* diumpamakan “*zihin*” kita yang bebas dan sunyi daripada menta`aqulkan sesuatu serta merupakan martabat yang tertinggi, malah tiada martabat yang lebih tinggi daripada martabat ini kerana semua martabat yang lain berada di bawah⁵⁷³. Hal ini juga sangat bertepatan dengan pendapat daripada Abu Qāsim al-Anṣari yang menyebutkan bahawa Baginda Rasulullah s.a.w telah bersabda iaitu⁵⁷⁴:

لَا فَكْرَةُ فِي الرَّبِّ

Terjemahan: Janganlah kamu berfikir pada keadaan (*Dhat*) Tuhan (Allah S.W.T).

Di samping itu, pengkaji juga mendapati Shaykh `Abdullāh `Ārif turut menjelaskan kelebihan memahami kitab *Baḥr al-Lāhūt* kerana karya ini mampu memberi kebahagian (*al-Sa`ādah*) kepada sesiapa yang melihat “yang mampu mencapai dan memahami” kandungannya kerana karya ini membincangkan dan menyatakan KeAgungan Allah S.W.T. Penyataan beliau tersebut dapat diperhati seperti di bawah⁵⁷⁵:

ويكتب كتاباً سمياً بحر الالهوت يعني لاحدود ولا انتهاء لمن كان يراه سعيد لأن فيه بيان
العظمة من عظمة الله تعالى لاحدود ولا انتهاء

Terjemahan: Beliau menulis sebuah kitab yang diberi namanya oleh kami dengan nama *Barḥ al-Lāhūt*, [menurut Shaykh `Abdullāh `Ārif maksud *Lāhūt* itu] ialah tiada terhingga [sempadan permulaan] dan tiada berkesudahan [pengakhiran], kepada sesiapa yang melihat *Baḥr al-Lāhūt* ia adalah orang yang terlebih bahagia kerana padanya [*Baḥr al-Lāhūt*] menyatakan satu keAgungan daripada keAgungan Allah Ta`ala yang tiada sempadan [permulaan] dan tiada kesudahan [pengakhiran].

⁵⁷³ Muhammad Faḍl Allah al-Burhanpuri, *Op.cit.*, h. 130; Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *Op.cit.*, h. 12.

⁵⁷⁴ Al-Harari, Shaykh `Abdullāh (2007), *al-Syarḥ al-Qawīm fi ḥal al-fadh al-Ṣirat al-Mustaqim*. c.7. Lebanon : Syarikah al-Masyari` li al-Tiba`ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi` . h. 83.

⁵⁷⁵ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 95.

Beliau turut menjelaskan bahawa *Dhat* Allah S.W.T tiada kesudahan, tiada di atas, tiada di bawah, tiada bertempat, tiada bermasa, dan tiada berwaktu, maka itulah yang dimaksudkan dengan kalimah *Allahuakbar*. Beliau membuat kesimpulan maksud kepada kalimah *Allahuakbar* adalah kebesaran-Nya yang tiada terhingga dan tiada berkesudahan, malah tidak ada sesuatu yang menyerupai *Dhat*-Nya. Beliau turut mengemukakan dalil daripada ayat *muhkamat* yang menafikan tidak ada sesuatupun yang menyerupai *Dhat* Allah S.W.T dapat dilihat seperti berikut⁵⁷⁶:

وعظمة الله تعالى لا حدود ولا انتها له ولا فوق ولا تحت ولا انتهاء له ولا مكان ولا زمان ولا وقت لا حين. فلهذا يقول الله أكبر يعني لا حدود لكبريائه ولا شيء كمثله. قال الله تعالى : ليس كمثله شيء وهو السميع البصير.

Terjemahan: KeAgungan *Dhat* AllahTa`ala yang tidak di atas dan tidak di bawah dan tidak berpengakhiran dan tidak bertempat dan tidak bermasa dan tidak binasa. Oleh yang demikian, lafaz *Allahu Akbar* menurut kefahaman Shaykh `Abdullāh `Ārif ialah tiada jenis had sempadan kebesaran Allah Ta`ala dan tiada sesuatupun yang menyerupai-Nya. Firman Allah Ta`ala : “Tiada sesuatupun yang menyerupai-Nya (Allah), dan Dialah (Allah) Maha Mendengar dan Maha Melihat”.

Shaykh `Abdullāh `Ārif turut menerangkan bahawa *Dhat* Allah S.W.T ialah *Dhat Muflaq* dan *Dhat al-Haq* iaitu *Dhat* Yang Maha Qadim adalah azali serta tidak bercampur dengan makhluk⁵⁷⁷. Sementara itu, pengkaji juga mendapati terdapat beberapa elemen pengajaran lain selain yang telah dinyata sebelum ini yang mengemukakan pandangan beliau mengenai martabat *Aḥadiyyah*. Secara jelasnya, dapat dilihat apabila beliau menamakan karyanya dengan *Baḥr al-Lāhūt* yang seterusnya mendefinisikan pengertian

⁵⁷⁶ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 99 & 100.

⁵⁷⁷ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 101.

Baḥr al-Lāhūt ialah merujuk kepada tiada permulaan dan pengakhiran⁵⁷⁸. Pengkaji mendapati, berdasarkan kepada *al-Mu'jam al-'Arabi al-Melayuwiyyah al-Kabīr* perkataan (لاموت) adalah berasal daripada perkataan (وَلَمْ) yang bermakna tuhan, namun ditambah pada perkataan tersebut dengan huruf (وَ) dan (لَمْ) sepetimana tambahan pada perkataan (جِرُوت) dan (ملکوت)⁵⁷⁹.

Justeru, kesimpulan yang boleh dibuat menerusi perbincangan yang menjelaskan pemikiran Shaykh 'Abdullāh 'Ārif mengenai Martabat *Aḥadiyyah* di atas, beliau mengemukakan pandangan bahawa hakikat dan *Dhat* Allah S.W.T sebagai *La`ta`ayyun* yang mensucikan *Dhat*-Nya daripada menyatakan sifat dan *af'al*-Nya. Beliau turut menekankan pengajaran bahawa hanya *Dhat* Allah S.W.T saja yang wujud ketika makhluk-Nya belum dijadikan atau dizahirkan. Shyakh 'Abdullāh 'Ārif yang menjelaskan kewujudan Allah S.W.T pada peringkat *La ta`ayyun* atau *Aḥadiyyah* tersebut diumpamakan "zihin" kita yang bebas dan sunyi daripada menta`aqqulkan sesuatu dan merupakan martabat yang tertinggi. Pada peringkat *Aḥadiyyah* ini juga, Shaykh 'Abdullāh 'Ārif menjelaskan Nur Muhammad yang dijadikan daripadanya setiap makhluk adalah belum wujud. Ini kerana dijadikan oleh Allah S.W.T pada ketika ini hanya wujud *Dhat*-Nya Yang Maha Qadim sebagai *Wajib al-Wujud*, *Wujud al-Muṭlaq* atau *Ghaib al-Muṭlaq*.

5.1.2 Martabat *Waḥdah* (*al-Ta`ayyun al-'Awwal*)

Perbincangan mengenai Martabat *Waḥdah* pula merupakan lanjutan daripada Martabat *Aḥadiyyah* yang telah diuraikan seperti di atas. Pada martabat inilah zahir segala sifat dan

⁵⁷⁸ Al-'Ārif, Shaykh 'Abdullāh., *Op.cit.*, h. 95.

⁵⁷⁹ *Kamus Besar Arab-Melayu Diywān, al-Mu'jam al-'Arabi al-Melayuwiyyah al-Kabīr* (2006). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 2129.

asma` dengan ijmal yang berhimpun pada Nur Muhammad atau Hakikat Muhammad s.a.w sebagai makhluk pertama dijadikan sepertimana kefahaman daripada Syeikh Muhammad Nafis⁵⁸⁰. Martabat *Wahdah* merupakan martabat nyata pertama dan terawal iaitu ketika Allah S.W.T ingin menjadikan alam ini, malah turut dikenali juga dengan martabat *al-Ta`ayyun al-‘Awwal* (nyata pertama). Penafsiran yang sama turut dikemukakan oleh Muhammad Faḍ Allah al-Burhanpuri iaitu Martabat *Wahdah* juga diumpamakan Ilmu Allah Ta`ala ke atas *Dhat*-Nya, Sifat-Nya, dan segala makhluk yang ada (*Maujudat*) secara *Ijmal*⁵⁸¹. Kejadian makhluk tersebut bukanlah dengan terperinci kerana berada dalam Ilmu Allah Ta`ala dan perincian tersebut berlaku pada martabat seterusnya iaitu *Wahidiyah* (*Ta`ayyun Thani*).

Pada muqaddimah karya, Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif memulakan penulisannya dengan memuji Allah S.W.T iaitu *Dhat* yang menjadikan Nur Muhammad dengan Qudrat-Nya. Berdasarkan muqaddimah yang dikemukakan tersebut, pengkaji mendapati beliau mempunyai pandangan yang menunjukkan Nur Muhammad adalah makhluk Allah S.W.T yang dijadikan dengan Qudrat-Nya. Pandangan beliau yang menjelaskan berkenaan kejadian Nur Muhammad seperti di bawah⁵⁸²:

الحمد لله الذي خلق نور محمد بقدرته والصلوة والسلام على محمد حبيبه وصفيه وعلى آله

وأصحابه وأمتهم أجمعين

Terjemahan: Segala puji bagi Allah Ta`ala, *Dhat* Yang Mentadbir seluruh alam yang telah menjadikan Nur Muhammad dengan sifat Qudrat-Nya, selawat dan salam ke atas Baginda Muhammad Rasulullah s.a.w yang dipuji keseluruhan sifatnya sebagai kekasih Allah Ta`ala, dan juga ke atas seluruh ahli keluarga Baginda, para sahabat, dan umatnya.

⁵⁸⁰ Muhammad Nafis Ibn Idris al-Banjari (t.t), *Op.cit.*, h. 21 & 22.

⁵⁸¹ Muhammad Faḍ Allah al-Burhanpuri, *Op.cit.*, h. 130.

⁵⁸² Al-‘Ārif, Shaykh ‘Abdullāh., *Op.cit.*, h. 95.

Pada martabat *al-Ta`ayyun al-‘Awwal* ini, Shyakh ‘Abdullāh ‘Ārif menyatakan kesemua kejadian makhluk seperti ‘Aras, Kursi, tujuh lapisan langit dan bumi, dan lain-lain dijadikan daripada Nur Muhammad. Pandangan beliau tersebut bertepatan dengan tafsiran yang dikemukakan oleh Syeikh Muhammad Nafis dan Syeikh Muhammad Faḍ Ḥallāh al-Burhanpuri di atas yang menjelaskan kesemua kejadian makhluk berasal dan berpunca Nur Muhammad. Malah huraian Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif tersebut turut bertepatan dengan ulama lain seperti Shaykh ‘Ali Muhammad Husin al-Habsyi yang menyebutkan makhluk pertama yang muncul di alam semesta ini adalah Nur al-Habib (Nur Muhammad) yang tercinta dan daripadanya dijadikan pula seluruh ciptaan dan kejadian lain sama ada yang baru atau sebelumnya⁵⁸³. Kenyataan Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif yang menunjukkan Nur Muhammad merupakan punca kepada kesemua kejadian makhluk dapat dilihat berdasarkan kenyataannya seperti berikut⁵⁸⁴:

لأن العرش والكرسي والسبع سموات والأرض وكل أهلها جمیعاً يخلقونه الله تعالى من نور
محمد صلى الله عليه وسلم لأن نور محمد خمسين ألف سنة يمشي على عظمة الله تعالى وأن
ذلك لعظمة محمد صلى الله عليه وهو في عظمة الله تعالى . اعلم أن جميع الأشياء جعل الله
تعالى من نور محمد.

Terjemahan: Kerana sesungguhnya ‘Arash dan Kursi dan tujuh lapisan langit dan bumi dan segala yang terkandung di dalam keduanya diciptakan oleh Allah Ta’ala daripada Nur Muhammad s.a.w kerana Nur Muhammad berjalan selama 50,000 tahun lama perjalanan kerana menyatakan keAgungan dan *Dhat* Allah, dan dengan demikian itu [penciptaan sekalian makhluk] adalah disebabkan kebesaran dan keagungan Nabi Muhammad s.a.w yang ia [Nur Muhammad] turut berada dalam keAgungan dan kebesaran Allah Ta’ala. Ketahuilah, sesungguhnya setiap sesuatu [sesuatu yang mawjud pada ‘Ayan Kharijyyah] telah dijadikan oleh Allah Ta’ala daripada Nur Muhammad.

Di samping itu, pengkaji juga mendapati huraian Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif turut selari dengan definisi yang dikemukakan Su`ad al-Hakim dalam *Mu`jam al-Sufi* yang

⁵⁸³ ‘Ali Ibn Muhammad Ibn Husin al-Habsyi (2010), *Op.cit.* h. 15.

⁵⁸⁴ Al-‘Ārif, Shaykh ‘Abdullāh., h. 96.

menjelaskan Nur Muhammad adalah permulaan proses kejadian alam dan Nur dijadikan terdahulu daripada makhluk lain⁵⁸⁵. Dalam huraian Shyakh `Abdullāh `Ārif di atas, dapat difahami bahawa Nur Muhammad merupakan hakikat segala kewujudan dan hakikat alam kerana daripada Nur tersebut dijadikan `Ālam Kabir. Pengajaran beliau ini turut mempunyai kesefahaman dengan Syeikh Muhammad Nafis yang menjelaskan Hakikat Muhammad adalah Hakikat `Alam⁵⁸⁶.

Shaykh `Abdullāh `Ārif ingin menjelaskan kewujudan Nur tersebut telah berada dalam ilmu dan taqdir Allah S.W.T pada martabat *Ta`ayyun `Awwal*. Nur Muhammad telah wujud dan termasuk dalam Ilmu Allah S.W.T secara *ijmal* iaitu wujud *taqdiri*. Wujud *taqdiri* adalah wujud hanya semata-mata *taqdir* yang tetap dalam ilmu-Nya dan setiap sesuatu tersebut belum zahir serta tidak ada dalam wujud *khariji*. Beliau turut menjelaskan bahawa Nur Muhammad telah berjalan selama 50,000 tahun kerana menyatakan keAgungan *Dhat* Allah S.W.T, yang mana Nur Muhammad tersebut turut berada dalam kebesaran-Nya dan disebabkan Nur itu jugalah dijadikan seluruh makhluk. Beliau menjelaskan dalam *Baḥr al-Lāhi* seperti berikut⁵⁸⁷:

نور محمد خمسين ألف سنة يمشي على عظمة الله تعالى وأن ذلك لعظمة محمد صلى الله عليه وهو في عظمة الله تعالى.

Terjemahan: Nur Muhammad berjalan selama 50,000 tahun lama perjalanan kerana menyatakan keAgungan *Dhat* Allah, dan dengan demikian itu [penciptaan sekalian makhluk] adalah disebabkan kebesaran dan keagungan Nabi Muhammad s.a.w yang ia [Nur Muhammad] turut berada dalam keAgungan dan kebesaran Allah Ta`ala.

Pengkaji turut mendapati, pandangan Shaykh `Abdullāh `Ārif tersebut turut menyamai dengan pandangan Shaykh Yusuf Isma`il al-Nabhani dalam karyanya *al-Anwār*

⁵⁸⁵ Lihat bab keempat untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut pendefinisian tersebut di halaman 152.

⁵⁸⁶ Lihat bab keempat untuk mendapatkan kenyataan berikut di halaman 156 & 157.

⁵⁸⁷ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 96.

al-Muhammadiyyah Min al-Mawahib al-Laduniyyah yang menukil sebuah Hadith yang menjelaskan Allah S.W.T telah menetapkan taqdir makhluk 50,000 tahun sebelum menjadikan langit dan bumi. Hadith yang dimaksud dalam karya Shaykh Yusuf dapat dilihat seperti di bawah⁵⁸⁸:

صحيح مسلم عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال إن الله عزوجل كتب مقادير الخلق
قبل أن يخلق السموات والأرض بخمسين ألف سنة و كان عرشه على الماء

Terjemahan: Sahih Muslim, یارipada Nabi s.a.w telah bersabda : Sesungguhnya Baginda s.a.w telah bersabda, Allah S.W.T selesai menetapkan qadar setiap makhluk dan urusan dunia 50, 000 tahun sebelum mencipta langit dan bumi, dan 'Arash-Nya adalah di atas air”.

Disebabkan Nur Muhammad berada dalam keAgungan dan kebesaran Allah S.W.T tersebutlah, maka semua makhluk dijadikan bagi menandakan kasih Allah S.W.T pada Nur tersebut. Shaykh 'Abdullāh 'Ārif sangat menekankan keyakinan bahawa kesemua kewujudan yang *wujud majazi* dan *'Ayan Kharajiyah* tersebut dijadikan daripada Nur Muhammad atau dikenali juga dengan *al-'Ayan al-Thabitah*. Kejadian Nur Muhammad sebagai makhluk terawal juga menyebabkan Allah S.W.T dikenali dan diketahui. Pada pandangan pengkaji, maksud dikenali dan diketahui tersebut adalah meyakini *Dhat* Allah S.W.T yang bersifat *Wujud Mutlak*, mempunyai sifat-sifat Yang Maha Sempurna, Maha Sempurna pada *'Af al-Nya*.

Dalam *Baḥr al-Lāhūt*, Shaykh 'Abdullāh 'Ārif menekankan pengajaran bahawa terdapat dua sifat Nabi Muhammad s.a.w iaitu pada sudut batin dikenali dengan *Ism al-Wilayah*, manakala pada sudut zahir dikenali dengan nama *Ism al-Nubuwwah*. Beliau seterusnya menjelaskan para ahl Suluk menyebut permulaan Tajalli iaitu nyata *Dhat (Jalal)* dan Sifat (*Jamal*) ialah Nur Muhammad yang terhimpun segala ruh makhluk dan para

⁵⁸⁸ Al-Nabhanī, Yusuf Isma'īl (1997), *al-Anwār al-Muhammadiyyah Min al-Mawahib al-Laduniyyah*. Lebanon : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. h. 8.

malaikat⁵⁸⁹. Kenyataan Shaykh `Abdullāh `Ārif tersebut turut bertepatan dengan pandangan Syeikh Muhammad Nafis dalam pendefinisiannya mengenai Martabat *Wahdah* yang menyebut pada martabat ini terzahir segala sifat dan *asma`* dengan ijmal yang berhimpun pada Hakikat Muhammad s.a.w⁵⁹⁰. Kenyataan Shaykh `Abdullāh `Ārif yang juga merupakan ahl Suluk turut menukikan kata-kata ahli Suluk yang menjelaskan *Tajalli* Allah S.W.T yang Ijmal dan terhimpun pada hakikat Muhammad tersebut seperti berikut⁵⁹¹:

فقال أهل السلوك أول تجلي نور محمد هناك مجموع روح المخلوق والملائكة و الأشياء جميعا

Terjemahan: Telah berkata oleh Ahl Suluk permulaan *Tajalli* ialah Nūr Muhammad serta di situlah terhimpun segala ruh makhluk dan malaikat serta semua perkara.

Kesinambungan daripada perbincangan *Tajalli* di atas, Shaykh `Abdullāh `Ārif turut mengajar bahawa Hakikat Muhammad adalah merupakan Hakikat Alam dan Hakikat segala makhluk yang maujud. Ini dapat dilihat apabila beliau menjelaskan berkenaan penciptaan kejadian makhluk di peringkat *Tanazzul*⁵⁹². Beliau menjelaskan, *jawhar* terawal yang dijadikan oleh Allah S.W.T adalah `Ālam Kabir (*Makrokosmos*) iaitu *Ruh Idāfi* yang merupakan kenyataan daripada *Tajalli Dhat* Allah. *Ruh Idāfi* merupakan salah satu daripada tanda kebesaran Allah S.W.T. `Ālam Kabir terkandung di dalam *Rūh Idāfi* yang juga dikenali dengan nama Hakikat Muhammad sebagai Hakikat Alam. `Ālam Kabir adalah merujuk kepada keseluruhan alam yang sejagat dijadikan daripada *Rūh Idāfi*. Pengkaji mendapati Shaykh `Abdullāh `Ārif turut ingin menjelaskan tujuan dijadikan *Rūh Idāfi* sebagai asal kepada kewujudan `Ālam Kabir adalah untuk menyatakan kebesaran Allah

⁵⁸⁹ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 97.

⁵⁹⁰ Lihat bab keempat untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut mengenai Martabat *Wahdah*.

⁵⁹¹ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 97.

⁵⁹² M. Afifi Anshori (1992), *Op.cit.*, h. 144 & 145.

S.W.T. Kenyataan Shaykh `Abdullāh Ḥāfiẓ yang menjelaskan *jawhar* terawal wujud adalah ‘Alam Kabir dapat seperti di bawah⁵⁹³:

اعلم أن الجوهر الأول عالم كبير وهو روح الإضافي من ذات الله تعالى

Terjemahan: Ketahuilah olehmu sesungguhnya *Jawhar* terawal [sesuatu yang termasuk dalam kalimah *Kun*] ialah ‘Alam Kabir iaitu *Rūh Idāfi* [sandaran] itu daripada kenyataan *Dhat Allah*.

Penjelasan beliau yang menjelaskan kandungan ‘Alam Kabir adalah daripada *Ruh Idāfi* dapat dilihat dalam *Baḥr al-Lāhīt* sebagaimana dinukilkhan di bawah⁵⁹⁴:

وكل شيء من العرش والكرسي واللوح والقلم والسموات والأرض والجنة والنار وأهلها
وكل أنواع نور من الغائب الشمس والقمر والنجوم والسماء وأهلها من الملائكة جميعاً
والأرض بأهلهما من الإنسان والحيوان والجان والشيطان والأشياء جميعاً خلق الله تعالى من
روح إضافي وهو من عظمة الله تعالى.

Terjemahan: Setiap sesuatu daripada ‘Arash dan Kursi dan Luh Mahfuz dan qalam dan langit dan bumi dan syurga dan neraka dan kesemua yang terkandung di dalamnya kesemuanya dan setiap jenis cahaya daripada perkara yang ghaib-ghaib seperti matahari dan bulan dan bintang dan langit dan penghuninya terdiri daripada malaikat kesemuanya dan juga bumi serta penghuninya daripada manusia dan haiwan dan jin dan syaitan. Kesemuanya perkara itu dijadikan oleh Allah Ta’ala daripada *Rūh Idāfi* dan adalah ia *Rūh Idāfi* itu daripada menyatakan keAgungan Allah Ta’ala.

Walau bagaimanapun, pengkaji ingin menjelaskan *jawhar* yang terbentuk merujuk kepada sesuatu perkara yang mempunyai hakikat dan termasuk di bawah kalam Ilahi iaitu *Kun*. Kalam Allah merupakan *kalam nafsi* iaitu kalam untuk mengawal sesuatu penciptaan

⁵⁹³ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 97.

⁵⁹⁴ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 97.

yang termasuk daripada sifat-sifat Allah S.W.T⁵⁹⁵. Kalam tersebut bukanlah sesuatu yang diucapkan dengan lisan dan suara, kerana kalam seperti ini adalah makhluk⁵⁹⁶.

Di samping itu, Shaykh `Abdullāh `Ārif mengukuhkan pandangannya bahawa *Ruh Idāfi* termasuk dalam kebesaran dan keagungan Allah S.W.T. Terdapat Hadith yang dinukilkhan oleh Zayn al-`Ābidin Ibn Muhammad al-Fathani dan Nur al-Din Ibn Ali al-Raniri yang menyamai dengan Hadith yang digunakan oleh Shaykh `Abdullāh `Ārif yang menjelaskan setiap kejadian yang dijadikan adalah disebabkan Nabi Muhammad s.a.w⁵⁹⁷. Hadith yang dinukilkhan oleh Shaykh `Abdullāh `Ārif adalah berpandukan kepada dalil seperti yang dinukilkhan di bawah⁵⁹⁸:

قال الله تعالى خلقت الأشياء لأجلك وخلقك لأجله .

Terjemahan: Allah Ta`ala telah berfirman : "Aku jadikan sesuatu kerana engkau wahai Muhammad [mengenal engkau], diciptakan engkau oleh Aku [Allah Ta`ala] kerana Aku [Allah Ta`ala].

Selain *Ruh Idāfi* yang menghimpunkan keseluruhan maujudat sebagai tanda kebesaran Allah S.W.T. Pengkaji mendapati Shaykh `Abdullāh `Ārif menghuraikan doktrin Nur Muhammad menerusi konsep Tajalli *Dhat* Allah S.W.T berdasarkan kepada teori penciptaan kejadian makhluk bermula daripada "tiada" kepada "ada". *Ruh Idāfi* bersifat baharu dan ia wujud daripada tiada kepada ada dengan *Iradah* dan *Qudrah* Allah S.W.T. Penjelasan beliau yang menyebutkan *Ruh Idāfi* tersebut baharu kerana wujudnya daripada "tiada" kepada "ada", mempunyai persamaan dengan padangan yang dikemukakan oleh Syeikh `Alī Ibn `Abd al-Rahman al-Kelantani dalam karyanya berjudul *al-Jawhar*

⁵⁹⁵ M. Afifi Anshori (1996), *op.cit.*, h. 142.

⁵⁹⁶ *Ibid.*,

⁵⁹⁷ Zayn al-`Ābidin Ibn Muhammad al-Faṭāni (t.t), *Op.cit.*, h. 6 ; Nur al-Din Ibn Ali al-Ranīrī (2004), *Op.cit.*, h. 3.

⁵⁹⁸ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 97.

al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb yang menyebutkan segala sesuatu yang dijadikan daripada Nur Muhammad seperti ‘Arash hingga petala bumi kesemuanya binasa⁵⁹⁹. Pandangan Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif yang menjelaskan *Ruh Idāfi* tersebut baharu Ini dapat dilihat sepetimana kenyataannya seperti di bawah⁶⁰⁰:

قال أهل الله العشق كمثل المرأة الصافية الصافية فمعلومات الله تعالى أعيان في المرأة و اسم المخلوق وهي روح الإضافي، لأنه من العدم إلى الوجود. و المرأة قديم وكل صورة مبينا في المرأة هي محدثة ، ليس سواه بذات الله اقسم لأن ذات الله بقي بصفاته . فمعلوم الله الذي ظهر في المرأة وهو اسم المعشوق وهو حقيقة الإضافي .

Terjemahan : Telah berkata *Ahl Allah*, cinta [rindu berahi atau *Iradah*] itu adalah seperti cermin yang bersih, maka sesuatu yang wujud [‘Ayan] dalam ilmu Allah Ta’ala yang nyata pada cermin adalah nama makhluk [*Ism makhluk*] iaitu dikenali sebagai *Ruh Idāfi*. Ini kerana *Ruh Idāfi* wujud daripada tiada [‘Adam] kepada ada [wujud]. Cermin [Ibarat *Dhat Allah*] itu *Qadim* dan kesemua bayang-bayang yang nyata [*Ruh Idāfi*] pada cermin itu adalah baharu. Tidak ada sesuatupun yang menyerupai *Dhat Allah* Yang Maha Qadim kerana sesungguhnya *Dhat Allah* Ta’ala itu kekal dengan Sifat-Nya. Telah maklum sesuatu yang wujud dalam ilmu Allah Ta’ala yang zahir pada cermin adalah nama yang dirindui [*Ism ma’syuq*] dan ia adalah *Hakikat Idāfi*.

Dalam penerangan di atas, beliau memberikan perumpamaan sesuatu (*Ayan*) yang berada dalam ilmu Allah S.W.T dan nyata pada cermin dinamakan *Ism Makhluk*. Manakala Ilmu Allah S.W.T yang zahir pada cermin dikenali dengan *Ism Ma’suq* iaitu *Hakikat Idāfi*. Beliau mengibaratkan bayang-bayang yang nyata diumpamakan seperti *Ruh Idāfi* yang bersifat baharu. Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif menyatakan cermin tersebut bersifat Qadim, kerana ia adalah ibarat *Dhat Allah* yang dinyatakan bayang-bayang atau *Ruh Idāfi*. Selepas memberikan ibarat tersebut beliau menegaskan dalam karyanya *Dhat Allah* S.W.T adalah *Dhat* Yang Maha dan tiada ada sesuatupun yang menyerupai-Nya. Pada pandangan pengkaji beliau menekankan *Dhat Allah* sebagai *Dhat* Yang Maha Qadim bagi memastikan

⁵⁹⁹ ‘Alī Ibn ‘Abd al-Rahmān al-Kelantānī (t.t.p), *Op.cit.*, h. 3.

⁶⁰⁰ Al-‘Ārif, Shaykh ‘Abdullāh., *Op.cit.*, h. 102 & 103.

para pelajar yang membaca karyanya tidak salah faham berkenaan *Dhat Allah* Yang Maha Esa kerana tidak ada sesuatupun yang menyerupai *Dhat*-Nya dan begitulah sebaliknya.

Pengkaji turut mendapati selain perkataan *Ruh Idāfi*, perkataan *Ruh Muhammad* juga merupakan istilah lain yang digunakan oleh Shaykh `Abdullāh `Ārif bagi merujuk kepada perkataan Nur Muhammad. Pandangan ini adalah berdasarkan kepada Hadith yang dinukilkhan dalam karya *Bad` al-Samawat wa al-'Ardi* dan *al-Durr al-Nafis* yang menunjukkan juga perkara terawal oleh Allah S.W.T dan dijadikan daripadanya alam ini adalah daripada *Ruh Muhammad* s.a.w⁶⁰¹. Aspek pengajaran Shaykh `Abdullāh `Ārif yang menjelaskan perkara ini dapat dilihat menerusi kesimpulan yang dibuat olehnya pada penghujung teks manuskrip *Baḥr al-Lāhūt*. Beliau menjelaskan *Ruh Idāfi* adalah asal kepada kewujudan keseluruhan makhluk kerana *Ruh Makhluk* terzahir daripada *Ruh Idāfi*. Manakala *Ruh Idāfi* itu adalah *Ruh Muhammad* s.a.w. Di samping itu, Shaykh `Abdullāh `Ārif menegaskan juga ilmu Allah S.W.T adalah Qadim lagi Azali. Petikan teks dalam menjelaskan penerangan tersebut dapat diteliti seperti di bawah⁶⁰²:

اعلم أن ذات الله تعالى كالمرأة ظاهر صفاء صفية صورة أعينا في المرأة وهي روح الإضافي
، وهي أصل جميع المخلوق لأن روح المخلوق طرف عند روح الإضافي . و الروح الإضافي
روح محمد صلى الله عليه وسلم ، وعلم الله تعالى قسم أزلي .

Terjemahan: Ketahuilah sesungguhnya *Dhat Allah* Ta`ala seperti cermin yang bersih suci lagi hening serta nyata sifat seperti dalam cermin iaitu *Rūh Idāfi* dan ia adalah asal segala makhluk kerana sesungguhnya ruh makhluk terbit itu disisi *Ruh Idāfi*. *Rūh Idāfi* itu ialah Ruh Nabi Muhammad s.a.w. Adalah Ilmu Allah Ta`ala itu adalah Qadim lagi Azali.

Seterusnya, menerusi *Baḥr al-Lāhūt* juga, Shaykh `Abdullāh `Ārif menjelaskan lagi bahawa setiap sesuatu yang wujud juga dijadikan oleh Allah S.W.T kerana *wilayah*.

⁶⁰¹ Nur al-Din Ibn Ali al-Ranirī (2004), *Op.cit.*, h. 3 & 4.

⁶⁰² Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 103 & 104.

Walaupun sesuatu kewujudan makhluk dijadikan kerana *wilayah*, perlu difahami Shaykh `Abdullāh Ḥāfiẓ menegaskan sesuatu yang wujud pada *wilayah* tersebut terdapat pada Nur Muhammad. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, *wilayah* adalah pengertian sudut batin manakala pengertian pada sudut zahir adalah *Nubuwwah*, sedangkan kedua-duanya adalah sifat Nabi Muhammad s.a.w. Oleh yang demikian, dapat difahami wujud *wilayah* kerana wujud Nur Muhammad. Pandangan Shaykh `Abdullāh Ḥāfiẓ dalam *Bahr al-Lāhūt* yang menjelaskan berkenaan *al-wilayah* dan Nur Muhammad seperti di bawah⁶⁰³:

اعلم أن كل شيء جعل الله تعالى سبب الولاية لأن الولاية نور محمد

Terjemahan: Ketahuilah oleh Mu bahawa sesungguhnya setiap sesuatu dijadikan oleh Allah Ta`ala sebab *al-Wilayah* kerana *al-Wilayah* itu adalah Nur Muhammad.

Selain *al-Wilayah*, Shaykh `Abdullāh Ḥāfiẓ turut menggunakan perkataan lain iaitu *Nūr Zahuri* sebagai sinonim yang merujuk kepada Nur Muhammad. Beliau menjelaskan malaikat dijadikan daripada *Nur Insan*, manakala dijadikan insan daripada *Nūr Zahuri*. Wujudnya sesuatu yang wujud pada *Nūr Insan* adalah disebabkan sesuatu yang wujud pada *Nūr Zahuri*. Hubungan *Nūr Insan* dan *Nūr Zahuri* dapat dilihat seperti berikut berdasarkan tulisannya dalam *Bahr al-Lāhūt*⁶⁰⁴:

اعلم أن الملائكة جعل الله تعالى من نور الإنسان كما قال الله تعالى خلقت الملائكة من نور الإنسان وخلقت الإنسان من نور ظهوري

Terjemahan : Ketahuilah oleh Mu bahawa sesungguhnya malaikat itu dijadikan oleh Allah daripada *Nūr Insan*, sepetimana firman Allah Ta`ala Diciptakan para malaikat dari *Nūr Insan*, dan diciptakan insan daripada *Nur Zahūri* [Nur Muhammad].

Shaykh `Abdullāh Ḥāfiẓ meneruskan perbincangan dengan membahaskan mengenai *Tajalli Dhat AllahTaala* yang terawal adalah *Tanazzul* (ibarat turun atau nyata) kepada

⁶⁰³ Al-Ḥāfiẓ, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 97.

⁶⁰⁴ Al-Ḥāfiẓ, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 97 & 98.

Qalam iaitu Hakikat Muhammad. Qalam pula menyatakan sesuatu yang tersurat pada Luh Mahfuz yang mana kesemua *mumkinat* adalah daripada Nur Muhammad. Nur Muhammad pula menyatakan keseluruhan *mumkinat* yang berada dalam ilmu Allah. Maka, dapat difahami berdasarkan perbincangan di atas, Qalam juga adalah merujuk kepada maksud Hakikat Muhammad dan Nur Muhammad. Perbezaan Nur Muhammad dan Hakikat Muhammad yang dijelaskan oleh Shaykh `Abdullāh `Ārif terjadi selepas berlakunya *Tanazzul Dhat* Allah S.W.T kepada Qalam. Pandangan beliau bertepatan dengan definisi yang dikemukakan oleh Armstrong yang menjelaskan perbezaan dua perkara tersebut adalah pada kedudukan di tahap (*Tanazzul*) makhluk kerana kekuasaan Allah tertonjol melalui manifestasi kejadian alam semesta⁶⁰⁵. Huraian Shaykh `Abdullāh `Ārif mengenai *Tanazzul Dhat* Allah S.W.T kepada Qalam (Hakikat *Muhammad*) yang menyebabkan wujudnya titik (*Ayan Thabitah*) sehingga zahir Nur Muhammad dapat dianalisis melalui petikan teksnya di bawah⁶⁰⁶:

قال عبد الله العارف من أهل السلوك أول تجلّى ذات الله تعالى تنزل إلى القلم ومن القلم
إلى الوجود النقاط ومن النقاط إلى الطرف نور محمد.

Terjemahan: Telah berkata `Abdullāh `Ārif iaitu daripada kalangan *Ahl Suluk*, permulaan Tajalli *Dhat* Allah Ta`ala itu [*Tanazzul*] turun Ia [menyatakan ada-Nya kepada Hakikat Muhammad] kepada kepada Qalam [Hakikat Muḥammad] dan daripada Qalam kepada wujud titik [*Ayan Thabitah*] dan daripada titik kepada terbit [Zahir] Nur Muhammad.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, huraian Shaykh `Abdullāh `Ārif mempunyai persamaan dengan Syeikh Dawud ketika menghuraikan martabat *Wahdah* dengan membawa perumpamaan seperti titik⁶⁰⁷. Titik itu merupakan asal kepada kesempurnaan huruf *alif* pada martabat *Wahidiyyah*. Keseluruhan kewujudan *alif* yang


⁶⁰⁵ Lihat bab empat dalam perbahasan mengenai Nur Muhammad di halaman 152.

⁶⁰⁶ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh, *Op.cit.*, h. 98.

⁶⁰⁷ Wan Mohd Saghir Abdullah (1992), *Op. cit.*, h. 24 & 25 ; Lihat juga perbincangan lanjut pada bab keempat di halaman 156 & 157.

sempurna tersebut sebelumnya telah berhimpun pada titik yang terdahulu wujud yang menjelaskan peringkat *Wahdah*. *Alif* sempurna kerana kewujudan titik, dan sekiranya tanpa titik tersebut, maka huruf *alif* tersebut tidak wujud. Titik yang wujud tersebut diibaratkan sebagai zahir Nur Muhammad yang mengandungi serta terhimpun padanya keseluruhan kewujudan makhluk secara *ijmali* iaitu *al-Ta’ayyun al-‘Awwal* pada martabat *Wahdah* bagi menyatakan Ilmu Allah S.W.T. Huruf *alif* yang wujud lagi sempurna tersebut adalah ibarat kewujudan makhluk secara *tafsili* iaitu *al-Ta’ayyun al-Thani* pada martabat *Waḥidiyyah*.

Rajah 5.0 : Rajah di atas merupakan sinopsis keseluruhan kejadian ‘*Ālam Kabir* adalah berasal daripada Nur Muhammad iaitu seawal-awal kejadian dijadikan oleh Allah S.W.T.



Dhat Allah S.W.T diibaratkan sebuah cermin yang jernih dan bersih. Ternyata dalam cermin tersebut hakikat-hakikat ruh dan semua makhluk pada martabat *Wahdah*. Kemudian, nyata dijadikan kenyataan pada cermin seperti ‘*Arash*, kursi, langit, bumi,

syaitan, jin, dan lain-lain yang mana kesemuanya dijadikan oleh Allah S.W.T daripada Nur Muhammad. Pengkaji mendapati, Shaykh `Abdullāh `Ārif ingin menjelaskan berlakunya *Ta`alluq Iradah* Allah S.W.T di atas ketentuan Qada'. Kenyataan beliau yang mengibaratkan *Dhat* Allah dimithalkan seperti cermin yang jernih dapat difahami seperti berikut⁶⁰⁸:

اعلم أن ذات الله تعالى كمثل المرأة الصافية فتعين فيها حقيقة الأرواح وجميع الخلائق والأشياء
جحينا عيناً فيها فعين العرش والكرسي والسموات والأرض والجاحن والشيطان والحيوان وكل
ما خلق الله تعالى كلهم من نور محمد صلى الله عليه وسلم

Terjemahan: Ketahuilah oleh Mu bahwa sesungguhnya *Dhat* Allah Ta`ala itu bandingan seperti cermin yang bersih. Maka ditentukan padanya hakikat segala para ruh dan segala makhluk dan segala sesuatu, maka dijadikan kenyataan seperti `Arash dan kursi dan langit dan bumi dan jin dan syaitan dan haiwan yang kesemua itu dijadikan oleh Allah Ta`ala daripada Nur Muhammad s.a.w.

Beliau mengukuhkan pandangan Nur Muhammad sebagai makhluk terawal dengan menukilkan sebuah hadith ke dalam *Baḥr al-Lāhīt*. Kewujudan Nur Muhammad yang telah ditaqdirkan selama 50,000 tahun lebih awal tersebut berada dalam pandangan yang penuh rahmat dan kasih sayang. Dalam keadaan tersebut telah menyebabkan Nur Muhammad menjadi gementar kerana takut terhadap keagungan Allah S.W.T. Hadith yang dinukilkkan oleh Shaykh `Abdullāh `Ārif sebagai makhluk pertama dijadikan dan tunduk patuh kepada Allah disebabkan keAgungan-Nya seperti berikut⁶⁰⁹:

قال النبي صلى الله عليه وسلم أول ما خلق الله تعالى نوري فكان نوري خمسين ألف سنة
قائمة فينظر الله تعالى فيه بنظر الرحمة، مرة واحدة فارتعد نوري فكان نوري من هيبة الله.

Terjemahan: Baginda Nabi Muhammad s.a.w telah bersabda : “ Yang pertama dijadikan oleh Allah Ta`ala adalah Nur aku [Nur Muhammad], dan maka Nur aku telah berdiri selama 50,000 ribu tahun berdiri [di hadapan *Dhat* Allah Ta`ala atau tiada bercerai tinggal di hadrat Allah Ta`ala] maka

⁶⁰⁸ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 98.

⁶⁰⁹ Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 98 & 99.

melihat oleh Allah Ta`ala padanya [Nūr] tersebut dengan rahmat kasih sayang [*Tajalli Jamal Allah*], sekali pandang maka gementarlah Nūr aku disebabkan oleh kerana KeAgungan [*Haibah*] Allah.

Nur Muhammad turut membuat pengakuan dan penyaksian dengan menjawab bahawa Allah S.W.T adalah TuhanYa setelah ditanya oleh Allah S.W.T. Pengakuan tersebut menunjukkan bahawa Nur Muhammad tunduk dan patuh kepada Allah S.W.T Yang Maha Agung *Dhat*-Nya. Bagi menyatakan KeEsaan (*Wahdaniyyah* Allah S.W.T), lalu Nur Muhammad sujud menyembah Allah S.W.T selama 50, 000 tahun iaitu lima kali sujud. Beliau turut menjelaskan Nur Muhammad yang sujud itu adalah daripada Nur Allah S.W.T. Berdasarkan kenyataan ini, pengkaji mendapati Shaykh `Abdullāh `Ārif tidak bermaksud menyatakan Nur Muhammad adalah sebahagian daripada Allah S.W.T. Maksud yang ingin disampaikan adalah Nur Muhammad dijadikan dengan Allah S.W.T sebagai makhluk terawal. Pandangan ini bertepatan dengan argumentasi yang yang dikemukakan oleh Wan Mohd Saghir ketika menerangkan maksud “Nur Muhammad daripada *Nur Allah*” ketika menghuraikan ajaran martabat Tujuh. Menurutnya lagi “*Nur Allah*” adalah Asma`-Nya, manakala Nur Muhammad pula merupakan kenyataan yang sempurna kepada Asma` dan Sifat Allah S.W.T⁶¹⁰.

Pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif yang menjelaskan Nur Muhammad tunduk dan sujud kepada Allah S.W.T bagi penyaksian bahawa Allah adalah TuhanYa Yang Maha Esa dan Maha Agung ini juga turut mempunyai persamaan dengan pandangan Syeikh Zayn al-`Abidin Ibn Muhammad al-Fathani yang menjelaskan Nur Muhammad telah sujud kepada Allah S.W.T sebanyak lima kali kerana malu dan takut kepada-Nya⁶¹¹. Menurut pandangan Syeikh Zayn lagi, daripada perlakuan tersebutlah difardhukan oleh Allah S.W.T

⁶¹⁰ Wan Mohd Saghir Abdullah (2004), *Op.cit.*, h. 12.

⁶¹¹ Zayn al-`Abidin Ibn Muhammad al-Faṭāñi (t.t), *Op.cit.*, h. 3.

kepada Baginda s.a.w dan juga umat Islam solat lima waktu. Penjelasan mengenai situasi tersebut juga dapat diteliti dalam karya Shaykh `Abdullāh `Ārif seperti di bawah⁶¹²:

فقال الله تعالى لنوري ألسست بربكم فقال نوري بلى فسجدت فسجدة بوحدانية الله تعالى،
في خمسين ألف سنة خمسة سجدة بوحدانية الله تعالى وكان نوري من نور الله تعالى

Terjemahan: Maka, Allah Ta`ala telah berfirman kepada Nūr aku, Bukankah Aku (Allah Ta`ala) tuhan kamu? Maka telah menjawab Nur aku dengan berkata Ya Engkaulah Tuhanmu. Maka sujud ia sekali sujud dengan mengesakan *Dhat* dan Sifat Allah Ta`ala pada lima puluh ribu tahun iaitu lima kali sujud dengan mengEsakan Allah Ta`ala. Adalah Nūr aku daripada Nūr Allah Ta`ala.

Seterusnya, pengkaji juga mendapati hujah yang terdapat dalam karya *Baḥr al-Lāhūt* di atas merupakan kata-kata daripada Suhayl Ibn Soleh al-Hamdani ketika mana bertanya kepada kepada Abi Ja`far mengenai Nabi Muhammad s.a.w sebagai Nabi yang terawal akan tetapi Baginda paling akhir di utuskan. Jawapan dari Abi Ja`far tersebut dapat dilihat berdasarkan petikan hujah di bawah sebagaimana dinukilkan oleh Shaykh Yusuf al-Nabhani dalam karyanya⁶¹³.

عن سهيل بن صالح المهداني قال سألت أبا جعفر محمد بن علي كيف صار محمد صلى الله عليه وسلم يتقدم الأنبياء وهو أخر من بعث : قال إن الله تعالى لما أخذ من بني آدم من ظهورهم ذرياتهم وأشهد على أنفسهم ((ألسست بربكم)) كان محمد صلى الله عليه وسلم أول من قال بلى و لذلك صار يتقدم الأنبياء وهو أخر من بعث

Terjemahan : Daripada Suhayl Soleh al-Mahdaniy, beliau telah bertanya kepada Abi Ja`far Muhammad Ibn `Alī, Bagaimanakah Muhammad s.a.w telah menjadi Nabi yang mendahului para Nabi sedangkan Baginda paling akhir di utuskan : Abi Ja`far telah berkata, sesungguhnya ketika Allah S.W.T mengambil perjanjian dari Bani Adam semasa di alam Arwah daripada zuriat-zuriat mereka dan ketika mereka memberikan penyaksian ke atas diri mereka semasa ditanya, ((Adakah Aku (Allah) Tuhan Kamu?)). Nabi Muhammad s.a.w

⁶¹² Al-`Ārif, Shaykh `Abdullāh., *Op.cit.*, h. 99.

⁶¹³ Yusuf Isma`il al-Nabhani (1997), *Op.cit.*, h. 8.

adalah orang pertama yang menjawab, Ya !. Oleh yang demikian, jadilah Baginda s.a.w sebagai Nabi terawal tetapi yang terakhir di utuskan.

Malah terdapat Hadith yang menjelaskan bahawa kenabian Nabi Muhammad s.a.w telah dilantik menjadi Nabi sewaktu Nabi Adam a.s masih berada di antara ruh dan jasad. Hadith tersebut dapat dilihat juga dalam Sunan al-Tirmizy dan *al-Mustadrak* 'Alā *al-Sahīhayn*, sebagaimana di bawah:

Hadith pertama :

حدثنا أبو همام الوليد بن شجاع بن الوليد البغدادي ، قال : حدثنا الوليد بن مسلم ، عن الأوزاعي ، عن يحيى بن أبي كثير ، عن أبي سلمة ، عن أبي هريرة ، قال : قالوا : يا رسول الله متى و جبت لك النبوة ؟ قال : ((و أدم بين الروح و الجسد)).

Terjemahan : Diriwayatkan daripada Abu Hammam al-Walid Ibn Suja' Ibn al-Walid al-Baghdadi telah berkata : Diriwayatkan kepada kami al-Walid Ibn Muslim, daripada al-Awzā'iyy, daripada Yahya Ibn Abī Kathir, daripada Abī Salamah, daripada Abī Hurayrah, telah berkata : Katanya : Mereka telah berkata : Wahai Rasulullah, bilakah diwajibkan kenabian bagi kamu? Baginda s.a.w menjawab : ((Ketika Nabi Adam a.s (di dalam proses dijadikan) diantara ruh dan jasad))⁶¹⁴.

Hadith kedua :

حدثنا أبو النضر الفقيه و أحمد بن محمد بن سلمة العنزي قالا ثنا عثمان بن سعيد الدارمي و محمد بن سنان العوقي ثنا إبراهيم بن طهمان عن بديل بن ميسرة عن عبد الله بن شقيق عن ميسرة الفجر قال قلت لرسول الله : متى كتت نبيا ؟ قال : ((و أدم بين الروح و الجسد))

Terjemahan : Diriwayatkan kepada kami oleh Abu al-Nadhar al-Faqih dan Ahmad Ibn Muhammad Ibn Salamah al-'Anziyy telah berkata, diriwayatkan daripada 'Uthman Ibn Sa'id al-Darimiyy dan Muhammad Ibn Sunan al-'Uqiy diriwayatkan daripada Ibrahim Ibn Tohman daripada Budayl Ibn Maysarah daripada Abd Allah Ibn Syaqiq daripada Maysarah al-Fajar telah berkata. Aku bertanya kepada Rasulullah : Bilakah kamu menjadi nabi? Baginda s.a.w menjawab : ((Ketika Nabi Adam a.s (di dalam proses dijadikan) diantara ruh dan jasad))⁶¹⁵.

⁶¹⁴ Al-Tirmidhī, Muhammad Ibn 'Isa Ibn Sūrah (2000), *Op.cit.*, No. Hadith : 3409. h. 821.

⁶¹⁵ Al-Ḥākim, Imām al-Ḥāfiẓh Abī 'Abd al-Ḥākim al-Naysābūrī (1997), *Op.cit.*, No. Hadith : 4268. h. 715.

Hadith ketiga :

حدثنا أبو بكر بن إسحاق أبا سليمان بن محمد بن فضيل ثنا محمد بن العلبكي ثنا أبو الوليد بن مسلم عن الأوزاعي عن يحيى بن أبي كثير عن أبي سلمة عن أبي هريرة رضي الله عنه قال : قيل للنبي صلى الله عليه و على اله وسلم : متى و جبت لك النبوة ؟ قال : ((بين خلق أدم و نفخ الروح فيه)) .

Terjemahan : Diriwayatkan kepadanya Abu Bakr Ibn Ishaq, dikhabarkan daripada Sulayman Ibn Muhammad Ibn al-Fuḍhayl, diriwayatkan daripada Muhammad Ibn Hisyam al-Ba'labakiy, diriwayatkan daripada Abu al-Walid Ibn Muslim daripada al-Awza'i daripada Yahya Ibn Abi Kathir daripada Abi Slamat daripada Abi Hurayrah r.a. telah berkata : Seseorang telah berkata kepada Nabi s.a.w : Bilakah diwajibkan kenabian bagi kamu? Jawab Baginda s.a.w ((Di antara masa dijadikan Adam a.s dan ditupukan ruh ke dalam jasadnya))⁶¹⁶.

Oleh yang demikian, berdasarkan perbincangan yang telah dianalisis di atas, pengkaji mendapati Shaykh `Abdullāh `Ārif menonjolkan pandangannya dengan jelas dalam *Baḥr al-Lāhūt*. Walaupun penulisan kitab *Baḥr al-Lāhūt* karangan Shaykh `Abdullāh `Ārif secara keseluruhannya dilihat pada pandangan zahir merupakan karya yang sangat ringkas dan nipis. Namun, pada pandangan pengkaji, untuk memahami isi kandungan tersebut seseorang pembaca memerlukan pengetahuan asas mengenai doktrin Nur Muhammad dan Martabat Tujuh. Jika seseorang pembaca yang membuat pembacaan tanpa mempunyai asas terlebih dahulu mengenai doktrin Nur Muhammad dan Martabat Tujuh, kemungkinan terdapat kesukaran untuk memahami penulisan teks tersebut. Hal ini disebabkan Shaykh `Abdullāh `Ārif tidak menjelaskan huraihan mengenai Nur Muhammad dengan terperinci dan hanya mengandungi perkara-perkara yang utama sahaja. Pengkaji mendapati, sememangnya teks ini merupakan khazanah tasawuf yang amat penting dan bernilai di sisi para ahli sufi yang berada di atas landasan ilmu ini dan sebaliknya pula mengkin mempunyai pandangan karya ini bukanlah karya yang perlu dibuat penilaian.

⁶¹⁶ *Ibid.*, No. Hadith : 4269. h. 715.

Hanya mereka yang mempunyai kemampuan sahaja mampu untuk mencapai ma`rifah Allah S.W.T. Justeru, ingin dijelaskan juga penelitian yang dibuat di atas hanya suatu penelitian kasar yang dibuat oleh pengkaji, manakala penelitian pada sudut batin dan maksud tersirat pengkaji serahkan kefahaman kepada pengarang karya iaitu Shaykh `Abdullāh Ḥāfiẓ sendiri dan golongan yang yang lebih mengetahui kerana kelemahan pengkaji untuk memahaminya. *Allahu `alam*.

5.2 KESIMPULAN

Oleh yang demikian, berdasarkan perbincangan yang dikemukakan di atas, penulis menyimpulkan beberapa kesimpulan penting berkenaan pandangan Shaykh `Abdullāh Ḥāfiẓ mengenai Nur Muhammad dalam karyanya. Dapatan pertama yang ditemui adalah beliau membincangkan doktrin Nur Muhammad menerusi kerangka ajaran Martabat Tujuh dengan memberikan tumpuan kepada dua martabat terawal iaitu Martabat *Aḥadīyyah* dan *Wahdah*. Pada martabat *Aḥadīyyah*, beliau menekankan mengenai kewujudan *Dhat* Allah S.W.T adalah wujud *Muṭlaq* dan *Dhat*-Nya adalah Qadim. Malah ditekankan oleh beliau aspek pengajaran tiada sesuatupun kewujudan makhluk yang menyerupai *Dhat* Allah S.W.T. Pada martabat ini Nur Muhammad belum wujud kerana yang wujud pada ketika ini hanyalah *Dhat* Allah S.W.T yang suci daripada Sifat dan Asma'-Nya. Dapatan kajian yang kedua ialah, pengkaji mendapati perbincangan Nur Muhammad dalam *Baḥr al-Lāhiyyah* dibahas oleh Shaykh `Abdullāh Ḥāfiẓ pada martabat *Wahdah*. Beliau menyebut kewujudan alam ini bermula daripada Nur Muhammad sebagai makhluk pertama dijadikan Allah S.W.T. Beliau menamakan Nur Muhammad dalam karyanya dengan beberapa istilah lain seperti *Ruh Idāfi*, *Ruh Makhluk*, *Nur Zahuri*, *Hakikat Muhammad*, *al-Qalam*, dan

al-Wilayah. Kewujudan Nur Muhammad ini berlaku daripada “tiada” kepada “ada” dan kewujudan Nur Muhammad tersebut bersifat dengan “*muhdath*”.

Oleh yang demikian, dalam permasalah ini pengkaji lebih cenderung untuk berpegang dengan pandangan yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Negeri Sarawak kerana dalam fatwa tersebut menyebutkan bahawa Nur Muhammad merupakan perkara khilafiyah yang perlu tanggapi dengan fikiran terbuka dan bertoleransi. Malah, fatwa tersebut turut menjelaskan penerimaan atau penolakan terhadap ajaran doktrin ini tidak merosakkan pegangan akidah seseorang umat Islam, selagimana tidak wujud unsur mensyirikkan Allah S.W.T. Sebagaimana telah dihuraikan sebelum ini, pengkaji meraikan kedua-dua pandangan para ulama sama ada daripada kelompok yang menerima atau menolak. Hal ini kerana, pandangan yang dikemukakan oleh mereka bersandarkan kepada kefahaman daripada sumber-sumber dalil dan kefahaman ilmu yang dipegang yang wajar diraikan oleh pengkaji.

BAB KEENAM : PENUTUP

6.0 PENDAHULUAN

Bab ini merupakan penutup kepada kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Bab ini akan membentangkan mengenai rumusan dan hasil kajian yang telah dijalankan berpandukan kepada objektif yang telah ditetapkan pada awal kajian. Di samping itu, turut dikemukakan dalam bab ini mengenai cadangan penambahbaikan kepada kajian ini dan juga saranan kepada para pengkaji dalam kajian yang mempunyai kaitan.

6.1 RUMUSAN DAN HASIL KAJIAN

Pada bab ini pengkaji akan merumuskan keseluruhan kajian berpandukan kepada objektif kajian yang telah ditetapkan. Setiap objektif tersebut dijawab berpandukan kepada bab-bab yang dirangka dalam kajian ini. Rumusan dan hasil kajian dijelaskan oleh pengkaji seperti di bawah.

Pertama :

Pada bab kedua dalam kajian ini yang bertajuk **Ketokohan Shaykh `Abdullāh `Ārif dan manuskripnya *Baḥr al-Lāhiyyah*** dilakukan oleh pengkaji bagi menjawab objektif kajian yang pertama iaitu **mengkaji kedudukan Shaykh `Abdullāh `Ārif sebagai salah seorang tokoh tasawuf yang menyebarkan Islam di Nusantara.**

Hasil daripada penelitian pada bab kedua tersebut, dapat dirumuskan bahawa Shaykh `Abdullāh `Ārif merupakan seorang pendakwah Arab yang berhijrah ke Nusantara

khususnya di Aceh. Boleh dirumuskan Shaykh `Abdullāh `Ārif mempunyai peranan yang penting dalam menyebarkan dakwah Islam terhadap masyarakat Aceh khususnya melalui disiplin ilmu tasawuf menerusi karyanya *Baḥr al-Lāhūt* yang mempunyai intipati isi kandungan yang cenderung menekankan aspek ajaran doktrin Nur Muhammad. Dirumuskan juga, berdasarkan kepada analisis isi kandungan *Baḥr al-Lāhūt* khususnya membincangkan berkenaan aspek pengajaran akidah, Shaykh `Abdullāh `Ārif adalah cenderung kepada fahaman *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā`ah*.

Dapat dirumuskan juga pada bab ini, Shaykh `Abdullāh `Ārif tiba di Aceh ketika zaman Kerajaan Islam Pasai ketika Dinasti Meurah Khir di bawah pemerintahan Sultan Nurdin al-Kāmil pada abad ke-12 M. Kajian menemui, beliau turut berperanan sebagai seorang pendakwah yang mempunyai hubungan baik di antara pendakwah dan pemerintah bagi tujuan menyampaikan dakwah Islam. Ini kerana beliau telah berjaya memberikan gelaran *al-Kāmil* yang Sultan Nurdin al-Kāmil kerana kagum dengan corak pemerintahan pemerintah pada ketika itu.

Berdasarkan hasil kajian, diriwayatkan guru kepada Shaykh `Abdullāh `Ārif adalah Shaykh `Abd al-Qādir al-Jilānī. Manakala anak murid kepada Shaykh `Abdullāh `Ārif yang diketahui setakat ini bernama Shaykh Burhanuddin yang telah diberi tanggjawab menyebarkan Islam di Sumatera Barat, Pariaman. Seterusnya dapat ditemui berdasarkan kajian ini, makam Syeikh Burhanuddin yang wafat pada tahun 610 H / 1214 M ini ditemui di Kuntu di tepi Sungai Kampar Kiri. Manakala Shaykh `Abdullāh `Ārif pula wafat pada tahun 575 H / 1177 M dan jenazah beliau disemadikan di Aceh iaitu di kompleks perkuburan yang bernama Kuburan Keling.

Dapat dirumuskan juga bab ini adalah berkenaan karya *Bahr al-Lāhūt*. Daripada kajian yang dijalankan, hanya 8 naskah salinan asal *Bahr al-Lahut* sahaja dilampir dalam kajian ini dan 5 naskah lagi tidak ditemui berjaya dimilik sepanjang kajian dijalankan. 13 buah salinan keseluruhannya teks asal sahaja dapat dikumpul daripada pelbagai sumber. Kajian menemui 8 set salinan *Bahr al-Lāhūt* berada di Universiti Leiden, Netherland, 1 set di Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, 1 set salinan di Perpustakaan Kuno Dayah Tanoh Abee, Aceh Besar, 1 set naskhah yang dimiliki oleh Mahayudin Yahya, dan 2 set berada dalam simpanan Wan. Mohd Saghir Wan Abdullah. Kesemua naskah tersebut masih berada dalam tulisan tangan dan belum dilakukan proses suntingan, terjemahan, dan transliterasi melainkan hanya naskah salinan versi terjemahan dalam Bahasa Melayu yang berada dalam buku Mahayudin Yahya telah dilakukan transliterasi oleh beliau sendiri daripada tulisan jawi kepada tulisan rumi.

Kedua :

Pengkaji menumpukan pada bab kedua yang bertajuk **Ketokohan Shaykh `Abdullāh `Ārif dan Manuskipnya *Bahr al-Lāhūt*** khususnya dalam sub-tajuk **Metodologi dan Sumber Penulisan *Bahr al-Lāhūt*** bertujuan menjawab objektif kajian yang kedua iaitu **mengkaji pemikiran Shaykh `Abdullāh `Ārif tentang doktrin Nur Muhammad merujuk *Bahr al-Lāhūt* dari aspek sumbernya.**

Memandangkan karya *Bahr al-Lāhūt* adalah sebuah karya yang nipis dan kecil sahaja, maka dirumuskan daripada sub-tajuk pada bab kedua di atas, didapati Shaykh `Abdullāh `Ārif menggunakan hanya 4 ayat sumber dalil-dalil daripada ayat-ayat al-Qur'an seperti *Surah al-Shūra* ayat 11, *Surah al-Ṣāff* ayat 8, *Surah al-A'rāf* ayat 172, dan *Surah al-*

Qāṣaṣ ayat 88. Dalam kajian ini juga, didapati beliau hanya menggunakan 2 buah *Hadith al-Qudsi* sahaja sebagai sumber dalil penulisannya.

Ketiga :

Seterusnya, pengkaji turut menumpukan dalam kajian ini pada bab kelima yang bertajuk **Doktrin Nur Muhammad Menurut Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif** bertujuan bagi menjawab objektif kajian yang keempat iaitu **menganalisis pemikiran Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif tentang doktrin Nur Muhammad** merujuk *Baḥr al-Lāhīt* dari aspek ajarannya.

Dapat dirumuskan berdasarkan analisis yang dijalankan, Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif menulis karya *Baḥr al-Lāhīt* yang mengandungi aspek ajaran doktrin Nur Muhammad. Dapatkan kajian pertama ialah, beliau membincangkan doktrin Nur Muhammad menerusi kerangka ajaran Martabat Tujuh dengan memberikan tumpuan kepada dua martabat terawal iaitu Martabat *Aḥadiyyah* dan *Wahdah*. Pada martabat *Aḥadiyyah*, beliau menekankan mengenai kewujudan *Dhat* Allah S.W.T adalah wujud *Muṭlaq* dan *Dhat*-Nya adalah Qadim. Malah ditekankan olehnya tiada sesuatupun kewujudan makhluk yang menyerupai *Dhat* Allah S.W.T. Pada martabat ini Nur Muhammad belum wujud kerana yang wujud pada ketika ini hanyalah *Dhat* Allah S.W.T yang suci daripada Sifat dan Asma’-Nya. Dapatkan kajian yang kedua ialah, pengkaji mendapati perbincangan Nur Muhammad dalam *Baḥr al-Lāhīt* dibahas oleh Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif pada martabat *Wahdah*. Beliau menyebut kewujudan alam ini bermula daripada Nur Muhammad sebagai makhluk pertama dijadikan Allah S.W.T. Dalam karyanya juga terdapat beberapa istilah lain yang merujuk kepada Nur Muhammad seperti *Ruh Idāfi*, *Ruh Makhluk*, *Nur Zahuri*, *Hakikat Muhammad*, *al-Qalam*, dan *al-Wilayah*. Seterusnya, didapati juga Shaykh ‘Abdullāh ‘Ārif menekankan

kewujudan Nur Muhammad ini berlaku daripada “tiada” kepada “ada” dan kewujudan Nur Muhammad tersebut bersifat dengan “*muhdath*”.

6.2 CADANGAN

Pertama : Tumpuan kajian analisis fizikal teks

Pengkaji mendapati kajian kritikal terhadap naskah teks *Baḥr al-Lāhūt* masih belum dapat dilakukan para sarjana Islam atau Barat. Kajian yang menumpukan analisis secara saintifik ke atas kertas dan dakwat yang digunakan untuk menulis teks asal *Baḥr al-Lāhūt* perlu dijalankan dengan segera bagi memastikan dengan lebih tepat dan objektif. Kajian ini perlu dijalankan bagi memastikan usia manuskrip dengan lebih konkret. Hal ini disebabkan sehingga masa ini para sarjana sejarah dan tasawuf di Nusantara masih belum dapat membuat kesimpulan menyeluruh dan dipersetujui mengenai tarikh penulisan *Baḥr al-Lāhūt* dan hanya kajian secara saintifik sahaja mampu menutup perbezaan pendapat mengenai sejarah penulisan manuskrip ini. Sekiranya penemuan keputusan dari saranan ini mampu dijalankan dan membuktikan manuskrip ini ditulis pada abad ke-12 M ataupun 16M sebagaimana yang telah dibincangkan oleh pengkaji bab ketiga. Ini akan memberi penemuan data terbaru dan terkini mengenai usia *Baḥr al-Lāhūt* secara saintifik, malah akan turut memberi kesan kepada kajian mengenai manuskrip Islam dan kajian sejarah permulaan serta perkembangan Islam di Nusantara.

Kedua : Pemuliharaan teks *Baḥr al-Lāhūt*

Sepanjang kajian yang dijalankan, terdapat kekangan untuk mendapatkan manuskrip *Baḥr al-Lāhūt* terutamanya manuskrip yang berada dalam simpanan individu. Pengkaji menyarankan agar pihak tersebut menyimpan manuskrip yang dimiliki dengan sebaik

mungkin kerana sesebuah manuskrip tersebut amat mudah terdedah kepada kerosakan sekiranya tidak diberi penjagaan yang rapi. Mereka juga perlu membuka ruang kepada para pengkaji manuskrip untuk menjalankan penyelidik dan bukan hanya disimpan untuk tatapan sahaja. Khazanah ilmu yang berada dalam manuskrip tersebut perlu dikaji untuk perkembangan ilmu walaupun sedikit. Pengkaji menyaran seboleh mungkin manuskrip yang disimpan secara peribadi diserahkan kepada pihak berwajib yang mempunyai kemampuan pengurusan khususnya kepada Pusat-Pusat Manuskrip Negara agar proses penyelidikan dapat dijalankan dengan lebih baik oleh para pengkaji dalam bidang yang berkaitan.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an

Al-Mu'jam al-Mufahras li al-Faṣl al-Qur'an al-Karim (2009), c.7. Lebanon : Dar al-Ma'rifah.

Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Qur'an 30 juz'(2001), c.12. Kuala Lumpur : Darul Fikir.

Manuskrip

Al-'Ārif, 'Abdullāh, *Baḥr al-Lāhūt*. Naskah) ١), nombor Or. 7022 (3)

_____ *Baḥr al-Lāhūt*, Naskhah (۲), nombor Or. 7059 (3)

_____ *Baḥr al-Lāhūt*, Naskhah (۳), nombor Or. 7051 (1)

_____ *Baḥr al-Lāhūt*, Naskhah (۴), nombor Or. 8540 (1)

_____ *Baḥr al-Lāhūt*, Naskhah (۵), nombor Or. 8541 (1)

_____ *Baḥr al-Lāhūt*, Naskhah (۶), nombor Or. 7531 (2)

_____ *Baḥr al-Lāhūt*, Naskhah (۷), nombor MSS 1314 (U)

_____ *Baḥr al-Lāhūt*, Naskhah (۸), *Baḥr al-Dāhūt / Baḥr al-Lāhūt* terjemahan Bahasa Melayu tulisan Jawi.

Kamus Bahasa Melayu

Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003), Brunei : Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian, Kebudayaan, Belia, dan Sukan.

Kamus Besar Arab-Melayu Diywān, al-Mu'jam al-'Arabi al-Melayuwiyyah al-Kabīr (2006). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan (2005), Edisi ke-4, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan (2007), c.2, e.4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Za'ba (2004), c.2. Selangor : Shah Alam, Pustaka Anatara Books Sdn. Bhd.

Kamus Bahasa Arab

Al-Fayyūmī, Alḥmad Ibn Muhammad (2010), *al-Miṣbāḥ al-Munīr Mu’jam ‘Arab – ‘Arab*. Beirut : Maktabah al-‘Aṣriyyah.

Al-Ḥākim, Su’ad (1981), *Al-Mu’jam al-Ṣufī al-Hikmah fi Hudud al-Kalimat*. Lubnan : Beirut. Dar Nadrah.

al-Nabhani, Yusuf Isma`il (1997), *al-Anwār al-Muhammadiyyah Min al-Mawahib al-Laduniyyah*. Lebanon : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Rāzī, Muḥammad Ibn Abī Bakr Ibn ‘Abd al-Qādir (1986), *Mukhtār al-Ṣīḥah*. Beirut : Maktabah Lubnan.

Ibn Manzūr, Jamal al-Din Muhammad b. Mukarram (1994), *Lisān al-‘Arab*, c.3. j.22 &23. Beirut : Dar Sadir li al-Tiba’ah Wa al-Nasyar. h. 240.

Jama`ah min Kibar al-Lughawiyyin al-‘Arab (t.t), *al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asasi li al-Naṭiqin bi al-‘Arabiyyah wa Muta’allimīhā*(t.t.p) : Larus.

Majma“ al-Lughah al-‘Arbiyyah (1985), *al-Mu’jam al-Wāsit*, j.2, c.3. Kaherah : Sharikah al-‘Ilnāt al-Sharqāwi.

Murtaḍa Muḥammad (1988), *al-Takmilah Wa al-Zayl Wa al-Ṣilāḥ limāfāt Sāḥib al-Qāmus min al-Lughah*, j.3. Kaherah : Majmu` al-Lughah al-Arabiyyah al-Idārah al-‘Āmmah li al-Mu’jam Wa Ihya al-Turāth.

Kamus Bahasa Inggeris

Armstrong, Amatullah (1995), *Sufi Terminology (al-Qamus al-Sufi) The Mystical Language of Islam*. Kuala Lumpur : A.S Noordeen.

Bosworth, C. E. et. al. (1995), *Encyclopaedia of Islam : New Edition*. Leiden : E. J. Brill.

Gibb, H.A.R, Kramers, J.H (1974), *Shorter Encyclopaedia of Islam, Edited on Behalf of The Royal Netherlands Academy*. Leiden : E.J Brill.

Rujukan Bahasa Melayu

Abdul Fatah Haron (1998), *Martabat Tujuh*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

_____(2003), *Wahdat al-Wujud dan Penyerapan dengan cara Bathiniyah, dlm Kebatilan Dalam ajaran Kebatinan*. Kuala Lumpur : Kolej Universiti Islam Malaysia.

Abdul Majid Khatib (1987), *Risalah Sufisma Ibnu'l 'Arabi*. Selangor : Batu Caves. Thinker Library Sdn. Bhd.

Abdul Rahid Melebek, Amat Juhari Moain (2006), *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributor Sdn.

Abdul Rahman Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara, Sejarah dan Perkembangannya Hingga abad ke-19*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____(2006), *Islam dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid.

Abdul Rahman al-Daiba'i (t.t), *Kisah Maulid Nabi Sollallah alaih wa Sallam*. (t.t.p) : Percetakan Jazamas Sdn Bhd.

Abdullah, HAWSH (1980), *Perkembangan Ilmu Tasawuf dan tokoh-tokohnya di Nusantara*. Indonesia : Penerbit al-Ikhlas Surabaya.

Abu Hassan Sham (1989), "Pengarang-pengang dari kalangan bangsawan keturunan Bugis di Riau. Simposium Antarabangsa Kesusteraan Melayu Traditional Dalam Perkembangan Akademik Masakini", 4-6 November 1982, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____(2006), "Sejarah awal penulisan Manuskrip Melayu. Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu" 10-11 Julai 2006, Anjuran Arkib Negara Malaysia, Sessi I (Kertas 3). Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Al-Attas, Syed Naquib (2002), *Ma'na Kebahagiaan dan Pengalamannya Dalam Islam*. Kuala Lumpur : Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).

Ali M. Abdillah (2001), *Tasawuf Kontemporer Nusantara Integrasi Tasawuf Ibn 'Arabi dan al-Ghazali, Ajaran Syekh Hizboel Wathony Mursyid Tarekat Khalwatiyah Akmaliyah*. Jakarta : PT. Ina Publikatama.

Al-Palembani, Syeikh 'Abd Samad (t.t), *Siyar al-Salikin fi Tariq al-Sadat al-Sufiyah*. j.4. (t.t.p): Percetakan al-Ma'arif Sdn. Bhd.

Al-Raniri, Nur al-Din Ibn Ali (2004), *Bad` al-Samawāt wa al-Ardi, Kejadian Tujuh Petala Langit dan Bumi*. Kuala Lumpur : Khazanah al-Fathaniyyah.

Azyumardi Azra (1995), *Jaringan Ulama Timur Tengah Nusantara dan Kepulauan Nusantara Abad ke XVII dan XVIII : Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*. Bandung : Penerbitan Mizan Anggota IKAPI.

- Buyong Adil (1980), *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ding Choo Ming (2006), “*Sejarah Awal Penulisan Manuskrip Melayu. Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Sempena Festival Kuala Lumpur 2006*”, anjuran Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara dan KeKKWA di Perpustakaan Negara Malaysia, 16-17 Julai 2006. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.
- H.M Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh dan Nusantara*. Medan : Pustaka Iskandar Muda.
- Hamdan Hassan (1977), *Naskhah-naskhah Islam di Dayah Tanah Abie Aceh*, Siri Kertas Data Jabatan Pengajian Melayu, bil.19. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, Jabatan Pengajian Melayu.
- HAMKA (1977), *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur : Klang. Penerbitan Pustaka Antara.
- _____ (1980), *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara.
- Hasmy, Ali (1981), *Sejarah Berkembang dan Masuknya Islam di Indonesia*. Kuala Lumpur : PT al-Ma`arif.
- _____ (1983), *Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*. Jakarta : Penerbit Beuna.
- Ibrahim Ismail (1982), “Pengawalan Bibliografi Manuskrip Melayu, Beberapa Catatan Mengenai Permasalahan dan Penyelesaian. Simposium Antarabangsa Kesusasteraan Melayu Indonesia”, 4-6 November 1982. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____ (1987), *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Kedah : JawatanKuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia.
- Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*. Shah Alam : Kamil dan Shakir Sdn. Bhd.
- Ismail Hamid (1989), “Penyelidikan mengenai Islam dalam kebudayaan dan kesusasteraan Melayu / Indonesia”, Seminar Sarjana Kesusasteraan Melaya Antarabangsa, 3 April 1989. Kuala Lumpur.
- Ismail Ibn `Abd al-Qadir al-Faṣāni (2005), *Tabṣīrat al-Adāni bi Alḥān Bakūrat al-Amāniy*. Fathani : Matbā`ah Ibn Halābiy.
- K.H Muhammad Sholikhin (2009) *17 Jalan menggapai makhkota sufi Syaikh ‘Abdul Qadir al-Jailani Intisari kitab karya al-Jailani : al-Fath al-rabbaniy, Sirr al-Asrar, al-Futuh al-Ghayb, dan al-Ghuniyah li al-Thalibi Thariq al-Haqq*. Yogyakarta : Penerbit Mutiara Media.
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (2000), c.1, Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.

M. Arifin Amin *et.al* (1980), "Uraian sekitar kerajaan Islam Peuruelak Aceh Timur" (Kertas kerja seminar *Sejarah Masuk dan berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara*) pada 25-30 September 1980 di Aceh Timur, anjuran Majelis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh dan Pemerintah Daerah TK. II Aceh Timur.

M. Yunus DJamil (1968), *Tawarich Radja-Radja Kerajaan Atjeh*. Banda Aceh : Kodam Iskandar Muda.

Mahayudin Yahya (1992), "Bahr al-Lahut : Naskah Melayu Mengenai Islam Abad 6 H/12 M.". Kertas kerja dibentangkan pada Persidangan Penyelidikan Dua Dekad Universiti Kebangsaan Malaysia, 27-30 Ogos 1990. Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____(1994), *Naskah Jawi dan Sejarah dan Teks*. j.1, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____(1998), *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____(2001), *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____(2000), *Karya Klasik Melayu-Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____(2004), *Penulisan Manuskip Melayu-Islam : Tatakaedah, Permasalahan, dan Kepentingannya dalam masyarakat Melayu Nusantara*, dalam Seminar Manuskip Islam, pada 1 & 2 Mac 2004, di Pusat Persidangan Antarabangsa Negara Brunei, anjuran Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam.

Manuskrip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia : satu katalog ringkas tambahan kedua (1993), Kuala Lumpur : Koperasi Kedai Buku Universiti Malaya.

Mohd Syukri Yeoh (t,t), *Retrospektif Peranan Ulamak dalam Pembangunan Ruhani di Aceh*. (t.t.p) : (t.p).

Mohd. Fadzil Othman, *et.all* (1980), *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia.

Mohd. Mokhtar Shafi'i (1980), "Batu Nisan kurun ke-5 H / 10 M di Pekan Pahang" dalam Mudasir Rosder & Tuan Rugayah (1997), *Buku-buku Aqidah Edisi Jawi ulasan dan Penilaian*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Muhammad Hasan (1968), *al-Tarikh Salsilah Negeri Kedah* : Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Ibn Isma'il Daud al-Fathani (2001), *al-Kawkab al-Durri fi al-Nur al-Muhammad*. Kuala Lumpur : Khazanah al-Fathaniyyah.

Muhammad Nāfīs Ibn Idris al-Banjārī (t.t), *Al-Durr al-Nāfīs fi Bayān Wāhidah al-Afāl wa al-Asmā' wa al-Sifāt wa al-Dhat al-Taqdis*. T.t.p : Percetakan al-Ma'arif Sdn. Bhd.

Muhammad Said (1961), *Atjeh Sepandjang Abad*. Medan : Pengarang Sendiri.

Oman Fathurahman (2010), *Katalog Naskhah Dayah Tanoh Abee, Aceh Besar*. Jakarta : Penerbitan Komunitas Bambu, Tokyo University of Fareign Studies (TUFS), Masyarakat Pernaskhahan Nusantara (Manassa), Pusat Pengkajian Islam dan Masyarakat, Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta, Pusat Kajian dan Masyarakat Aceh, Dayah Tanoh Abee.

Sangidu (2008), *Wahdatul Wujud Polemik Pemikiran antara Hamzah Fansuri dan Syamsudin as-Sumatrani dengan Nuruddin al-Raniri*. Yogyakarta : Gama Media.

Siti Hawa Salleh (1987), *Cendekia, Kesusasteraan Melayu Traditional*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____(1997), *Kesusasteraan Melayu Abad kesembilan Belas*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syahbuddin Razi (1980), “Dayah Cot Kala Pusat Pengembangan Pusat Pendidikan Islam di Asia Tenggara” Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara di Aceh Timur pada 25-30 September 1980. Aceh : Majelis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh dan Pemerintah Daerah TK, II Aceh Timur.

Syeikh `Alī Ibn `Abd al-Rahmān al-Kelantānī (t.t.p), *al-Jawhar al-Mawhūb wa Muhabbihāt al-Qulūb*. Thailand : Fathaniy. Matba`ah Ibn Halabiy.

Wan Ahmad Ibn Muhammad Ḥayyīb ibn Mustafa al-Faṭānī (2003), *Bad' al-Tamām Wa al-Nujūm al-Thāwaqib Pada Menyatakan Ahwāl Nabi Muhammād Ṣallā Ta`ala `Alayhi Wa Sallam, Keluarga dan Sahabatnya*. Kuala Lumpur : Khazanah al-Fathaniyyah.

Wan Mohd Saghir Abdullah (1992), *Manhal as-Shafi Syeikh Daud al-Fathani Membicarakan Rumus-rumus Shufi dan Istilah-istilah Tasawuf*. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah & Imatera Publishers Sdn. Bhd.

_____(1999), *Penutup Perdebatan Islam Alaf kedua di Dunia Melayu*. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyyah.

_____(1999), *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Kuala Lumpur : Persatuan Pengkaji Khazanah Nusantara.

_____(1991), *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, j.1. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah.

Wan Suhaimi Wan Abdullah (2005), “Kajian Manuskrip al-Mu`tabar fi al-Ḥikmah (Kitāb al-Nafs) karangan Abū al-Barakāt al-Baghdādī (547H. / 1152M.) : Ke Arah Suatu Kaedah Suntingan Ilmiah Warisan Manuskrip Melayu-Islam” dalam Jurnal *Afkar*. Kuala Lumpur : Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Zayn al-'Abidin Ibn Muhammad al-Faṭānī (t.t), *Kashf Al-Ghaybiyyah :Pada Menyatakan Yang Ghaib-Ghaib daripada Ahadith al-Marwiyyah*. Singapura : Matba'ah Sulayman Mara'iy.

Rujukan Bahasa Arab

'Abd al-Ghanī (2002), *Fi Zilālī Sharḥ Asmā' Allah al-Husnā*. Kaherah : Maktabah 'Ibād al-Rahmān.

'Ali Ibn Muhammad Ibn Husin al-Habsyi (2010), *Simt al-Durar Min akhbar Mawlid Khayr Basyar*. T.t.p : Yayasan Sofa Production.

'Umar Ibn Muhammad Ibn Salim Ibn Hafiz (t.t), *al-Diyā' al-Lāmi` Bi Dhikr Mawlid al-Nabiyyi al-Syāfi`*. T.t.p : Dar al-Faqīh li al-Nasyar wa al-Tawzī`.

Abi al-Husayn Muslim b. al-Hajjaj al-Qushayrī al-Naysaburī (t.t), *Saḥīḥ Muslim, Kitāb al-Zuhd Wa al-Raqā'iq Bab fī Ahadith Mutafarriqah*, j.8. T.t.p : al-Tab'ah Musahihah Wa Muqabalah 'Ala 'Idati Makhtutat Wa Naskh Mu'tamidah.

Abū 'Abd Allah Muhammad Ibn Muhammad Ibn Muhammad al-'Abdārī al-Mālikī al-Fāsī (t.t), *al-Madkhal Li Ibn al-Hājj*, j.2. "Faṣl fī Mawlid Ṣallā Allāh Ta'ala 'Alayhi Wa Sallam". Kaherah : Maktabah Dar al-Turath.

Abu 'Abd Allah Mustafa b. al-'Adawi (t.t) *al-Shaḥīh al-Musnid Min al-Aḥādīth al-Qudsīyyah*. Mesir : Dar al-Shahābah li al-Turath.

Ahmad Ibn Muhammad al-Maliki al-Ṣawī (2007), *Kitab Syarah al-Ṣawī `alā Jawhārah al-Tawhid*. Beirut : Dar Ibn Kahtir.

Al-'Ajlūnī al-Jarāḥī, al-Shaykh Ismā'īl Bin Muhammad (2000), *Kashf al-Khafa Wa Mazil al-Ilbas*. 'Abd al-Hamid Hindāwī (penyunting), j.2. Beirut : al-Maktabah al-'Asriyyah.

Al-Baghawī, Abī Muḥammad al-Ḥusayn Maṣ'ūd (1993), *Tafsīr al-Baghawī al-Musamma Ma `alīm al-Tanzīl*. Lubnan : Dar al-Kitāb al-'Ilmiyah.

Al-Baghdadī, 'Abd al-Qahir b. Ṭahir (t.t), *al-Farq Bayn al-Firaq*, ditahqiq oleh Majdi Fathi al-Sayyid. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.

Al-Bānī, Muhammad Naṣir al-Din (1995), *Sisilah al-Āḥādīth al-Ṣahīhah 'Wa Sai` Min Fiqhihā Wa Fawa'idihā*, j.1, bah. 2, Riyādh : Maktabah al-Ma'ārif.

Al-Bantāñī, Muhammad Nawawi (1954), *Madārij al-Su`ūd Ilā Iktisā al-Burūd Sharḥ `Alā al-Mawlid al-Nabawī li Sayyid Ja`afar al-Barzanjī*. c.2. Kaherah : Maktabah Wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi Wa awlādih.

Al-Bāqī, Muhammad Fuad `Abd (1996), *al-Mu`jam al-Mufahras li al-faṣṣ al-Qur'ān al-Karīm wafq Nuzul al-Kalimah*. Beirut : Dar al-Ma`rifah.

_____ (2001), *al-Mu`jam al-Mufahras li al-Fāz al-Qurān al-Karīm*. Kaherah : Dar al-Hadith.

Al-Bukhārī, Abi `Abd Allah Muhammad b. Isma`il (1982), *al-Jāmi` al-Šahīh al-Musnad Min Hadīth Rasūl Allāh Ṣalāt Wa Sallam li Abi `Abd Allah Muhammād ibn Ismā`il*, j.2. c.1.“*Bab Mā Jā` fi Asma’ Rasūl Allāh Ṣalāt ‘Alayh Wa Sallam*”, Kaherah : al-Mathba`ah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā.

_____ (1403), *Šaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb Bad'* al-Khalq. c.1, j.2, Kaherah : al-Matba`ah al-Salafiyyah Wa Maktabatuha.

_____ (2000), *Šaḥīḥ al-Bukhārī* dalam Mawsu`ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah, c. 3, *Bab Fain Tābu Wa Aqāmu al-Solah Wa Atu al-Zakah fa Khallu Sabilahum*. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr Wa al-Tawzī`.

Al-Buruṣawī, Ismā`il Ḥaqqa (t.t), *Tafsīr Rūḥ al-Bayān*. (t.t.p): Dar al-Fikr.

Al-Ghazalī (t.t), *al-Maqṣad al-Asnā Sharḥ Asma’ Allah al-Husna*. (t.t.p) : Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyah.

Al-Ghumārī, `Abdullāh b. Muhammad (2004), *al-Rasā'il al-Ghummariyyah Mursyid al-Hāfir li Baya Waq'i Hadīth Jābir*. c.2. T.t.p : Dar al-Masyari` li al-Tiba`ah Wa al-Nasyr Wa al-Tawzī`.

Al-Ḥākim, Imām al-Ḥāfidh Abī `Abd al-Ḥākim al-Naysābūrī (1997), *al-Mustadrak `Alā al-Šaḥīhayn*, j.2. c.1. “*Kitab Tawārikh al-Mutaqaddimiyyin min al-anbiyā wa al-Mursaliyyin*”, Mesir : Dar al-Haramayn li Tibā`ah wa al-Nasyar wa al-Tawzī`.

Al-Harārī, `Abdullāh (2009), *al-Riwāyah al-Zakiyyah fi Mawlid Khair al-Bariyyah Salla Allah `Alayh Wa Sallam*. c.5. T.t.p : Syarikah Dar al-Masyari` li al-Tiba`ah wa al-Nasyr Wa al-Tawzī`.

_____ (2007), *al-Syarh al-Qawim fi hal al-fadh al-Sirat al-Mustaqqim*. c.7. Lebanon : Syarikah al-Masyari` li al-Tiba`ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī`.

Al-Isbahānī, Abī Nu`aym bin Ahmad `Abd Allāh (1950), *Dalā'il al-Nubuwah*. c.2, India : Majlis Dā`irah al-Ma`rifah al-Uthmāniyyah.

Al-Juwaynī, `Abd al-Malik b. `Abd Allah (1995), *Kitab al-Irsyad ila Qawati*, *al-Adillah fī Usul al-`, Iqad*, c.1. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Al-Kulaynī, Abu Ja`far Muhammad b. Ya`qub (t.t), *Usul al-Kafi*. t.t.p.: Intisyarat `Ilmiyyah Islamiyyah.

Al-Mubarak Furi, Ṣafī al-Rahman (2003), *al-Rakhiq al-Makhtum Baht fī Sirah al-Nabawaiyyah ala Sahibiha afdal al-Salat Wa Salam*. Riyadh : Dar al-Salam li Nashar Wa al-Tawzī`.

Al-Nasafī, `Abd Allah Ibn Ahmad (2008), *Tafsir al-Nasafī al-Musamma Madarik al-Tanzil wa Haqāiq al-Ta`wil*. j.1. Lubnan : Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

al-Qārī, al-`Allamah Nur al-Din `Ali Bin Muhammad Bin Sultān al-Mashhūr bi al-Mullā `Alī (1986), *al-Asrār al-Marfu`ah fī akhbār al-Mawdū`ah*. Muhammad Bin Luṭfī Sibāgh (penyunting), c.2. Beirut : al-Maktabah al-Islāmī. h. 289.

Al-Qurtubi, `Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Bakr (2006), *al-Jami` al-Aḥkam al-Qurān wa al-Mubayyin lima Tadhammanahu min al-Sunnah wa ay al-Furqān*. j.7, Beirut : Muassasah ar-Risalah.

Al-Shawkānī, Muhammad Bin `Ali (t.t), *al-Fawā'id al-Majmū`ah fī al-Aḥādīth al-Mawdū`ah*. `Abd al-Rahman Bin Yahya al-Mu'allim al-Yamani (taḥqīq). Beirut : Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Al-Suyūtī, al-Ḥāfiẓ Jalāl al-Dīn `Abd al-Rahmān Abī Bakr (1967), *Al-Khaṣā'i s al-Kubrā aw Kifāyah al-Tālib al-Labīb fi Khaṣā'iṣ al-Habib*. j.1, (t.t.p) : Dar al-Kutub al-Ḥadīth.

(1996) *Al-Dībaj ala Sahih Muslim Ibn al-Hujāj*, j.5. c.1, “*Bab fī Asmā ihi Salāt Allah Wa Sallam*”. Al-Mamlakah al-`Arabiyyah al-Su`udiyyah : Dar Ibn `Affan.

(t.t), *Qutb al-Azhar al-Mutanathirah*, c.1, Beirut: Maktabah Zuhayr al-Syawisy.

(1996), *Tafsīr al-Qur'an al-Karīm bi Rasm al-Uthmānī wa Bihāmish Tafsīr al-Imāmāy al-Jalālayn*. Kaherah : Dar al-Hadīth.

Al-Sya'rāwī, Muhammad Mutawalli (2003), „*Anta Tas`al Wa Islam Yujīb*. T.t.p : Dar al-Qudis li al-Thābu` Wa al-Nasyar Wa al-Tawzī`.

Al-Ṭabarī, Abi Ja`far Muhammad Ibn Jarir (2001), *Tafsir at-Ṭabarī Jāmi` al-Bayan An Ta`wil Ay al-Qurān*, j.8, Kaherah : Markaz al-Buhuth Wa al-Dirasat al-`Arabiyyah Wa al-Islamiyyah Badar Hijr.

(1992), *Tafsīr al-Ṭabarī al-Musammā Jāmi` al-Bayān fī Takwīl al-Qur'an*, j.4. Lubnan : Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.

Al-Taḥawī, Ahmad b. Salamah (2007), *al-,Aqidah al-Tahawiyyah*, c.4, Beirut: Dar al-Masyari, al-Islamiyyah.

Al-Tirmidhī, Muhammad Ibn `Isa Ibn Sūrah (2000), *Sunan al-Tirmidhī* c.1, “*Kitab al-Manaqib `An Rasul Alllah Salla Allah `Alaih wa Sallam*”, “*Bab fī Faḍl al-Nabiyyi Salla Allah `Alaih wa Sallam*”. Riyadh : Maktabah al-Ma`arif li al-Nasyar Wa al-Tawzī` li Shohibaha Sa`ud Ibn `Abd al-Rahman al-Rāshid.

Arnold, Thomas Wilson (1970), *al-Da`wah ilā al-Islām : Baḥth fī Tārīkh Nashr al-`Aqīdāh al-Islāmiyyah* (terj.) *The Preaching of Islam*. Kaherah : Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah li Aṣḥābi Ḥasan Muḥammad Wa Awlādih.

Ibn Hajar al-`Asqlānī, Ahmad b. `Ali (2001), *Fath al-Bārī Syarh al-Ṣaḥīḥ al-Bukhari al-Imam Abi `Abd Allah Muḥammad Ibn Isma`il al-Bukhari, Kitab al-Bad` al-Khalq*, c.1, j.6. Riyadh : Shahib al-Sammu al-Malikiy al-Amir Sulthan Ibn `Abd al-`Aziz Ali Su`ud.

Ibn Hanbal, Ahmad ibn Muhammed (1995), *al-Musnad li Imam Aḥmad Ibn Ḥanbal* (164 - 241 H), j.16. c.1. “*Bab Hadith Khuzayfah Ibn al-Yaman r.a*”. Kaherah : Dar al-Hadith.

Ibn Hishām (2006), *al-Sīrah al-Nabawiyah li Abi Muḥammad `Abd al-Malik Ibn Hishām al-Mu`afirī al-Ma`rūf Bi Sirah Ibn Hisyām*. Kaherah : Dar al-Hadīth.

Ibn Kathir, `Imād al-Dīn Abī al-Fidā `Isma`il b. Kathir al-Dimasyqi (2000), *Tafsīr al-Qur`ān al-`Āzīm*, c.1, j.3. Kaherah : al-Fārūq al-Hadīthah lil Tibā`ah Wa al-Nasyar.

_____(2004), *Tafsir al-Qurān al-`Āzīm al-Ma`rūf bi Tafsir Ibn Kathir*. j.3. Riyadh : Dar al-Salam li al-Nashar Wa al-Tawzī`.

Muhammad Abu Zuhrah (1996), *Tarikh al-Madhab al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-`Arabi.

Samīḥ, `Āṭīf al-Zīn (1985), *al-Sūfiyyah fī Nazari al-Islāmī*. Beirut : Dar al-Kutub al-Lubnānī.

Rujukan Bahasa Inggeris

Al-Attas, Syed Naquib (1993), “Islam : The Concept of Religion and The Foundation of Ethic and Morality”, dalam *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur : Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).

Al-Attas (2001), “Islam : The Concep of Religion and The Foundation of Ethic and Morality”, dalam *Prolegomena to The Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur : Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1988), *The Oldest Known Malay Manuscript : A 16th Century Malay Translation of The ‘Aqā’id of al-Nasafī*. Kuala Lumpur : Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.

Mahmud bin Mat, “ Two Unidentified Muslim Grave at Kampong Permatang Pasir, Pekan District, Pahang. The Malayan Historical Journal, j.2. December 1955.

Siti Hawa Salleh (2010), *Malay Literature of the 19th Century*. Kuala Lumpur : Institute terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Voorhoeve, Petrus (1980), *Handlist of Arabic Manuscripts in the Library of the University of Leiden and other Collections in the Netherlands*. c.2. Netherlands : Bibliotheca Universitatis Leidensis.

Muhammad Faḍl Allah al-Burhanpūrī, *al-Tuḥfah al-Mursalah Ila Ruh al-Nabī*, dalam A.H . Johns (1965), *The Gift Addressed to The Spirit of The Prophet*. Canberra : The Australian National University.

Latihan Ilmiah, Disertasi dan Thesis

Ajidar Matsyah (2004), Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh : Kajian Faktor Perkembangan dan Kemerosotan. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur :Universiti Malaya.

Kamis Ismail (2003), “Shi`ah dan Pengaruhnya Dalam Bidang Politik dan Tasawuf Falsafah di Alam Melayu Zaman Tradisional”. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Bangi : Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Maruan Mohd (2003), “Nur Muhammad : Suatu Kajian Mengenai Kepercayaan Masyarakat Islam di Negeri Kelantan”. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Mohd Adlin (1997), “Konsep Nur Muhammad : Menurut Pandangan Ahli Tasawuf dan Hubungan dengan Akidah”. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial : Kuala Lumpur. Universiti Malaya.

Zulkefli Aini (2008), “Doktrin Nur Muhammad di Alam Melayu : Kajian terhadap pemikiran Hamzah Fansuri, Nur al-Din al-Rāniri dan ‘Abd Ra’uf al-Fansuri”. Tesis Doktor Falsafah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Surat Khabar

Wan Mohd. Saghir Abdullah dalam “Bicara Agama”, *Akhbar Utusan* pada 13 November 2006.

Rujukan Laman Sesawang

Faudzinaim Badaruddin (2004), Menelusuri Akar Martabat Tujuh Sebuah Ajaran Tasawuf Falsafi di Nusantara. Himpunan Kertas Kerja ISoIT 2004. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 204. http://alambuku.tripod.com/pdf/ISoITCD_XP.pdf. 10 Mei 2010.

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/nur-muhammad-menurut-ulama-ahlus-sunnah-wal-jamaah-0> 3 Januari 2012.

Mohd Syukri YEOH Abdullah & Badlisham Mohd Nasir (2007), Retrospektif Ulama dalam Pembangunan Ruhani di Aceh.

http://pkukumweb.ukm.my/pkaukm/papa_papers.html. 6 Jun 2010.